

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Islemewa untuak Panimpin
Yang berjuang untuak
Agama, Bangsa dan
Tanah airku Malaysia
Sen cinta.

Salam Persahabatan
/ dan iktu.
Yusuf A. Hassan.
23-7-83.

**BUKU-BUKU S.H.ALATTAS YANG SUDAH DI-
TERBITKAN**

1. FIRASAT (RAHSIA MENGENAL DIRI SENDIRI)
2. MELANGKAH DAN BERJAYA
3. RAHSIA MIMPI ANDA
4. 9/10 REZEKI DARI PERNIAGAAN
5. TEMANKU PEMIMPIN-PEMIMPIN
6. KENAPA ROSLI DHOBY & 3 HERO SARAWAK DIHUKUM BUNUH?
7. SARAWAK KEPADA SIAPA HENDAK DI-SERAHKAN
8. PERANG DI KUALA LINGGI 1878
9. BAHTERA LAMA NAKHODA BARU
10. SIAPA SELEPAS MUSA
11. PEMUDA DI ZAMAN MAHATHIR
12. TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA

SEGERA TERBIT

13. SIAPA SELEPAS MAHATHIR



النجوم اينتربرايس
AlNujum Enterprise

16C, LORONG MEDAN TUANKU SATU,
PEJABAT POS MEDAN TUANKU,
KUALA LUMPUR. TELEPHONE: 918360

TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA



rise

★ 10

TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA

S.H. Alattas



النجوم اينتربرايس

AlNujum Enterprise

16C, LORONG MEDAN TUANKU SATU,
PEJABAT POS MEDAN TUANKU,
KUALA LUMPUR.

\$10.00

Cetakan Pertama Juli 1983

© Hakcipta S.H. Alattas 1983

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang, dalam apa jua bentuk pun dan dengan cara apa jua pun secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis dari Al Nujum Enterprise

16C LORONG MEDAN TUANKU SATU,
MEDAN TUANKU, OFF JLN. TUANKU ABD. RAHMAN,
K. LUMPUR. TELEPHONE: 918360

Dicetak oleh:
LOYAL PRESS Sdn.Bhd.
16, Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur 01-03.

303209

بِسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

اقرأ

Baca, Bacalah dengan nama Tuhan
yang menjadikan kamu . . .



ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

1.	PRAKATA	11
2.	MUQADDIMAH	16
3.	MAHATHIR TIDAK SUKA BERMIMPI	20
4.	INIKAH KEPIMPINAN MELALUI TELADAN	32
5.	INIKAH KEPIMPINAN MELALUI TELADAN (DUA)	46
6.	KALAU PEMIMPIN MERAJUK	65
7.	SEMUA NAK JADI PERDANA MENTERI	73
8.	GODFATHER UMNO, 'HARUN'S CONNECTION'	84
9.	MUSA DAN KU LI BERUBAH	97
10.	DUA PERDANA MENTERI	111
11.	HENDAK KE MANA MUSA	118
12.	MANUSIA MENTIMUN	126
13.	PANDANG KE SINI	140
14.	"AYAH DENGAN ORANG TUA" SAJAK	153
15.	RAHSIA KEMENANGAN AYAM TOGEL	156
16.	TUN GHAFFAR BABA	170
17.	BIARKAN MELAYU KAYA	185
18.	TAN SRI TIANG SERI	197
19.	APA NAK JADI-JADILAH	219
20.	MASA HARRIS SUDAH TIBA	229
21.	DULU LAIN SEKARANG LAIN	234
22.	TUNKU, TUN MUSTAPHA & MAHATHIR	241
23.	TUN YANG SAYA KENAL	254
24.	GERHANA DATUK DZUL	262
25.	MAHATHIR PENGECUT	272
26.	UMNO BERSUBAHAT	278
27.	APA ADA PADA NAMA	284
28.	ANAK PAK SHEIKH	289
29.	Y.B. YANG HITAM MANIS	294
30.	M.B. PANDAI MENYANYI	299
31.	ROMBAKAN KABINET	303



S.H. Alattas bersama Tamrin Ghaffar, diapit oleh Datuk Najib (Menteri Besar Pahang) dan Datuk Rahim Tamby Chik (Ketua Menteri Melaka). Rakyat Malaysia mengharapkan pemimpin muda, yang bersih, cekap dan amanah, UMNO mahukan pemimpin yang cintakan Agama, Bangsa dan Tanahair.



Godfather UMNO



PRAKATA

DI PARLIMEN, saya berjumpa seorang Menteri Muda. Seperti biasa, kebanyakan kawan-kawan, terutama orang politik suka bertanya kepada saya: "Buku apa yang sedang awak tulis sekarang?" Jawab saya dengan ringkas:

"SIAPA SELEPAS MAHATHIR?"

"Apa?" Tanya Menteri tersebut dengan terkejut.

"SIAPA SELEPAS MAHATHIR?"

Saya mengangguk sambil senyum, Y.B. tersebut meneruskan:—

"Bukankah Musa sudah menjadi Timbalannya?"

Saya ini kan peramal politik!"

"Jadi, awak fikir bukan Datuk Musa selepas Mahathir?"

"Saya tidak kata begitu."

"Kalau awak tidak kata, buat apa timbulkan tanda tanya?"

"Kerana di tahun 1984 ramai yang akan bertanding

kerusi 'Timbalan' dan siapa lagi yang hendak nujumkan para Menteri kalau tidak Pak Belalang Moden?"

Suatu hari seorang Setiausaha Politik kepada seorang Menteri datang menemui saya, lantas bertanya: "Saya dengar awak hendak menulis buku politik menyokong Ku Li."

"Apa salahnya saya menyokong Ku Li?"

"Awak ini, tidak ada pendirianlah." katanya marah.

"Apa maksud awak?" saya bertanya.

"Tahun 1981, awak sokong Musa. Sekarang awak sokong Ku Li pula. Perangai awak macam lalang."

Dia memarahi saya lagi.

"Apa yang awak harapkan dari seorang penulis politik semasa, yang kerjanya suka meramal?"

"Mempunyai pendirian, dan juga prinsip," ujarnya.

"Jadi bila saya dedahkan keburukan orang yang saya pernah sokong dulu, saya tidak berpendirian dan berprinsip?"

"Begitulah pendapat saya," tambahnyalah lagi.

"Kalau begitu pendapat awak baguslah!"

Kepada saya, penulis adalah mata dan telinga rakyat. Kalau awak di tempat saya apa awak nak buat?"

"Kerja saya dengan kerja awak tidak sama. Sebagai seorang Setiausaha Politik, saya mesti taat setia berdiri teguh di belakang pemimpin yang menjadi boss saya", tegasnya.

"Antara kita memang tidak sama. Awak makan gaji. Politik awak '*Politik Periok Nasi*.' Menteri awak jatuh awak kehilangan pekerjaan. Bukan gitu?"

Dia diam tidak menjawab. Dalam hati kecil saya berkata. "Macam ini punya Setiausaha Politik pun ada!"

Dia tengok Menteri macam menyembah, kerana

jiwanya, jiwa hamba. Hamba mana berani betulkan tuan. Kalau Menteri mahu disokong dan dipuji, Menteri juga mestilah sedia dicela dan dicaci. Kalau musuh dia kena lanyak, dia seronok. Mana ada jalan? Kalau macam ini perangai Setiausaha Politik, tidak mungkin dia boleh nasihatkan Menteri. Baru orang kritik Menteri dia marah, dia benci, dia hasut Menteri. Macam ini punya Setiausaha Politik, lebih baik jadi tukang bawa beg Menteri. Set pol mesti berpandangan jauh, pandai berdiplomasi. Mesti boleh menolong menyelesaikan masalah Menteri dan mesti mempunyai budi bicara yang lebih baik dari Menteri. Pemimpin adalah manusia biasa macam kita. Kalau dia tidak suka pada saya tidak mengapa. Saya tidak penting. Jika Menteri baik dengan saya, "bagus". Kalau tidak baik, dan tunjuk eksyen dengan saya, suka hati merekalah! Mereka bukan terhutang hidup dengan saya, dan saya pun tidak terhutang hidup pada mereka."



'Godfather' Datuk Harun Idris bersama anak buahnya. Tengku Razaleigh duduk ditengah, saudara Abdullah Ismail dan tersenyum riang Y.B. Onn Ismail ada apa-apa ke?



Dr. Mahathir, Asiah Sarji, Osman Zainuddin bersama Pengarang



Tengku Razaleigh melangkah menuju kemenangan (InsyaAllah)

MUQADDIMAH

DENGAN nama Allah yang amat Pemurah lagi amat Pengasihani. Segala puji bagi Allah selawat serta salam kepada junjungan kita Nabi Besar Muhammad S.A.W. serta kaum keluarga dan sekalian sahabatnya.

Samada manusia percaya atau tidak, untung nasib memainkan peranan yang penting dalam kehidupan sehari-hari. Selagi bintang manusia itu masih cerah, dan tuah serta untung masih berserta dengannya, apa yang dia buat semuanya elok belaka, walaupun apa yang dibuatnya mungkin tidak betul, dan dia sendiri pun tidak ikhlas orangnya.

Nasib yang baik tetap akan baik. Pergi ke mana pun baik jadinya. Kalau nasib kita sedang baik, apa saja yang kita buat, semuanya nampak baik dan menguntungkan. Yang susah, jadi senang, yang pipih datang menggelek, yang tidak boleh, jadi boleh, mungkin kenyataan kita tidak munasabah dan tidak boleh diterima oleh akal, orang yang mendengarnya

akan menerima, kerana tidak semua orang benar itu lojik dan tidak semua yang lojik itu benar.

Kalau bintang kita sudah malap, berbuih mulut kita bercakap, biarpun apa yang kita cakap itu benar dan boleh membawa faedah dan manfaat bagi orang ramai, namun mereka tetap tidak percaya. Kerana bintang kita gelap, orang pandang kita tidak berharga.

Sepuluh tahun dulu, Dr. Mahathir menyuarakan idea yang baik, untuk Bangsa dan Negara; tetapi ketika itu, berapa ramai orang mahu mendengar cakupannya? kerana dia dianggap penderhaka dan orang kiri. Bukan kerana dia tidak pandai, tapi kerana bintangnya belum terang. Kalau ada pun orang yang mahu bersamanya orang itu, mesti mengambil risiko dan mesti menempuh bahaya bersamanya.

Hari ini bila bintangnya sudah terang, orang-orang yang menentangnya dan tidak setuju dengan pendapatnya dulu, "tunduk dan mengiakan saja segala cakap dan kemahuannya. Walaupun tidak semua ideanya elok, tapi kerana bintangnya sedang bersinar suaranya menjadi satu perintah."

Setiap manusia ada bintang. Samada bintangnya akan bersinar atau tidak itu kehendak Allah. Tidak terkira bintang di langit, tapi yang besar saja, yang ada nama, dan diketahui oleh manusia. Begitulah Dr. Mahathir. Kemasyhurannya bukan sekadar di dalam negeri sendiri, tapi di seluruh dunia.

Kandungan buku ini adalah sejarah. Turun naik pemimpin dalam negara kita yang saya kenāl. Kalau kita mengikuti dengan teliti dalam tempoh 25 tahun merdeka, banyak perkara yang tidak disangka, tidak diduga, yang kita tidak fikir boleh terjadi, sudah ter-

jadi. Ada perkara yang susah kita hendak percaya, tapi kita terpaksa, dan dipaksa supaya percaya. Banyak dari ramalan dan pendapat dalam tulisan dan buku-buku saya yang sudah menjadi kenyataan.

Yang berkuasa, hilang kuasanya. Yang pandai jadi bodoh. Yang kuat jadi lemah. Yang jatuh dari kapal terbang tidak mati pun ada; dan kerana jatuh tidak mati beliau terselamat dalam arena politik di-negeri sendiri. Ini kerja Allah Ta'ala, bukan kerja manusia. Allah mengajar manusia apa yang mereka tidak tahu.

Kehidupan manusia ini seperti roda. Pemimpin jatuh, pemimpin dimasukkan ke dalam penjara, pemimpin keluar semula, memimpin kembali. Inilah yang dinamakan nasib.

Nasib manusia sudah tersurat di Loh Mahfuz sebelum dia dilahirkan. Ada orang yang tahu, ada orang yang tidak tahu. Mempercayai tukang tèlek dan tukang tenung haram, mengikut agama Islam, walaupun ada orang yang pandai meramal dan menilek. Allah saja yang dapat menentukan.

Kerana tahun 1983 ini tidak ada pertandingan merebut kerusi, maka saya tidak membuat ramalan, siapa yang akan menang dan kalah nanti. Yang sudah ditakdirkan menang dia tetap akan menang, dan yang janjinya akan kalah, biar dia kuat macam mana sekalipun, kalah juga akhirnya. Tengoklah apa yang sudah terjadi Shah Iran. C.I.A Amerika berdiri teguh di belakangnya pun dia mati dalam buangan, seorang diri, jauh dari negeri sendiri. Kalau nasib *king of kings* boleh jadi begitu, inikan pula pemimpin ker-dil dalam negeri sekecil ini.

Seterusnya saya akan menceritakan perihal para

pemimpin di Malaysia. Tujuan saya menulis buku ini ialah kerana ada pemimpin yang terlupa bahawa Qada dan Qadar itu adalah salah satu daripada rukun Iman. Mereka jadi menteri kerana suratan takdir, bukan kerana kebijaksanaan mereka saja. Harapan saya supaya mereka ini tidak akan lupa daratan. Hidup mesti beringat, dan berwaspada, berikhtiar, jangan cepat berputus asa bila ditimpa cubaan, dan beringat, bahawa Tuhan berkuasa atas segala-galanya.

Kita bersifat baru, boleh berubah-ubah, boleh senang, boleh susah, boleh beruntung, boleh rugi. Kalau ditakdirkan kita akan naik ke atas, tidak siapa yang dapat menahannya; dan kalau sudah janji kita hendak jatuh, siapa pun tidak boleh tolong. Manusia boleh binasa kerana dosa-dosanya sendiri.

S.H. ALATTAS.



MAHATHIR TIDAK SUKA BERMIMPI

"SAYA mimpikan sebuah negara di mana tiada siapa yang papa — setiap orang adalah memadaid cukup makan minumannya, cukup pakaiannya, sambil menikmati usia lanjut yang sihat — sebuah negara di mana setiap anak kita menikmati pelajaran yang secukupnya agar nanti, bila tiba masanya, mereka akan berkemampuan mengambil alih tanggungjawab dari ibubapa mereka — lebih-lebih lagi, saya mimpikan sebuah negara yang akan dihormati dan dicontho oleh setiap negara lain di dunia ini."

Kalimat di atas saya petik daripada buku cenderamata **Puisi Panjang Untuk Mahathir**, yang diterbitkan oleh Teater Elit. Kata-kata itu pada asalnya adalah dalam bahasa Inggeris tetapi telah diterjemahkan untuk kepentingan buku cenderamata tersebut. Terjemahan itu nampaknya tidak begitu menyenangkan Perdana Menteri. Ini timbul daripada hasratnya yang sebenar, yang tulus dan tulin bahawa "*mimpi*" di situ bukanlah satu igauan di waktu tidur, sama ada pada waktu malam atau pada waktu siang.

Sesungguhnya Mahathir, seorang doktor perubahan, seorang Perdana Menteri pula tidak bermimpi. Apa yang sebenarnya berlaku ialah beliau impikan sebuah keadaan dan suasana seperti yang diucapkan itu.

“Saya tidak bermimpi” (Kalau mimpi itu diertikan sebagai igauan, khayalan siang atau malam) kata Mahathir. “Saya sedar dan saya benar-benar mahu apa yang telah saya katakan dalam ucapan saya itu”. Memang benar, kata-kata negatif yang demikian tidak sesuai untuk seorang Perdana Menteri. Apa lagi mengingatkan bahawa Mahathir adalah seorang Perdana Menteri yang bekerja keras, yang mahu serta merta mengubah nasib bangsanya. Yang segala tindakan setiap waktu memburu dengan masa, seolah-olah tidak ada lagi masa untuk bermimpi, masa yang ada harus dan mesti diisikan dengan kerja. Hanya kerja sahajalah yang dapat membaiki nasib bangsa.

Ucapan Mahathir malam itu adalah satu ucapan yang telah lama dipendamkan. Bukan saja ucapan biasa yang berdesir di angin lalu sahaja. Bukan satu curahan air di daun keladi. Satu ucapan yang timbul daripada hati yang suci, yang bersih. Satu ingatan dan pesanan kepada bangsanya supaya bangsa yang selama ini telah hilang maruah itu, kembali mempunyai maruah.

Pada malam itu Mahathir mencabar bangsanya. “Biarpun saudara seorang tukang angkat sampah, tapi jadikan pekerjaan itu satu pekerjaan yang sempurna dan orang berpuas hati dengan pekerjaan itu.” Jelas, terang dan tepat-jitu ucapan itu. Mahathir tidak puas hati dengan cara orang Melayu bekerja dan membuat sesuatu.

Mahathir mahu supaya bangsa Melayu berada di tempat yang paling tinggi. Dia tidak mahu

melihat bangsa Melayu diperhina, kerana sikap dan sifat orang Melayu yang tidak serius. Dia mahu mengubah lebel tidak baik yang tersalut di tubuh bangsa Melayu. Bolehkah dia lakukan ini semua seorang diri? Dia sangat sedih, dia tersedu.

Sedang dia berucap dengan penuh perasaan dan semangat tiba-tiba dia berhenti, dia tersedar, dia bukan lagi Mahathir dulu, yang boleh tulis apa yang dia suka dan cakap apa yang dia suka lagi, Dulu dia seorang pengkritik, dulu dia memandang dari luar. Hari ini tugas dan tanggungjawab berada di atas bahunya.

Kami mengerti

Dia berhenti seketika dan sampai di situ saja ucapannya. Dia tidak dapat meneruskan lagi, hadirin hampir panik takut sesuatu akan terjadi pada pemimpin tercinta. Alhamdulillah dia tidak terjadi apa-apa, dia sihat, dia cuma tidak dapat meneruskan ucapannya. Itu saja !

Apabila dia tersebak dan hampir menangis, hadirin dalam dewan serentak bangun bertepuk dan terus bertepuk sebagai memberi sokongan moral kepadanya.

Saya bangun dari tempat duduk ke tempat dia sedang berucap. Saya iring dia ke tempat duduknya, di sebelah Dr. Asmah. Dia menutup mukanya sebelah tangan, dia benar-benar terbawa oleh perasaannya. Lagipun sudah sehari suntuk dia bekerja, berucap entah di berapa majlis ceramah pilihan raya di Kelantan. Dia terbang khas ke Kuala Lumpur dengan fokerfriendship yang diganggu oleh ribut petang untuk bersama hadir di majlis bersama penyair. Berapa ramai pemimpin yang sanggup berkorban sampai begitu sekali?

Saya kembali duduk di sebelah Dr. Asmah, dia tidak menangis, dia senyum tenang, dia memahami perjuangan suaminya. Dia di antara orang yang menjadikan keinginan suaminya menjadi suatu kenyataan, "*Behind the success of a men there must be a Women.*" Rakyat Malaysia berbangga mempunyai isteri Perdana Menteri yang terpelajar dan tinggi budi pekerti. Wanita pertama ini adalah contoh yang baik pada isteri para menteri.

Saya memandang kawan sebelah saya, Tuan Haji tuan punya Shapadu Holding, seorang Enterprenuer Melayu yang sudah berjaya di peringkat antara-bangsa. 17 tahun dulu dia cuma seorang budak pejabat J.K.R. kini telah menjadi ahli perniagaan yang dapat memberi pekerjaan kepada ratusan manusia. Dia berjaya kerana dia amanah, taat, jujur, rajin dan berjiwa besar. Shahrani adalah antara orang-orang yang diharapkan untuk membuktikan bahawa, orang Melayu juga berkeupayaan untuk jadi Billionair seperti Henry Ford, Hefner. Siapa tahu boleh juga jadi Adnan Kasoogi.

Kalau ada 10 orang ahli perniagaan Melayu macam dia mungkin ekonomi negara ini boleh dikuasai oleh orang Melayu, dia telah menaikkan imej peniaga Melayu hingga disegani dan mendapat kepercayaan oleh peniaga Jepun, dia dikenal oleh ahli perniagaan Jepun dan Korea yang berjaya menguasai perkapalan dan pengangkutan darat. Dengan bertambahnya bilangan jutawan Melayu yang suka membelanjakan sedikit dari wang mereka untuk pertubuhan sukarela di bidang seni. Kesenian kita yang dianjurkan oleh badan-badan sukarela akan dapat berkembang dengan lebih pesat lagi dan terima kasih kami kepadanya kerana telah mengeluarkan perbelanjaan menerbitkan buku cenderamata dan jamuan makan

malam, "Puisi Panjang untuk Mahathir".

Bagaimana caranya supaya apa yang dicita-citakan oleh Mahathir untuk umat Melayu dapat menjadi satu kenyataan? Mahathir bukan seorang saja pemimpin Melayu. Bagaimana dengan pemimpin Melayu yang lain? Dia memimpin melalui Perlembagaan yang sudah ditetapkan. Sedangkan segala-galanya yang dicita-citakan menjadi tugas dan tanggungjawab bersama para pemimpin negara dan rakyat sendiri.

Mahathir tidak menangis teresak-esak, dia cuma sebak "*Strong men don't cry*" lelaki perkasa tidak pandai menangis. Saya suka dengan pemimpin yang berpegang dengan falsafah "*Never say die. I will Try.*" Keberanian adalah sebesar-besar modal. Rakyat mahukan pemimpin yang kuat dan berani. Saya yakin dan percaya kita akan dapat mengatasi apa saja masalah asal kita mahu, asal kita bersatu. "*We shall over come.*"

Mulai saat itu timbul satu macam kesedaran dalam jiwa saya. "Kalau tukang angkat sampah nanti membuat kerja mereka dengan baik, dengan perasaan penuh dedikasi, bertanggungjawab."

Tukang kebun menaruh penuh minat menumpukan sepenuh perhatian dan taat serta terikat pada pekerjaan mereka. Bagaimana dengan diri saya sendiri? Bagaimana dengan penulis-penulis lain yang turut hadir. Di malam ini apakah mereka berfikir macam saya?

Saya bertanya pada diri saya sendiri bolehkah saya mengatasi Muchtar Lubis dari Indonesia? atau dapatkah saya menulis seperti Alex Josey dari Singapura? Ada ke novelis kita yang mahu jadi macam Harold Robin, James Clavell, Alexander Solyenitazen. Kita perlukan ramai '*nation builders*'

untuk mengekalkan supaya Melayu Tidak Hilang di dunia.

Kemudian saya melihat kepada kawan-kawan saya, penulis besar tanah air. Saya bertanya dalam hati saya sendiri. "Berapa ramai dari para penulis yang sanggup mengalirkan darah dan air mata sebagai dakwat di kertas putih untuk tatapan bangsa? Seperti Kasim Ahmad dan Syed Hussein Ali.

Mahathir semasa jadi penulis dulu. Walaupun dia berada di dalam kerajaan. Suratnya kepada Tunku. Menggugat kerusi seorang Perdana Menteri, menggemparkan rakyat seluruh negara, adakah penulis hari ini yang berani menulis seperti Mahathir? Dia bukan sebarang Perdana Menteri. Dia pemimpin yang ada pena, dan ada kitab dalam tangan.

Berapa kerat dari Penulis tanahair yang sanggup meninggalkan bilik hawa dingin, kerusi empuk, kedudukan yang baik untuk bersama-sama rakyat marhaen agar mereka dapat merasakan apa yang dirasa oleh rakyat? Dan melalui karya-karya mereka, rakyat dapat merasakan satu penyampaian yang jelas dan berkesan untuk tatapan para pemimpin yang berjiwa rakyat?

Mahathir sendiri telah pun menjadikan dirinya korban cacian dan sasaran kritik, dia telah menunjukkan bukti. Cintanya terhadap Agama, Bangsa dan Negara. Berapa ramai dari ahli UMNO dan menteri yang telah membaca sejarah Mahathir? Yang mahu membaca dan mengetahui isi kandungan buku 'Dilema Melayu'? Berapa ramai dari para menteri yang mengerti isi hati nurani Mahathir?

Saya agak Mahathir sedih kerana orang Melayu masih terlena dan sebab itu Mahathir tidak suka perkataan 'mimpi' dan tiba-tiba saya teringat seorang

ahli falsafah Khalil Jibran, pengarang buku *The Prophet*.

They tell me

If you see a slave

Sleeping do not wake

him lest he be

dreaming of freedom

I tell them

If you see a slave

Sleeping, wake

him and explain to

him freedom.

Lebih kurang beginilah maksudnya.

Mereka memberi tahuku

seandainya kau bersua dengan

seorang abdi yang masih tidur

jangan bangunkan dia

apa dia boleh buat

selain dari termimpikan kebebasan

aku memberi tahu mereka

sekiranya engkau pula bersua dengan

abdi yang sedang nyenyak tidur

bangunkan dia dan jelaskan padanya

erti kemerdekaan.

Rakyat mahu melihat menteri dulu yang ikut perangai Mahathir, Menteri jangan mimpikan yang mereka masih berada di zaman feudal. Para Wakil Rakyat dan Pegawai tinggi Kerajaan yang leka hendak kayakan diri sendiri dan keluarga saja. Kebiasaan orang Melayu suka ikut ikutan. Kalau Mahathir di anggap sebagai hujan. Kita masih memerlukan banyak perigi. Siapakah orangnya yang mahu menggerakkan

supaya bangkit dari tidur yang lena. Siapakah orangnya yang mahu mengubah sifat hamba yang tertanam di jiwa Melayu? siapa?

Siapa di antara hadirin yang berjiwa Nasionalis yang merasakan tugas dan tanggungjawab meninggikan maruah bangsa adalah tugas mereka?

Tanda tanya bermain di benak kepala saya, adakah penulis Melayu yang sanggup menjadi korban agar 'orang Melayu' tidak lagi diperhina. Agar jadi satu bangsa yang dipandang mulia oleh dunia. Penulis hari ini menulis untuk hidup, berapa ramai yang menulis untuk menghidupkan semangat yang berani berterus terang menegur pemimpin dan rakyat? Nampaknya para penulis sudah melupakan tugas dan tanggungjawab. Salahkah pemimpin kalau mereka terlena kerana selalu sangat dibuai dan didendang "tidur, tidurlah anakku sayang?" untuk kepentingan pemimpin politik dan di samping itu mereka mencari kesempatan dan publisiti sambil menggunakan pemimpin.

Semasa Teater Elit bercadang mengadakan Malam Puisi Panjang ini, ada di antara penyair dan penulis yang tidak setuju. Ramai yang tidak hadir, kata mereka. Seniman tidak sepatutnya mendekatkan diri dengan pemimpin dan parti politik yang memerintah. Seniman mesti menjadi manusia individual. Seniman jangan sampai terpengaruh dan diperalat oleh orang politik.

Saya, Dinsman, Sutung Umar R.S. Jaffa H.S berbincang, akhirnya kami mengambil keputusan, kami mesti mengadakan juga Malam Puisi Panjang Untuk Mahathir. Dengan bantuan Usman Awang, M. Noor Azam serta kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka kami mengundang Mahathir dalam kesibukan pilihan

raya. Mahathir mesti datang. Pada hal dia tahu kalau dia datang dia pasti dicabar dan dijadikan sasaran. Tetapi dia berani, dia datang juga.

Saya tahu kenapa Mahathir tidak berani meneruskan ucapannya tentang Nasionalisma kerana dia tahu, tidak semua para penulis yang hadir itu jujur dan ikhlas. Penulis adalah manusia yang merbahaya. Mereka boleh memutar belitkan kata ucapan pemimpin yang akhirnya menikam pemimpin itu kembali. Lebih lagi sekarang negara sedang mengadakan pilihan raya. Kami adakan majlis ini semata-mata untuk membuktikan pada Mahathir, kami ingin melihat segala apa yang dimimpikan dapat dijadikan satu kenyataan. Teater Elit berdiri teguh di belakang pemimpin yang cintakan bangsa, Agama dan Negeranya.

Macam mana para menteri, orang bijak pandai serta Pegawai Kerajaan hendak tunjukkan sikap kasih mereka pada rakyat Melayu yang miskin dan lemah, sedangkan perbezaan hidup antara mereka, macam Merak Kayangan dan gagak di rimba. Mustahil gagak tidak mahu hidup macam Merak dan mustahil juga keluarga Merak menerima gagak. Inilah yang menyebabkan Mahathir sebak dan sedih? Mungkin . . .? cagak salah tak cagak pun salah, jadi serba salah. Lebih baik cagak sajalah, salah, . . . salah . . .

Mahathir mahukan sebuah negara seperti yang diidamkan. Apakah mimpi Mahathir sama dengan mimpi para pemimpin UMNO dan para menteri yang ada dalam kabinetnya? "Mimpi orang yang tidur sebantol pun selalunya tidak sama."

Kalau saya boleh berpesan kepada para pemimpin UMNO dalam hal nasionalisma, inilah antara pesan saya.

“Janganlah bercakap di sana-sini tentang Nasiona-
lisma, tentang perjuangan dan kebangsaan. Kalau
takut berkorban waktu dan harta untuk menjaya-
kan apa yang menjadi harapan Mahathir.”

Saya masih ragu-ragu sejauh manakah ke-
jujuran dan keikhlasan kebanyakan pemimpin politik
hari ini. Siapa yang tidak tahu. Mereka jadi pemim-
pin dengan tujuan yang tertentu, ramai yang masih
menjadi alat orang yang tertentu. Dan mereka pada
kulitnya saja bersetuju dengan konsep dan perju-
angan Mahathir. Isi hati Allah saja yang tahu.

Mahathir semacam benci dengan sikap orang Me-
layu. Dia bukan tidak buat apa yang dia tulis dalam
bukunya ‘Malay Dilema’.

Orang asing dan orang bukan Melayu yang me-
ngambil minat membaca isi kandungan ‘Dilema Me-
layu’ ini menjadikan kedudukan Mahathir tambah
sukar, untuk membuat sesuatu untuk orang Melayu.

Kaum Imigran dan dunia luar meneliti dan me-
merhatikan setiap gerak gerinya. Sedangkan pemim-
pin Melayu leka bertelagah sesama sendiri untuk
memperkuatkan kedudukan dalam parti, dengan
tujuan masing-masing.

Apakah perasaan Mahathir apabila melihat ahli-
ahli politiknya sedang kegilaan berebut kerusi dan
jawatan? Orang bijak pandai mengejar pangkat dan
kekayaan? Kepada siapa diharapkan untuk menyum-
bangkan kebijaksanaan dan kepandaian untuk rasmi?
Tok guru dan Pak Lebai semua nak tunjuk pandai.
Para penyair khayal dengan sajak-sajak kabur,
cerpen dan esei yang bahasanya begitu “Bombastik
dan simbolik” jadilah pembaca macam kambing
mengunyah plastik.

Waktu saya sedang melayan Dr. Mahathir dan

Dr. Asmah makan, seorang intelek Melayu yang duduk di hujung meja, cuba mencari perhatian. Dia berkata pada saya dengan nada serius.

"Masalah negara adalah masalah kita bersama. Adalah menjadi kewajipan kita memainkan peranan yang sama dalam menentukan nasib bangsa kita." "Betul ke ni?" Saya bertanya, dia meneruskan lagi. "Pemimpin dan kita mempunyai tanggungjawab yang sama terhadap negara." Dia menekan dengan suara yang tinggi.

"Ini semua cakap tak serupa bikin" kata saya sambil senyum, dia tak peduli, dia terus bercakap dengan bersemangat.

"Orang Islam wajib mencintai negara. Cintakan negara itu separuh daripada iman." Dia bercakap macam imam yang sedang baca teks kutbah.

"Alim Ulamak yang tahukan Quran dan Hadith tidak mahu menunaikan fardu kifayah, inikan pula orang yang jahil."

Saya cuba memotong cakupnya kerana Dr. Mahathir sedang seronok bercerita kisah lain. Dia terus bercakap juga mahu menarik perhatian.

"Kita selalu pisahkan masalah kita dan soal negara, kita kata masalah negara tugas pemimpin tapi bila pemimpin menyeleweng kita salahkan pemimpin."

"Brader ! ini semua dialog lama." Bila saya cakap macam itu, dia pun berhenti bercakap. Dr. Mahathir dan Dr. Asmah bangun, semua orang bangun masing-masing berebut mengambil kesempatan untuk bergambar dengan Perdana Menteri. Semua senyum gembira, Dr. Mahathir senyum. Dalam hati dan fikirannya siapa yang tahu? Saya menghantar pasangan Perdana Menteri itu sampai ke pintu kereta. Lepas itu saya kembali ke dewan yang sudah hampir kosong dan saya berfikir lagi.

Lal Bahadur Sashtri saja Perdana Menteri yang termiskin di dunia. Gandhi naik keretapi kelas tiga, hidupnya miskin melarat. Mahathir memotong \$1,000 sebulan *entertainment* dari para menteri. Penarik beca, drebar teksi senyum sendiri, Wakil Rakyat masih terus joli sana sini. Nabi dan para sahabat mati tanpa harta. Adakah Perdana Menteri sanggup berbuat demikian? Adakah orang politik P.S.R.M. atau PAS yang mahu hidup macam Ayatullah Khomeini atau Gandhi? Pemimpin dulu lain, pemimpin sekarang lain. Zaman sekarang manusia lebihkan dunia dari akhirat. Kita mahukan pemimpin yang berjaya dunia dan akhirat.

Kalau boleh kita mahukan seorang pemimpin yang bertaraf wali. Seorang pemimpin yang beriman kepada Allah dengan sifat-sifat terpuji yang ada pada Nabi. Saya tahu, dalam dunia material macam ini memang sukar hendak mencari pemimpin yang mencontohi Nabi. Tapi tidak mustahil kalau Allah mengurniakan Nur dalam diri seseorang insan. Dan bila dia hendak meneruskan ideologinya, dia tidak bimbang apa lagi hendak ditakutkan pada manusia, kalau kita sudah mendekatkan diri pada Allah. "*If god is your friend, who is your enemy?*" Semuga apa yang diharapkan oleh Mahathir menjadi satu kenyataan.



INIKAH KEPIMPINAN MELALUI TELADAN?

KATA orang bijak pandai, rakyat yang membentuk pemimpin. Rakyat yang macam mana? Yang macam kerbau dicucuk hidung? Rakyat yang berperwatakan "Yes Man"? Rakyat yang takut kehilangan pekerjaan kalau menegur penyelewengan pemimpin?

Bukan senang membentuk pemimpin. Salahkan pemimpin saja pun tidak boleh. Antara sebab-sebab terjadinya korupsi di kalangan menteri ialah kerana sikap segolongan rakyat yang terlalu banyak meminta. Di keliling pemimpin ada manusia "*hipokrit*" yang bersikap "*lintah darat*", bukan saja meminta sesuatu untuk kepentingan diri, tapi menteri seolah-olah dijadikan orang suruhannya.

Rakyat yang baik, sepatutnya menunjukkan kepada pemimpinnya, yang mereka bukan 'pengemis'. Mereka mempunyai maruah. Mereka mempunyai nilai-nilai hidup yang tinggi. Mereka memilih pemimpin kerana itu adalah tugas dan tanggungjawab setiap rakyat yang sudah cukup umur untuk mengundi dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi. Pemimpin tidak terhutang hidup pada mereka dan mereka juga tidak terhutang hidup pada pemimpin. "You do your job and I do my job."

Apabila Wakil Parlimen kawasan mereka menjadi menteri, mereka merasakan undi yang mereka berikan itu sebagai satu budi. Wakil Rakyat mesti menyelesaikan kalau boleh semua masalah mereka. Menteri mesti dapatkan mereka lesen teksi, permit lori, dapatkan A.P. untuk dijual dan di Ali-Babakan. Dan Wakil Rakyat jadi tempat mengadu berbagai masalah termasuk masalah kewangan dan peribadi.

Macam-macam pungutan derma datang. Ada saja yang mesti disumbangkan oleh Menteri atau Wakil Parlimen yang ada jawatan. Beri sedikit, marah; beri banyak, ramai sangat yang meminta. Jadi! Menteri hidup menanggung hutang. Inilah salah satu punca mengapa Menteri terpaksa cari duit luar. Harapkan gaji dan elaun, tidak cukup.

Bagaimana seorang pemimpin hendak memikirkan soal dasar dan tanggungjawab terhadap kerja dan parti, apatah lagi terhadap bangsanya.

Rakyat mahukan pemimpin yang berumah besar, berkereta besar, bohongnya pun mesti besar juga. Dan korupsi pun besarlah.

Bukan semua orang marah kalau Menteri korupsi. Ada juga jenis rakyat yang suka, kerana mereka yang jadi ejen. Kadang-kadang mereka dapat lebih banyak daripada Menteri. Orang begini, selalunya ada pengaruh di luar dan di dalam parti, mereka patut diawasi oleh pucuk pimpinan dan rakyat. Inilah jenis manusia. "*Bukan saja harapkan pagar, pagar makan padi, pagar jual Padi.*"

Sikap dan sifat yang diharapkan oleh Mahathir-Bersih, Cekap dan Amanah memang sentiasa menjadi amalan rakyat jelata, yang marhaen. Amalan Bersih Cekap dan Amanah ini mesti diserapkan kepada rakyat Bumiputra kelas satu dan ahli perniagaan, kerana kebanyakan mereka inilah yang merosakkan pemimpin dan Negara.

Mereka fikir mereka saja Melayu. Jadi kekayaan yang patut diberikan pada Melayu mesti bagi pada mereka. Mereka terlupa atau saja-saja buat lupa, ada 5 juta lagi Melayu dalam negeri ini. Mereka orang besar dan nafsu mereka tentu besar juga.

Antara keadaan dan sebab-sebab lain mengapa menteri cepat rosak, lebih-lebih lagi mereka yang sebelumnya tidak pernah senang dan mewah ialah: Apabila jadi menteri, ada Setiausaha Politik, ada Setiausaha Sulit, ada Setiausaha Akhbar dan drebar serta ada pula Setiausaha Peribadi. Kepada menteri yang tidak beringat, tidak kuat iman jadilah mereka seperti "*kudung dapat cincin atau kaduk naik junjung.*" Satu beg pun sudah tidak boleh angkat lagi. Pintu kereta dibukakan, pintu pejabat dibukakan. Melawat kawasan disambut dengan kompong dan bunga manggar serta ada majlis jamuan yang istimewa. Untuk "YANG BERHORMAT".

Penghormatan yang berlebihan nampaknya seperti diminta oleh setengah daripada mereka yang tidak sedarkan diri. Punya eksen. *"Nationalis Bulshit"* Pakai *"tiket B.N."* Bolehlah jadi yang ber-hormat.

Alhamdulillah, di zaman Mahathir agak baik sedikit, setakat yang saya tahu. Pemimpin-pemimpin yang sealiran dengannya sebenarnya bukan suka sangat bunga-bunga manggar dan kompiang-kompiang. Mahathir tak suruh potong kerbau. Daripada potong kerbau, baik buat bilik bacaan. Boleh juga anak-anak kita membaca buku buat menambah pengetahuan.

Apabila para menteri sudah sedap dengan kehidupan begini, maka akan lahir perasaan *"diskriminasi"*, tidak senang jumpa orang yang tidak ada hubungan yang boleh membawa *"Personal Interest"* mesti duduk di kerusi istimewa. Mulalah rakyat dipandang macam hamba, jadilah menteri seperti merak kayangan dan rakyat hidup seperti gagak di rimba, tidak sepadan dan tidak sebaya. Menteri saja hidup dalam syurga, rakyat macam dulu juga, hidup terus menerus macam dalam neraka. Dalam kawasan dapatlah kita lihat rumah 'y.b' macam istana, rumah rakyat bocor, berlubang di sini sana. Inikah keadilan dan kemakmuran?

Kalau para Ketua UMNO daerah, Ketua Kam-pung dan rakyat tidak mengubah amalan hidup begini dengan segera, selamanya sistem menyembah manusia ini tidak akan berakhir. Rakyat seperti ter-lupa yang mereka sudah menjadi 'tuan' dalam negara

sendiri. Setiap warganegara ada hak yang sama. Mengapa kita masih membiarkan diri diperbodoh oleh bangsa sendiri.

Kepimpinan melalui teladan harus ditunjukkan oleh para menteri. Mereka mesti hidup seperti rakyat, tidak seperti *'merak kayangan'*, kerana kalau *'jernih air di hulu, jernih jugalah air di hilir.'* Wakil Rakyat tidak sepatutnya menunjukkan rumah yang besar tersergam dengan dua tiga biji kereta. Kemewahan di tengah rakyat yang miskin. Sedangkan sebelum jadi pemimpin politik hidup mereka lebih kurang macam orang lain juga. Separuh darinya betul punya miskin.

Kalau istiadat menyambut menteri secara besar-besaran itu ditolak sendiri oleh menteri, saya fikir rakyat tentu senang hati, kerana sebelum jadi Wakil Rakyat mereka tidak pernah pun layan dia begitu.

Saya sungguh pelik dengan perangai manusia. Apabila sudah jadi orang politik atau menteri dia mula naik tocang. Pelik sungguh tiba-tiba mereka berubah, tiba-tiba mereka rasa lebih pandai dan lebih berpengaruh dari orang lain, melainkan mereka yang beriman.

Dulu sebelum menjadi menteri masih pakai kereta buruk yang kecil, pantang nampak orang kampung tepi jalan, berhenti tolong tumpang. Sekarang apabila sudah pakai kereta besar dan cermin gelap, orang di luar sudah tidak nampak lagi. Hati perut pun naik gelap juga. Ilangan mimpi hendak bagi orang kampung tumpang. Inilah jenis menteri-menteri muda yang sengaja minta sumpah dari orang kampung dan para pengundi.

Rakyat yang miskin hidup, cuma cukup makan, dan bersabar dengan apa yang ada, makan nasi dengan garam pun cukup. Tapi apabila menteri datang, mereka terpaksa menunjukkan hidup yang lebih mewah, hingga membazirkan makanan. Kalau saya jadi menteri, saya tidak lalu memakan jamuan mewah secara besar-besaran oleh rakyat miskin yang cuma tengok atau menghidu saja masakan yang mewah dan sedap yang dihidangkan untuk santapan menteri.

Mudah-mudahan Allah bukakan pintu hati dan mata pemimpin. Ingatlah! Yang menderita, miskin, lapar itu, adalah saudara mereka sendiri. Insaflah sikit, orang miskin sanggup ikat perut beri orang kaya jamuan. Bilakah pemimpin kita yang kaya raya mahu berhenti mengambil hak rakyat? Cukuplah dengan apa yang ada. Berilah rakyat hak mereka supaya, rakyat sentiasa mendoakan para pemimpin.

Bukan semua pemimpin tidak betul. Ramai juga yang baik, di samping melonggokkan kekayaan untuk simpanan bila diberhentikan nanti kerana mereka merasakan lima tahun satu jangka masa yang pendek. Mereka akan berbuat sesuatu usaha untuk kepentingan rakyat dan pengundi di kawasan mereka. Jadi, rakyat yang dari dulu bodoh dan sampai sekarang masih bodoh lagi bersyukur dan berbesar hati kalau sesekali dapat tengok muka menteri, apa lagi kalau dapat bersalam dengan menteri, dan menteri yang pandai beri tikar sembahyang, beri itu, dan ini kepada rakyat dengan menggunakan wang rakyat sendiri dan rakyat senang.

Pepatah kita mengatakan *Harimau mati meninggalkan belang gajah mati meninggalkan tulang, manusia mati meninggalkan nama dan jasa*. Janganlah pepatah ini tinggal pepatah saja. Kita inginkan setiap menteri menjadi pemimpin yang berjiwa rakyat, yang mempunyai perasaan *sense of belonging* dan *sense of responsibility*. Pemimpin yang benar-benar kasihkan rakyat, Wakil Rakyat yang bila mati meninggalkan nama, yang baik bukan harta kekayaan hasil menipu rakyat.

Y.B. yang baik walaupun sudah pencen masih tetap dihormati dan dimuliakan.

Satu-satu bangsa tidak akan maju kalau pemimpinnya tidak kasihkan rakyat, tidak ada perasaan "Komited" terhadap pengikutnya dan Rakyat.

Ramai Wakil Rakyat atau menteri yang sudah pencen baru merasa kesal, baru sedarkan diri. Cuba dulu masa jadi menteri, masa jadi wakil rakyat, mereka beri peluang sebanyak-banyaknya kepada orang Melayu yang berhak, bukan saudara mara dan kawan yang dekat, tentu mereka senang di hari tua melihat perjuangan yang sudah berhasil. Tentu di hari tua mereka tidak akan gelisah. Kerana adat manusia bila sudah tidak laku, barulah cuba mendekati orang ramai yang pernah dipandang rendah dan dicemuh dulunya. Baru hendak mendekati rumah Allah dan mula mereka takut menyesal akan kesalahan dan dosa-dosa mereka. "*Sesal dulu pendapatan. Sesal kemudian apa gunanya?*"

PEMIMPIN YANG MENIPU PENGIKUTNYA TIDAK AKAN DAPAT MENJEJAKKAN KAKINYA KE DALAM SYURGA. Banyak contoh yang dapat kita lihat bagaimana kehidupan pemimpin politik yang telah menerima macam-macam penyakit dan bala dari Allah. Belum mati sudah hidup dalam neraka dunia. Ribuan ringgit dihabiskan untuk mengubat penyakit yang tidak pandai baik. Itupun ada yang tidak insaf lagi. Belum mahu bertaubat lagi. Makin tua makin menjadi-jadi.

Hidup ini bukan lama sangat. Kumpul duit dan buat harta banyak-banyak, apabila mati nanti anak-anak yang joli. Harta haram hak rakyat dan duit tipu tidak berkat. Tanah kubur masih merah, anak sudah bergaduh sama sendiri berebut harta. Dan akan habislah harta itu dibinasakan oleh anak-anak dengan jalan yang dikutuk oleh Allah. Tinggallah arwah pemimpin tersebut dalam azab kubur seorang diri, tiada siapa yang dapat menolong melainkan amalan yang baik.

Saya telah lihat dengan mata kepala saya sendiri betapa bakhilnya pemimpin-pemimpin yang telah mendapat kekayaan secara mengambil kesempatan kerana kedudukan. Mereka tidak mahu mengeluarkan zakat, tidak mahu menolong orang yang dalam kesusahan yang datang meminta pertolongan. Orang begini pintu hati mereka sudah tertutup.

Patutlah kalau rakyat bencikan mereka, kerana orang yang bakhil adalah musuh Allah. Makanlah yang berpatutan, yang lain bantulah mereka yang memerlukan bantuan, janganlah hendak jadi karun.

Satu lagi perkara penting, macam mana negara hendak betul, macam mana pemimpin hendak bersifat Bersih Cekap dan Amanah, kalau pemimpin takut bini? **Pemimpin yang takut bini, macam mana hendak pimpin umat?**

Bagi pemimpin yang bernama 'suami' kadangkang terpaksa membuat keputusan yang dipengaruhi oleh 'isteri'. Kerana isteri sendiri tidak Bersih Cekap dan Amanah, penglibatan isteri dalam urusan politik banyak buruk dari baiknya. Rakyat tahu ada menteri yang lebih dengar nasihat bini dari Setiausaha Politiknya sendiri, lebih-lebih lagi kalau suami yang menumpang tuah bini. Bini yang lebih banyak cakap pada suami.

Di sebalik kejayaan setiap suami tentu ada seorang isteri yang baik, dan di sebalik kejatuhan serta kehancuran suami pula tentulah ada isteri yang terlalu besar hati, besar nafsu, hingga suami jadi kuda kayu.

Orang tahu di pejabat suami jadi menteri, masuk rumah isteri yang jadi menteri, isteri yang arahkan suami supaya, menolong orang-orang tertentu, dan isteri akan dapat hadiah yang tertentu.

Masyarakat kurang senang dengan perangai isteri-isteri menteri yang menjolok mata, begini yang suka berlagak. Kalau isteri jadi cikgu sekolah, bila suami seorang Datuk dia akan marah kalau murid dan cikgu lain tidak memanggilnya Datin. **BINI MENTERI DATANG LAMBAT TIDAK APA, MALAS MENGAJAR PUN TIDAK APA. SIAPA BERANI MARAH DATIN?**

Tapi bagaimana dengan sumpah anak-anak murid? Tentunya ia akan lingkup juga satu hari, dan laki yang ikut sangat cakap bini turut lingkup sama.

Macam ini perangai pemimpin macam mana boleh dijadikan teladan? Kita mesti ingat, tangan yang menghayun buaian, tangan itu juga yang akan membuatkan pemimpin negara yang leka dan lalai. Kasih suami yang tidak beriman. Yang tidak beragama.

Pernah seorang murid bercerita pada saya perihal seorang gurunya "*Datin Kembang*" pernah bercakap dalam bilik darjah: *Kalau sudah berhenti sekolah nanti, kalau hendak cari suami carilah suami macam suami saya.*

Ramai yang menyampah, ada pula yang menyumpah perangai isteri menteri-menteri yang mengada-ngada, menunjuk-nunjuk, kalau ke sekolah dengan emas intan berlian dan kereta bertukar-tukar.

Selain dari bini menteri, perangai anak-anak menteri pun tidak kurang menyakitkan hati. Ada pula menteri kita berikan anak-anak mereka bawa kad '*kredit*' ke sekolah. Kononnya aku anak menteri. Macam ini keluarga menteri siapa yang hendak hormat? "*Mahathir should put a stop all this nonsense.*"

Kalau tidak percaya apa yang saya tulis, selidiklah sendiri. Kalau malas hendak selidik, tanyalah kaum Ibu UMNO yang tahu benar perangai Datin-Datin isteri menteri-menteri atau '*y.b., y.b.*' yang

gila bahasa. Punyalah menyakitkan hati. Apa boleh buat, isteri lebih berpengaruh daripada suami. Kaum-kaum ibu yang lain hendak hidup, dan mereka cuma tahu hidup dengan mengalah, atau mengampu bila di depan, tapi sebagai kaum ibu, di belakang "tetap" mereka menganyam ketupat'.

Saya fikir itulah sebabnya Tengku Razaleigh Hamzah mahu terus membujang takut isterinya buat perangai, lebih lagi kalau dia berkahwin dengan perempuan bangsa asing pula. Tidak jadi perdana menteri jawabnya.

Saya tahu suatu hari nanti orang Melayu boleh berubah fikiran, lebih menghormati pemimpin yang bujang daripada yang beristeri. Kalaulah isteri macam 'Datin-datin' yang tidak sedarkan diri, "*apo nak dikato.*"

Yasser Arafat pemimpin P.L.O. yang sudah berumur lebih lima puluh tahun itu pun masih membujang. Bolehlah kita jadikan kehidupan Yasser Arafat sebagai kepimpinan melalui teladan, kalau kita mahu.

Sementara itu semasa merasmikan Pertandingan Nasyid Pergerakan Wanita UMNO Malaysia di Kuala Lumpur baru-baru ini, Isteri Timbalan Perdana Menteri kita, Datin Maria, telah mengingatkan ahli-ahli Pergerakan Wanita UMNO supaya menjadi diri mereka sebagai teladan kepada kaum.

Saya pun teringat tentang Datin Maria yang beberapa kali telah terlibat secara aktif dalam menganjurkan show yang dibawa dari luar negeri. Baguslah kalau isteri menteri turut aktif membantu kegiatan

budaya. Tetapi kenapa show dari luar negeri sahaja? Apakah show budaya dalam negeri kita tidak ada standard? Kalau tidak ada standard pun tolonglah bagi standard, barulah boleh dikatakan kepimpinan melalui teladan!



Majlis Muhib Ratu
Kementerian Pendidikan
Kuala Lumpur

...nya, tetapi dengan itu...
...nya, tetapi dengan itu...
...nya, tetapi dengan itu...
...nya, tetapi dengan itu...



Malay Mail, Rabu 25 Ogos 1982



Utusan Malaysia
Sabtu, 8 Jan 1983

**Datin Maria
kunjungi
Presiden Peru**

PRESIDEN Peru
Fernando Belaunde
Terry berjabat tangan
dengan Datin Maria.

isteri Timbalan Per-
dana Menteri Datuk
Musa Hitam, semasa
kunjungan beliau ke Is-
tana Kebangsaan di
Lima, ibu negeri Peru,
kelmarin. - Gambar
UPI.

INIKAH KEPIMPINAN MELALUI TELADAN (DUA)

"Saya mimpikan sebuah negara yang akan dihormati dan dicontohi oleh setiap negara lain di dunia ini". Dr. Mahathir.

Sesudah membaca balik tulisan saya mengenai *"Inikah kepemimpinan melalui teladan"* 'Satu', beberapa kali, saya dapati, saya bukanlah seorang penulis yang adil dan berani seperti yang saya fikirkan. Sedangkan saya telah berjanji pada diri saya sendiri dalam Bab: **'Mahathir tidak suka bermimpi'**. Kalau seorang tukang angkat sampah akan membersihkan semua sampahnya tidak kira sampah itu busuk kotor berulat, sikit atau banyak, kecil atau besar, sampah yang terlekat di celah pintu dan tingkap, apalagi yang dilantai.

Sawang-sawangnya yang tinggi pun mesti dibersihkan. Kalau sawang tidak dibersihkan penat saja menyapu lantai, sambil menyapu jangan pula ada sampah yang disembunyikan di bawah tikar.

Tukang angkat sampah yang dimaksudkan oleh Mahathir dalam ucapannya di depan para penyair bermacam maknanya, boleh juga diertikan alat-alat kerajaan yang ditugaskan untuk menghapuskan korupsi dan penyelewengan.

Mahathir kata, dia bukan seorang penyair, tapi bahasanya bahasa bersajak. *'Tukang angkat sampah'* mempunyai banyak maknanya.

Alang-alang menyeluk pekasam biar sampai

ke pangkal lengan, alang-alang berdawat biar sampai hitam, alang-alang mandi biar sampai basah. Sebagai seorang tukang angkat sampah, saya rasa ada sampah dalam mata saya, ada sampah dalam mata Mahathir, ada sampah dalam mata rakyat Johor! Kenapa Johor?.....

Saya mengkritik menteri, anak menteri, bini menteri, keluarga menteri dan para ulamak, para penulis dan pemimpin UMNO. Tapi saya tidak mengkritik alat-alat kerajaan, terutama 'tukang-tukang angkat sampah', dan anak-anak raja, terutama anak raja saya, Raja Johor. Kerana, Bab ini khas untuk negeri Johor sahaja.

Polis adalah tukang angkat sampah. Kerjanya adalah membersihkan segala kekotoran. Perbuatan manusia yang kotor. Perbuatan manusia yang tidak menghormati undang-undang. Perbuatan anak raja yang membuat mata orang ramai masuk sampah.

I.G.P. pun pernah mengkritik anak buahnya. Kita mesti bercakap benar, tulis apa yang benar, hendak takut apa. "Bapak polis hendak marah, marahlah."

Polis berani angkat sampah yang kecil-kecil saja. Kalau orang tidak nampak sampah itu mereka buat tidak tahu, mereka sapu bawah tikar saja. Polis di Johor cuma berani tangkap drebar teksi, drebar prebet sapu, penunggang motosikal, budak jaga kereta, orang yang tidak ada "connection".

Cuba kereta Datuk, kereta anak raja, kereta pegawai-pegawai polis diletakkan di tempat yang

sepatutnya tidak boleh diletakkan. Berapa ramai polis yang berani tangkap dan saman? Mereka tutup sebelah mata angkat kaki cepat-cepat meninggalkan tempat itu.

Budak-budak yang baru pakai "Uniform" memang bersemangat hendak membersihkan kekotoran, tapi bila mereka sapu sampah di lantai, sawang-sawang dari atas asyik jatuh saja, lama-lama bosan juga.

Mulalah mereka terlupa yang mereka menjunjung "Mahkota" di atas kepala. Mereka macam tidak ingat yang mereka itu polis. Kerana susah hendak memikirkan, yang mana satu orang boleh, dan yang mana satu tidak boleh disaman. Salah bawa balik saman, tak pasal-pasal kena marah. Di Johor Bahru ini ramai sangat yang tidak makan saman, sebab itu agaknya "member" lebih suka main 'poker' baca 'kitab lima puluh dua' dari membuat kerja. Dan ada juga member yang suka berdengung kena daun, leka khayal, kuyu mata.

Orang yang tidak makan saman inipun belajar dari perangai anak-anak raja. Keluarga raja, dari pemimpin-pemimpin Politik, dari Datuk-Datuk, dan Pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang berpengaruh. Mereka tahu siapa berani sama mereka. Mereka ada kaki di balai polis.

Pertama anak raja Johor. Sudahlah bandar Johor Bahru ini, jalannya sempit, kereta banyak, kalau dia hendak lalu dibunyikan siren sekuat hati supaya semua orang mesti ketepi. Tidak tepi nanti bukan saja boleh kena saman, salah silap boleh kena sepak. Satu hari, kadang-kadang tiga, empat

kali dia pusing bandar, dengan sebiji kereta. Kadang-kadang empat lima kereta sekali siap dengan eskort dan body guard.

Perbuatan anak raja Johor menggunakan jalan raya orang ramai dengan sesuka hati. Begini nampak sangat perangai manusia yang *'bersultan di mata beraja di hati'*. Dia lupa agaknya. Kita semua "tax payer". Kita bayar cukai jalan, bayar cukai pendapatan, kereta dia tidak bercukai, minyak dia bukan bercukai. Dia hidup dengan duit rakyat. Kenapa dia boleh membuat sesuka hati begini? Dia tidak berfikir ke, taraf raja cuma satu simbol saja. Sudah lupakah dia pesan Laksamana Bentan dalam kesah "**Sultan Mahmud mangkat dijulang**".

"Raja Adil Raja disembah.

Raja Zalim Raja disanggah."

Kita tidak marah kalau Sultan yang lalu, kita mesti ketepi dan berhenti, atau Menteri Besar atau pemimpin negara yang menggunakan eskort dan siren, kerana mereka ada urusan penting untuk negara. Lagipun mereka memang diberikan keistimewaan untuk berbuat demikian. Itupun kalau keterlaluan rakyat jadi bosan juga.

Jadi anak raja tunjukkanlah contoh teladan yang baik. Supaya rakyat tunduk kasih hormat pada anak raja. Mana tahu satu hari nanti dia boleh jadi raja. Orang sayang juga padanya. Sekarang punya rakyat bukan sayang pada Raja, tapi takut kena sepak, takut kena berhenti kerja, takut kena halau dari negeri ini. Patutkah rakyat yang sudah suku abad Merdeka dibuat begini oleh anak raja?

Anak raja sombong dan bongkak hendak menunjukkan pada rakyat. Aku ada kereta cantik, aku ada polis, aku kaya, aku ada Body Guard, aku ada 200 ashkar sendiri, aku berkuasa, bapa aku raja. Kalau ada pegawai kerajaan yang tidak taat pada aku, bapa aku nanti perintah keluar dari negeri ini, dalam masa 24 jam, bapa aku berkuasa.

Cubalah anak raja Johor ini berfikir sikit, bapa aku yang berkuasa atau Tuhan yang berkuasa? Bapa aku besar, atau Tuhan yang besar? Bapa aku jadi raja kerana orang Melayu, kerana UMNO. Kalau tidak ada UMNO, entah apa jadi pada bapa aku. Tentu aku tidak hidup mewah dan senang lenang begini. Aku dan keluargaku terhutang budi pada rakyatku terutama orang Melayu dan ahli UMNO. Mereka hidup dalam kemiskinan. Mereka hidup dalam rumah haram, aku duduk dalam Istana ada hamba sahaya, mewah berbelanja. Orang Melayu yang jadi rakyat yang taat setia ini makan pun tidak sempurna. Orang berbudi kita berbahasa. Itulah manusia yang tinggi budinya. Cubalah sesekali naik bas, naik prebet sapu, singgah tengok apa lauk, penghuni rumah haram makan.

Kalaulah anak-anak dan keluarga raja ini mahu fikir, kuasa yang ada pada bapa aku cuma sebagai Ketua Agama. Ketua Agama mesti percaya pada Agama. Orang yang beragama baik, takut dengan Tuhan, takut dengan pembalasan Tuhan. Sepatutnya aku mesti menunjukkan perangai yang baik. Supaya rakyat sayang padaku. Lagipun dalam dunia ini bukan banyak sangat raja yang tinggal. Cuma 20 orang saja, dan kebanyakannya berada

di Malaysia. Mereka boleh hidup senang lenang dalam Istana. Kerana orang Melayu. Saya fikir kalau anak raja ini dia baca sejarah: Maharaja Iran dan Sejarah Sultan-Sultan India di Indonesia yang sudah dihapuskan oleh rakyat tentu dia tidak sesombong ini.

Mahathir menangis di Malam Puisi Panjang Untuknya, kerana dia memikirkan bangsanya, orang Melayu. Dia mahu meninggikan maruah bangsanya, supaya jangan dihina. Tapi adakah anak raja yang pernah memikirkan bangsanya?

Meninggikan taraf hidup dan menebus maruah bangsa adalah tugas dan tanggungjawab semua umat Melayu. 'It is a collective responsibility.' Johor Bahru adalah tingkap ke Malaysia. Kebanyakan pelancong yang tidak ada masa panjang, cuma dapat tengok Johor Bahru saja, dan apa 'comment' mereka bila tengok perangai anak raja di jalanraya Johor Bahru. Tentu para pelancong terfikir yang kita masih lagi di zaman feudal, di mana anak raja boleh buat sesuka hati. Padahal hak mengundi antara anak raja dan kita sama saja.

Dia pakai pasport biru. Kita pun biru juga. Kita tidak terhutang hidup dengan dia, dan dia juga tidak terhutang hidup dengan kita. Kerana tidak ada orang berani melawan dan marah dia, dia fikir Johor ini dia punya. Semua rakyat mesti taat membuta.

Patutlah kalau segala undang-undang tidak dipatuhi oleh orang ramai kerana mereka melihat

kezaliman dan sikap tidak adil. Sedangkan undang-undang tidak mengenal pangkat dan darjat. Kalau anak raja boleh buat apa yang dia suka. Orang lain tentu boleh juga.

Kenapa tidak ada orang yang boleh marah anak raja, kenapa tidak ada orang yang berani tegur? Datuk Musa Hitam tidak boleh buat apa-apa ke? Allahyarham Tun Dr. Ismail masa jadi Menteri Dalam Negeri dulu ditakuti dan disegani oleh Raja dan anak-anak Raja. Apakah bila orang tidak berani marah dan tegur bererti orang sayang? Sebaliknya orang menyumpah, mengumpat, mengata di sepanjang jalan, perangai anak raja begini, menanamkan semangat kebencian terhadap raja. Anak raja Johor kena belajar dari Yang DiPertuan Agong, tengok betapa kasihnya rakyat kepada Duli Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Agong Sultan Ahmad Shah belajar dari ayahandanya Almarhum Baginda Sultan Abu Bakar, raja yang beraja di hati rakyat. Agung yang paling popular kerana sifat rendah diri dan kasihkan rakyat.

Bila Mahathir suruh pandang ke timur, terutama ke Jepun, belajarlah dari maha raja Jepun sikap dan perangai Maharaja Jepun, betapa kasih dan sayangnya rakyat Jepun terhadap raja mereka. Raja Jepun tidak payah pun sepak orang. Yang sepak terajang orang itu askar Jepun, itupun dulu, masa perang.

Saya berani mengkritik anak raja Johor secara bertulis begini ialah kerana Baginda Tuanku Raja saya dalam khutbahnya minta supaya beliau di-

tegur, kiranya ada sesuatu perbuatan yang boleh menyakitkan hati rakyatnya. Manalah Sultan hendak tahu perangai anaknya tidak senonoh, pengampu penjilit di kelilingnya mana berani cakap. Mana berani nasihat, tidak pasal-pasal kena sepak nanti.

Kalau ada pun kesilapan yang tidak disengaja atau disengajakan. Perosak di sekeliling tutup sebelah mata. Saya tahu Tuanku Sultan saya gentlemen orangnya, dia seorang Sultan yang cerdik dan berani dan saya percaya beliau boleh menerima nasihat. Kalau kena caranya, cuma siapa yang berani berjumpa dan bercakap tentang kesilapan dan perangai Tengku Yem di depannya, tengok muka Sultan saja orang sudah berdebar, kena sergah sikit, kalau tidak terkencing dalam seluar, tetap terketar. Muka Tuanku bengis semacam ada sesuatu penggerun yang membuat orang takut menatap mukanya. Lagipun orang ramai tahu, kalau dia marah bukan dia peduli siapa. Sheikh Mokhsin Mufti Wilayah Persekutuan dan risalahnya diharamkan masuk ke negeri Johor. Nampak, sikit punya 'terror' Sultan Johor. Datuk Musa Hitam yang jadi 'Bapak Polis' menteri dalam negeri tidak boleh buat apa-apa, inikan pulak orang lain.

Dalam Malaysia yang berani mengkritik dan menegur Sultan cuma Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj seorang saja orang lain mana berani. Tunku berani tegur kerana Tunku pun anak raja juga. Tunku tidak takut 'tulah'. Tunku tidak takut kena Daulat. Kerana beliau benar-benar anak raja yang

berdarah raja dan berketurunan raja apa akan jadi pada Malaysia bila Tunku mangkat nanti?

Yang patah akan tumbuh, yang hilang akan berganti. Sebab itu Tunku mahukan Tengku Razaleigh Hamzah jadi Timbalan Presiden UMNO, juga Timbalan Perdana Menteri. Kerana beliau tahu yang boleh tegur Tengku dan Sultan ini 'Tengku' yang datangnya dari Istana juga. Orang biasa takut dengan 'tulah' dan daulat biarpun dia sudah jadi Menteri. Walaupun Sultan itu cuma "simbol" saja. Perasaan 'gerun' itu mesti ada.

Bila timbul kekecohan dalam majlis raja-raja, baru ahli UMNO sedar, betapa pentingnya kehadiran seorang anak raja sebagai pemimpin UMNO. Itulah sebabnya sekarang orang mahukan Tengku Razaleigh Hamzah bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden dan bila dia menang nanti biar dia yang pergi berunding atau marahkan sikit raja-raja yang berselisih faham, pasal anak bulan dan macam-macam lagi yang bersangkutan dengan agama dan rakyat. Patutlah dulu masa ahli UMNO terpaksa memilih antara Datuk Onn dan Tunku Abdul Rahman Putra, orang Johor memilih "Tuanku" masalah negeri tidak timbul lagi yang penting bakti yang boleh dicurahkan dalam keadaan kecemasan begini, ini semua kuasa Allah: hendak memberi Ku Li peluang untuk menang di tahun 1984.

Ku Li adalah salah seorang yang boleh menentukan perlantikan Sultan Kelantan, lagipun Ku Li tahu adat Istana, dia tidak perlu berpatek-

patek dan menyembah-nyembah Sultan. Kerana dia seorang Tengku. Kalau rakyat biasa kena sembah dan mesti belajar beradat kalau hendak jumpa Sultan, melainkan para tauke Cina, pakai seluar pendek cakap lu gua dengan sultan raja pun tidak apa. Kalau orang Melayu mesti beradat, kerana orang Melayu yang hendakkan Raja. Hidup dikandung adat mati dikandung tanah.

Ini satu ingatan pada Mahathir jangan 'melatah' dalam perkara pemilihan Timbalan Presiden, biar-kan Ku Li Lawan Musa. Siapkan gelanggang kasi mereka satu 'glob' biar mereka 'fight' tengok siapa yang handal biar Ahli UMNO yang ada tiket yang jadi refree.

Mahathir mesti ingat perangai manusia, barang yang tidak boleh, yang disekat-sekat yang itulah yang hendak dibuatnya. Menyekat pertandingan ini bererti menyekat arus, air yang deras kerana 'momentemnya' sudah tidak dapat ditahan lagi, siapa yang cuba menyekat akan rebah dan hanyut dibawa arus perebuan.

Kalau iapun apalah yang Mahathir hendak takutkan sangat kalau Mahathir terlupa, saya ingatkan. Apa yang Mahathir cakap pada ahli UMNO sebelum pertandingan 1981 dulu. 'Yang menang Timbalan Presiden tidak semestinya dipilih untuk jadi Timbalan Perdana Menteri'. Kalau sudah tersurat Ku Li akan jadi Timbalan Presiden, tidak siapa yang dapat menahannya dan Mahathir tidak semestinya buang Musa. Biarlah dia duduk di kerusi itu apa salahnya.

Sebagai Timbalan Presiden UMNO Ku Li boleh jaga masalah raja-raja. Nah, bila keduanya sudah jadi timbalan tidak ada apa yang hendak direbutkan lagi, UMNO akan aman kembali hingga 1987 nanti.

Masalah orang Ku Li dan orang Musa juga tidak akan timbul lagi, tapi, makin Mahathir melatah, makin marah orang Ku Li. Mereka kata Mahathir tidak patut berkelakuan begini. Seorang Perdana Menteri tidak sepatutnya melatah dan menyebelah pertandingan ini sekadar mencuba kewibawaan dan kredibility masing-masing.

Kalau Mahathir cuba menyekat atau mencerca, kemungkinan suasana yang ada sekarang akan menjadi bertambah buruk. Kalau UMNO berkecai siapa yang rugi? Orang Melayu juga, tidak ada UMNO tak ada raja dan tak ada kuasa Politik di tangan orang Melayu. Bangsa Melayu akan hidup macam burung layang-layang.

Kepada pemimpin UMNOlah Mahathir harapkan untuk menebus maruah Melayu. Kepada raja dan anak serta kaum kerabat merekalah Mahathir harapkan untuk membersihkan lebel tidak baik yang ada pada bangsa Melayu. Raja-raja dan Mahathir sendiri mesti sanggup menerima kritik dengan fikiran yang terbuka.

Tahun 1984 nanti Mahathir kekal jadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO. Musa jadi Timbalan Perdana Menteri dan Ku Li jadi timbalan Presiden UMNO (Insya Allah). Kalau ini boleh terjadi dengan baik, Mahathir boleh mengendalikan kerja

urusan Negara. Kalau sengketa ini tidak diikuti teori ini, UMNO berada di persimpangan, bukanakah ini yang difikirkan oleh Mahathir sebagai jalan untuk menyelamatkan UMNO sekiranya Ku Li yang menang di pertandingan 1981 dulu? Kalau Mahathir cuba membawa satu teori yang lain, besar kemungkinan jawatan Presiden juga akan dipertandingkan dan akan terjadilah satu sejarah dalam Malaysia. Perdana Menteri dan Timbalannya tidak memegang sebarang jawatan dalam parti. Kerana ada Pemimpin yang bintangnya lebih terang dari Mahathir dan kalau dia mahu bertanding besar kemungkinan dia dapat mengalahkan Mahathir.

Saya kira Mahathir tidak peduli hal ini, dia seorang saja, pemimpin yang tidak ada "base" dan tidak ada orang tertentu, dia seorang "lone ranger" dia se orang yang 'unik'.

Bila kita bercakap pasal Johor Bahru. Kita tidak dapat mengelakkan diri dari bercakap pasal Singapura. Walaupun mengikut politik Singapura adalah sebuah negara asing dan bila bercakap pasal Singapura kita mesti cakap pasal Premier Lee. Kenapa Lee Kuan Yew boleh memerintah orang Malaysia yang hendak naik kenderaannya di bumi Malaysia? Kenapa rakyat Malaysia di Perhentian bas Johor Bahru boleh beratur dengan taat berjam-jam lamanya kalau hendak naik bas Singapura? Tidak ada orang yang berani melanggar peraturan. Kecil, besar, tua, muda, Melayu, Cina, India, patuh dan hormat pada kondakter dan Inspektor bas Singapura. Kenapa???

Kenapa bila masuk saja ke kawasan kepulauan Singapura, puntong rokok pun takut hendak dibuang merata-rata kenapa? Padahal orang Malaysia termashyur dengan sikap tidak menghormati undang-undang kebersihan dalam negerinya sendiri?

Pendapat saya antara sebab yang terpenting ialah kerana di Malaysia Undang-undang dibuat untuk suka-suka saja. Undang-undang dibuat untuk orang tertentu saja dan alat-alat kerajaan tidak berani mendokong dan menegakkan undang-undang. Selain dari contohnya, di sana-sini ada papan tanda. Jangan Buang Sampah denda \$500. Yang ada di situ cuma papan tanda saja. Yang hendak menangkap mendenda tak ada, tidak payah letak papan tanda, buang sampah, tangkap saja denda \$10.00 setiap kali ditangkap. Tangkap 100 orang sehari. Siapa pun tidak berani buang sampah.

Tidak tertanam perasaan "The sense of belonging. The sense of responsibility." Semacam tidak ada hubungan sama sekali antara rakyat dengan Negara bumi tempat tumpah darah mereka. Rakyat tidak sayangkan Negeri mereka. Pemimpin tidak sayangkan bangsa mereka. Kita tidak peduli maruah bangsa, pemimpin dan orang bijak pandai memikirkan kepentingan diri saja. Mereka tidak peduli apa pandangan dunia terhadap bangsa dan negeri mereka. Tidak malu. Tidak berasa bersalah dan berdosa melihat kepincangan dan penyelewengan. Bagaimana pemimpin hendak menegur

dan menangkap orang membuat salah mereka sendiri pun tidak betul. Mengubah tabiat bangsa adalah tanggungjawab bersama dan tidak akan ada perubahan dari segi sikap kalau tidak berubah cara berfikir. Orang yang duduk di atas mesti mengubah fikiran mereka. Air yang keruh di hulu masakan boleh jernih di hilir.

Ada kawan saya mengatakan rakyat Malaysia tidak berubah selagi "sistem" tidak berubah. Saya tidak faham tentang "sistem" yang saya tahu satu saja. Setiap rakyat mesti ada harga diri. Mesti tahu tugas dan tanggungjawab mereka dan mesti berani menjadikan diri mangsa kalau mereka bersalah. Terimalah denda dan pembalasannya. Kalau terpaksa jadi korban, kerana keangkuhan terima sajalah. Ramai yang sudah sedar betapa pentingnya sifat keberanian dalam jiwa manusia. Berani mengaku dan menerima kesalahan itulah sekuat-kuat dan seberani-berani manusia.

Sudah suku abad kita Merdeka sudah empat kali tukar Perdana Menteri. Kenapa kita jadi macam ini juga. Bangsa yang tidak ada disiplin, bangsa yang liar, bangsa yang tidak bermaruah. Baik anak Rajanya, menterinya, ahli politik dan pegawai kerajaan semua buat sesuka hati sendiri. Tidak siapa yang sedar perbuatan mereka memalukan bangsa dan Negara mereka. Orang Singapura dulupun macam kita juga, yang lebih dahsyat lebih kurang ajar dari kita pun ramai. Bila Lee Kuan Yew jadi Perdana Menteri perlahan-lahan kita lihat orang Singapura berubah. Cuba kita

tengok, Kastam, Polis, Imigresen mereka, dan bandingkan dengan di tempat kita.

Pembangunan Singapura pun berubah begitu pesat dan maju, dan orang yang dapat menyaksikan ini adalah orang Johor Bahru. Kerana mereka paling kerap berulang alik ke Singapura. Kalau mereka tidak masuk ke pulau itu pun mereka dapat melihat betapa cantiknya 'Bontot' atau ekor Singapura.

Saya tidak tahu sama ada Lee Kuan Yew sengaja mahu tunjuk pada pemimpin dan kerajaan Johor, "tengoklah tempat jin bertendang, tanah lembah, hutan belukar aku boleh jadikan sebuah "Bandar "Sputnik" dengan bangunan, flats yang indah-bersih dan sesuai untuk rakyatku. Aku sayangkan rakyatku, aku memberi keutamaan dan kemudahan dan kesenangan kepada rakyatku".

Pemimpin Melayu kerajaan Johor tutup mata, semacam ada perasaan iri hati pada contoh bandar yang menyedut wang dari rakyat Johor. Ada pemimpin politik Johor yang berkata Singapura bolehlah, Pulau kecil. Macamlah Johor Bahru ini besar sangat? Pokok pangkalnya hati pemimpin tidak kasihkan rakyat.

Semacam tidak ada semangat berlumba-lumba untuk jadi lebih bagus dari negara sebelah. Dan bila rakyat bising, jangan tidak, buat jugalah flats, buat alakadar. Kontrektor dan orang tertentu saja yang untung. Flats yang didirikan tidak sesuai diduduki. Hampir semua projek dan rumah pangsa yang dibuat oleh kerajaan Johor menyakitkan hati

rakyat tidak satupun projek yang dibuat dengan sempurna. Dan rakyat tidak boleh complen. Kerana tidak ada pembangkang. Kerajaan Singapura tidak banyak pembangkang pun. Yang ada cuma seorang saja. Kenapa mereka boleh memberi keutamaan pada rakyatnya?

Jangan tidak buat, buat juga. Inilah sifat pemimpin dan kerajaan. Kenapa ini semua boleh terjadi. Pemimpin tidak kasihkan pengikut. Pemimpin tidak kasihkan negeri. Pemimpin tidak peduli apa yang dia dengar dan lihat. Tidak ada dalam hati keinginan supaya orang tengok negeri aku cantik, bandar aku cantik, bersih dan kerajaan akan dapat kepujian.

Pemimpin hendak cantikkan rumah sendiri. Hendak besarkan rumah, hendak banyakkkan kereta. Masalah kenderaan 'Public transport' untuk rakyat pandai-pandai engkaulah hendak hidup. Apa wakil rakyat peduli. Seorang Y.B. ada satu Mercedes dan Exconya ada kereta kerajaan siap dengan drebarnya sekali.

Wakil Rakyat buat istana di kawasan rumah murah menyakitkan mata dan hati rakyat. Akhirnya tidak berani duduk dalam rumah sendiri bila Datuknya sudah kena tarik, bila sudah tidak jadi yang berhormat lagi.

Semuga pemimpin di zaman Ajib tidak lagi macam Wakil Rakyat di zaman Tan Sri Osman. Kalau kayapun janganlah tunjuk-tunjuk sangat pada rakyat. Rakyat kenal dengan wakil rakyat dan tahu macam mana mereka boleh jadi kaya.

Apakah Wakil-wakil Rakyat dan Menteri Besar hari ini mempunyai "sense of belonging" dan "sense of responsibility" terhadap rakyat Johor yang dahagakan perubahan?" Janganlah jadi "One track minded" saja. Rakyat saja yang sayangkan pemimpin. Bukti rakyat sayangkan kerajaan, rakyat beri undi pada parti pemerintah. Rakyat mahu pemerintah mengutamakan nasib dan kehidupan rakyat.

Rakyat mahukan perubahan sikap wakil rakyat dan alat kerajaan. Sudah suku abad Merdeka rakyat Johor ingin hidup selesa, ingin mempunyai negeri macam Singapura. Ingin mempunyai para pemimpin macam pemimpin Singapura. Rakyat yang celik dapat melihat perbezaan. Tapi apa boleh buat rakyat tidak berkuasa. Kuasa telah dibahagikan pada pemimpin yang cuma pandai 'faraid'kan harta rakyat.

Ada bangunan tidak sempurna; ada pasar tidak sempurna, ada 'Public transport' tidak sempurna; ada warong pun tidak sempurna. Kita tahu, Johor Bahru Bandar Warong. Tapi jadikanlah warung macam warung di Singapura. Kalau segala kemudahan untuk rakyat tidak sempurna, bagaimana perangai rakyat hendak sempurna. Salahkan rakyat tidak mahu patuh pada undang-undang, adalah tidak patut kerana pemimpin tidak mahu membetulkan kesilapan dan kesalahan.

Membetulkan pemimpin dan alat kerajaan bukan kerja Sultan. Kalau Sultan ada kuasa boleh ambil tahu tentang penyelewengan mungkin

pemimpin dan alat kerajaan akan berfikir dua kali sebelum membuat kesilapan dan penyelewengan.

Rakyat Johor takut dengan Sultan kenapa? Kalau kereta Sultan lalu, semua kereta lain berhenti. Kalau kereta Sultan dipandu perlahan tidak siapa berani memotong. Kenapa? Orang ramai tahu, potong kereta Sultan; tidak berhenti kalau Sultan lalu, alamat hendak kena tampar. Sultan Johor masa jadi Raja Muda dulu itu yang dibuatnya. Dia tahu kalau dia tidak berbuat begitu siapa yang hendak takut padanya. Dia sudah tunjuk contoh. Kenapa alat kerajaan tidak mengenakan hukuman pada mereka yang bersalah. Rakyat Johor sepatutnya mesti berani dan agresif macam Sultan mereka. Tengok saya, saya ikut perangai Sultan saya, Saya tidak peduli. Apa yang tidak betul semua saya tulis. Berdegil ; saya tulis banyak lagi.

Saya teringat cakap Mahathir pada saya bila saya bertanya padanya. "betul ke Datuk, Sekarang ini Penulis diberi kebebasan penuh untuk menulis apa yang dia suka?"

'Awak tengok sajalah kebebasan akhbar. Kalau kita takut dikritik tentu ada akhbar yang kita sudah tutup. Siapa nak tulis apa dia suka. Kalau orang sudah tidak suka pada saya lagi, saya sanggup berhenti.'

Sedih juga hati saya dengar cakupnya yang begitu, tapi tukang angkat sampah, tidak boleh memikirkan itu semua. Asal ada sampah depan mata saya, tetap saya akan sapu, angkat, buang.

Sekiranya ada orang yang terfikir saya ini juga adalah sampah yang sudah masuk ke mata mereka, nasib sayalah. Umur saya pun sudah melebihi empat puluh tahun. Sudah sampai masanya saya menyerahkan tubuh badan dan hidup ini untuk Tuhan saya. Sebagai seorang hamba Allah saya mengharapkan keredaan dari Allah, untuk dunia dan akhirat. Lagipun dunia ini apa sangat cuma tempat kita tumpang lalu. Dan sambil kita lalu kalau ada kebaikan yang kita boleh buat, kita buatlah dengan baik dan sempurna, kerana kita tidak akan lalu lagi di jalan yang sama. Seandainya kita tidak beriman hiduplah kita di dalam kerugian.

“Tidak ada seorang pun rakyat Malaysia yang mempunyai kedudukan melebihi undang-undang, tidak kira betapa rapatnya dengan kuasa atau pengaruhnya.

Undang-undang di Malaysia dirumus melalui sistem demokrasi berparlimen tersendiri dan tidak ada siapa yang pernah mencabarnya.”

Datuk Musa Hitam

Kuala Lumpur 19 Julai 1983



KALAU PEMIMPIN MERAJUK

KITA tidak sepatutnya terkejut bila Mahathir kata dia sanggup berhenti kalau ada orang yang tidak sukakannya demi perpaduan UMNO. Dia mahu kalau boleh semua orang sukakan ideanya. Ada orang dah beri dia mandat, sampai tahun 1985. Kalau takut dilambung ombak jangan bermain di tepi pantai, kalau takut mati dalam gelanggang jangan cuba nak jadi hero.

Mahathir tidak semestinya mengadakan pilihanraya pada tahun 1981, dia boleh buat kalau dia mahu, pada bulan April tahun ini. Tapi kenapa dia buat juga pada 22 April 1981?

Dia kata dia mahukan mandat dari rakyat. Yang lantik dia jadi Perdana Menteri dulu ialah Hussein Onn. Yang lantik dia jadi Presiden UMNO ialah perwakilan UMNO Rakyat Malaysia belum lagi berikan mandat kepada dia.

Tapi siapakah yang pernah mempersoalkan mandat ini? Bukankah Perlembagaan Malaysia telah memberikan mandat kepadanya?

Mahathir masih mempunyai masa satu tahun lagi untuk memperkuatkan kedudukannya sebagai Perdana Menteri sebelum dia mengosongkan kerusi Perdana Menteri untuk mendapat mandat baru. Tapi dia sanggup mengosongkan kerusi itu pada tahun lalu. Alasannya; dia mahu bekerja dengan licin tanpa diganggu oleh soal-soal pilihanraya.

Walau apapun Mahathir buat, walau siapa dia, yang pastinya dia tak akan boleh bekerja sendiri. Dia perlukan Musa. Dia perlukan Tengku Razaleigh. Dia perlukan Anwar Ibrahim. Dia perlukan ramai lagi. Dia perlukan Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Harun, Sanusi Junid, Rais Yatim, Shahril Samad, Wan Mokhtar, Rahim Bakar, Shari-fah Dora, Siapa lagi? Fikirlah. Barangkali Mahathir juga perlukan suara Kassim Ahmad dan Razak Ahmad dari P.S.R.M. dalam parlimen. Atau barangkali juga suara Fadhil Noor, di samping suara dan tenaga Rahim Tamby Chik. Fikirlah. Dan janganlah lupa kepada diri kita sendiri. Mahathir juga perlukan kita, seperti kita juga perlukan dia.

Sementara dia baik kita sokong dia, kita bantu dia, kita pelihara dia. Kalau dia cuba menyeleweng nanti inilah ceritanya. Itu tanggung-

jawab kita pula untuk mengingatkan dia, dan membetulkan dia. Jangan nanti bila ramai sangat orang yang percayakan dia, dia bertukar menjadi seorang diktator. Sekarang ini pun dia sudah mula mengukur sejauh mana kasih sayang rakyat padanya.

Mahathir bukan bodoh, merajuk pada tempat yang kasih, dia kata dia nak berhenti tentu ramai orang yang akan memujuknya, dan dia akan bercakap pada orang yang mahu mendengar, dan meminta pada mereka yang sudi memberi.

Macam-macam, orang boleh kata, boleh sangka dan boleh menuduhnya, macam-macam. Dalam negara demokrasi, tidak siapa boleh halang orang berfikir. Bukan perlu minta lesen kalau hendak 'kutuk' orang. Mahathir bukan tak tahu, Mahathir tahu. Bukan semua orang suka dia jadi Perdana Menteri. Dan dia pun bukan peduli sangat kalau ada orang yang tidak sukakannya.

Mahathir pun bukan suka pada semua orang. Orang yang taat dan dengar cakap dia, dia suka, kerana dia manusia biasa, sudah menjadi kelemahan setiap pemimpin suka orang yang mengganggu, suka orang setuju pada pendapat dan ideologinya. Mahathir nampaknya tidak suka bergaul dengan orang yang bukan dari kalangannya. Dia lambat mesra, tidak ramah dan tidak memberikan minat dan tumpuan dengan orang yang belum mengenalnya dan dia belum kenal. Dia tidak ada kuasa pemu-kau, kuasa 'magnet' yang sepatutnya ada pada setiap pemimpin besar, supaya orang merasa dialah yang paling rapat dan mesra bila berada bersamanya.

Orang baru, selalu terasa asing bila berhadapan dengan Mahathir. Dia 'berat mulut'. Dia tidak mempunyai kualiti yang ada pada Sukarno, cara membuat orang senang dan kasih padanya. Kalau cara dan gaya bergaul dengan rakyat ini ada pada Mahathir, dia tentu dapat mengatasi Almarhum Bung Karno.

Berbalik pada karier politiknya yang melibatkan orang ramai, Mahathir tahu, tapi dia nak buat juga pilihanraya cepat-cepat. Alasannya jelas dan tegas, berterus terang dan berani. Mana ada lagi tokoh politik kita yang macam itu? Saya percaya itulah bentuk rakyat yang dimahukannya, dia mahukan rakyat yang bersifat ikhlas dan bersikap terus terang

Sebab itu kita tidak sepatutnya takut pada Mahathir. Mahathir macam kita juga, kalau kita ada satu kepala, dia pun ada satu juga. Kita mengikutnya kerana kita fikir, ajarannya boleh memberi faedah kepada kita dan negara kita. Kenapa kita mesti berbuat sesuatu dengan tujuan untuk mengampunya? Atau kerana kita takut padanya? Dia cuma Ketua Kerajaan. Dia bukan Kerajaan.

Yang penting dia buat kerja dia, kita buat kerja kita. Kalau dia boleh buat semua kerja yang diamanahkan kepadanya dengan baik sebagai seorang Perdana Menteri kenapa tidak kita?

Kita mesti tunjukkan pada Mahathir yang kita boleh buat kerja kita lebih baik dari dia buat kerjanya, kerana kerja dia cuma memimpin 13 juta manusia saja, bukan 130 juta. Tuhan tidak

memberati seseorang melainkan apa yang disang-
gupinya.

Semua orang ada tugas dan tanggungjawab sendiri terhadap bangsa dan Negara. Tapi siapakah yang mahu memberitahu mereka bagaimana menjadi seorang rakyat yang baik dan berguna, *"If only everyone thinks he wants to be good, there will be less one rascal in this world"*.

Kita akan ikut apa pemimpin buat, tapi kita tidak mahu, ikut apa yang mereka suruh kita buat. Kenapa kita, di suruh menjadi *"Pak Turut"*, mereka juga harus bertanya pada diri mereka, apakah sumbangan mereka kepada Agama, Bangsa dan Negara?

Mahathir bukan Nabi yang punya mukjizat, bukan wali yang ada keramat, dia seorang manusia biasa, bagaimana dia dapat merubah hidup masyarakat yang sudah menjadi songsang, tanpa terlebih dahulu mengubah sikap manusia yang pernah di jajah, yang pernah hidup dengan rasuah? Hidup mewah dan bermalas, rakyat tahu ada orang atasan yang tidak suka cara Mahathir mentadbir negara. Orang atasan yang ada hubungan dengan orang parti. Nabi Muhammad tidak dapat mengislamkan bapa saudaranya sendiri. Nabi Noh gagal mempengaruhi anaknya untuk diselamatkan ke dalam bahtera. Apakah Mahathir akan dapat mengubah fikiran semua Pegawai tinggi kerajaan dan ahli UMNO supaya mengikut saja dengan taat perjuangan dan ideologinya?

Nabi Muhammad mengambil masa 23 tahun menyempurnakan tugasnya. Quran diturunkan dalam masa yang sama. Orang terlebih dahulu percaya dan cintakan Muhammad sebelum mengikut dan mempercayai ajarannya.

Mahathir mesti cari jalan memenangi hati rakyat supaya rakyat berani mati berjuang menghapuskan rasuah dan penyelewengan yang berlaku di dalam kerajaan yang nampaknya mulai di kuasai oleh golongan tertentu yang tidak senang dengan perubahan baik yang boleh merosakkan rancangan mereka.

“Saya akan berusaha untuk semua rakyat”. Dan menambah “Saya sanggup menerima hukuman, dari rakyat kelak, seandainya saya tidak dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan oleh rakyat.” Ucapan yang begini biasanya terdapat pada tokoh-tokoh politik yang ingin memperlihatkan kematangan karier politik. Begitulah juga dengan Dr. Mahathir yang ingin memperlihatkan ketokohnya dengan menanam pendapat umum tentang kebolehannya.

Ini bukan masa bercakap pasal kebolehan, rakyat tahu apa yang Mahathir hendak buat dan boleh buat. Kenapa kita tidak biarkan rakyat yang menyuarakannya melalui agensi-agensi kerajaan, bukan pemimpin yang bercakap tentang apa yang rakyat mahu?

Dalam zaman manusia susah hendak percaya kepada saudara kandung mereka sendiri, dan zaman manusia hidup sendiri-sendiri yang kaya hendak kaya lagi, yang berkuasa, terus mahu berkuasa

sampai mati, Mahathir lahir jadi Perdana Menteri di tengah-tengah masyarakat Islam yang hidup nafsu-nafsi, tentulah tugasnya lebih susah, dari pemimpin yang sebelumnya. Perkara ini mesti difahami betul oleh rakyat. "Rome was not built in a day".

Zaman Tunku jadi Perdana Menteri, dulu, lain. Masih ramai orang yang buta huruf. Orang takut pada pemimpin dan 'daulat'. Masih ramai orang yang lurus macam bendul. Orang Melayu cuma hidup untuk akhirat. Belum ada pembangunan. Manusia belum berebut-rebut kekayaan seperti hari ini. Hari ini ramai orang Melayu sudah jadikan dunia yang dikatakan syurga untuk orang kafir sebagai syurga mereka juga.

Dulu orang Melayu mudah percaya cakap pemimpin, takut dengan 'daulat', takut hantu, takut dengan pegawai, banyak sangat yang ditakutkan. Tapi sekarang orang buta huruf boleh dikatakan tidak ada walaupun yang penakut masih ramai lagi tapi sudah ramai yang mula berani.

Kenapa orang Melayu berubah, kerana pemimpin mereka berubah, kerana mereka ada pelajaran. Dan bila orang sudah pandai, dia mula berfikir dan orang yang tahu menggunakan akal fikiran mula menuntut haknya. Kalau Mahathir merajuk juga. Siapa yang rugi?

Mahathir jangan merajuk. Mahathir mesti bangun dan ajar anak-anak tirinya, anak dari peninggalan Tunku, arwah Tun dan Hussein Onn, supaya menghormatinya kalau mereka mahu UMNO pan-

jang umur. Mahathir mesti ingat "*In order to be kind you have to be cruel*". "Sayang anak dipukul-pukulkan". Ikutkan sikit pesan orang tua-tua. Jepun saja yang boleh ajar orang Melayu. Jangan suruh rakyat pandang saja ke timur, gunakanlah sikit cara Jepun ajar Melayu. Orang Melayu cepat belajar, kalau guru mereka garang, dan tegas. Kalau pemimpinnya lembut sangat dan banyak tolok ansur orang Melayu tidak takut. Ada pemimpin UMNO yang tidak kesah kalau Mahathir hendak merajuk. Mereka boleh jadi Perdana Menteri.



SEMUA NAK JADI PERDANA MENTERI

SEJAK Mahathir jadi Perdana Menteri, ramai sangat pemimpin UMNO yang mahu jadi Perdana Menteri selepasnya. Maka timbullah pertanyaan Siapa Selepas Mahathir?. Semacam ada perasaan kepingin dan iri hati. Yang pernah jadi Perdana Menteri, yang sudah bersara dari politik pun turut sibuk semula berpolitik.

Semasa Tun Razak jadi timbalan, tidak pernah timbul masalah Siapa Selepas Tunku? Orang ramai "*take things for granted*" selepas Tunku mestilah Tun Razak. Walau pun Tun Razak pernah menentang Tun Dr Ismail dalam merebut jawatan Timbalan Presiden, akhirnya Tun Razak jadi Perdana Menteri dan Tun Dr Ismail jadi Timbalan hinggalah keduanya menjadi arwah. Tidak siapa yang mengungkit dan menyebut perkara itu lagi.

Pertandingan antara Musa dan Ku Li adalah pertarungan antara dua gajah. Orang UMNO mahukan Ku Li sebagaimana mereka juga mahukan Musa, diluahkan mati emak, ditelan mati bapa. Semuga Mahathir bukan seperti pemimpin di zaman Singapura dilanggar todak.

Sewaktu Tun Razak jadi Perdana Menteri dan Hussein Onn jadi Timbalannya, soal "Siapa Selepas Tun" pun tidak timbul. Ahli UMNO dan orang Melayu ketika itu menyerahkan segala-galanya kepada adat dan tradisi UMNO. Hussein Onn sudah dipilih jadi Timbalan, tentulah nanti dia yang akan jadi Perdana Menteri.

Bukan senang hendak jadi Presiden atau Timbalan Presiden UMNO. Biar pun orang UMNO nampak berlemah lembut dan boleh berkompromi, tapi bila mereka marah, sejarah menjadi contoh dan teladan.

Kini Mahathir sudah jadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri. Nampaknya belum ada siapa pun yang mahu merebut kerusi Presiden. Kenapa? Apakah Sulaiman Palestin tidak mahu menjadi penderhaka lagi? Apakah dia tidak hendak melawan tauke yang baru ini? Dulu dia lawan Hussein Onn untuk merebut kerusi Presiden, kenapa? Pada hal ramai yang menegah dan tidak bersetuju. Adakah menentang Presiden memang tujuannya? Atau ada tujuan lain yang membuat dia berani mencabar dan menggugat? Orang Melayu termasyhur kerana sifat taat. Tapi orang Melayu juga terkenal kerana pandai mengamuk, kata British; kerana British sudah tengok orang Melayu mengamuk.

Di zaman Datuk Onn, Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak, kerusi Presiden bukan sahaja tidak ditandingi malah kerusi Timbalan Presiden juga tidak pernah dipertandingkan, kecuali pada satu ketika apabila Tun Razak menentang Tun Dr. Ismail.

Percubaan Haji Sulaiman Palestin hendak merampas jawatan Presiden UMNO itu sebenarnya menunjukkan kematangan orang Melayu berpolitik. Ia jelas menunjukkan bahawa apa juga jawatan dalam parti boleh ditandingi asalkan undang-undang sesebuah parti atau pertubuhan itu melakukannya.

Nama Haji Sulaiman diusulkan oleh UMNO Cawangan Jalan Menteri dalam Bahagian Kuala Lumpur Bandar. Walaupun pada awalnya usul itu banyak menerima bantahan, namun ia diterima juga akhirnya.

UMNO mengamalkan demokrasi. Melalui demokrasi apa pun boleh jadi. Apa yang hendak ditakutkan. Masalah lawan tauke, Allahyarham Datuk Onn (Bapa UMNO) adalah pemimpin yang selalu lawan tauke. Ahli UMNO tidak tahu sejarah pemimpinnya. Melawan tauke tidak bererti mahu jadi tauke. Tapi Mahathir nasib baik dia lawan tauke akhirnya dia jadi tauke.

Orang Melayu memang suka kepada orang yang berani. Benarkah begitu? Atau pemimpin Melayu sukakan pengikut yang bersifat "yes boss"? Sejarah saja yang dapat menceritakan. Allahyarham Datuk Onn menjadi popular kerana beliau berani. Begitu juga dengan Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar

yang hingga mati masih membawa gelaran "Singa UMNO". Mereka adalah pemimpin UMNO yang benar-benar berani. Berani kerana benar.

Sulaiman Palestin dan Aziz Ishak adalah orang-orang yang berani menentang pucuk pimpinan. Kata orang tua-tua, bukan salah ibu mengandung, tapi nasib badan tidak beruntung. Pemimpin UMNO ketika itu tidak suka ditentang dan orang Melayu di zaman itu taat membuta. Apakah pemimpin Melayu hari ini suka ditentang?

Perlembagaan UMNO sendiri membolehkan seseorang Presidennya ditandingi. Dan pertandingan pertama itu walaupun kurang disenangi, ia telah mencatat satu sejarah baru dalam UMNO.

Perlembagaan UMNO juga menetapkan bahawa tidak semestinya seorang Presiden itu menjadi Perdana Menteri dan seorang Presiden berhak untuk menolak jawatan Perdana Menteri. Apakah pertandingan untuk merebut jawatan Presiden UMNO ini akan terus berlaku setelah Haji Sulaiman Palestin meneroka dan memecahkan tradisi UMNO? Jawapannya tunggulah tahun 1984 nanti.

Semua Nabi tidak ada perselisihan menerima peraturan Allah. Semua peraturan Allah semenjak dahulu, sama. Perintah Allah adalah suatu keputusan yang tetap: Al-Quran.

Pemimpin bukannya nabi. Mereka adalah manusia biasa. Konflik antara seorang pemimpin dengan pemimpin yang lain adalah satu perkara biasa, yang kadang-kadang juga satu kebijaksanaan. Mereka bukannya menerima wahyu dari Allah.

Terserahlah pada kita memilih antara mereka. Undi kita adalah rahsia. Pemimpin cuma boleh memerintah, yang berkuasa hanya Allah.

Kata Dr. Mahathir : "The winner will not take all, the loser will not lose all". Yang menang mendapat hadiah, yang kalah akan cuba lagi. Siapa tahu untung batu 'timbul', untung batu di dasar laut hari ini lebih baik dari harga sabut kelapa. Yang menang tidak mendapat sokongan dari semua ahli UMNO dan yang kalah juga tidak kehilangan semua pengikutnya.

Di hati kecil hampir setiap menteri terselit keinginan untuk menjadi Perdana Menteri. Sekarang ada bermacam pendapat dan ramalan mengenai Siapa Selepas Mahathir? Mengikut ramalan saya, nasib Tengku Razaleigh Hamzah kali ini lebih baik dari nasib Datuk Musa Hitam.

Kalau kita sudah ada seorang Perdana Menteri yang baik, buat apa hendak cepat-cepat sangat tukar Perdana Menteri? Tukar-tukar Timbalan tidak mengapalah kerana orang nombor dua belum tentu jadi orang nombor satu. Lagi pun apa salahnya kita menguji kewibawaan, menguji kejujuran dan keikhlasan pemimpin? Kerana rakyat mengharapkan pemimpin selepas Mahathir mestilah orang yang menunjukkan kepimpinan melalui teladan.

Saya tidak tahu samada para pemimpin yang ingin jadi Perdana Menteri sedar Mahathir jadi Perdana Menteri bukan kerana tuah nasib dan untung semata-mata. Dia telah berkorban dan pernah terkorban sebelum mendapat kerusi itu.

Tun Razak telah mengambil risiko menerima orang buangan yang telah menggugat kedudukan seorang Perdana Menteri untuk memperbaiki umat Melayu dan membawa perubahan kepada bangsa dan negara. Mahathir menggugat bukan untuk kepentingan diri. Ini harus diperhatikan oleh para pemimpin hari ini.

Kata orang, Tun Razak termakan budi. Kalau tidak kerana keberanian Mahathir belum tentu Tun Razak boleh ganti Tunku selepas peristiwa 13 Mei 1969. Mungkin sampai hari ini Tunku mahu terus jadi Perdana Menteri. Orang Asia kalau sudah jadi pemimpin, selagi belum mati dia tidak mahu berganjak dari kerusinya. Kebanyakan pemimpin Asia mahu jadi pemimpin sampai mati, melainkan digulingkan atau digugat. Tapi Malaysia boleh berbangga kerana telah empat kali bertukar Perdana Menteri tanpa huru-hara dalam negara.

Dr Mahathir tidak mensia-siakan amanah dan kepercayaan yang diberikan oleh Tun Razak padanya.

Mahathir naik bukan dengan mengampu, bukan kerana tangkal dan jampi bomoh. Pada pendapat saya Mahathir tidak berapa suka dengan pengaruh bomoh dan tukang telek. Dia seorang doktor perubatan. Dia seorang yang praktikal. Ikutkan hati mati, ikutkan nafsu lesu, ikutkan rasa binasa, jadi pemimpin bukan senang. Mengikut ramalan, Dr. Mahathir akan menjadi Perdana Menteri untuk satu penggal lagi.

Selain dari Allahyarham Tun Razak, Tun

Hussein Onn juga telah mengambil risiko meletakkan Mahathir di kerusinya hari ini. Dia terpaksa mengambil masa selama satu bulan sesudah jadi Perdana Menteri baru mengumumkan nama Timbalannya. Keputusannya yang tepat dan berani itu patut disanjung tinggi oleh umat Melayu dan rakyat Malaysia.

Ramai di antara mereka yang pernah diramalkan akan jadi Perdana Menteri dan yang merasakan dirinya paling layak, keciwa. Akibatnya timbullah dendam membara. Menteri yang pertama menyokong pilihannya, ialah Ketua Menteri Melaka, Datuk Setia Ghani Ali dan telah hilang kerusi akibat keberaniannya. Keputusan Hussein Onn telah mengecewakan ramai pemimpin yang lebih senior dari Mahathir.

Tun Hussein Onn tidak sehebat Mahathir. Tapi kalau tidak kerana keberanian dan kecekapannya mengambil keputusan, kita tidak tahu apa akan terjadi pada UMNO dan negara kita. Tun Hussein Onn seorang yang tegas, berani dan bertanggungjawab terhadap keputusannya. Dalam prinsip hidupnya beliau tidak bertindak semata-mata untuk menyenangkan hati semua orang. Dia tahu dia tidak boleh buat begitu. Bumi mana yang tidak ditimpa dek hujan, lautan mana yang tidak bergelombang. Dia manusia biasa yang tidak sepi dari membuat salah dan silap. Akibatnya dia tanggunglah sendiri. Berat mata memandang berat lagi bahu memikul.

Beliau melantik Timbalannya bukan kerana Mahathir mendapat undi terbanyak di persidangan

UMNO. Jumlah undi boleh berubah dari tahun ketahun mengikut nasib dan kebijaksanaan dan keupayaan serta kementerian yang dijawat oleh pemimpin yang mendapat kelebihan undi. Tun Sardon dan Ghaffar Baba pernah mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan Majlis Kerja Tertinggi kerana menjadi orang yang paling popular. Tapi sampai hari ini mereka masih belum jadi Perdana Menteri.

Nampaknya dalam UMNO terdapat satu macam cara tolong menolong dan persefahaman memberikan peluang kepada mereka yang berhak. Saya fikir UMNO boleh memerintah hingga ke hari ini dan tidak berlaku perpecahan, adanya sifat bertolak ansur dan sanggup mengalah. Walaupun begitu, mereka yang bersikap pendendam, keras kepala dan berperangai bodoh sombong tidak diberi keutamaan.

Datuk Harun pernah memberi Mahathir peluang. Jasa usaha dan keberanian Harunlah yang mempertemukan semula Tun Razak dan Mahathir di Morib. Datuk Harun mengambil risiko membawa Mahathir kembali kepangkuan UMNO, akhinya Tun Razak dengan Mahathir berbaik-baik. Datuk Harun pula yang terkeluar. Nasib seorang pejuang keluar-masuk penjara, bangun-jatuh, sudah menjadi lumrah. Bukan salah ibu mengandung.

Mahathir pula memberi peluang pada Rahim Bakar, pemimpin UMNO yang ultra, yang berjiwa rakyat, yang berani, tegas, degil, keras kepala, tunduk cuma pada Perlembagaan Negara dan UMNO serta kemahuan rakyat. Mungkin Mahathir mahu-

kan beberapa orang lagi pemimpin muda yang berperangai tak makan saman. Pemimpin yang tidak mahu bertolak ansur dan berkompromi dengan sesiapa saja kalau hasil berpakat boleh merugikan orang Melayu dan rakyat.

Anwar Ibrahim merupakan salah seorang tokoh pelajar yang pada ketika kejatuhan Mahathir turut serta membantu perjuangan Dr. Mahathir. Pelajar-pelajar memberi sokongan kerana mereka sudah 'termakan' dengan idea-idea yang dibawa oleh Mahathir. Banyak sekali demonstrasi pelajar menentang Tunku dan menyokong perjuangan Dr. Mahathir. Tapi bila Mahathir naik keatas, pelajar tidak dibenarkan berjuang menggunakan saluran politik. Mahathir tahu bahayanya.

Kebiasaan manusia perjuangan, bila lepas menyeberang jambatan dibakar. Ini satu dari taktik peperangan. Kalau hendak hidup senang dan selamat di kerusi mesti pandai jaga keselamatan diri sendiri. Orang yang baru nak pandai bukan boleh diberi kebebasan banyak sangat, akhirnya mereka merosakkan negeri. Pepatah Arab, jangan biarkan ahli bijak pandai lapar, nanti huru hara negara, dan jangan biarkan orang yang bodoh terlalu kenyang, negara juga akan berada dalam bahaya.

Dan ada pula peribahasa yang mengajar kita: Lebih baik jadi harimau sehari, dari hidup seribu tahun menjadi kambing. Harimau mati meninggalkan belang. Harimau mati menjadi buah mulut orang. Beribu-ribu kambing mati disembelih setiap hari tiada siapa yang mahu pandang.

Selain dari Datuk Musa terdapat Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Harun Idris dan Anwar Ibrahim dan Abdullah Ahmad Badawi - nama pemimpin muda "Ciklah"; "*blue eye boy of Dr. Mahathir*" Kata orang dia adalah orang yang disebut-sebut sebagai Siapa Selepas Mahathir. Hari ini dia adalah calon nombor satu Siapa Selepas Musa. Ramalan ini telah saya tulis dalam buku saya *Siapa Selepas Musa* yang diterbitkan pada tahun 1981.

Abdullah Ahmad Badawi berpolitik kerana ingin menyalurkan bakti melalui saluran politik. Itu menjadi azam beliau. "Cik Lah" dianggap sebagai pemimpin politik bertaraf Imam. Bukan kerana dia anak orang alim yang termasyhur. Arwah ayah dan datuknya telah banyak menabur bakti kepada Agama, Bangsa dan Negara. Dalam setiap perbualannya selalu diselitkan Hadith dan Firman. Dan setakat ini, hidupnya bolehlah dikatakan mengikut akidah Islam.

Kita perlukan lebih ramai pemimpin yang bijaksana dan baik. Kalau dapat yang lebih baik, tentu rakyat lebih beruntung.

Rakyat tidak perlu bimbang siapa yang akan jadi Perdana Menteri selepas Mahathir. Nasib rakyat dan negara di tangan Tuhan. Manusia cuma menjalankan apa yang sudah tersurat. "*Man's proposal God's disposal*" Cuma kita berdoa ke hadrat Allah agar Dr. Mahathir dipanjangkan umur, sihat wal'afiat dan dilindungi dari segala macam penyakit yang boleh menyebabkan dia terpaksa bersara. Kita sudah ada dua Perdana Menteri yang sudah bersara dan entah berapa banyak Menteri yang sudah

pencen. Kita bimbang mereka nanti buat persatuan pulak, dan ada di antara mereka pula yang ingin juga jadi Perdana Menteri.

Tuhan telah menjadikan manusia berkuasa di permukaan bumi. Sebahagiannya ada yang diluhurkan darjatnya beberapa tingkatan yang lain, kerana Tuhan hendak menguji atas pemberianNya. Tuhan itu cepat memberi hukuman. Sungguh Dia Pengampun dan Penyayang.

— Al-Quran



GODFATHER UMNO (HARUN'S CONNECTION)

DATUK Harun Idris, Naib Presiden juga Pengerusi Ko-op Bersatu dinasihatkan oleh seorang pemimpin veteran UMNO: "*Jaga Datuk, Datuk ada ramai musuh*". Untuk apa Harun diberikan peringatan yang sebegini. Apakah orang yang memberi nasihat itu takut sendiri pada Harun?

Kenapa Harun mempunyai ramai musuh politik? Siapa yang memusuhinya? Kenapa mereka mesti memusuhinya?

Orang yang takut mendekati dirinya dengan bahaya tidak akan berjaya. Kalau takut dilambung ombak, duduk saja dalam hutan. Kalau rimau tidak makan, nanti buaya yang telan. Katakan di mana tempat cari makan yang tidak ada setan? Dan di mana-mana pun juga, ada Tuhan.

Harun sekarang salah seorang Naib Presiden yang terkuat. Kalau dia mahu lagi duduk di situ, dia boleh, kerana dia mempunyai ramai pengikut. Kalau dia mahu duduk di kerusi Timbalan Presiden juga boleh. Naib Presiden UMNO, ialah jawatan yang ketiga pentingnya dalam parti. Hanya dua anak tangga lagi untuk mencapai jawatan Presiden yang sekarang dipegang oleh Mahathir.

Siapa saja yang mempunyai cita-cita untuk menjadi seorang Perdana Menteri, akan cemburu dan mungkin memusuhi Harun, kerana kalau Harun sudah duduk di kerusi Timbalan nanti, mereka apa jadi? Dan jelaslah musuh politik Harun adalah orang Melayu juga, ahli UMNO sendiri. Mungkin juga orang yang selalu bersalam dan bermesra dengannya. Musuh politik susah hendak dikenal, tapi bagi mereka yang berpengalaman, *sekilas ikan di air sudah kenal jantan betinanya*.

Semua orang tahu, orang kampung pun sudah tahu, dalam UMNO sekarang ada 'Godfather', ada politik 'ala mafia'. Siapa yang tidak mempelajari bagaimana menjadi ahli golongan yang tertentu ini, jangan mimpi boleh naik ke atas, melainkan dengan pertolongan Allah. Contoh yang jelas pertandingan Musa - Ku Li dan Suhaimi - Anwar. Siapa 'Godfather'-nya, kalau bukan Datuk Harun.

Godfather dalam UMNO ini bukan sembarangan pemimpin. Datuk Harun sudah sampai ke taraf "Boss" yang mempunyai ramai anak buah. Di zaman Tun Razak, pengaruhnya hampir sama besar dengan Tun Razak. Di zaman Hussein Onn jadi Perdana Menteri, sampai sakit teruk Tun Hussein dan akhirnya terpaksa letak jawatan, memikirkan peran-

an dan pengaruhnya. Harun mempunyai perhitung-an politiknya yang tersendiri. Dia harimau yang tidak boleh ditepuk-tepuk kepala. Harun pemimpin yang berisi 'luar dalam', *'Harun's Connection'* ternyata yang terkuat dalam negara hari ini. Pucuk pimpinan yang tidak mahu berunding sesuatu dengan *"Godfather"* sebelum mengambil keputusan, akibatnya *'garu kepala yang tidak gatal dan tepuk dahi, sakit hati'*.

Politik tidak pernah sunyi dari cabaran, sebab politik ialah permainan orang-orang yang berani mencabar, dan bersedia dicabar. Harun jenis manusia yang berani dilambung gelombang. Kalau dia takut dengan cabaran, *tentulah dia telah berhijrah ke Bangsa-Bangsa Bersatu. Tapi dia memilih penjara daripada penipuan prinsip. Dia bukan pemimpin berjiwa kambing.* Kerana bersedia dipenjarakanlah dia menjadi bertambah popular dan bertambah kuat.

Orang yang berani mendekati diri dengan bahaya satu hari dia pasti akan berjaya. *Do a thing that you fear to do, do it often, until you get a successful experience from it.* Itulah yang telah dilakukan oleh Harun. Kalau UMNO tidak mahu hancur macam parti kongres India, pucuk pimpinan mesti pandai main peranan berpakat dengan *"godfather"*; *"godfather"* dan politik *'ala mafia'* yang nampaknya sudah jelas berada di dalam parti. *Umur UMNO sudah lebih suku abad, sudah tua, sudah tidak kuat lagi. Dengan berpakat saja UMNO boleh selamat dan panjang umur.*

Cerita, *'semangat tahun empat puluhan'* yang cuba dilaung-laungkan oleh pucuk pimpinan untuk menyatupadukan UMNO, adalah cerita lama yang sudah basi ibarat filem, *'sudah beberapa kali di-*

tunjukkan di pawagam kelas tiga untuk tayangan 'cheap mat'. Orang UMNO dulu dan sekarang tidak sama. Dulu orang Melayu masuk UMNO hendak memerdekakan bangsa dan negara dari belunggu penjajah. 'Hari ini tanyalah ahli UMNO kenapa jadi ahli?' Kalau tidak ada kepentingan diri, siapa yang hendak jadi Ahli Parti ataupun mereka dibeli untuk menambah undi, betul atau tidak? Jawablah sendiri.

Semua orang tahu apa yang sedang berlaku di luar dan di dalam UMNO. Semangat perjuangan sudah pudar, keikhlasan dan kejujuran terhadap orang Melayu, tinggal macam tu saja. "Sense of belonging juga Sense of responsibility" macam tidak ada dalam diri para ahli. Sebab itu mereka sanggup menyeleweng, berani bertarung sesama sendiri untuk berebut kuasa, mereka terlupa tujuan berparti. Sebab itu untuk kekal berkuasa mereka terpaksa menunjuk dan cuba mengadakan kekuatan yang tidak kena pada tempatnya. Tapi sejauh ini belum terdapat sesiapa yang boleh menewaskan 'Harun's Connection.' Musa sendiri mengaku dia pernah bergurukan 'Godfather'.

Datuk Harun pernah memberi Musa peluang untuk menang merebut jawatan Timbalan Presiden melalui kuasa undi 'penentunya'. Antara anak saudaranya sendiri, Haji Suhaimi dengan Anwar, dengan tegas dan berani dia menyokong Anwar. Kerana pengaruh "Godfather" ini telah memberikan kemenangan kepada Anwar untuk menjadi Ketua Pemuda UMNO. Allah saja yang tahu bagaimana pengaruh Datuk Harun. Dan Allah menolongnya sebab itu dia boleh menang.

Pendapat umum mengatakan Datuk Harun Idris akan binasa dalam karier politiknya bila beliau dihukum penjara kerana terlibat dalam kes rasuah Hongkong & Shanghai Bank. Orang yang sudah jadi banduan tidak boleh jadi pemimpin negara. Itu pendapat rakyat yang taat pada Perlembagaan Negara. Tapi perhitungan politik tidak sama. Harun timbul semula, seperti timbulnya matahari selepas diselubungi awan hitam. Hanya Allah saja yang boleh menentukan nasib manusia. Allah yang telah menghidupkan kita, dan dia juga nanti yang mematikan kita. *Selagi manusia belum mati kita tidak tahu nasibnya. Hanya Allah saja yang tahu.*

Mungkin Mahathir mempunyai falsafah macam Almarhum Sukarno: *Right or Wrong my people, Good or Bad my Country.* Pergi jahanam dengan pendapat dunia. Yahudi merampas negeri orang, membunuh dan mengganas, apa Bangsa-Bangsa Bersatu buat? Barat cuma bising-bising begitu saja. *Soal negara kita, kita yang lebih tahu.*

Apabila timbul kebenaran, yang batil akan gugur dengan sendirinya. Masa dan waktunya yang dapat menentukan siapa sebenarnya yang bersalah.

Bagi mereka yang cuba naik ke atas dengan memijak kepala orang, dengan menikam kawan dari belakang, dengan cara fitnah dan menyeleweng dan mengkhianati perjuangan tidak akan selamat di dunia dan di akhirat.

Pembalasan dari Tuhan hari ini tidak sempat terkena pada anak cucu. Dalam zaman yang serba cepat dan maju pembalasan dari Allah datangnya cepat juga. Kita semua ada mata, ada telinga, ada

kepala, pandang, dengar dan fikirkanlah. *If it pays to be evil, no body's want to be good.* Tidak ada manusia yang menganiayai dan memfitnahkan kawan yang boleh hidup selamat.

Bila Harun diberi peluang oleh Mahathir, ramai yang tidak senang, terutama mereka yang cemburu, yang dengki dan, tidak mahukan kehadirannya. Hingga hari ini Harun Idris (Bapa Pemuda UMNO) masih mempunyai ramai peminat, ramai pengikut dan tidak kurang pula musuh politik. Semua pemimpin mempunyai ramai musuh. Mahathir sendiri pun banyak musuh. Nabi pun dimusuhi orang, inikan pula pemimpin yang cuma manusia biasa.

Kehadiran Harun begitu menakutkan mereka yang tidak percaya pada Qada' dan Qadar. Lebih-lebih lagi apabila *ada ramalan yang mengatakan tidak mustahil beliau akan bertanding sebagai Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1984.* Ada juga yang meramalkan tidak mustahil Harun satu hari nanti akan menjadi *Presiden UMNO dan Perdana Menteri.* Allah yang menentukan pemimpin kita, bukan manusia. Kenapa takut dengan ramalan manusia?

Perkara yang menakutkan setengah golongan dalam Parti ialah *'Harun Connection'* dengan Tengku Razaleigh Hamzah. *'Kalau Harun berdiri di belakang Tengku Razaleigh, Insya Allah Ku Li akan menang.'* dan sekarang nampaknya mereka berdua berbaik. Dengan Anwar Ibrahim, *'Godfather'* sayang juga dan **"BIG BOSS MR. PRESIDEN"** nampaknya kasi *'Godfather'* muka, kasi jalan untuk naik. Kalau Harun hendak hidup, pandai-pandai dialah. *'Perahu di tengah laut, dayung ada di tangan.'*

Ini bukan zaman bermenung, ini bukan zaman berangan-angan.

Politik satu perkara yang serba mungkin. Mereka kata mereka tidak mahu *Banduan jenayah keluaran Penjara Pudu jadi Perdana Menteri*. Itu sajalah alasan yang paling kuat yang dapat mereka kemukakan, tapi kehendak Allah siapa tahu? Mana ada manusia yang dilahirkan bersih?

Ada orang takut Datuk Harun akan terpedaya dengan orang di sekelilingnya. Harun pernah berada di kemuncak, pernah jatuh terhempas remok, kini mulai naik semula. Kalau dia beringat, dia selamat. Seandainya dia lalai, lupakan kebesaran Tuhan, Allah akan menghukum orang yang tidak mensyukuri nikmatnya. Biarkanlah mereka yang pernah menentanginya dulu, binasa kerana dosa-dosa mereka. Setiap gerak adalah dari Allah. Dia mesti berani membuang yang keruh, dan mengambil yang jernih, mesti sedia memberi maaf dan tidak boleh menyimpan dendam.

Harun sendiri adalah manusia biasa, dia sendiri pun pernah melakukan kesalahan dan kesilapan dan dia telah menerima pembalasan di dunia, dia tenang, dia tidak menggelabah, tidak cuba hendak bunuh diri semasa dilucutkan dari pangkat dan kebesaran. *Segala yang telah berlaku ke atas dirinya sudah cukup untuk memendekkan umur orang yang tidak beriman*. Orang yang tidak mempunyai jiwa perjuangan, boleh jadi gila atau mungkin tidak akan sempurna lagi hidupnya. *Inilah orang yang dinamakan Ahli Politik. Seorang tokoh yang boleh menjadi legenda.*

Mahathir beri Harun Idris kesempatan, macam mana Tun Razak memberi Mahathir peluang. Maha-

thir beri Harun peluang bukan kerana pernah ter-
makan budi Harun, bukan kerana Harun kawan
setia, teman seperjuangan seorang 'nasionalis'
macam dia, tapi kerana UMNO mahukan Harun.
Rakyat mahukan Harun, terutama orang Melayu.
Dan Mahathir kena dengar permintaan orang Me-
layu. Kalau dia sayangkan bangsanya.

Harun pemimpin Melayu yang Ultra. Pemimpin
yang berprinsip. Seorang yang jujur dan amanah.
Dia terkorban kerana parti dan orang Melayu, juga
kerana pengikutnya yang tidak jujur, yang terlalu
berharap dan bergantung padanya, selain dosa-dosa-
nya sendiri sebagai manusia biasa. Ini semua petun-
juk dari Allah.

Hari ini Datuk Harun Idris sudah dewasa dan
matang dari segi umur dan kepimpinan. *Mana ada
pemimpin UMNO yang lain yang sanggup mereng-
kok dalam penjara kerana ideologi dan prinsip?*
Sikapnya yang berani buat, berani tanggung, tangan
mencincang bahu memikul. Pemimpin yang sanggup
meninggalkan kedudukan dan hartabenda dan anak
isteri untuk terus berjuang dan membuktikan per-
juangannya boleh dikira dengan jari.

*Beribu anak muda berani masuk penjara, berani
mati kerana Harun.* Jadi terserah pada masyarakat
untuk menjadi hakimnya. *Kalau Harun hidup untuk
diri sendiri, adakah orang akan sanggup mati kerana-
nya?* Harun adalah pemimpin yang mempunyai
perasaan 'Sense of Belonging juga Sense of Respon-
sibility' terhadap pengikut juga Parti, dan bila ada
perasaan harmoni di dalam dirinya dapatlah dia
menanamkan perasaan yang sama kepada pengikut-
nya.

Kalau tidak kerana Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, kemungkinan perang saudara telah berlaku dalam negeri kita. Tunku yang mulia penyelamat suasana, Tunku membawa Harun keluar dari rumah ke penjara. Harun taat, seandainya dia berkeras bagaimana? Kalau orang lain yang berada di tempatnya apakah yang mereka lakukan?

Datuk Harun mempunyai kisah yang amat baik dijadikan contoh dan teladan. Dia anak Selangor, tapi orang-orang yang taat dan setia dan cintakan dia datang dari segenap pelusuk tanah air. *Saya sendiri pernah dilebel sebagai "Orang Harun" kerana setiap penulisan saya, saya tetap berdiri teguh menyokong perjuangan Harun. Dari dulu hingga ke hari ini.*

Saya bawa satu contoh, salah seorang yang taat dan setia dari mula hingga ke hari ini masih menyanyungnya ialah Abdullah Ismail. *He serves only one Master*. Abdullah Ismail anak Trengganu berjiwa waja, satu ketika dulu orang kuat Pemuda, pemimpin muda yang berani dan lantang suaranya.

Dia percaya Datuk Harun tidak bersalah, dia tidak peduli, biar orang semua kata Datuk Harun salah, dia tetap bersama Datuk Harun, *kerana perjuangan Datuk Harun*. Dia berpegang pada falsafah 'timbang kanan, timbang kiri', 'bersama hidup bersama mati'. Hati kuman sama dicecah, hati gajah sama dilapah.

Katanya *'Ada sesuatu pada Datuk Harun yang tidak terdapat pada pemimpin yang lain. Datuk Harun hidup matinya kerana politik, dia taat setia pada UMNO. Biar dalam keadaan yang macam mana sekalipun, sesudah Datuk Harun difitnah, di-*

khianati dia tidak tahu merintih dan merajuk, dia tetap juga dalam UMNO. Inilah dia seorang pemimpin yang 'Comitted' kepada perjuangannya' kerana itu Che Lah memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi. Inilah pemimpin yang mengamalkan kepemimpinan melalui teladan.

Bukan tidak ramai pemimpin UMNO yang mahu jadi macam Datuk Harun, tapi mereka tidak ada 'comitment'. Mereka makan di warung, berbaik dengan rakyat sekadar mencari 'publicity'. Dalam diri tidak ada *nilai-nilai hidup yang mesti ada pada seorang pemimpin.*

Pemimpin sejati dari hati sanubarinya dia cintakan pengikut, sanggup ikut, buat apa saja yang dibuat oleh pengikut. Masa jadi 'Menteri Besar' dulu lagi Datuk Harun biasa makan di warung, di benteng, di Chow Kit Road, dia membuat sesiapa saja yang baru berkenalan dengannya merasakan begitu mesra.

Dr. Mahathir sendiri tidak ada kewibawaan dan karisma peribadi yang ada pada Datuk Harun. Dr. Mahathir tidak sanggup dan boleh buat apa yang Datuk Harun buat dalam pergaulan sehari-hari dengan masyarakat.

Kalau kita katakan, parti itu kerajaan dan kerajaan itu parti. Dua vice Presidennya Datuk Harun dan Che Ghaffar tidak memegang jawatan kerajaan. Datuk Harun tidak merungut, tidak pula mintaminta, kalau terjadi sesuatu kepada negara. Bolehkah kita harapkan Tengku Ahmad Rithauddin seorang saja sebagai Vice Presiden yang berjawatan kerajaan?

Hari ini Abdullah Ismail dan ramai lagi kawan-kawannya yang mahu sehidup semati dengan Datuk

Harun, namun begitu Abdullah Ismail masih macam itu juga, tidak dapat kedudukan politik. Sedangkan teman-teman seperjuangan yang lain sudah ada kerusi yang menggalakkan.

Selalunya beginilah nasib pengikut yang jujur dan setia. Dalam keadaan macam mana pun Abdullah Ismail menjaga terus Talasco Insuran yang diamanahkan kepadanya. Talasco Insuran adalah Syarikat yang ditubuhkan oleh Harun. Syarikat Insuran yang pertama milik bumiputra. Selain dari Talasco Insuran, Bank Rakyat adalah daya usaha Datuk Harun yang melayakkan beliau bergelar "*Nation Builders*". Pemimpin Melayu begini yang mengekalkan Amanah Hang Tuah *Tak Melayu Hilang Di Dunia*.

Datuk Harun adalah pemimpin yang ada hubungan semangat dan intuisi dengan rakyat, pemimpin yang banyak berjasa pada rakyat, terutama orang Melayu. Jasa dan baktinya pada orang Melayu di Selangor tak ada banding. Walau pun beliau tidak lagi menjadi seorang 'Menteri Besar', biarpun sudah kehilangan gelaran Yang Berhormat, dia masih mendapat penghormatan, dan kasih dari rakyat Selangor, juga dari orang Melayu yang berada di Wilayah terutama di kawasan Chow Kit Road dan Kampong Bahru di Kuala Lumpur, kerana keberanian dan jasa-jasa Datuk Harun mereka dapat berkampung dalam bandar.

Akhir-akhir ini timbul satu spekulasi politik, kononnya orang Selangor tidak suka Datuk Harun. *Political opportunist* tentulah tidak suka. Kemungkinan ada kesilapan dalam percaturan politik Harun dalam politik Selangor.

Itu perkara biasa. Manusia akan mengutamakan kawannya yang setia untuk duduk sekhemah dengannya, kerana dia belum lupa 'peristiwa tragis di Bukit Fraser'. Kalau ada orang yang marah pada Harun dalam pemilihan calon, bacalah sejarah bagaimana Harun dianiaya oleh kawan-kawannya sendiri, pada waktu dia memerlukan pertolongan. Ini sebagai ingatan kepada pemimpin dan orang politik. Dunia adalah pentas sandiwara. Engkau dan aku adalah pelakunya. *Kehidupan adalah satu muslihat. Dalam politik, perkataan 'penipuan' tidak pernah timbul. Pokoknya siapa yang lebih pintar?*

Kalau ada orang Selangor tidak suka Harun, adakah semua orang Johor sukakan Musa? Adakah semua orang Kedah sukakan Mahathir? Bila ada orang suka tentu ada orang benci, dan begitulah sebaliknya.

Antara isu yang hangat diperkatakan ialah "Harun anti Cina", dan Cina tidak suka pada Harun". Jadi?, apakah setiap Pemimpin UMNO yang Cina tidak suka, mesti diberhentikan? Selama menjadi Menteri Besar Selangor dulu, tidak ada pun protes dari orang Cina yang tak mahukan Harun jadi 'Menteri Besar', walaupun sehingga Harun dijadikan isu dan topik peristiwa di Bukit Fraser.

Tidak ada orang Cina yang lari meninggalkan Selangor dalam zaman pemerintahan Harun. Bahkan jelas pada kita, bahawa Harun bukan semata-mata pemimpin yang dikehendaki oleh orang-orang Melayu, orang Cina juga mahukan Harun. Kalau tidak, masa kan ada orang Cina yang sanggup membayar wang jaminan Datuk Harun di Mahkamah dulu.

Saya percaya orang Cina yang jujur dan ikhlas lebih senang diperintah oleh orang Melayu dari orang Cina sendiri. Pada ingatan mereka yang tidak terlibat dengan politik kecinaan, sekeras-keras pemimpin Melayu, ia masih ada lagi belas ikhsan kerana asas dan dasar keislaman serta adat yang sedia ada.

Agaknya nasib Harun sama dengan apa yang dilalui oleh Datuk Sri Dr. Mahathir dulu. Golongan tua takut Mahathir menjadi 'Perdana Menteri' konon kerana orang Cina tidak sukakan Mahathir. Mahathir berjiwa dan semangat Melayu. Mahathir dianggap orang kiri. Tapi hari ini orang Cina lebih suka Mahathir jadi Perdana Menteri.

Jatuh bangun perjuangan dan penglibatan Harun dalam politik terlalu banyak untuk diperkatakan, terlalu banyak hendak diceritakan. Biarlah sejarah menilainya. Yang perlu kita ketahui dengan jelas ialah era barunya telah bermula apabila beliau memenangnya kerusi Naib Presiden UMNO 1981 dahulu.

***BE**



MUSA DAN KU LI BERUBAH

ADA kawan yang mengatakan sekarang terlalu awal bagi orang ramai untuk memperkatakan **Siapa Selepas Mahathir**. Lagi pun perkara **Siapa Selepas Mahathir** nampaknya seperti semua orang sudah tahu. Jangan kata orang bandar, orang kampung pun semua sudah tahu, di mana saja gambar Mahathir digantung, di sebelahnya ada gambar Musa. Terdapat satu macam peringatan kepada orang ramai; Masalah orang selepas Mahathir. Siapa lagi kalau tidak Musa? Bukankah Musa sekarang Timbalan Presiden UMNO, juga Timbalan Perdana Menteri, dan bila Mahathir berada di luar negeri Musa jadi Perdana Menteri. Meragui Musa sebagai pengganti Mahathir boleh jadi satu kes berat, kerana Musa juga Menteri Dalam Negeri.



TENGGU MAHMOOD ISKANDAR
D.Y.M.M. Baginda Sultan Johor.



"Take it easy. Relax Brother. Lain kali I kasi you menang pulak." Itu ke perkataan yang dibisikan oleh Datuk Musa pada Ku Li. Encik Ghaffar macam tak percaya aje. *Perikan dari buku "Slapa Selepas Musa" 1981.*

Saya tidak setuju bila ada orang yang melebelkan saya sebagai *orang Musa*. Kenapa kita mesti dilebel sebagai *Orang Musa*? Berapa lama Musa boleh berkuasa? Siapa tahu nasib saya lebih baik dari nasibnya. Bukanlah kuasa yang ada pada dirinya boleh kekal sampai akhirat. Selagi diannya jujur, ikhlas, amanah dan bersih menjalankan apa yang diamanahkan. Buat apa yang disuruh, mungkin dia boleh duduk lama di situ. Kalau dia sombong, selalu cakap tak serupa bikin, dan tidak beringat, tengok sajalah nanti. Nasib manusia ini tidak selamanya baik. Kehidupan manusia macam roda. Kalau dia baik dengan kita masa nasibnya sedang baik. Bila nasibnya nanti tidak baik, kita boleh juga ingat akan baiknya pada kita. Kita baik dengannya bukan hendak jadi orangnya. Penulis adalah manusia individu, dia mesti baik dengan semua pemimpin yang baik.

Berita Harian, 2 Mei 1983

ALOR SETAR, Ahad — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegur golongan tertentu dalam UMNO yang suka menggolongkan anggota-anggota parti kepada puak-puak tertentu untuk kepentingan diri sendiri.

Perdana Menteri berkata, golongan ini sebahagian besarnya adalah pembantu-pembantu pemimpin yang menggolongkan ahli-ahli UMNO sebagai 'orang Datuk Seri itu atau Datuk ini' semata-mata untuk menaikkan dan membantu kedudukan pemimpin masing-masing.

Beliau yang juga Presiden UMNO mengingatkan

tentang bahayanya sikap berpuak-puak dalam parti yang akhirnya boleh memecahbelahkan UMNO sendiri.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan demikian ketika merasmikan Mesyuarat Perwakilan ke 21 UMNO Bahagian Kubang Pasu di Jenan dekat sini.

Saya tidak terima, bila saya dikatakan orang Musa. Sejak bila pula saya bernabikan Musa? Musa bukan guru saya. Hidupnya tidak seperti saya. Saya pernah tulis buku untuknya dengan tujuan untuk meletakkan dia di kerusi Timbalan Presiden. Apakah kerana saya turut berjuang untuk seseorang pemimpin saya mesti jadi orangnya? Dan mesti memusuhi orang lain sampai bila-bila? *'No way brother' 'I am good to you because you are good'*. Saya bukan Ahli UMNO. Kalau saya ahli UMNO lainlah. Mungkin saya terpaksa atau dipaksa untuk menjadi orang Datuk itu, atau orang Datuk ini. Kerana UMNO sudah mula jadi Parti Perniagaan. Kebanyakan yang masuk nak cari untung. Kalau tidak ikut cakap tauke, mana hendak dapat untung?

Musa dulu lain dengan Musa sekarang. Musa sekarang tak macam dulu lagi. Sebab itu ramai orang yang dulunya sayangkan dia, hari ini sudah berubah hati. Yang dulunya taat, sekarang sudah tidak taat lagi. Yang dulunya jujur dan ikhlas terhadapnya, hari ini siapa tahu. Antaranya Datuk Jalal, terang-terang menunjukkan sifat menentang Musa. Tidak naik angkat sumpah sebagai EXCO

Negeri JOHOR. Apakah Mohamad Rahmat akan menyokong Musa seperti dia menyokongnya semasa melawan Ku Li dulu? Tidak tahulah pula dengan Ikhwan Nasir. Dia ada perhitungan sendiri. Tapi dia pun nampaknya masih marah pada Musa.

"Once beaten twice shy". Kalau Musa boleh berubah tentunya orang yang pernah mengaku dirinya orang Musa sekarang, boleh mengaku dirinya orang 'Ku Li' pula, atau orang 'Harun', siapa tahu? Dalam satu jam manusia boleh berubah 16 kali atau lebih. Ini pula orang politik yang macam lalang.

Manusia boleh berubah, berubah rupa, berubah cara berfikir, berubah laku. Orang yang buruk hari ini melalui pembedahan plastik, boleh jadi cantik esok. Orang yang cantik hari ini boleh cacat dan hodoh esok. Orang yang baik hari ini, boleh jadi jahat esok, dan orang yang jahat hari ini, boleh jadi lebih jahat esok. Manusia berubah kerana mereka bersifat baru. Tidak ada yang kekal melainkan Allah.

Manusia memang senang berubah. Orang yang kita benci hari ini, boleh menjadi orang paling kita kasihi esok. Musuh boleh jadi kawan, dan sahabat baik. Kawan karib, sahabat setia, boleh berbalah dan menjadi musuh ketat. Orang yang kita sokong semalam, tidak semestinya mendapat sokongan yang sama hari ini.

Keadaan, waktu dan tempat, membuat kita boleh berubah laku. Kita berubah kerana kita dipengaruhi, atau kita terpaksa berubah untuk menye-

suaikan diri dengan keadaan dan waktu. Cuma kita berharap perubahan sikap pemimpin, boleh menguntungkan bangsa dan negara. Saya sendiri pun sudah berubah, dulu saya lain, sekarang saya lain. Lama hidup banyak pengalaman, jauh berjalan luas pandangan.

Hari ini Ku Li sudah berubah. Dia tidak berego macam dulu lagi. Dulu pun bukan semua ahli dan perwakilan UMNO tidak sukakan Ku Li. Ramai juga yang suka dan sayangkan Ku Li. Tapi susah sangat hendak jumpa dan mendampinginya.

Dulu dia tidak pernah kena lanyak, dia tidak pernah jatuh, dia tidak tahu pengaruh dan bisanya pena penulis. Tapi sekarang dia sudah mula kenal siapa yang jujur, dan siapa yang pengampu. Dia benar-benar sudah berubah sejak dia kalah pemilihan 1981 dulu. Tanyalah ahli UMNO. Cara hidup. Cara berfikir. Ucapannya di sana sini, perubahan yang baik ini, telah menimbulkan simpati dan kasih ahli UMNO padanya, ramai yang mengatakan kalau dia bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden sekali lagi, ramai yang akan memberikan undi mereka padanya. Ingat Ku Li jangan bila sudah tahu orang sayang, jual mahal pulak.

Bila dia sudah sedar dan ingin memimpin dengan cara jujur dan ikhlas, kita beri dia peluang. Biar Musa pula sedar macam mana sakitnya jatuh. Kita bukan tidak sayangkan Musa. Kerana sayangnya maka kita tegur dia. Kalau teguran yang ikhlas ini dianggap sebagai melanyak dia, terpujanglah.

Ada kawan bercerita pada saya Ku Li sudah banyak berubah, sejak peristiwa pertandingan

merebut kerusi Timbalan Presiden tahun 1981. Saya gembira dan ingin menyaksikan sendiri perubahan tersebut. Kata hati kecil saya, 'baguslah', memang begitulah sepatutnya. Sekali air bah sekali pantai berubah. Kita tegur dan kritik Menteri, sekadar ingin memberikan keinsafan dan kesedaran pada mereka. Kita sayangkan mereka, tapi kita lebih sayang pada agama, bangsa dan tanah air kita yang tercinta.

Tengku Razaleigh benar-benar sudah berubah. Siapa saja sekarang boleh datang menemuinya. Dia menghormati setiap orang yang datang. Nampaknya dia tidak menyimpan dendam. Dia mula berkawan dan berbaik dengan orang yang pernah menentangnya, yang pernah membuat fitnah, yang memusuhinya. Dengan kawan yang pernah membantu menolong dia, dia tetap berbaik seperti biasa. Itu sifat pemimpin yang bijaksana.

Pemimpin boleh datang dan pergi. Tapi Negeri kita. Cuma inilah satu. Kalau rosak Negeri kita ke mana kita hendak pergi? Kerana adanya *Sense of Belonging* dan *Sense of Responsibility*. Kita terpaksa menjadi kritikal, dan kita sentiasa mahukan perubahan.

Orang berbudi kita berbahasa. Anak dari istana kalau mahu jadi baik, tentulah boleh jadi lebih baik, dari anak yang dibesarkan entah di mana. Gautama Buddha itupun asalnya seorang anak raja. Bila timbul kesedaran dan keinsafan ia sanggup meninggalkan istana, Permaisuri, seorang Putra, harta dan kekuasaan untuk menjadi manusia yang hidupnya sentiasa bahagia, dan boleh memberi kebahagiaan

pada orang lain.

Walaupun Ku Li kelihatan serius, tapi bila berbual, kita boleh merasakan kemesraannya. Dan ketika pertandingan dulu, orang mahukan pemimpin yang agak agresif, yang ultra. Ku Li tidak ada sikap menentang dan menderhaka.

Kedudukan beliau yang istimewa membuat orang merasa jauh darinya. Kebanyakan orang Melayu memang sudah dididik, supaya merasa rendah diri dengan anak-anak Raja.

Kenapa Ku Li tertewas di tangan Musa? Kerana sifat, dan sikap segolongan kuncu-kuncu dan kader-kader atau orang harapan Ku Li yang hipokrit. Ada di antara mereka yang tidak jujur, tidak ikhlas kepadanya.

Sepanjang masa, apa yang mereka berikan kepada Ku Li adalah gula dan madu. Sebaik-baik hidup adalah sederhana, terlalu sangat percayakan orang pun susah. Kalau terus tidak percaya pada orang pun susah. Kita mesti mempunyai harmoni dalam diri kita, dan kita mesti hidup dengan cara sederhana. Sekarang punya kawan susah hendak percaya. Semua hendak cari kesempatan. Kiri makan kanan makan. Tidak ada pendirian.

Adanya manusia yang tidak tahu apa itu politik menjadi Pemimpin yang baik serba tidak kena.

Antara kata dua yang dibisikkan ke telinga para Perwakilan dulu ialah, Kalau hendak isi kepala undi Musa, kiranya nak isi saku undi Ku Li. Kata dua yang cukup berkesan dan sensitif adalah satu sebab, selain dari sokongan 'Godfather' yang menyebabkan kemenangan pada Musa. Itulah pen-

dapat seorang Perwakilan UMNO yang terlibat dalam menentukan undi.

Mereka tidak berfikir panjang apakah maksud 'isi saku' atau 'isi kepala' kerana ketika itu para guru yang berdiri teguh di belakang Menteri pelajaran mahu Musa menang, dan Ku Li ketika itu jadi Menteri Kewangan. Ahli UMNO ditakut-takutkan, siapa undi Ku Li, orang itu cuma mahu isi saku, dan tidak memikirkan perjuangan. Kalau Ku Li tidak berjasa pada UMNO tentu dia tidak sampai ke peringkat itu. Perkara ini tidak terfikir oleh ahli UMNO ketika itu.

Ahli UMNO percaya dengan sepenuh hati bahawa Musa seorang saja pemimpin UMNO yang sanggup memperjuangkan nasib ahli UMNO dan orang Melayu. Musa telah digambarkan sebagai pemimpin yang tidak ada tolok bandingnya.

Musa hero, Mahathir mahukan Musa, dan orang Melayu ketika itu tidak berani lawan tauke, siapa tauke mahu mereka ikut saja. Ucapan dasar Tun Hussein juga banyak membantu kemenangan Musa.

Megat Junit, Sanusi Joned yang menjadi kempen Manager dan orang lain yang sanggup hilang kawan dengan Ku Li, berikan sokongan dan undi pada Musa termasuk saya sendiri, maka menanglah Musa.

Allah tidak mencampuri hal urusan manusia di dunia. Tuhan sudah memberi kita akal fikiran, pandai-pandailah kita hendak hidup. Sebagai manusia biasa. Kita tidak patut menyerahkan segala-galanya pada Allah. Kita hidup, mesti berikhtiar dan berusaha, barang yang lepas, tidak usah dikenang, berniaga ada untung ada rugi, bertarung mesti ada

kalah ada menangnya. Kalau Ku Li berani tahun 1984 dia boleh cuba. Ajal maut, jodoh pertemuan, rezeki, tanah kubur adalah di tangan Tuhan. Tapi Tuhan tidak akan mengubah nasib manusia melainkan manusia itu sendiri mengubahkannya.

Banyak keistimewaan yang ada pada Ku Li yang tidak ada pada Musa. Kalau saja Ku Li ada penasihat peribadi yang bijaksana, berani, jujur, ikhlas, "Insya Allah" ramalan yang pernah dibuat dalam majalah Time keluaran 15 Julai 1974, yang mengeluarkan rencana yang sama tentang Musa, itu tidak akan meleset.

Biar bagaimana pun, sebagai seorang Islam yang percayakan Rukun Iman, Ku Li tidak perlu bersedih dan merasa kecewa. Sudah suratan takdir dia kalah, kalahlah.

Sebab yang penting ialah nasib, pada ketika itu nasib Ku Li kurang baik. Musa lebih beruntung dan bertuah.

Setiap kerugian, kekalahan, dan keburukan, tentu ada baiknya. Bukan sahaja untuk Ku Li seorang, tetapi juga, untuk kesemua pemimpin UMNO terutama mereka yang termasuk dalam istilah 'pemimpin pelapis', anak para pemimpin besar, anak para pejuang UMNO yang satu hari nanti mahu jadi Perdana Menteri.

Kenapa Ku Li tewas? Ini satu persoalan yang harus mendapat jawapan yang konkrit. Jika perlu satu kajian dan pembedahan harus dilakukan oleh Ku Li dan penyokong-penyokongnya yang benar-benar sayangkan Ku Li. Yang mahukan Ku Li menang bertanding dengan Musa tahun 1984 nanti!

Dengan izin Allah, di tahun 1984 saya akan terbitkan buku **Siapa Selapas Mahathir**.

Saya terkejut satu hari bila saya berjumpa Tengku Razaleigh di Parlimen, sikap beliau yang begitu ramah mesra. Saya fikir tentulah bila dia jumpa saya dia akan palingkan muka ke tempat lain, atau melepaskan marah dan geram kepada saya, dengan bahasa yang kesat. Ada pemimpin yang macam itu. Kepada orang yang tidak menyokongnya, dibahasakan bila dia jumpa lepas pertandingan.

Siapa tidak tahu. Orang yang pernah baca **Siapa Selepas Musa** tentu tahu bagaimana tulisan saya mengkritik dengan begitu pedas, dan tajam. Buku itu kata orang boleh jadi antara sebab mengapa Ku Li boleh kalah. Dan dalam buku itu saya menyokong Musa Hitam seratus peratus, saya tidak menyesal, memang pada ketika itu Musa patut menang. Kita mesti berikan kemenangan padanya.

Sungguh tidak saya sangka, Ku Li bukan saja tidak marahkan saya, malah dibawanya pula saya minum di mejanya bersama menteri dan Ahli Parlimen yang lain, dan dia sendiri yang melayan saya minum. Dan Ahli Parlimen yang lain turut seronok melihat telatah penulis bermesra dengan anak raja. Dalam senyum manis itu ada juga yang menjeling pada saya. Ada iri hati, ada yang cemburu, yang benci dan sakit hati pun ada, adat jadi penulis. Lagipun tidak semua orang nampaknya baik, yang mengelilingi Ku Li sekarang ini, orang yang jujur dan setia padanya.

Saya tahu, ada yang bersikap talam dua muka. Mulut mereka saja yang manis dengan Ku Li, di-

belakang lain bicara, ada juga yang tali barut, jadi ajen pun ada. Mereka pura-pura jadi orang Ku Li, kerana ingin mengetahui rahsia dan rancangan Ku Li. Sebab itu, apa saja yang Ku Li buat. Siapa saja yang datang jumpa Ku Li, di mana? pukul berapa? ramai orang tahu. Ku Li kena beringat ingat sedikit. Selalunya kejatuhan seseorang Pemimpin, selain dari sebab nasib dan kesilapannya sendiri adalah disebabkan oleh orang kelilingnya. Orang harapannya sendiri. Saya tahu mereka yang suka menanggung di-air yang keruh.

Saya suka tengok Ku Li sudah baik dengan semua orang, tapi ingat-ingatlah sikit. "Buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali" banyak kali tak mengapa, orang sudah tidak sebut lagi." Saya lebih suka kalau orang yang baik dengan Ku Li itu jujur dan ikhlas, tidak menjadi batu api, tidak menjadi penghasut yang boleh merosakkan politik Ku Li. Kerana saya tahu ramai kawan yang mencari kesempatan dalam perebutan kerusi tahun 1984. Ramai yang hendak jadi Hakim buruk, menjadi gergaji dua mata, kanan makan kiri pun makan. Tanggungjawab terhadap parti dan bangsa sama sekali tidak difikirkan. Mereka inilah yang merbahaya, yang boleh memecah belahkan parti. Perebutan kerusi antara Musa dan Ku Li adalah satu perkara biasa yang sihat. Orang oportunistik politik menjadikan perebutan ini sebagai satu bisnes.

Dalam hati saya berkata: Ku Li adalah seorang pemimpin yang tahu apa itu politik, fikirannya terbuka, dia dapat menerima kekalahan dengan cara *gentleman*. Kita perlukan lebih ramai orang yang

jiwanya seterang ini, tidak pendendam. Bersedia
berbaik semula dengan orang yang pernah meng-
gerhanakan karier politiknya.

Saya sudah lama tulis fasal politik, sejak kecil
saya sudah bergaul dengan orang politik. Saya tahu
perangai orang politik. Kebanyakan diri mereka
self conscious. Kalau kita tulis sedikit saja yang
tidak baik mengenai diri mereka bila berjumpa
saja, muka mereka berubah, dan ada yang terus
marah-marah, ada yang tidak mahu tegur. Ku Li
tidak begitu. Dia *exceptional* orangnya.

BE

...Cuba kita pergi ke pejabat-pejabat kerajaan, dan pejabat Menteri Besar ada gambar Mahathir dan ada gambar Musa. Sebelah mempunyai nama dan gambar kapal dan nekoda. Dulu semasa Lanku Atkinson Tun Razak dan Hussein Onn nekoda seperti ini tidak pernah berlaku. Negeri kita memang seraya Perdana Menteri dan terdapat gambar seraya Perdana Menteri dan seraya nekoda.

...Di sini perompang tidak boleh masuk ke sini dan akan ada di sini. Kita boleh pergi ke sini dan di sini. Di sini ada nekoda dan nekoda. Nekoda ini nekoda dan nekoda. Nekoda ini nekoda dan nekoda. Nekoda ini nekoda dan nekoda.

DUA PERDANA MENTERI

DALAM negeri kita yang sebegini kecil, banyak perkara pelik yang menarik perhatian dunia luar telah berlaku. Di antaranya: mana ada negara lain dalam dunia yang ada dua "Perdana Menteri" dalam satu waktu, melainkan Malaysia?. Dan berikutnya lahirlah kejadian dua "imam" dalam satu masjid dan macam-macam lagi perkara yang pelik dalam parti dan negara.

Sudah agak lama Mahathir jadi Perdana Menteri, tapi orang ramai terutama ahli politik dan media massa tetap mengatakan kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Mahathir-Musa. Saya tidak tahu, apakah Mahathir tidak berupaya memerintah negeri ini. Perkara macam ini membuat rakyat jadi keliru,

...yang ada nekoda ini kerajaan pimpinan Musa. Kerajaan pimpinan Mahathir-Musa adalah nekoda nekoda nekoda.

Cuba kita pergi ke pejabat-pejabat kerajaan, atau pejabat Menteri Besar, ada gambar Mahathir dan ada gambar Musa. Sebelah menyebelah, macam satu kapal dua nakhoda. Dulu semasa Tunku, Almarhum Tun Razak dan Hussein Onn, perkara seperti ini tidak pernah berlaku. Negeri kita cuma ada seorang Perdana Menteri dan terdapat gambar seorang Perdana Menteri saja di seluruh negara.

Di satu perjumpaan makan malam yang diberikan oleh Dr. Mahathir kepada para penyair, penulis dan Teater Elit yang mana saya adalah *koordinatonya* secara kebetulan saya duduk semeja dengannya. Sempat saya firasat dia dulu sebelum saya kemukakan pertanyaan, dalam perbualan.

Matanya cukup tajam. Mengikuti firasat saya Mahathir mempunyai kuasa mata yang luar biasa, *X-ray eyes* yang dapat melihat isi hati dan fikiran orang yang sedang di renungnya. Saya fikir ramai orang yang berdebar. Bila di tenung oleh Mahathir, terutama para menteri dalam kabinetnya sendiri. Sepasang mata yang menunjukkan kepintaran, kebijaksanaan dan ketelitian. Orang yang sukar terpengaruh pada kulit luar. Bentuk matanya bentuk yang luas, tajam dan letaknya ke dalam, *deep set*.

'Benarkah kerajaan yang ada sekarang ini, kerajaan berkongsi antara Mahathir dengan Musa, Datuk?' saya bertanya.

Dengan wajah yang serius Mahathir merenung muka saya seketika sebelum menjawab. Kerajaan yang ada sekarang ini, kerajaan pimpinan saya. Kerajaan pimpinan Mahathir-Musa adalah satu spekulasi akhbar.

“Habis kenapa di sana sini, orang mengatakan kerajaan dua ‘M’?”

“Media massa boleh tulis apa yang mereka suka dan orang ramai boleh cakap apa saja,” jawab Mahathir.

Seorang Perdana Menteri tidak perlu cakap banyak-banyak. Apa yang di katakannya itu cukuplah untuk pengetahuan saya. Kemudian saya kemukakan satu lagi pertanyaan: “Sejak bila Datuk suka sangat dengan Jepun ni?”

Dia berhenti menyuap makanan. Matanya yang tajam bersinar memandang saya. Saya tidak takut, saya senyum. Dia senyum-senyum, senyum sinis, senyum bermakna. Dia seorang Perdana Menteri yang paling *handsome* di Malaysia. “Masa saya kecil-kecil dulu, saya belajar bahasa Jepun dengan Jepun, dan saya tertarik dengan disiplin Jepun.”

“Datuk pernah kena sepak dengan Jepun?”

“Tidak”.

“Kalau tidak pernah kena sepak, kena tendang terajang pun tidaklah”

“Tidak,” jawabnya macam tidak suka saja.

“Datuk tahu berapa ramai orang Melayu yang bukan saja kena sepak, kena tendang terajang, kena bunuh dengan Jepun pun ramai? Datuk tahu macam mana mereka benci dan dendam terhadap Jepun yang telah memusnahkan harta benda mereka?”

Saya tahu Mahathir kurang senang kalau orang kutuk Jepun. Itu dia punya fasallah. Saya cuma bertanya.

Generasi baru kini bukan tahu sangat kisah zaman Jepun, kalau orang tidak suka perubahan yang saya bawa, saya boleh berhenti” Mahathir mengakhiri ceritanya tentang Jepun.

Saya tahu Mahathir sensitif orangnya. Kami ubah topik dan berbual fasal lain, sambil menikmati deklamasi sajak, hingga majlis selesai jam 11.00 malam.

Kisah dua "Perdana Menteri" tidak habis begitu saja. Masih ada sesuatu tentang Musa yang saya kurang senang selain dari dua gambar "P.M.". Saya tahu gambar dua "P.M." ini boleh jadi satu cerita yang dapat membuka mata rakyat dan menteri, bahawa ini bukan kemahuan Mahathir. Mahathir sayang semua menterinya yang bersih, cekap dan amanah, menteri yang mengamalkan kepimpinan melalui teladan.

Antara sifat Musa yang paling tidak disenangi oleh orang ramai di masa ini ialah cara beliau berucap di majlis-majlis. Macam orang baca sajak tak kena. Dan ada kalanya dia menyebut namanya "Musa anak Pak Hitam". Musa mungkin terlupa orang Melayu tidak suka pada pemimpin yang menunjukkan lagak. Kita tahulah dulu Musa pernah jadi orang jual ubat.

Nasib baik dia Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri. Kalau tidak tentu ada yang bangun meninggalkan dewan tempat dia sedang berucap.

Kita ini hidup dalam masyarakat Melayu moden, ikutlah resmi kapal terbang. Makin tinggi makin senyap, kadang-kadang tersembunyi di balik awan putih yang tebal cuma terdengar bunyinya yang sayup-sayup tapi tidak kelihatan.

Hendak ikut resmi padi, ramai sangat anak besar di bandar tidak pernah tengok bendang.

Kalau pun ada bendang, banyak yang sudah kering kontang. Dari itu ikut resmi kapal terbang. Tinggi-tinggi ia terbang akhirnya balik kepengkalannya. Maknanya sama juga macam tinggi-tinggi bangau terbang akhirnya balik ke belakang kerbau. Zaman sains dan teknologi, sawah bendang sudah menggunakan jentera-jentera moden yang tidak ada kutu untuk makanan bangau. Zaman moden ini bangau, kutu dan kerbau susah hendak hidup. Ramai sangat orang sudah pandai.

Ada kawan nasihatkan saya, kalau hendak tegur menteri, tak perlu tulis dalam buku. Bila sudah dibukukan semua orang nanti tahu. Ini boleh memalukan menteri. Saya bukukan kisah menteri kerana saya tidak dapat sampaikan pada menteri apa yang saya dengar dari orang ramai. Bukan saya saja tidak dapat jumpa Musa tanyalah kawan-kawan Musa yang lain, sejak jadi Timbalan Perdana Menteri bukan mudah hendak jumpa dia. Kalau dapat jumpa dia pun, dia sudah lain. Dia bukan ada masa hendak dengar komplek orang ramai lagi. Dia tidak ada masa sekarang, sibuk memikirkan hal-hal negara.

Saya fikir tentulah kawan-kawan baiknya dulu pun merasa macam saya juga. Terkilan tak dapat jumpa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Syukur kalau dia baca buku ini. Dalam buku ini cuma sedikit saja yang saya isikan, ibarat cuma sebatang cili padi. Pada saya masih ada sebakul lagi, yang saya simpan untuk Perhimpunan Agung 1984 nanti. Pedas itu memang pedas, Apa boleh buat, dia sudah buat.

Saya tahu bahaya mengkritik pemimpin besar. Mereka selalunya pantang di kritik. Tapi kerana saya seorang penulis yang suka membuka mata menteri yang sedang terlena, saya terpaksa buat begini. Nasib dialah. Kalau terjadi apa-apa saya tanggunglah sendiri. Saya mesti mengambil risiko, berani bermain api, bersedialah untuk terbakar tangan. Apalah salahnya saya jadi korban. Memang kehidupan pengarang seperti lilin, membakar diri untuk menerangi orang lain.

Hati-hati sedikit bila menulis mengenai manusia seperti Musa, pesan seorang kawan saya. Kalau tulis yang baik, Musa suka, kalau mengkritik, Musa tidak suka. Dia tidak suka digugat. Kata Azman Attar, orang kuat Ku Li pada saya, dia pernah kena bahasa dengan Musa. Tapi dia tidak peduli. Saya pun tidak suka diganggu gugat. Siapa suka di cabar atau digugat? Dan hati kecil saya berkata: "Mana tahu, kalau-kalau saya kritik, dia tidak marah. Untung baik dia beri pula saya hadiah."

Nasib tidak baik buku saya di haramkan. Dia boleh simpan saya di "Istana Kumbang" di Taiping. Maka senyumlah saya seorang diri. Senyum bim-bang dan ragu, tapi seronok di hati. Apa nak jadi, jadilah. "Bukan semua penulis berani lanyak menteri".

Harun Perancis penulis buku Siapa Kalah dan Politik Cikgu yang kena pukul pecah kepala oleh orang politik Melaka, kerana bukunya yang menyakitkan hati pemimpin mengingatkan saya:

"Tengok apa jadi pada Halim Mahmud dan Datuk Aziz. Di sumbat dalam tahanan dengan alasan akhbar Watan pro Komunis. Pada hal semua orang tahu akhbar Watan itu adalah akhbar yang telah banyak berjasa pada kerajaan kerana mendedahkan masalah Komunis dalam UMNO".

Ada ke manusia macam Halim Mahmud itu Komunis?. Adat manusia, panas setahun hujan sehari. Bila manusia berkuasa mereka boleh buat apa yang mereka suka. Dan Watan sekarang pun tidak macam dulu, tidak macam zaman Halim Mahmud anak Kelantan jadi pengarangnya. Hari ini pengarangnya Pak Melan, orang tua yang sudah dapat Datuk Johor. Tentulah kalau cerita perihal Datuk Musa semuanya baik belaka. Hendak hidup. Kalau sudah terkeluar dari Watan pula hendak ke mana lagi? Dalam Utusan Melayu sekarang semua orang muda belaka. Dulu lain.



...Tengok apa jadi pada Hakim Mahmud dan Datuk Aziz. Di samping dalam tarikan dengan alasan Al-Bihar Watan pro Komunis. Pada hal semua orang tahu Al-Bihar Watan itu adalah Al-Bihar yang telah banyak berjaya pada ketetapan kerana mendelakan masalah Komunis dalam (MNO).

Apa ke mananya dengan Hakim Mahmud ini (Komunis). Apa masalah yang selalunya bukan sekiranya bila manula berkuat kuasa boleh pada apa yang mereka soka. Dan Watan sekampung pun tidak manula boleh tidak manula sama Hakim Mahmud anak Kelantan jadi perjuangannya. Hari ini perjuangannya tak Melayu, orang tua yang sudah dapat

HENDAK KE MANA KAMU MUSA

RAMAI orang UMNO mahukan Musa menang. Mereka ada sebab musabab yang tersendiri. Ada yang mahu Musa menang kerana mereka sukakan sikap radikal dan agresifnya. Ramai yang percaya Musa akan menang, kerana Mahathir ketika itu memerlukan pembantu yang seirama dengannya. *'It take's two to make a pair'*.

Musa dan Mahathir adalah pasangan yang *'ideal'* ketika itu, seperti orang dalam percintaan. *"Bird of the same feather flock together"*. Timbul lah satu *'team'*, satu *'force'* yang kuat. Sanusi Joned, Megat Junit dan Rais Yatim serta golongan agresif berdarah muda yang lain memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada kepimpinan sementara yang berirama "dua M"

Saya sendiri yakin Musa akan menang, dan saya memang mahu Musa menang. Kalau Musa kalah, Siapa lagi yang akan percaya pada ramalan saya? Dan apa akan jadi pada buku saya *Siapa Selepas Musa* yang telah meramalkan dengan pasti, Musa akan menang

Ramai pemerhati politik mengatakan buku itu buku yang paling berani pernah ditulis oleh penulis politik semasa tanahair. Berani tulis, berani tanggung risiko. Dan risiko yang saya ambil agak terlalu besar bagi penulis nyamuk sekecil saya.

Ramai orang tahu Musa akan menang. Dalam Malaysia tidak kurang tukang telek, ahli bintang dan peramal politik, tapi tidak ada yang berani berterus terang secara terbuka dalam tulisan. Ramai yang berdiri atas pagar. Menyokong keduanya sekali. 'Takut periuk nasi masuk pasir'

Saya telah melafazkan ikrar, kempen untuk Musa, dan sanggup menjadi korban, sanggup merengkok dalam tahanan. Sekiranya Ku Li menang dan Musa Kalah.

Sanggup dibawa ke Mahkamah dan didakwa kerana tulisan saya. Saya tidak lagi memikirkan anak dan isteri di rumah. Musa mesti menang Itu saja yang saya tahu. Penulis mesti ada prinsip Tak takut kapak kecil, tak takut pada amaran yang saya terima. Saya menolak tawaran dari seorang kawan yang hendak beri ribuan ringgit, kalau saya sanggup menulis buku menyokong Ku Li.

Allah saja yang tahu betapa susahnyanya saya menerbitkan buku tersebut. Tidak ada satu percetakan yang berani mencetaknya. Tiga hari tiga malam saya sendiri, bersama dua tiga orang kawan setia yang boleh dipercayai menyiapkan buku itu dengan cara 'zerox' saja.

Segala-galanya menjadi rahsia. Bukan mudah pula hendak menjual buku itu pada perwakilan yang berada di hotel-hotel. Saya dicemuh, dicabar, dicela oleh orang yang mengaku mereka orang Ku Li, mereka tidak suka, dan takut kalau para perwakilan terpengaruh oleh buku yang berkempen untuk Musa.

Lagi pun Perwakilan UMNO bukan suka sangat membeli buku. Orang Politik hendak buat apa lagi baca buku politik. Tengok nama penulis, tengok kulit buku sudah tahu isi kandungannya. Begitulah pandai tidaknya sebahagian dari perwakilan.

Akhirnya anak Pak Hitam dari Johor ini jadi Timbalan Presiden. Saya macam ini juga.

Saya tahu Musa tidak terhutang budi kepada saya atau orang yang pernah menolongnya. Dia pun tidak pernah datang minta tolong pada saya, supaya berkempen untuknya. Saya rasa sebagai seorang pejuang saya buat sesuatu bukan dengan niat hendak menanam budi dan mengharapkan sesuatu dari seorang pemimpin, sebab itu saya tidak perlu diminta atau disuruh. Dalam jiwa saya sentiasa tertanam semangat '*sense of belonging*

and sense of responsibility." Kalau kita mahukan pemimpin yang baik kita mesti berusaha dan bertungkus lumus untuk mendapatkan pemimpin yang baik *"at what ever risk. Nothing is free in this world"*

Seterusnya! pada musim pilihan raya, saya menjelajah ke seluruh pelusuk negara, memberikan sokongan kepada kawan-kawan saya menjadi calon pilihan raya dalam Barisan Nasional, saya menulis di akhbar-akhbar menyokong kerajaan Mahathir.

Saya yakin dan percaya nasib orang Melayu dan Negara akan berubah di bawah pimpinan tokoh-tokoh pemimpin politik yang berkelibar, yang sederhana memerintah negara. Semasa Musa nampak saya dalam kesibukan orang ramai pada kebanyakan tempat, dia senyum menganggukkan kepalanya. Cukuplah sekadar senyum, dan angkat tangan. Kita faham dia sebok dan saya pun bukan hendak minta apa-apa daripadanya.

Alhamdulillah. Negara berubah, bentuk pentadbiran pun berubah. Jadi puaslah hati saya, sebagai manusia yang sukakan perubahan. Musa pun turut berubah juga. Ini saya kurang senang sedikit. Kerana Mahathir macam itu juga, tidak berubah. Nampaknya Musa dah mula sebok, berlagak sedikit. Begitulah selalunya perangai manusia, bila naik sudah telampau tinggi, jadi lain sedikit. Dan perubahan ini kalau tidak ditegur boleh merosakkannya. Kalau dia rosak, Mahathir pun susah. Dia timbalan, kadang-kadang jadi Perdana Menteri masa Mahathir tidak ada. Kalau pemimpin sudah mula rosak nanti jawabnya rakyat tidak nyenyak tidur.

Bukan mudah hendak nasihat orang besar. Kerana tabiat orang besar dan orang yang berjaya, keras hati, susah hendak dengar cakap orang. Tambahan pula kalau di sekelilingnya ramai pemimpin yang mengampu.

Saya percaya rakyat suka kalau Musa merasakan dia mempunyai tanggungjawab yang sama macam Perdana Menteri. Tapi janganlah hendakkan kuasa yang sama macam Perdana Menteri. Gaya dan caranya seolah-olah dia tentu jadi Perdana Menteri. Lebih-lebih lagi sekarang ini dengan kemunculan orang muda yang kuat dan berpengaruh, dan kehadiran Datuk Harun, mereka ini semua nampaknya macam *satu saingan baginya*.

Tan Sri Ghazali Shafie dulu tidak popular semasa dia jadi Menteri Dalam Negeri. Pada hal dia adalah Menteri yang dianggap paling bijaksana dalam kabinet Tun Razak. Tengok apa jadi pada dia sekarang. Sudah dihantar ke Kementerian Luar Negeri, Kementerian lamanya membuatkan dia merasakan dirinya begitu berkuasa. Dan ada pula Setiausaha-setiausahanya yang bukan saja tidak disenangi orang ramai, tapi satu macam membawa malang kepada beliau. Musa pun kalau tidak beringat-ingat, Musa kalau tidak hati-hati, mungkin satu hari nanti Mahathir akan hantar dia ke Kementerian Luar Negeri juga. Itu jam mungkin nasibnya akan baik semula. Itu pun kalau kena jalannya.

Saya pernah meramalkan yang "King Ghaz" akan ke Kementerian tersebut, sebelum perubahan pertama kabinet Mahathir. Baca *Watan*, 19 Jun 1981.

Banyak cerita tentang kesilapan dan kelemahan Musa. Semasa membuat pemilihan calon, terutama di Johor, dan tentang sifatnya yang tidak ambil tahu nasib kawan-kawan yang pernah bertungkus lumus memperjuangkannya. Saya tahu Musa tidak dapat menyenangkan hati semua orang tapi walau pun begitu janganlah kasi member berjauh hati.

Perkara yang membuat hati saya terusik ialah kerana saya tidak diberi kesempatan berjumpa dia, walaupun lima minit saja. Bukan hendak minta hutang. Bukan hendak minta tolong cuma hendak berjumpa mata. Ada perkara mustahak yang boleh dibincangkan hanya antara empat mata saja. Tiga hari saya tunggu di Kuala Lumpur tidak dapat jumpa. Kalau nak kira sedih, sedih juga. Tapi sedih pun nak buat apa?

Sikap kasar Setiausaha Peribadinya, Allah saja yang tahu "Tidak boleh jumpa Datuk Musa. Apa you nak cakap, cakap saja dengan I". Begitulah bunyi bahasa Setiausaha Datuk Timbalan Perdana Menteri itu. Inggeris tidak Melayu pun bukan.

Saya bukan baru kenal Musa. Dia tu orang Johor. Saya pun orang Johor juga. Dan Musa pun kenal saya. Apalah salahnya beri peluang seorang rakyat datang menemui Menterinya. Kerana kejadian ini, buku ini saya tulis.

Pantang datuk nenek saya, orang besar eksyen dengan saya. Kerana orang besar mesti buat baik dengan rakyat, orang suruhan pemimpin-pemimpin politik pun, saya tidak suka mereka eksyen. Kalau orang miskin sombong dengan kita tidak apa kerana,

orang miskin tidak ada apa ruginya kalau dia som-bong pada orang.

Bersama kami pagi itu seorang Ketua Pemuda dari salah sebuah bahagian di negeri Kedah. Tak perlu disebutkan nama tempat. Saya kenal orangnya. Dia pun kenal saya. Dia sudah biasa baca buku saya. Selain dari Allah yang menjadi saksi, dialah manusia yang ada di bilik bersama kami.

“Saya pun tidak boleh jumpa?”

“Awak tidak faham ke saya kata tidak boleh, tidak bolehlah. Awak cakap saja dengan saya, apa sebab awak nak jumpa Datuk“, jawabnya dengan nada yang agak keras

“Awak siapa?”, saya tanya

“Setiausaha Peribadinya”

“Setiausaha Peribadi boleh buat apa? Awak bukan boleh buat keputusan bagi pihak Menteri. Awak pun kena tunggu arahan dan perintah menteri juga.”

‘Ya! Tapi dia terlalu sibuk. Dia tidak ada masa hendak berjumpa sesiapa. Cakap sajalah dengan saya’. Mukanya masam.

“Aduh” eksyennya budak ni, “Ini semua alamat hendak kena berhenti tidak lama lagi” Bisik hati kecil saya.

“Dia tidak boleh jumpa orang? Dia sibuk! tak apa. Awak cakap saya hendak jumpa dia juga. Ini nombor telefon saya. Saya akan tunggu selama tiga hari di Kuala Lumpur”.

“O.K. lah, saya akan sampaikan”. Kata orang yang menyebut dirinya Setiausaha Peribadi Datuk Musa.

Dan dalam hati saya berkata; "Menteri tidak mahu jumpa penulis tak apa. Ini semua hikmat Allah." Kalau Musa sudah jumpa saya tentulah cerita ini tidak dibukukan. Sekurang-kurangnya sesudah Musa baca buku ini ada juga perasaan menyesal dalam hatinya. Lain kali dia tidak akan buat kawan-nya yang lain seperti apa yang telah terjadi pada saya. Dia buat saya macam mana pun. Saya macam ini juga. Penulis tidak boleh hilang status dan kerusi. Musa hari ini Menteri, besok belum tahu lagi. Dia belum pun jadi Perdana Menteri, baru jadi orang kedua saja. Orang yang sudah jadi Perdana Menteri pun boleh jatuh, inikan pula orang yang baru hendak naik. Selain daripada diri sendiri jaga jugalah orang suruhan di sekeliling kerana sokong yang selalunya membawa rebah.

Saya masih sayangkan Musa. Tidak ramai pemimpin di negara kita macam beliau ketika ini. Tapi itu tidak bererti tidak ada gantinya. Kalau hendak lama duduk di atas, ikutlah resmi kapal terbang. Dengarlah nasihat dan teguran dari kawan dan sahabat. Manusia kalau sudah tidak mahu dengar cakap orang, bererti berada dipuncak bahaya. Lagi pun kalau tidak mahu dengar cakap orang hendak dengar cakap siapa? Kali ini saya cuma baru menulis, belum lagi membuat ramalan.



MANUSIA MENTIMUN

KENAPA saya bawa cerita "*Manusia Mentimun*" dalam buku "*Tuah Nasib Pemimpin Malaysia*"? Apakah ada kena mengena "*Tuah Nasib Pemimpin*" dengan '*Manusia Mentimun*'? Pemimpin yang memerintah tahu 'sistem nilai', tahu erti 'nilai-nilai hidup' yang ada pada bangsanya. Sedangkan kebanyakan pengikutnya masih mempercayai benda-benda karut yang tidak berasas.

Disebabkan pengikut yang akan membentuk pemimpin, kita perlu mengkaji jenis pengikut yang ada di belakang pemimpin. Kerana, baik macam manalah seorang pemimpin, kebaikan dan kepintarannya, tidak akan meninggalkan kesan, cerdik dan kuat macam manalah dia, kalau pengikutnya lemah dan bodoh, apa yang dia boleh buat? Perjuangannya akan menjadi sia-sia.

Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri yang mengubah nasibnya

Selagi jiwa segolongan pemimpin Melayu belum dapat merasa apa itu "berdikari" dan membuktikan yang mereka adalah bangsa 'tuan', selama itulah mereka tidak akan dapat melihat apa yang Mahathir suruh mereka pandang.

Orang berilmu melihat sesuatu dengan akal fikiran dan pengalaman, memandang dengan mata kepala, merenung dengan mata hati, dan mereka melihat kita tidak akan mendapat faedah apapun dari Timur, kalau cuma melihat dengan mata kasar.

Mahathir memandang dengan minat, dengan tujuan. Ada sesuatu yang mahu diambil dari Jepun, seperti Jepun mengambil sesuatu dari Amerika. Bangsa Jepun berani, cekap, rajin, berdisiplin, taat dan mempunyai nilai hidup.

Satu bangsa yang masih berfikir diri mereka macam 'mentimun' dan orang yang berkuasa macam 'durian', tergolek luka, digolek apatah lagi, dapatkah melihat, apa yang dipandang direnung dan difikir oleh Mahathir?

Adakah Mahathir itu Malaysia dan Malaysia itu Mahathir? Berapa ramai rakyat Malaysia yang berfikir macam Mahathir? Yang hidupnya macam Mahathir? Berapa ramai rakyat Malaysia yang ingin jadi macam Mahathir? Mahathir dianggap oleh Tunku dan golongannya sebagai seorang pelampau. Adakah rakyat Malaysia terutama orang Melayu telah dapat menerima manusia pelampau ini sebagai pemimpin mereka?

Bagaimana Mahathir boleh membawa perubahan kalau orang Melayu masih percaya dan berpegang pada peribahasa 'mentimun dengan durian?' Kerana sejarah telah membuktikan pemimpin UMNO sebelum Mahathir, masih memandang bangsa Inggeris

sebagai 'tuan', kerana sejak mereka lahir hinggalah mencapai kemerdekaan, jiwa mereka dijajah oleh pemikiran Barat dan orang yang berkuasa adalah 'tuan'.

Tahukah Mahathir dalam diam-diam, '*manusia mentimun*' bercakap sesama sendiri, kata mereka: '*Mahathir gila*'. Hendak pusingkan muka pada Barat, nanti bengkrap negeri ini baru tahu! Mereka menganggap kuasa besarlah yang menghidup dan memajukan kita, macam terlupa akan kebesaran Allah?

Pemimpin berjiwa harimau, sebilangan pengikut masih berjiwa kambing. Macamana negara hendak maju? Inilah jurang antara Mahathir dengan segolongan rakyat. Mahathir cuba menukarkan sikap dan fikiran orang Melayu, menerusi kepimpinan melalui teladan. Berapa ramai Rakyat yang tahu perjuangan Mahathir? Ada di antara pemimpin UMNO yang mengatakan '*Mahathir Gila*', mungkin juga satu hari nanti mereka akan tentang '*orang gila*' yang cuba menakut-nakutkan mereka itu.

Bagaimana Mahathir hendak mengajar orang Melayu supaya memandang manusia itu sama saja? Sedangkan dalam masyarakat kita terdapat perbezaan hidup antara rakyat dengan wakil rakyat. Perbezaan ini sudah lari dari Konsep

'Insan yang beriman, adalah seindah dan semulia-mulia makhluk di sisi Allah.'

Kenapa mesti ada '*manusia mentimun*' atau ada '*manusia durian*'. Mentimun dan durian adalah buah-buahan yang tidak bergerak, kalau tidak digerakkan. Orang jahil yang tidak tahu isi Quran memandang tuan-tuan mereka macam "Tuhan". Kita bangsa "tuan", bangsa yang merdeka tidak takut menghadapi cabaran.

Para ulamak dan ahli agama pun nampaknya telah diresapkan idealogi "*manusia mentimun*". *Apagunanya mereka diajarkan "rahsia mengenal diri"*. Mereka yang mengenal diri akan kenal Tuhannya. Dan kepada mereka yang beriman, tidak ada perkataan susah, takut, dan tidak boleh, Kata-kata negatif ini tidak patut ada di kamus orang yang beriman.

Anjing menyalak gunung, masakan gunung boleh runtuh. Ini pun satu lagi pepatah Melayu yang saya anggap karut. Walau bagaimanapun nampaknya ramai yang masih percaya. Buktinya siapa yang berani menegur orang besar? Dan orang yang gagah dan berpengaruh membuat salah dan silap?

Mahathir berani! Suaranya berkumandang di seluruh dunia, di dada akhbar dan majalah antarabangsa, selain daripada media massa dalam negeri sendiri. Dan hasilnya, telah pun kita saksikan. Sejak Mahathir jadi Perdana Menteri sudah ramai manusia mengkritik pembesar dan pemerintah, dan ramai pemimpin yang menyeleweng dan tidak jujur sudah mulai tumbang satu persatu.

Anjing bodoh saja yang menyalak gunung, tetapi anjing yang cerdik menyalak manusia yang bersalah. Kalau disalak oleh anjing garang tentu manusia 'bersalah' akan lari. Kalau manusia tidak lari, tetap digigitnya nanti. Anjing hari ini sudah diajar bagaimana mengenali penyeledup dadah.

Tujuan Mahathir suruh pandang ke timur supaya orang Melayu tidak bandingkan diri mereka dengan '*anjing*' dan '*mentimun*'. Kita telah menurunkan darjat manusia ke taraf '*mentimun*' bila berhadapan dengan orang besar. Kita telah turunkan taraf manusia ke taraf '*anjing*' bila hendak mengkritik kuasa-kuasa besar.

Siapa punya kerja ini, mengajar manusia sampai jadi begini bodoh? Sekarang Anwar Ibrahim sudah jadi Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan. Kebudayaan ini, yang mesti dihapuskan dulu. Didiklah belia kita supaya menjadi pemuda yang berani, tegas, berdisiplin tidak hidup menari di sana sini menghiburkan para pembesar, samada pembesar tempatan atau pun pembesar asing. Kalau nak menari, menari betul-betul. Tubuh kumpulan tarian yang benar-benar berkualiti seperti Bolsoi Ballet misalnya.

Mahathir mahu rakyat Malaysia sedar, dulu, mereka dijajah, tetapi hari ini mereka sudah bebas dan merdeka. Kalau mereka tidak dapat menjajah negeri bekas penjajah, sekurang-kurangnya fikiran kita tidak lagi dijajah. Kita mahu buktikan pada penjajah bahawa tujuan kita menuntut kemerdekaan, ialah kerana kita akan buktikan pada mereka, yang kita ini adalah satu bangsa yang boleh duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan mereka. Kemungkinan kita akan jadi satu bangsa yang lebih besar dan mulia dari mereka kerana kita satu bangsa yang beradab dan beragama.

Pepatah itu telah melemahkan semangat orang Melayu, membuat mereka semacam hilang pertimbangan untuk menerima Qada dan Qadar. Kenapa mengalah sebelum berjuang. Kenapa menyerah diri bulat-bulat pada kuasa dan pengaruh orang besar tanpa mahu berfikir, dan kita mesti berikhtiar bagaimana hendak mengubah keadaan.

Orang yang kuat mengubah keadaan, orang yang lemah menerima saja keadaan. Manusia yang beriman dan berilmu menghadapi cabaran dengan tenang. Orang yang bodoh mengelabah atau menyerah kepada keadaan, kerana tidak mempunyai semangat

dan keberanian. Orang yang merasakan dirinya mentimun lantas putus asa. Selamanyalah hidup dalam penjara yang dibuatnya sendiri.

Kelulusan berjela-jela, menuntut ilmu bertahun-tahun di luar negeri, tapi masih berjiwa '*mentimun*' macam mana hendak maju???

Inilah yang saya sedihkan sangat, kerja jadi menteri, jadi pegawai, tetapi semuanya mesti menunggu arahan, takut mengambil keputusan sendiri, takut mengambil risiko, tidak ada perasaan bertanggungjawab, takut kena marah oleh orang atas, takut rugi kalau berlaku kesilapan.

Bangsa yang merdeka mesti berani, hidup tidak boleh jadi manusia robot. Kalau orang di atas hidup hendak ambil senang saja apa jadi pada bangsa dan negara kita nanti?

Cili di pasar, lesung batu di rumah, tidak dibeli, tidak dibuat sambal, mana hendak tahu pedasnya cili? Sedapnya sambal? Bila lagi hendak mencuba kepandaian dan kebijaksanaan yang ada di kepala dan di dada? Tunjukkanlah sedikit inisiatif. Tapi janganlah berani sampai membabi buta. Pesan Mahathir, semua rakyat mesti buat kerja mereka dengan baik.

Pada pendapat orang-orang besar, orang yang tidak taat pada segala suruhan mereka itu, ialah orang yang '*kurang ajar*'. Pada pendapat saya, lebih baik kita dilebel sebagai manusia '*kurang ajar*' oleh orang besar daripada dijadikan '*manusia mentimun*' yang tidak ada harga diri. Yang mengalah dan menyerah sepanjang hidup tanpa berani mengubah keadaan.

Rakyat yang berjiwa '*mentimun*' memang takut memandang ke timur, kerana mereka menganggap

kuasa Barat sebagai durian. Mereka merasakan dengan memandang ke timur kita memancing kemarahan kuasa-kuasa besar di Barat. Kerana itu nanti rakyat kita akan mati sengsara. Ini jelas dari sikap setengah intelek yang takut dan gentar dengan sikap "drastik" Mahathir.

Orang Melayu sudah ditanamkan semangat bahawa orang besar dan orang berkuasa tidak boleh ditegur, apa lagi ditentang. Kalau kita cuba menegur dan menentang kita akan hilang pekerjaan. Kita hilang mata pencarian. Kita hilang tempat menumpang. Kita hilang itu dan ini. Orang yang begini, menyembah manusia namanya.

Ke mana pergi iman mereka? Kita semacam diasuh dan dididik supaya berjiwa kecil. Ini jelas dapat kita lihat, pandang sahaja para alim ulamak yang makan gaji. Mereka tidak berani melawan, tidak berani menentang kemungkaran, terima saja apa yang sudah tersurat. **'Rezeki secupak tidak akan jadi se-gantang.'** Maka taatlah orang Melayu pada tuan-tuan mereka dari sejak akil baligh hinggalah masuk ke lubang kubur. **Kalau sudah para alim ulamaknya tidak berani berserah dan bertawakal pada Allah, ini pula orang yang jahil?** Kerja mereka bukan apa sangat, tengok anak bulan, nikahkan orang, ceraikan orang, tetapi orang yang betul-betul nak bercerai tidak diceraikan dan orang yang benar-benar hendak menikah, tidak pula dinikahkan.

Orang yang dayus tidak akan mencium bau syurga. Cuba tengok semangat orang Indonesia. Mereka begitu agresif walaupun menumpang cari makan dalam negeri kita. Peninggalan semangat dari jiwa Almarhum Sukarno masih berakar di jiwa bangsa Indonesia.

Bagaimana caranya supaya semangat dan cita-cita Mahathir dapat diresapkan ke jiwa Melayu? Mahathir sanggup menjadi korban menaikkan semangat perjuangan dengan suratnya kepada Tunku yang menjadi bahan tulisan Tunku dalam bukunya: **Sebelum Dan Selepas 13 Mei**. Inilah masalah yang mesti difikirkan. Apakah kita mahu menunggu sesudah Mahathir mati nanti baru kita menyanjung segala ideanya, baru bukunya kita mahu baca?

Hari ini Mahathir dan Datuk Harun sudah timbul sebagai pahlawan bangsa, tetapi berapa ramai rakyat yang tahu menghargai perjuangan mereka untuk rakyat itu. Rakyat seperti tidak tahu perasaan cinta dan penghormatan kepada perjuangan seorang pahlawan.

Sudah suku abad kita merdeka, sudah empat kali bertukar Perdana Menteri, perasaan takut hendak berdikari masih terdapat di jiwa. Seperti ada sesuatu yang tidak kena. Sebab itu agaknya Melayu hidup tidak menentu.

Gandhi berjaya memerdekakan bangsanya dengan menghidupkan semangat rakyatnya yang jahil dan miskin, supaya berani menentang British Empire. Kalau Gandhi berfikir orang India macam mentimun, India tidak akan merdeka hari ini.

Hari ini Mahathir mencari pengaruh dunia ketiga. Dia tidak peduli pada kuasa-kuasa besar, kalau kita semua faham dan kenal dengan diri kita. Kalau kita tahu ke mana Mahathir hendak bawa kita, tidaklah kita mengelabah dan kelam kabut. Tidaklah kita akan berkata yang Mahathir gila. Kita akan cakap pada Mahathir, cakap pada British dan Amerika, *"Go to hell with your super power."*

Siapa kata orang Melayu tidak pandai komplien? Pandai! cuma mereka tidak suka cakap depan-depan, kononnya takut menjatuhkan air muka orang, tidak suka menyinggung dan mengecilkan hati orang, tapi mengumpat, menjaga tepi kain dan memfitnahkan orang tak apa. Kalau cakap depan-depan nanti di-label sebagai 'Penderhaka.' *'Baling batu sembunyi tangan tidak mengapa!* Orang Melayu berani komplien di warung dan di kedai-kedai kopi. Mereka berani kutuk pemimpin bila pemimpin sudah turun dari kerusi, bila pemimpin sudah tidak ada taring dan kuasa. Itu pun di belakang, kalau di depan bukan main hormat lagi. Bolehkah rakyat yang bersikap begini membetulkan pemimpin? Pemimpin yang ada sekarang pun ramai yang berjiwa 'mentimun' cakap tidak serupa bikin.

Banyak sangat takutnya, banyak sangat pantangnya. Ada pemimpin masih dengan pegangan lama, 'kerja Raja dijunjung, kerja sendiri dikelek. Kerja rakyat bubuh dekat mana?' Takut kalau orang besar marah nanti semua orang akan turut marah. Bila orang besar benci, semua orang pun benci dengan tidak bersebab. Rakyat yang tidak berhati perut, rakyat yang macam robot, merosak binasakan bangsa dan tanahair mereka sendiri. Sikap rakyat yang buruk sangka dan prejudis, sikap rakyat yang tidak menghormati hak asasi manusia menjadikan diri mereka serba tidak kena. Rakyat menjadi bercelaru kerana sikap pemimpin yang tidak ada perasaan kasih dan bertanggungjawab terhadap pengikut dan bangsanya, pemimpin yang tidak ada ikatan dan pertalian dengan Allah, adalah pemimpin yang sentiasa hidup di dalam kerugian.

Cara orang kita hendak menghilangkan perasaan rendah diri bila memikirkan nasib mereka semasa berhadapan dengan orang-orang yang berkuasa, fikirkanlah juga gunung pun, kalau dicangkul hari-hari lama-lama habis juga. Inikan pula kalau kita gunakan traktor dan buldozer

Untuk membetul dan menyelamatkan UMNO dan umat Melayu, ahli UMNO mesti mengubah cara berfikir. Ahli UMNO jangan lagi jadi pengikut yang membuta tuli. Kita berdiri di belakang pemimpin kerana kepimpinannya, bukan kerana pemimpin tersebut.

Anjing menyalak gunung tak akan runtuh. Tapi kalau orang ramai cangkul gunung, lambat laun gunung akan rata juga. Cara kita hendak membetulkan orang besar dan pemimpin yang menyeleweng dan zalim ialah kita mesti berani tarik balik undi yang telah kita amanatkan pada mereka. Kita buktikan tanpa undi kita, mereka tidak boleh jadi pemimpin. Mereka dibubuh di situ untuk memimpin kita, bukan menunjuk kuasa mereka atas kita.

Dan bila kita memikirkan mentimun dengan durian, fikirkan juga, 'kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa.' Tidak semestinya bila orang sudah jadi Menteri dia pandai dan tahu segalanya, dan dia kuat dan berpengaruh. Sepandai manusia mesti ada bodohnya dan sekuat manusia mesti ada lemahnya. Ada pepatah kita yang baik dalam hal ini 'sepandai tupai melompat akhirnya jatuh juga' dan kita sendiri sudah lihat berapa ramai menteri yang tidak sedarkan diri, sudah jatuh.

Tidak semestinya orang di bawah bodoh dan tidak boleh berbuat apa-apa. Ingatlah: Lagi tinggi se-

orang pemimpin itu berada di atas, lagi sakit dia bila jatuh nanti. Dan orang-orang yang duduk tinggi di atas, mereka lagi takut jatuh, kerana bukan senang hendak naik balik ke atas.

Berdasarkan sifat dan sikap yang positif beginilah saya jadi tidak takut dan gentar mengkritik dan menghadapi pemimpin yang besar. Pada saya, dia macam saya juga, lahir ke dunia ini telanjang bulat. Saya fikir Mahathir tentu mahukan semua orang Melayu bersikap positif, mengenal diri, barulah kita boleh jadi satu bangsa yang bermaruah dan mulia. Mahathir tentu tidak mahu orang Melayu bersikap 'hamba'.

Semuanya tidak boleh berlaku kalau tidak ditakdirkan oleh Allah. Dulunya tidak terfikir oleh manusia, ikan kecil boleh makan ikan besar. Hari ini kita sudah merdeka, adanya undi rakyat adanya menteri, adanya orang Melayu, adanya Raja. Rakyat boleh menentukan nasib raja dan menteri, seperti yang dikatakan oleh Yang Mulia Tunku Abdul Rahman Putra' terjadinya satu-satu hal telah membuka mata rakyat.

Bukan rakyat tidak tahu kesilapan dan perbuatan penyelewengan orang atasan. Tun pernah mengingatkan kita, *Don't sweep everything under the carpet.*'''

Kerana tidak menggunakan akal fikiran sendiri kita jadi alat orang besar. Kita terpaksa membuat dosa sepanjang masa. Kita menjadi umat yang tidak ada pegangan. Siapa yang disukai oleh orang besar, pengikutnya pun turut suka, biar pun orang tersebut tidak betul. Siapa yang dibenci oleh orang besar, pengikut pun terpaksa turut membenci orang itu walaupun orang itu tidak bersalah atau tidak berdosa.

Inilah sikap taat dengan membabi buta. Sikap membuta begini boleh menjahanamkan bangsa dan negara. Pengikut yang mempunyai sikap begini menjadi sejenis kanser, kepada bangsa dan negara. Yang sedihnya ialah sikap setengah orang kita kadang-kadang lebih kafir dari kafir. Pada hal pada lahirnya mereka adalah orang Islam. Kita mahukan umat yang hatinya Islam, bukan pakaian dan cakupnya saja yang Islam.

Orang yang kejam dan zalim mengikut pendapat saya ialah orang yang mengutuk, mencaci, membenci sesama manusia yang tidak bersalah, yang tidak berdosa kerana ada orang besar yang tidak suka pada manusia tersebut. Semua orang akan mengatakan manusia itu tidak betul, walaupun orang itu kawan baiknya sendiri yang tidak bersalah.

Takut hendak bercakap benar, takut hendak menegakkan kebenaran, kerana hendak menjaga '*periuk nasi*', hendak menjaga kedudukan dan pangkat, maka jadilah '*robot*'.

Bila orang itu berkuasa, semua orang mengampu dan mendewa-dewakan dia. Apabila dia jatuh, semua orang lari. Tengok contoh Tun Mustapa, Datuk Harun dan Tan Sri Osman Saat apa jadi pada mereka? Mana pergi kawan-kawan di sekeliling pinggang yang satu ketika dulu apa yang mereka cakap semuanya "Yes" saja. Kepada saya, kalau kita sayangkan pemimpin kita, kalau kita sayangkan negara kita, kita mesti hapuskan sikap '*manusia mentimun*' yang ada pada bangsa kita.

Bukan senang mengkritik orang yang berkuasa, seperti juga susahya menangkap dan menjinakkan ular. Jinak punya jinak, akhirnya dipatuk ular yang kita pelihara sendiri.

Saya tahu dan sedar tugas dan tanggungjawab saya sebagai seorang penulis. Saya mesti membongkar sifat-sifat buruk yang tersembunyi di sebalik publisiti baik yang hanya memberikan gambaran pemimpin masyarakat seperti malaikat. Bila menteri sudah kena tangkap, masuk jail, baru orang ramai tahu yang menteri itu manusia biasa !

Kita diharamkan menyembah dan memuja berhala. Benda yang disembah oleh manusia lama kelamaan akan berhantu. Pemimpin pun macam itu juga. Kalau rakyat menyembah dan memujinya maka dia akan dimasuki hantu juga. Yang berhak menerima segala puji dan puja hanya Allah. Berapa kali dalam satu hari kita pernah mengucap dan berastaghfar dan berkata pada diri kita sendiri "aku ini orang Islam" dan sebagai seorang Islam mestilah mempunyai hati dan jiwa serta perangai seperti seorang Islam juga.

Manusia yang sudah mengenal diri, mengenal Allah, tidak ada lagi rasa takut dalam dirinya. Tunggul dalam gelap tidak lagi disangkakan hantu. Bila mahu mengubah sesuatu dia tidak pernah memikirkan yang dirinya anjing, orang besar di depannya gunung atau dia mentimun orang besar durian. Inilah yang sedang dilakukan oleh Mahathir, iaitu mencontohi Jepun yang boleh berjaya menukar bangsanya kepada bangsa yang dihormati dan disegani oleh dunia. Tidak dipecahkan ruyung mana nak dapat sagunya. Rezeki secupak boleh jadi seguni. Sibuta, sipekak boleh jadi kaya dengan menyanyi. Sipekak tidak semestinya hidup memasang meriam dan sibuta tidak semestinya menampi padi. Yakin pada diri, percaya pada Ilahi, perkara yang mustahil pun boleh jadi.

Secandainya kita sedar bukan manusia yang memberi kita rezeki, melainkan Ilahi, kita tidak akan menyembah manusia untuk mendapat sebulan gaji. Berapa ribu manusia yang tidak bekerja, tidak mati pun. Kita tidak terhutang hidup pada manusia. Manusia juga tidak terhutang hidup pada kita. Anggaphlah semua manusia itu sama saja, barulah kita dapat meninggikan 'darjat diri' kita.

Ramai ahli UMNO yang berkelulusan tinggi, yang dianggap sebagai intelek, takut hendak menyuarakan fikiran mereka, kerana bimbang orang menganggap mereka hendak menunjukkan kepandaian, takut orang akan menyekat peluang mereka atau takut orang akan menggunakan pengetahuan mereka.

Kita mesti semaikan kesedaran dan perasaan tanggungjawab kepada setiap individu: bahawa setiap manusia itu adalah pemimpin yang mesti memimpin dirinya sendiri dan selagi manusia hidup dalam alam ketakutan dia tidak akan dapat memimpin dirinya sendiri. Jadilah dia 'hamba', walaupun masyarakat memanggil dia pemimpin kerana pangkat yang Berhormat yang dipinjamkan kepadanya.

Kenalkan dirimu rata-rata baru mengenal Tuhan yang nyata. Kita mahukan hak kita sebagai manusia tidak dipermainkan. Tidak semua kita ini bodoh. 'Takut', yang membuat kita jadi bodoh, sehinggakan tunggul disangka hantu, dan 'Tuan' dibuat macam 'Tuhan'. Manusia semuanya sama dari segi taraf. Tuhan menolong manusia yang mahu menolong dirinya. 'Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri yang mengubah nasibnya.

PANDANG KE SINI

Tuntutlah ilmu hingga di negeri China. *Utlubu ilma walau bis-Sin.* Sepotong ayat ini adalah sebuah Hadith Nabi dan yang paling popular di negara kita. Bukan semenjak Mahathir melancarkan Dasar Pandang ke timur, tapi semenjak dulu-dulu lagi. Inilah antara Hadith yang paling awal diajarkan kepada kita, dan anak-anak kita oleh para ustaz dan guru agama di negara kita.

Bermacam-macam kupasan dan tafsiran dibuat oleh ustaz-ustaz, ulamak-ulamak dan pemimpin-pemimpin kita terhadap sepotong ayat itu.

Agak memeranjatkan baru-baru ini bila ada seorang alim mengisytiharkan, bahawa ayat sepotong itu ialah sebuah Hadith rekaan. "Tuntutlah ilmu hingga di negeri China" itu bukan Hadith Nabi.

Itu hanya rekaan seorang Arab lain yang bukan Nabi tapi mendakwanya sebagai Hadith Nabi. Maka jadi hebohlah, orang-orang kita, tentang kenyataan yang dibuatnya itu.

Orang alim yang membuat kenyataan yang berani dan mengejutkan itu, kebetulan seorang parti PAS. Saya kata kebetulan sebab saya tidak suka membabitkan perkara seperti ini dengan parti UMNO atau parti PAS. Ini bukan masalah parti. Ia adalah soalan agama dan kebenaran. Dan masalah ini tidak ada kena mengena dengan Dasar Pandang ke Timur kerajaan kita.

Tanggungjawab orang alim adalah menegur dan membetulkan perkara-perkara yang silap dan salah. Kalau orang alim itu telah betul-betul membuat kajian mendalam dan mendapati cukup bukti bahawa sepotong ayat itu adalah hadith rekaan semata-mata, dan dia benar-benar yakin dengan pendapatnya itu, kita ucap, tahniah atas usaha baiknya. Saya bukan seorang pengkaji Hadith Nabi, jadi saya tak mahu persoalkan benar atau tidak pendapat itu. Biarlah para ulamak kita memutuskan-nya.

Tapi ada satu perkara yang hendak saya persoalkan. Mengapa menggunakan isu hadith itu untuk mempersoalkan Dasar Pandang ke Timur? Katakanlah benar ayat itu bukan Hadith Nabi, apakah itu bererti Dasar Pandang ke Timur tidak baik dan tidak betul? Sebelum mengkritik sesuatu perkara, fikirkanlah betul-betul perkara itu terlebih dahulu. Jangan lain yang orang maksudkan lain pula yang kita kritik. Itu menunjukkan bodoh diri sendiri

namanya. Dan cara itu bukanlah cara orang yang berilmu, walaupun mereka seorang pengarang yang ada Ijazah Kedoktoran dari luar negeri.

Kalau pemimpin-pemimpin PAS nak tahu, itulah cara PAS selama ini. Mencari-cari salah orang, hingga tidak sedar salah sendiri. Apa saja UMNO buat, apa saja yang kerajaan buat, semuanya nak di-kritik. Sengaja dicari salah silapnya. Kalau tidak ada pun sengaja mereka ada-adakan. Inilah cara Islam?

Kita tentu masih ingat semasa Mahathir mengumumkan konsep Bersih-Cekap-Amanah dulu. Bukankah itu satu konsep dan panduan kerja yang baik, yang dianjurkan oleh Islam? Tapi orang PAS masih tak senang juga. Mereka sengaja cari kalau-kalau ada perkara yang mereka boleh kritik. Dah tak ada apa lagi yang boleh dikritik, maka Subky Latiff pun kritiklah susunan perkataan itu. Kononnya tidak betul. Sampai begitu sekali. Tidakkah ini namanya *bancrupt of ideas*? Seorang penulis ruangan khas yang kebengkrapan idea macam ini tentulah memalukan parti PAS. Patutlah dari satu parti PAS sudah pecah tiga:

Keadaan yang sama juga terjadi pada Dasar Pandang ke Timur. Kali ini tokoh lain pula muncul sebagai hero pengkritik, kerana dia pun orang PAS, cara dia pun serupa juga. Mengapa kita mesti pandang ke Jepun dan Korea? Kenapa tidak pandang ke timur Tengah? Kita sudah ada Quran dan Hadith, mengapa nak pandang ke tempat lain lagi? Dulu Islam maju di Sepanyol, kenapa kita tidak pandang ke Sepanyol? Itulah Usul Tokoh Pengarang PAS dalam bukunya

Nak tengok apa di Sepanyol? Nak tengok laga lembu? Kalau nak tengok laga lembu, di Golok pun ada. Inilah susahnya kalau asyik nak cari silap orang, sampai tidak sempat faham apa yang orang maksudkan. Saya kasihan pengikut-pengikut PAS yang jujur ikhlas yang Cintakan Agama dan bangsa, tidak pasal-pasal tercemar oleh bijak pandai PAS yang suka mengkritik.

Kalau kebetulan ilmu yang kita perlukan itu ada di Jepun dan Korea sekarang, apa salahnya kita pandang ke sana? Pandang ke mana pun bumi Allah juga. Ilmu Allah ada di mana-mana. Dunia mana yang tidak mengakui kemajuan teknologi Jepun di hari ini? Timur Tengah, tanah Arab itu pun sekarang sedang diserang teknologi Jepun dan Korea.

Pandang ke Timur bukan bererti kita meninggalkan Quran dan Hadith. Bukan bererti kita mahu jadikan Tokyo dan Seoul itu kiblat kita. Kiblat kita tetap juga Ka'bah Allah di tanah suci Mekah.

Bila kita hantar pelajar-pelajar kita ke Jepun, bukan bererti kita menyekat mereka dari pergi belajar ke Amerika atau Eropah atau Australia. Bukan semua pelajar-pelajar kita di Amerika mempelajari Islam atau mencampuri pergerakan Islam, yang jadi tidak senonoh pun ramai di sana. Logik apa yang PAS gunakan? Apakah Jepun itu kafir, Amerika tidak kafir? Yang menghuru-harakan Timur Tengah itu Jepunkah atau Amerika? Yang merosakkan cara hidup anak-anak muda kita sekarang Jepun atau Amerika?

Saya pun bukannya suka sangat dengan Jepun. Cara hidup masyarakat Jepun bukanlah cara hidup

yang kita inginkan. Pekerja bertungkus lumus mencari kemajuan dunia macam nak gila. Malam mentekederah arak, berzina, makan babi dan melupakan akhirat, bukanlah cara hidup kita. Kita cari kejayaan dunia sambil beribadat mencari kebahagiaan di akhirat. Kehidupan kita ialah untuk kesenangan dunia dan akhirat. Dan dalam negeri kita pun apa kurang orang Melayu yang lebih kurang macam Jepun, lepas kerja pergi 'pub' minum arak, berzina, main judi. Di Chow Kit ada orang PAS yang perangai macam orang Jepun. Mudah-mudahan Allah bukakan pintu hati mereka supaya bertaubat. Seorang yang melakukan segala yang ditegah, belum tentu dia kafir. Itu dosa dia dengan Tuhan, asal jangan dia terkeluar dari Islam, Alhamdulillah.

Bila Mahathir kata Pandang ke Timur yang dimaksudkan bukanlah hendak meniru segala-galanya cara hidup Jepun. Kita bukan hendak jadi bangsa peniru atau Pak turut sahaja. Bukan kita nak bunuh diri macam Jepun. Kita cuma hendak belajar kejayaan dunia. Kejayaan akhirat kita tidak belajar dari Jepun atau Korea. Itu kita belajar dari Quran dan Hadith. Takkanlah Tok alim dan Pak lebai tidak tahu perkara semudah ini? Kata, Islam sangat.

Jepun maju di bidang teknologi, industri dan perdagangan. Ketiga-tiga bidang ini penting, sekiranya kita ingin menjadi umat Islam yang dihormati oleh semua bangsa di dunia dari segi teknologi. Kerana Jepun berjaya di bidang ini kita hendak belajar dari mereka, bagaimana untuk melakukannya. Kalau mereka boleh maju, kita pun boleh maju

juga. Sebelum mereka menakluk kita, sekali lagi, lebih baik kita berkawan dengan mereka, dan belajar rahsia-rahsia mereka. Di manakah salahnya?

Kenapa para Ulamak di negara ini takut hendak pandang ke Jepun dan Korea? Selagi kita beriman pada Allah kita tidak akan sesat. Seluruh bumi dan langit serta segala isinya adalah milik Allah. Walau ke mana sekalipun kita letak pandangan kita selagi kita beriman pada Allah, Allah akan melindungi kita, dan Allah mengajar manusia apa yang mereka tidak tahu. Yang penting sekali ialah iman di hati kita. Jadilah orang yang bertaqwa.

Pandang ke Timur lebih baik dari Pandang ke-Barat. Sekurang-kurangnya secara psikologi kita jadi lebih merdeka. Selama ini kita terlalu bergantung sangat dengan Barat, hingga mereka langsung tidak hormat kepada bangsa kita. Bangsa kita dihina-hina oleh mereka. Bila kita mengubah pandangan ke Jepun, sekurang-kurangnya ada pemimpin Melayu yang berani membelakangkan mereka. Pemimpin Melayu adalah Pemimpin Islam. Sama ada mereka melakukan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang. Mereka jawablah dengan Allah.

Mudah-mudahan Allah tetapkan iman kita. Insyallah kita tidak akan terpesong dan benci Pusat Islam di Mekah, Yahudi hampir berjaya. Memusingkan muka kita ke tempat lain. Mereka tahu. Selagi kita bersatu menghadap Kaabah mereka tidak akan dapat menghancurkan kita. Mereka akan buat apa saja supaya kita bencikan bangsa Arab. Supaya kita dapat, melukakan hati Nabi kita yang

kita kasih. Kerana Quran dalam bahasa Arab. Nabi kita bangsa Arab. Kaabah di tanah Arab, dan mereka yang bencikan bangsa Arab tidak akan dapat kasih sayang dari Nabi Muhammad S.A.W.

Tokoh-tokoh PAS, cubalah faham keadaan bangsa dan negara. Bacalah buku saya ini betul-betul. Apa yang kita perlukan dan apa yang tidak kita perlukan. Tinggalkanlah kerja kafir mengkafir, itu. Itu kerja Tuhan. Tuhan saja yang tahu siapa yang masuk syurga dan siapa penghuni neraka. Hentikanlah bergaduh sesama sendiri. Tidak ada paksaan dalam beragama.

Negara-negara Arab sekarang ini bukannya betul sangat. Kerana terlalu memandang ke Timur Tengah dengan Pandangan "mata kasar", maka orang-orang PAS sekarang bergaduh sesama sendiri. Kalau semua pemimpin PAS ikut Sunnah Rasul, tentu PAS tidak sampai pecah tiga.

Sifat nabi penyayang, pemurah dan kasihkan umat. Kenapa bangsa Arab sekarang tak habis-habis bergaduh dan berperang sama sendiri? Macam mana mereka seperti berada di zaman jahiliah? Berbunuh sama sendiri. Kita patut buat kajian dan belajar dari kesilapan mereka? Bukan benci dan hina mereka. Setiap orang Islam bersaudara.

Bagaimana satu bangsa yang dipilih oleh Allah untuk memimpin Umat Manusia boleh jadi begini? Orang Arab berani, ikhlas, taat dalam perjuangan. Mereka bermatian kerana 'perjuangan'. Masing fikir, mereka di jalan yang benar, mereka yang lebih betul, dan dalam keadaan begini Yahudi memainkan peranan supaya kita bencikan bangsa Arab.

Alasan mereka, Arab tidak bagus. Sebab itu mereka bergaduh, dan kepada mereka yang kurang kuat iman, akan palingkan muka dari Kaabah Allah.

Saya sudah menjelajah ke benua Arab. Saya tahu perangai orang Arab. Garang-garang. Pemanas. Masya Allah: Mereka berani, tidak takut mati. Sebab itu Nabi diturunkan di kalangan mereka. Mudah-mudahan Pak Alim, Pak lebai dalam PAS, tidak ikut perangai Pak Arab yang suka berperang. Ikutlah perjalanan junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Kalau berjihad dan berperang kerana Allah, tidak mengapa, bermusuhan sesama sendiri hendak rebut kuasa, ini tidak baik.

Quran dan Hadith lahir di bumi Arab, dengan bahasa Arab. Kenapa orang Arab tidak boleh jadi bangsa yang maju?. Dihormati dan dicontohi oleh bangsa-bangsa di seluruh dunia? Sebaliknya mereka mundur dan dipermainkan-mainkan oleh Amerika dan Russia. Tak lama lagi Jepun pula akan permainkan-mainkan mereka.... Kenapa? Merekalah orang yang paling faham sekali akan Quran dan Hadith. Kenapa mereka masih jadi macam itu? Dan siapa punya kerja sekarang memecah-belahkan umat? Allah utuskan junjungan Nabi Muhammad menyatu padukan umat. Bagaimana ini semua boleh terjadi? Siapa nanti yang akan menjawab di hadapan Allah S.W.T.

Ada pun Ulamak sudah jadi Ulamak jahat, Ulamak tembolok, fikirkan perut dan kedudukan. Ilmu pengetahuan digunakan semata untuk cari kekayaan, tidak berani menegur segala kemungkaran, tidak berani berkata benar, berpandukan

Quran dan Hadith. Kalau Ulamak takut dengan huruf 'Sensitif' lagi baik 'pencen' dari jadi Pemimpin agama. Macam Mahathir ingatkan Menteri kalau hendak berpolitik, jangan berniaga. Mahathir hari ini perlukan Ulamak yang berani, jujur, ikhlas membuat Kerja Kerana Allah.

Ulamak kalau malas bekerja, itulah jadinya. Orang sibuk bekerja mencari kemajuan, mereka sibuk nak bergaduh sesama sendiri dan melibatkan orang yang tidak berdosa. **Janganlah ikut contoh orang Arab yang lupa daratan sebab terlalu kaya kerana minyak, tidak ada apa yang hendak dibuat, cari gaduh sesama sendiri.** *"An empty mind is a devil's playground"*. Akal yang leka itu singgah-sana syaitan. Kepada orang Arab yang telah salah gunakan harta Allah, tidak taat pada Quran dan Hadith mereka dalam kesengsaraan, ini pun mungkin kerana kesilapan dan kesalahan Ulamak-Ulamak jahat dalam negeri mereka.

Masalah Palestin sudah lama boleh diselesaikan kalau mereka bersatu padu dan berdisiplin, tapi kekayaan telah melalaikan mereka. **Bangsa Arab berada di Kemuncak Kemuliaan di zaman minyak belum keluar dari perut bumi mereka, dan mari kita lihat bila minyak sudah keluar dari bumi Trengganu.** Orang-orang Melayu sudah mula bercakaran sesama sendiri. Satu masjid sudah ada dua imam. **Mudah-mudahan Allah selamatkan kita semua dari penyakit tamak, hasad dengki, riak dan takbur.**

Semoga orang-orang Alim dalam PAS jangan tersesat kerana meniru perjuangan Iran cara membuta. Lihatlah Jepun yang telah dihancur-luluhkan oleh

bom atom, kini berjaya bangun sebagai bangsa yang maju dan disegani oleh seluruh umat manusia.

Mereka bangsa yang berdisiplin dan bersatu padu. Pemimpin-pemimpin PAS harus belajar disiplin dan etika kerja dari Ayatullah Kohmini. Mesti mengamalkan sifat kewalian. Keikhlasan yang ada pada Kohmini. Bukan lari meninggalkan Parti menubuhkan Parti lain, itu "Political Opturnist" namanya.

Umat Islamlah yang sepatutnya menjadi Khalifah di bumi ini. Pemimpin Islam patut menjadi pemimpin dunia. Cara kepimpinan Islam sepatutnya menjadi teladan di seluruh dunia. Siapa tahu suatu hari nanti Mahathir dapat membina keperibadian Islam yang tinggi dan mulia, pada dirinya dan dia akan menjadi pemimpin Islam yang dihormati di seluruh dunia. Tidak mustahil. Dengan bantuan orang-orang seperti Abdullah Ahmad Badawi dan Anwar Ibrahim dan mungkin pemimpin PAS seperti Ustaz Hadi perkara ini mungkin boleh dicapai dan tidak mustahil Ustaz Hadi menjadi orang kuat Mahathir satu hari nanti.

Pemimpin-pemimpin PAS cubalah buka mata dan lihat apa yang sedang dibuat oleh Mahathir dengan hati terbuka. Jadi orang Islam jangan terlalu banyak buruk sangka. Islam itu tinggi mulia. Orang Islam mesti pemurah dan penyayang. Allah jadikan kita untuk beribadah kepadaNya. Setiap kebaikan mestilah disokong bersama. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Kita sudah bosan dengan cerita orang Islam bergaduh sesama sendiri, orang Islam dihina oleh orang kafir. Demi untuk menegak-

kan syiar Islam di bumi ini, sekiranya Mahathir mempunyai kewibawaan untuk memimpin umat Islam, apalah salahnya kita semua membantu dia? Dia saudara kita. Cubit peha kanan sakit juga peha kiri, dia ajak kita buat kebaikan, bukan dia paksa kita membuat kemungkaran.

Bukan semua orang boleh menjadi pemimpin. Bukan senang mendapat pemimpin macam Mahathir. Kalau pemimpin-pemimpin PAS tidak ada kemampuan untuk menjadi pemimpin besar macam Mahathir, adalah lebih bijaksana sekiranya mereka menyokong cita-cita perjuangan Mahathir. Bantu dia untuk menegakkan maruah Islam. Mahathir pun pernah berucap di pentas PAS dulu. Mahathir sayangkan saudara mereka. Mahathir cuma boleh memerintah bukan boleh berkuasa. Allah yang berkuasa. Kalau sudah nasib suratan orang-orang PAS cuma boleh jadi pengikut, jadilah pengikut yang baik. Apa yang hendak digaduhkan sangat kalau Allah menghendaknya besok Malaysia boleh diperintah oleh P.A.S.

Siapa tahu suatu hari nanti pemimpin kita dapat pula menyelesaikan masalah permusuhan dan perpecahan di dunia Arab? 'Insyallah'. Tapi PAS mesti jangan bergaduh sesama sendiri, bikin malu Mahathir dan negara. Bermula dengan satu parti sekarang sudah jadi tiga. Saya takut dalam surau ada tiga atau empat imam pula.

Membantu Mahathir, bukan bererti memberi sokongan membuta tuli. Kalau dia tidak betul kita mesti tegur. Mana ada manusia yang sempurna. Setiap orang Islam diwajibkan berdakwah. Tapi

janganlah sampai sengaja mencari-cari dan mengada-adakan kesalahan yang tidak ada. Itu namanya dengki, kerja yang dikutuk oleh Allah. Sama juga dengan mengampu. Itu semua kerja tak betul.

Saya pun tidak kata, apa yang Mahathir buat semuanya baik dan betul. Tiap manusia tidak sunyi dari membuat silap dan salah. Orang-orang PAS boleh mengawasi tindak-tanduk Mahathir supaya dia tidak tergelincir dan menyeleweng. Bukan senang hendak mengendalikan pemerintahan dan pengaruh, kerana itu adalah kerja yang merbahaya.

Saya bukan hendak mengajar itik berenang tapi kalau ada itik yang tak pandai berenang patutlah belajar. Kalau orang PAS tak mahu dengar cakap saya, suka hati merekalah. Buatlah apa mereka suka. Saya pun bukan suka sangat tulis tentang PAS, nanti kawan saya Subky Latif marah pulak. Dia itu ada ruangan di akhbar, penanya pun boleh tahan tajam. Saya cuma tulis setahun satu buku.

Dasar Pandang ke Timur pun kadang-kadang saya tengok agak melampau juga. Kadang-kadang terasa macam Mahathir terlalu mendewa-dewakan Jepun. Jadi saya nak tegurlah sikit. Baru-baru ini bila orang kritik Jepun Mahathir jadi melenting membela Jepun. Saya takut Mahathir terlalu sayangkan Jepun sampai sanggup pukul "anak sendiri". Jangan begitu. Jepun banyak jahatnya. Kalau kita terlalu kasi dia muka, nanti peristiwa lama berulang kembali. Cukuplah zaman pemerintahan Jepun yang mengazab sengsarakan bangsa kita dulu. Jadi, sesekali kenalaj juga kita kritik dan marahkan Jepun. Biar dia hormat kita sikit. Kalau

hendak tunjuk kasih sangat, kahwin satu lagi dengan perempuan Jepun. Perempuan Jepun termashyur sebagai pasangan isteri yang paling ideal. Cuma jangan sampai kita Pandang ke Jepun macam kita Pandang ke Barat dulu. Lari daripada mulut rimau masuk ke mulut buaya, baru padan muka orang Melayu. Sebaik-baik hidup, adalah "Sederhana".



AYAH DENGAN ORANG TUA

I

*Dulu sekali sekala
aku bersua Imam Kiai
Alim Ulamak berjubah berserban
Ayah serta orang bijak pandai
tunduk hormat menagih berkat.*

*Dulu, di wajah Datuk
berpakaian Rasul
ada bintang, ada cahaya purnama
suara Tuhan pesan Ambia bergema
Pendakwah Mujahidin suruhan
kerjanya lillahitaala.*

*Kini semuanya berubah
dalam kemewahan umat hidup resah
aku jadi gelisah
mengenang Ayah di alam barzah.*

*Kitab Suci entah apa jadi
Alim Ulamak lari makan gaji
untuk tembolok sendiri
Kadi Mufti hidup penuh mistri.*

*Terlalu banyak kaul dalam negeri
tak dapat disatukan mengadap Illahi
Syiar Islam terus dinodai.*

II

*Malam seribu tahun memanjang
air sungai mengeruh seribu musim
aku bersama si Muslim Kecil
hidup tanpa Ayah, tanpa barkah.
Inikah yang dinamakan jahiliah.*

*Baru kelmarin aku melihat
satu kafilah orang-orang kampung
main pondok-pondok ikut Sunat Rasul
bermisai, berjanggut, berjubah dan berserban
ada Kitab di tangan
penuh angan-angan.*

III

*Dalam madrasah ada guru
bersongkok berkain pelekat
menyebut nama Tuhan pelat-pelat
saudara sekitab dikatakan sesat
berdakwah, bermuafakat, menjerat
niaga arak selamat
berjudi tikam ekor kuda berkat.*

IV

*Setasik airmata Wali melimpah ke bumi
Ayah dan Orang Tua melihat dalam mimpi
aku menangis seorang diri
menagih doa dari para Nabi.*

S. H. ALATTAS

27hb. April, 1982.

Wadi Hassan Johor Bahru .



RAHSIA KEMENANGAN AYAM TOGEL

ANWAR Ibrahim dianggap sebagai anak ayam yang baru hendak tumbuh bulu. Itulah komen pertama yang keluar dari mulut pemimpin PAS, sebaik saja Anwar diisytiharkan sebagai calon Permatang Pauh, menentang Haji Zabidi. Rupa-rupanya ayam togel UMNO ini lebih baik dari ayam bulu balik PAS. Ayam togel sudah tumbuh bulu, ayam bulu balik bila pula hendak tegak bulunya?

Anwar menang dengan kelebihan 14,000 undi. PAS kalah akibat menghinakan makhluk Allah, dan inilah akibatnya bila merasakan diri terlalu handal. Orang yang angkuh memang dibenci oleh Allah.

Nasib Anwar memang baik. Seperti yang saya sebutkan dalam Muqaddimah, bila nasib baik, buat apa pun jadi baik juga.

Hari ini Anwar Ibrahim sudah duduk sebaris dengan gergasi-gergasi UMNO, seperti Encik Ghaffar dan Datuk Harun. Malahan dari segi kedudukan dia boleh dikira lebih tinggi dari Musa, tarafnya sama dengan Mahathir, mereka kedua adalah Presiden. Perkara ini mungkin tidak pernah terfikir oleh Anwar sendiri atau oleh ahli UMNO. Ramai ahli-ahli UMNO yang mentertawakan saya bila saya ramalkan Anwar akan jadi Ketua Pemuda UMNO. Buku saya Pemuda Di Zaman Mahathir menjadi sejarah.

Kemenangan Anwar adalah satu *'miracle'*. Ramai yang mahu rebut kerusi Ketua Pemuda, terutama dalam golongan Pemuda sendiri, tapi mereka takut hendak mencuba nasib.

Bukan mudah hendak naik ke atas. Pandai macam manalah, dan banyak macam manalah idea, kalau tidak ada nasib, kata orang "pi mai, pi mai, dok tang tu jugak". Jadilah macam beruk rantai pendek, cuma boleh berlegar di keliling batang kelapa tempat dia dirantai. Kalau tuan hendak gunakan baru diberi tali panjang dapatlah ia naik ke atas pokok kelapa. Sudah habis kelapa diturunkan, pusing keliling batang kelapa itu juga semula.

Pemilihan Ketua Pemuda 1982 masih menunjukkan yang Pemuda belum lagi mencapai peringkat kematangan seperti yang diharapkan. Kebanyakan ahli Pemuda nampaknya lebih suka kepada 'pemimpin yang baik dengan mereka', bukan kepada 'pemimpin yang baik' "Pemimpin yang baik dengan mereka" belum tentu seorang "pemimpin yang baik." Dan pemimpin yang baik dengan

kebanyakan ahli Pemuda masa itu ialah Suhaimi.

Tetapi kenapa Anwar yang menang? Inilah yang hendak saya jelaskan dalam bab ini.

Anwar menang bukan kerana para perwakilan mahu dia. Bagus macam mana pun Anwar, mereka belum mengenal hati budinya. Dan dia bukanlah 'pemimpin yang baik dengan mereka'. Tidak kenal maka tidak cinta. Mereka telah diperingatkan supaya waspada dengan kedatangan orang dari luar. Sejarah telah menceritakan kepada kita perihal Osman Abdullah dan Datuk Mohd. Nasir tetamu khas pucuk pimpinan. Apa yang telah jadi kepada mereka? Osman Abdullah dan Mohd. Nasir tidak sama dengan Anwar. Sekarang ini "Rambut orang Melayu sudah tidak sama hitam lagi". Tapi beras masih sama putih, rasanya saja yang berbeza.

Dalam politik Malaysia anda perlu tahu siapa yang mahukan anda, kalau anda ada hati hendak jadi pemimpin. Perkara begini juga perlu diselidiki sebelum membuat ramalan politik, kerana dalam politik UMNO peranan "Godfather" dan politik ala Mafia Malaysia sangat penting. Setiap calon yang hendak bertanding mesti mempunyai "Connection", dari luar dan dalam. Mesti ada pengurus kempen. Dan yang paling berpengaruh ketika ini ialah 'Harun Connection'.

Pengurus kempen yang baik, dapat menembusi kedua-dua kemah, kalau calon ada dua kemah. Kalau banyak, pengurus kempen mesti boleh menyeludup masuk ke semua kemah. Kalau tidak ada "task force", "wang hangus" dan jentera bergerak ke seluruh negara, nanti akan jadi macam

Hang Tuah Arshad, cuma dapat tujuh undi saja. Ahli-ahli UMNO sekarang ramai yang ligat makan kiri kanan, depan belakang sapu. Waktu mengundi diri sendiri saja yang tahu.

Anwar miskin, tidak ada kekayaan macam Suhaimi, Anwar cuma boleh berkhidmat dengan jujur dan ikhlas. Inilah yang telah dilakukan selama ini. Mengikut kajian politik hari ini, kalau tidak ada duit tidak boleh jadi pemimpin. Pemimpin hari ini mesti kaya, mesti boleh beli undi. Itu sebab semua pemimpin mesti pandai cari duit, mesti kaya. Ada duit, ada pengaruh, baru senang pancing undi. Kalau tidak, sampai tualah jadi ahli biasa saja.

Saya bukan tidak mengkaji, dan saya tahu Haji Suhaimi masih mempunyai pengaruh yang kuat. Tetapi seperti yang saya selalu katakan, nasib manusia ditentukan oleh Allah. Waktu itu, mengikut ramalan saya, bintang Suhaimi sedang menurun, sedang gelap. Biar pun saya tahu kebanyakan perwakilan masih mahukan Suhaimi, saya percaya walau bagaimanapun dia akan kalah. Waktu dan ketika sudah tiba untuk dia turun, sebab itu dalam buku saya *Pemuda Di Zaman Mahathir*, saya hadiahkan dia sebuah lagu: '*Cukup sampai di sini sayang*'.

Bila bintang seseorang mulai pudar dan orang itu tidak sedar kerana sifat manusia yang lalai, dia akan melakukan beberapa kesilapan. Suhaimi banyak membuat langkah sumbang pada hari-hari yang berhampiran dengan Perhimpunan. Hanya orang yang tajam memerhati dan memerhati dengan hati bersih terbuka sahaja akan sedar tentang

perkara ini. Sehingga saat-saat akhir pun Suhaimi tidak dapat mengelakkan dirinya dari membuat langkah sumbang.

Mereka yang hadir di Persidangan Pemuda di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka pada pagi 9 September 1982 tentu telah menyaksikan suatu peristiwa langkah sumbang Suhaimi yang terakhir. Peristiwa yang saya maksudkan ialah ucapannya. Ramai Perwakilan merasa marah dengan ucapannya. Saya percaya akibat daripada itu beberapa orang telah berubah hati dan menukar fikiran.

Ada tiga faktor yang menyebabkan Anwar menang dalam pertandingan Ketua Pemuda. Pertama, sudah tersurat yang dia akan menang, dan Allah berserta dengannya. Peristiwa di atas boleh dianggap sebagai bukti. Kedua, Dr. Mahathir Perdana Menteri sendiri memberi dia peluang dengan melantik dia menjadi Timbalan Menteri. Di samping itu orang seperti Megat Joned dan Abdullah Ahmad Badawi, juga Ibrahim Ali, berdiri di belakang Anwar. Ketiga, ada "*Godfather UMNO*" yang mahu Anwar menang, dan ini dibantu pula oleh usaha-usaha penting yang dijalankan oleh Tamrin Ghafar dan kawan-kawan lain.

Pemimpin Pemuda yang pertama menyokong Anwar secara terus terang ialah Tamrin Ghafar. Ramai yang mengatakan Tamrin gila. Tamrin mempunyai ramai penyokong yang kuat. Kalau dia mahu bertanding melawan Suhaimi pun dia mungkin boleh menang. Dalam Pemuda Tamrin dianggap sebagai "*Harimau berantai*" berani dan

lantang suaranya. Dia boleh dianggap antara tokoh Pemuda yang paling popular.

Apakah Tamrin menyokong Anwar kerana dia sukakan Anwar atau kerana dia kurang senang pada Suhaimi? Ikut adat, Tamrin mesti taat pada Suhaimi. Tapi dia tidak akan taat pada pemimpin yang dia tahu lemah. Tamrin mahu orang yang macam Anwar jadi pemimpin. Dia bersama Fahmi Ibrahim dan Mazlan Harun adalah orang yang paling kuat bekerja menjelajah seluruh negara dan membelanjakan wangnya yang banyak untuk menentukan supaya Anwar menang.

Apakah akan terjadi pada Tamrin sekiranya Anwar kalah? Tentulah buruk padahnya, apalagi sebagai seorang ahli perniagaan. Kalau Tamrin seorang kapitalis yang mementingkan diri sendiri dia akan menyokong Suhaimi, kerana cara ini boleh memberikan dia peluang menjadi Ketua Pemuda selepas Suhaimi nanti. Tamrin seorang pemimpin Pemuda yang kuat prinsip. Dia berani mengambil risiko kerana prinsipnya.

Anwar menang cuma dengan kelebihan sepuluh undi sahaja. Cukuplah! Yang penting dia berjaya menjadi Ketua Pemuda. Allah menentukan tuah nasibnya. Allah menentukan kemenangannya, kerana ketokohan pemimpin yang diperlukan oleh Pemuda di Zaman Mahathir ada pada Anwar.

Di umur muda itu, Anwar Ibrahim mencipta sejarah. Dia sudah menjadi seorang tokoh. Ketokohan seorang pemimpin besar ada padanya. Wajahnya tenang bercahaya dan berseri-seri. Jelas terbayang sifat keikhlasan dan kejujuran jiwa yang

besar dan hati yang bersih terbuka. Wajah pemimpin yang tidak menyimpan dendam dan iri hati. Senyumnya senyum ikhlas.

Antara perubahan besar yang dibawa oleh Anwar sejak jadi Ketua Pemuda ialah ramai pemimpin UMNO sudah pandai bercakap pasal agama. Sudah mula kesana kemari berbaju Melayu dan bersongkok, seolah-olah mereka lebih beragama dari Anwar. Anwar dilebel oleh setengah Akhbar sebagai Pemimpin UMNO yang cuma pandai berkhotbah macam pemimpin PAS. Inilah dia politik. Macam-macam cara orang cuba untuk menjahanamkan karier politik pemimpin yang berpotensi menjadi seorang Perdana Menteri.

Antara pemimpin pelapis dalam UMNO hari ini dia seorang saja yang membina ketokohan dengan titik peluh dan linangan air mata. Dia bukan jenis pemimpin yang diturunkan dengan payung terjun dari atas. Dia orang perjuangan yang mempunyai prinsip.

Namun di kalangan pemimpin Pemuda yang lama masih ada yang menganggap Anwar sebagai dibawa masuk dan diberi kerusi "Boss". Mereka ini berasa kurang senang dengan ketokohan dan pembawaan Anwar, kerana Anwar bukan orang mereka. Cara hidup dan fikiran mereka tidak sama dengan Anwar. Sebab itu sehingga ini masih ada EXCO Pemuda yang belum dapat menyesuaikan diri dengan Anwar. Cepat-cepatlah sesuaikan diri.

Saya tidak hairan ketika pertandingan dulu ada pemimpin Pemuda yang menolak Anwar sama sekali. Sifat manusia memang ada yang dengki, iri

hati dan cemburu. Lebih-lebih lagi bagi yang menaruh harapan untuk dapat sesuatu, tiba-tiba orang lain yang dapat. Frustrlah dia.

Datuk Rais membuat *statement* dalam akhbar minta penjualan "buku nyamuk" diharamkan pada tiap-tiap Perhimpunan Agung UMNO. Saya fikir peranan akhbar nyamuk atau buku nyamuk patut dianggap sebagai suara pembangkang yang patut wujud untuk mendedahkan kecurangan pemimpin yang kebanyakannya kurang diketahui oleh sebahagian besar rakyat yang hanya membaca akhbar-akhbar besar yang pro BN atau Pemimpin tertentu saja. Kecurangan para menteri dalam kes pembahagian tanah dan lain-lain yang didedahkan oleh akhbar nyamuk itu patut sekali dibaca oleh semua rakyat untuk dinilai dan diadili betul tidaknya.

Ramai pemuda yang marahkan saya kerana kata mereka buku saya Pemuda *Di Zaman Mahathir* telah mengubah pandangan perwakilan. Muka depan buku itu dengan sendiri telah menunjukkan Anwar pasti menang, dan di dalamnya pula ada gambar Anwar yang di bawahnya tertulis *Ketua Pemuda UMNO 1982, Insya Allah*. Saya hadiahkan Suhaimi satu lagu "*Cukup sampai di sini sayang*". Kebetulan buku *Pemuda Di Zaman Mahathir* tidak mengangkat dia dan setahu saya pada hari tersebut saya seorang saja penulis dan penerbit yang menjual buku mengenai perebutan kerusi Ketua Pemuda. Macam ini punya menteri pun ada. Cuba buku itu ada cerita kempen untuk dia, tentu dia senyap-senyap bantu menjualnya.

Ahli-ahli UMNO tidak sepatutnya memberikan sokongan membuta tuli kepada seorang pemimpin yang telah jelas melakukan penyelewengan terhadap amanah rakyat. Mereka sepatutnya melancarkan protes terhadap kecurangan yang dilakukan oleh pemimpin. Tapi segolongan pemuda menjadi pengikut buta, pak turut, 'yes men terhadap tindak tanduk pemimpin dan membiarkan mereka berterusan menyelewengkan perjuangan. Mereka mahu Suhaimi menang walaupun mereka tahu Suhaimi telah melakukan kesalahan dan kesilapan.

Secara tidak langsung sokongan yang dilakukan oleh golongan ini menunjukkan yang mereka merestui kecurangan. Bukankah setiap yang curang wajar disingkirkan serta merta? Bukankah Islam sudah mengajar umatnya supaya jangan taat pada pemimpin yang curang, rasuah pecah amanah atau apa-apa juga perbuatan yang melanggar kepentingan dan kebajikan rakyat?

Perbuatan Pemuda seperti ini sama juga dengan setengah ahli-ahli UMNO yang taat dan cintakan Ketua mereka. Kita tahu mungkin tokoh tersebut sudah berjasa membangunkan negeri atau mentadbirkan negerinya sambil membawa angin perubahan, tapi dalam masa yang sama melakukan rasuah dan penyelewengan terhadap pembahagian tanah misalnya. Macam mana Pemuda hendak mendesak kerajaan menentang rasuah dan penyelewengan kalau mereka masih bersikap degil dan keras kepala, biar apa jadi pun mereka tetap setia dan sayangkan pemimpin mereka yang tidak betul?

Sokongan berterusan oleh sejumlah besar

Pemuda terhadap Haji Suhaimi secara jelas menunjukkan pemikiran ahli-ahli UMNO itu masih ditakuk lama, terjajah oleh fahaman-fahaman usang, tidak kritikal terhadap pemimpin sendiri yang lemah dan tidak berupaya, suka sangat menjadi pengikut buta tanpa membuat teguran-teguran membina yang boleh membersihkan suasana yang diliputi awan mendung dan debu-debu pencemaran perjuangan tulen bangsa sendiri.

Pembiaran berterusan keadaan seperti itu hanya akan mengurangkan dan memperkecilkan minat golongan generasi baru selepas Merdeka yang terdidik secara moden terutama dari kalangan intelek yang mengetahui UMNO sebagai parti yang hanya mempertahankan unsur-unsur tradisi dan perjuangan secara pragmatis. Generasi baru sekarang lebih cenderung kepada perjuangan berunsur Islam dan rasionalisme.

Keadaan perjuangan UMNO ini akan banyak berubah apabila generasi lama meninggal dunia, pergi bersama fahaman lama, digantikan dengan ahli-ahli UMNO selepas Merdeka. Mereka ini memiliki pandangan baru terhadap falsafah dan perjuangan UMNO. Inilah yang diharapkan oleh rakyat. Apakah harapan dan mimpi rakyat patut dihampakan?

Dalam Pemuda memang sudah ada kesedaran. Mereka mahukan pemimpin yang berwibawa, yang karismatik, yang jujur bijaksana, amanah, berani, tapi bukan orang dari luar.

Kajian yang dibuat oleh para pengkaji sejarah politik dan sosial di negara ini menunjukkan bahawa kesedaran di kalangan masyarakat kita adalah hasil

daripada perjuangan orang-orang yang berpendidikan agama, melalui majalah-majalah, akhbar-akhbar dan buku-buku. Mahathir sedar akan hal ini. Mungkin ini satu daripada sebab mengapa dia membawa Anwar "masuk UMNO" dan merestui pertandingannya merebut kerusi Ketua Pemuda.

Siapa sangka ABIM boleh meresap ke dalam Pemuda UMNO? Kini tiga pertubuhan belia yang besar berada dalam Pemuda 4B, MAYC dan ABIM. Kalau saja pertubuhan-pertubuhan ini dapat bersatu, alangkah baik. Ketokohan Anwar sebagai pemimpin belia yang telah terbukti tentulah dapat melaksanakan harapan ini.

Ramai anak muda yang berkelulusan nampaknya begitu pasti apabila golongan baru menguasai jumlah keahlian dan kepimpinan baru UMNO kelak, tokoh-tokoh korupsi yang hendak mencari kekayaan dari parti tidak lagi akan dipilih menjadi Menteri Besar atau Wakil Rakyat.

Hanya tokoh-tokoh yang serius terhadap perjuangan rakyat dan bangsa Melayu yang tulen dan tidak korap saja akan terpilih. Apakah harapan ini nanti akan menjadi satu kenyataan? Tokoh-tokoh yang masih *berfahaman* lama atau sekadar memainkan peranan *rubber stamp*, tukang angguk atau tukang enggeh atau patung wayang kulit lebih baik berundur diri sebelum tersingkir atau disingkirkan oleh rakyat yang sudah celik politik dan berpengetahuan luas.

Menteri adalah guru pada anak buahnya. Kerajaan kita gagal selama ini kerana meletakkan menteri yang tidak kena pada tempatnya. Pucuk Pimpinan mesti mengkaji latarbelakang seorang menteri sebelum memberikannya satu kementerian. Mahathir berjaya sebagai Menteri pelajaran kerana "family background" selain dari dirinya. Para Nabi dipilih dari keturunan Nabi.

Saya memang mengharapkan Mahathir memilih Anwar sebagai Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan dan bila Anwar terpilih saya berterima kasih pada Mahathir kerana telah membuat satu pilihan yang tepat dan jitu. Betullah Mahathir ini seorang Perdana Menteri yang cekap dan pandai Slogan Kepimpinan Melalui Teladan yang menjadi harapannya diamanahkan pada Anwar. Pemimpin yang dapat menjadikan dirinya sebagai contoh.

Mahathir mahukan Negara ini menjadi Negara contoh. Anwar berjaya menjadikan Ahli ABIM sebagai pemuda yang berjiwa Islam. Pemuda yang berdisiplin dan bertanggungjawab. Pemuda harapan bangsa.

Wajah Anwar sentiasa bercahaya dan berseri. Kehidupannya sederhana ada dunia dan akhirat dia terkenal sebagai Pemimpin Belia Islam yang dihormati di seluruh dunia Islam. Ada ke calun yang lebih baik darinya ?

Politik adalah satu pandangan yang jauh, Anwar tidak payah, suruh belia buat itu dan ini. Anwar masuk saja di Kementerian itu dengan sendirinya dia terpijak daun 'semalu'. Orang tahu siapa Anwar, jadi mereka dengan sendirinya Kalah badi dan dengan sendirinya para pengampu akan bertukar. Jadi, Islam

di kulit hendak buat tidak tentu arah, hendak buat perkara sumbang yang bertentangan dengan agama tentu malu, bukankah dengan sendirinya itu satu kemenangan kepada Mahathir. Mahathir mahukan belia yang berjiwa Islam. InsyaAllah mimpi Mahathir akan menjadi satu kenyataan.

Kawan-kawan Anwar mengharapkan Anwar jadi Menteri Pelajaran. Kerana dengan menjadi Menteri Pelajaran Anwar nanti cepat jadi Timbalan Perdana Menteri. Cepat jadi Perdana Menteri. Ingatan begini, harapan begini, merugikan Anwar dan negara. Apa perasaan Musa dan Ku Li. Kalau Anwar jadi Menteri Pelajaran, apa perasaan Sanusi Joned, Abdullah Ahmad Badawi, Rais Yatim yang lebih senior darinya.

Ada dua tiga orang kuat ABIM melahirkan rasa 'frust' mereka kerana Anwar diletakkan di Kementerian Belia. Kata Mereka Mahathir sengaja merancang untuk membunuh karier politik Anwar. Ada yang tepuk tangan. Padan muka Anwar. Sekarang tunjuklah pandainya tidak lama jahanam dia dipengarui dan dikerjakan oleh Belia yang tidak sealiran dengannya.

Nabi Muhammad s.a.w. tidak memilih hidup yang senang, Baginda rasul ditugaskan mengubah dan mengislamkan Arab jahilia, yang tanam anak perempuan mereka hidup-hidup, Baginda tidak minta pada Tuhan suruh beri beliau umat yang baik-baik dan selamatkan umatnya dan berikan petunjuk pada mereka yang menentanginya. Para nabi diturunkan disatu satu tempat bila manusia sudah tidak terkawal lagi, Tuhan turunkan para pemimpin yang mengikut contoh dan ajaran nabi.

Nabi Muhammad s.a.w. tidak memilih hidup yang senang, Baginda rasul ditugaskan mengubah dan mengislamkan Arab jahiliah, yang tanam anak perempuan mereka hidup-hidup, Baginda tidak minta pada Tuhan suruh beri beliau umat yang baik-baik supaya senang dia pimpin. Rasulullah minta pada Allah supaya selamatkan umatnya dan berikan petunjuk pada mereka yang menentanginya. Para nabi diturunkan di satu-satu tempat bila manusia sudah tidak terkawal lagi, dan kerana nabi tidak akan diturunkan lagi, Tuhan turunkan para pemimpin yang mengikut contoh dan ajaran nabi.

Di kementerian dimana Menterinya telah pun dijatuhkan hukum gantung kerana didapati bersalah membunuh, Anwar diletakkan, semoga Anwar menebus dan menyucikan kementerian yang telah memalukan, dan mengabaikan kerajaan kita. Beliau yang ada kesedaran yang ingin meninggikan maruah Bangsa Melayu tentunya akan memberi sokongan yang sepenuhnya pada Anwar dan Radzi anak Pak Sheikh adalah seorang timbalan yang baik untuk Anwar bila ada rombakan Kabinet akan datang.



TUN GHAFFAR BABA

TUN GHAFFAR BABA? Mana ada orang yang bergelar Tun, yang bernama Ghaffar Baba? Orang yang bernama Ghaffar Baba ada. Tapi dia tak ada gelaran apa-apa. Kalau ada pun cuma gelaran Cikgu, sebab dia pernah jadi Cikgu dulu. Gelaran yang lain selain daripada itu, Encik. Tapi *Encik* ialah gelaran untuk semua orang lelaki dewasa yang tidak ada apa-apa gelaran. 'Tun' bukan satu gelaran biasa. Ia satu anugerah bintang kehormatan negara yang paling tinggi. Encik Ghaffar Baba atau Cikgu Ghaffar Baba yang dikenali oleh semua ahli UMNO itu belum lagi dianugerah bintang 'Tun'.

Jadi siapakah Tun Ghaffar Baba? Ceritanya begini: Memang belum ada orang yang bernama Ghaffar Baba yang telah dikurniakan bintang yang membawa gelaran Tun. Tapi saya telah perhati-perhatikan sejarah perjalanan hidup Ghaffar Baba yang sekarang menjadi Naib Presiden UMNO sejak



Y.B. Encik Ghaffar Baba

tahun 1962 itu, saya fikir-fikir, kalaulah saya boleh bagi gelaran Tun pada dia, saya mesti bagi. Dia memang patut diberi bintang kehormatan tertinggi itu. Oleh sebab gelaran itu cuma boleh diberikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, maka kalau saya boleh buat cadangan, saya cadangkan Ghaffar Baba dikurniakan Tun. Dan kalau buat cadangan pun saya tak boleh, saya fikir dalam buku saya ini tak ada siapa boleh halang saya memanggil dia Tun. Jadi saya panggillah dia Tun Ghaffar Baba.

Orang yang pernah baca buku saya *Perang Di Kuala Linggi 1978* tentu hairan, terkejut dan tertanya-tanya, kenapa saya panggil dia Tun? Bukanlah dalam buku itu saya telah hentam, kecam dan lanyak dia habis-habisan? Di manakah pendirian saya?

Ceritanya begini: Betul dalam buku *Perang Di Kuala Linggi 1978* saya lanyak dia habis-habisan. Projek-projek dia hendak membantu orang Melayu semuanya gagal. Dia menghabiskan duit rakyat. Macam-macam lagi kegagalan dia. Dialah salah seorang pemimpin UMNO yang paling teruk pernah saya hentam. Kalau calang-calang orang kena tulis macam itu, umur politiknya pasti pendek. Tapi Ghaffar telah membuktikan yang dia masih boleh bergerak terus di dalam politik dan mempertahankan pengaruhnya, walaupun telah teruk dikritik. Orang UMNO masih memilih dia duduk di kerusi Naib Presiden.

Pada saya Ghaffar merupakan pemimpin yang paling tahan diuji. Kena lanyak seteruk itu pun dia masih boleh tegak. Kelemahan dan kegagalan, serta kejahatannya telah saya dedahkan kepada pengetahuan rakyat. Semua orang sudah tahu. Tapi dia tetap tidak tumbang. Tidakkah itu bermakna sebagai penulis politik semasa yang masih tegas dan tajam penanya saya telah gagal? Dengan menyanjunginya sekarang apakah bermakna saya menjilat kembali ludah saya?

A coin have two sides. Sebersih manusia mesti ada najis di dalam perutnya. Itu bererti tidak ada manusia yang sempurna di dunia ini, dan setiap orang yang jahat juga ada baiknya. Dari segi undang-undang "Botak Chin" adalah seorang penjenayah tapi pada kawan, dan orang yang mengenali-nya "Botak Chin" adalah seorang "Robin Hood". Kalau dengan menulis mengenai kejayaan dan jasa Ghaffar ini saya akan dikecam sebagai orang yang sudah menjilat ludahnya kembali, terserah pada masyarakat.

Pemimpin boleh ditumbang oleh sebatang pena. Tapi pemimpin yang luar biasa tidak harus mengaku kalah kepada serangan apa pun. Seperti Datuk Harun yang telah dipenjarakan kerana kesalahan jenayah, sepatutnya itu akan menghancurkan masa depan politiknya. Tetapi tidak. Dan kita harus bertanya: Kenapa tidak? Ini membuktikan takdir mengatasi semua perancangan manusia. Pe-

mimpin jatuh bukan kerana bisanya pena, tetapi kerana Allah menghendaknya. Selagi Tuhan belum mahu menurun dan menjatuhkan Tun Ghaffar, siapa pun tidak boleh jahanamkan karier politiknya.

Dan begitu juga dengan saya. Selagi Allah menghendaki saya mengkritik para pemimpin, saya tidak akan memuji kerana segala puji hanya bagi Allah. Tapi tidak menjadi satu kesalahan kalau kita memuji kebesaran Allah yang telah meminjamkan pengaruh dan kebesaran dan darjat kepada hambanya.

Manusia seperti Ghaffar ialah orang yang tegap semangat perjuangannya. Ada sesuatu yang ia ingin capai di dalam hidupnya, ada yang ia ingin sumbangkan kepada masyarakat sekelilingnya. Niat yang baik sentiasa direstui oleh Allah, asal saja ia tabah menghadapi ujian. Niat dan cita-citanya satu rahsia, Dia dan Allah saja yang tahu, dan seandainya Allah mahu memberikan 'Nur' kepadanya siapa tahu. Itu hak Allah.

Manusia itu makhluk yang lemah, tidak sunyi daripada melakukan kesalahan dan kesilapan. Kerana itulah kita harus menegur dan mengkritik pemimpin, kerana mereka juga manusia yang lemah dan sentiasa terdedah kepada kemungkinan melakukan kesalahan dan kejahatan.

Mahathir dulu pun suka mengkritik pemimpin, tapi hari ini bila dia sendiri sudah jadi pemimpin, barulah dia tahu beratnya tanggungjawab pemimpin yang terikat dan terbandung oleh Perlembagaan, Parti dan Negara.

Sebagai penulis yang bertanggungjawab, saya mengkritik pemimpin-pemimpin apabila mereka melakukan kesalahan. Tujuan saya, ialah untuk mengingatkan mereka juga rakyat. Terpujanglah kepada pemimpin yang dikritik itu untuk memperbaiki dirinya. Pemimpin yang tulen harus tahan menerima kritik, cabaran, ujian dan rintangan.

Tidak ada jalan mudah menuju ke puncak kejayaan. Ini harus diperhatikan oleh pemimpin-pemimpin muda di dalam UMNO hari ini. Mereka harus belajar dari sejarah hidup tokoh-tokoh seperti Ghaffar Baba dan Datuk Harun, juga sejarah perjuangan Dr. Mahathir dan Anwar Ibrahim, pemimpin muda yang kaya dengan pengalaman.

Kata orang politik, Tengku Razaleigh telah jatuh kerana buku saya *Siapa Selepas Musa*, di samping sebab-sebab lain. Apakah Tengku Razaleigh telah mengaku kalah, atau dia sedang belajar dari kesilapannya untuk bangun semula membuktikan kemampuan kepimpinannya? Sama-samalah kita tunggu dan lihat.

Kawan baik saya yang juga kawan baik Datuk Haji Suhaimi mengatakan, Suhaimi telah jatuh kerana buku saya *Pemuda Di Zaman Mahathir*, di samping sebab-sebab lain. Jawab saya, bukan kerana

penulisan saya, tapi kerana kesilapannya sendiri. Saya cuma mendedahkan penyelewengan dan kesilapan pemimpin, menulis dengan niat mengingatkan pemimpin, bukan untuk menjatuhkan. Kalau dikritik mereka jatuh, itu menunjukkan mereka lemah. Kalau mereka kuat, betulkan diri dan bangun semula. Pemimpin yang benar-benar pemimpin akan berjaya bangun semula setelah jatuh. Rais Yatim pula jadi menggelah kena kritik saya melalui buku Pemuda *Di Zaman Mahathir*. Dan kerana suka mengkritik pemimpin saya tidak disenangi oleh pemimpin UMNO, ada di antaranya yang suka saya ditangkap dan disimpan saja dalam 'Istana Kumbang' di Taiping.

Semasa saya dedahkan segala kelemahan dan kesalahan Ghaffar dulu, bila saya temui dia selepas terbitnya buku *Perang Di Kuala Linggi 1978*, dia macam biasa. Steady saja. *He is a real gentleman*. Dia tidak menunjukkan marahnya kepada saya. Di belakang saya tak tahulah. Tapi yang pentingnya, bila berjumpa saya dia masih mahu bercakap dengan baik, Tamrin anaknya pun begitu juga. Dia berkawan macam biasa dengan saya. Ini satu perkara yang luar biasa, tidak ramai keluarga politik yang boleh sampai ke taraf itu.

ORANG YANG BERJIWA BESAR TIDAK PERLU MENUNJUK-NUNJUKKAN EGONYA. Dia tahu jiwanya besar jadi dia tidak perlu membesarkan diri, ular yang bisa tidak akan hilang bisanya kerana menyusur akar. Itulah Ghaffar. Lemah lembut dan tidak pandai meninggi diri. Dia dapat

menyesuaikan diri dengan manusia di semua peringkat. Tidak ramai pemimpin yang mencapai peringkat seperti dia masih mahu duduk berbual-bual dengan orang-orang kampung di kedai kopi. Itulah keistimewaan Ghaffar. Nampaknya dia mencontohi keperibadian Almarhum Presiden Sukarno.

Di zaman Hussein Onn dia tidak lagi berada di dalam kabinet. Kerana sebab-sebab tertentu dia menolak, untuk memegang jawatan menteri. Tetapi sehingga sekarang dia masih aktif di dalam parti. Ghaffar telah membuktikan bahawa perjuangan membela bangsa dan negara bukan semata-mata dengan menjadi menteri. Orang-orang UMNO harus ikut teladan Ghaffar. Jangan sibuk nak merebut jawatan menteri saja. Bila tak boleh jadi menteri jangan nak merajuk. Kalau betul-betul nak berbakti kepada bangsa dan negara, macam-macam cara ada. Tidak semestinya jadi menteri atau memegang jawatan tinggi dalam parti.

Siapa yang tidak tahu jasa Ghaffar kepada UMNO? Undi yang begitu banyak yang diberikan kepadanya setiap kali Perhimpunan Agung sudah cukup sebagai bukti. Sudah 20 tahun dia diperlukan duduk di kerusi Naib Presiden, sejak tahun 1962. Dan sejarah ini bermula jauh lebih awal daripada itu. Dalam pilihanraya umum kita yang pertama, untuk Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1955 dia terpilih menjadi salah seorang daripada 52 orang calon Perikatan. Ketika itu dia adalah anggota yang paling muda dalam Majlis Perundangan. Jadi hari ini kalau ada anak muda yang

merasakan dirinya antara orang termuda dijadikan menteri jangan besar sangat hati, tanya diri sendiri, boleh tidak menandingi Tun Ghaffar, kalau boleh servisnya lebih lama dari Tun Ghaffar. Kita akan catatkan namanya dalam buku "Tokoh-Tokoh Agung Malaysia."

Sudah 28 tahun Ghaffar menabur jasa dalam UMNO, dan sudah beberapa kali pula dia turut secara aktif menentukan kemenangan UMNO dan Barisan Nasional. Jasanya cukup besar, hampir tidak ada tolak bandingnya. Tapi dia masih simple. Macam itu juga, tak ada pun mendabik dada dan berlagak angkuh. Tak ada orang pun hendak beri dia pingat itu dan pingat ini. Tak ada Universiti pun yang hendak mengiktiraf beliau. Apakah beliau belum layak menerima ini semua? Cita-cita beliau masih berpegang kepada hakikatnya yang beliau masih belum layak menerima pengiktirafan ini semua. Jadi bagaimana anak muda yang belum setahun jagung jadi Menteri sudah bergelar Datuk dan Tan Sri?

Hari ini orang-orang yang sezaman dengannya boleh dikatakan semuanya telah mengundurkan diri dari gelanggang politik, baik secara sukarela mahupun secara terpaksa. Di zaman Mahathir yang nampaknya terlalu meletakkan kepercayaan kepada orang-orang muda ini pun Ghaffar masih dipercayai untuk memegang jawatan Setiausaha Agung Barisan Nasional. Apakah untuk tahun-tahun akan datang pun Mahathir masih memerlukannya? Dan kalau perwakilan UMNO terus mahukan dia, apakah Mahathir berani menyingkirnya???

Zaman Tunku dulu Ghaffar antara orang yang paling rapat dengan Tunku. Zaman Tun Razak dia lebih rapat dengan Tun Razak. Zaman Hussein Onn, ada orang bilang mereka berdua tidak sebulu, selalu bertelagah pendapat. Sekarang zaman Mahathir, bagaimana pula hubungannya dengan Mahathir? Dalam kalangan kelompok pemimpin-pemimpin yang muda-muda belaka hari ini kita percaya "orang tua yang kaya pengalaman" macam Ghaffar tentulah ada manfaatnya. Kerana pemimpin muda dalam parti hari ini macam pokok rambutan kahwin. Senang tanam cepat berbuah. Semudah itu serkah atau tumbang ditiup angin ribut.

Ghaffar meningkat naik secara berperingkat-peringkat, kerana itu dia banyak berguru dengan pengalaman. Dia pernah menjadi 'budak pemungut bola tenis'. Kelulusannya setakat Maktab Perguruan Sultan Idris, tapi sekarang dia sudah muncul sebagai salah seorang jutawan Melayu. Siapa sangka?

Di zaman bangsa kita sedang menebus kembali maruahnya, di zaman kita sedang membina kekuatan di bidang ekonomi, Ghaffar sekali lagi menunjukkan bukti dan contoh. Sebuah Syarikat besar kepunyaan bekas penjajah, iaitu Dunlop Holdings telah berjaya dikuasai dan diambilalih olehnya.

Siaapa kata orang Melayu tak pandai berniaga? Dan atas kejayaan sebagai seorang ahli perniagaan Malaysia yang pertama yang dapat duduk menjadi pengarah di Dunlop. Ini satu sejarah yang patut menjadi contoh dan teladan. Saya angkat topi dengan Ghaffar, kerana kecekapan dan kebijaksana-

annya di bidang perniagaan. Jarang terdapat kaum guru yang menjadi Ahli Perniagaan. Ghaffar adalah "*The million dollar Cikgu*".

Pencapaian Ghaffar di bidang perniagaan dan perusahaan itu bolehlah dianggap sebagai salah satu daripada kejayaan dalam perjuangan meningkatkan kemajuan negara ini yang boleh layak digelar sebagai "*nation builder*": Pembangun negara.

Kalau nak jadi menteri, tumpukan perhatian kepada masalah pentadbiran negara, jangan berniaga. Begitulah kemahuan Mahathir.

Berapa ramai anak penoreh getah yang boleh sampai ke peringkat Ghaffar? Di sini kita dapat saksikan kebesaran Allah. Anak yatim piatu yang pernah dihalau oleh Mat Salleh di Dunlop Estate kerana memungut kayu getah hari ini jadi salah seorang Pengarah di ladang getah yang terbesar di dunia, ini membuktikan semangat *Where there is a will, there is a way*. Manusia mesti berazam, mesti bekerja keras, tidak ada mustahil. *Di mana ada kemahuan di situ ada jalan*.

Ghaffar adalah anak yang tidak beruntung kalau dipandang dengan mata kasar, apa tidaknya. Bapanya arwah Pak Baba cuma seorang penarik kereta lembu. Ghaffar dilahirkan dalam keadaan yang serba miskin di Kuala Pilah, pada tahun 1925.

Ketika berumur 10 tahun budak Ghaffar menjadi yatim piatu. Sesudah kehilangan kedua ibubapanya, abang-abangnya pula meninggalkan dia

seorang diri di rantau orang. *He became a nobody's child* tanpa ayah, tanpa ibu, tanpa saudaramara.

Allah yang maha pemurah lagi amat mengasihani telah membuka hati satu keluarga untuk mengambil Ghaffar sebagai 'anak angkat'. Sebelum menemui keluarga angkat, anak yang malang ini pernah tidur di bawah jambatan keretapi.

Kemiskinan adalah anugerah kepada manusia yang bersyukur. Dan kebanyakan orang yang menjadi kaya raya adalah orang yang pernah susah, menderita akibat kemiskinan, cuma harapan saya sesudah menjadi kaya raya, jangan lupa pula pada anak miskin yang kelaparan.

Masa kecil Ghaffar mengambil upah menjual aiskrim, memungut bola tennis yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan. 25 tahun kemudian tidak siapa yang sangka Ghaffar dapat duduk semeja dengan Yang DiPertuan Besar semasa majlis mesyuarat raja-raja. Ketika itu Yang DiPertuan Besar sudah dilantik menjadi D.Y.M.M. Yang DiPertuan Agung. Ini semua kerja Tuhan.

Siapa pun tidak sangka atau menduga, apatah lagi Duli Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Agung I sendiri, boleh dapat terfikir budak yang pernah mengambil upah memungut bola tennis semasa beliau menjadi Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan dulu, kini seorang yang telah dilantik menjadi Ketua Menteri Melaka yang pertama.

Sebab itulah timbulnya peribahasa Melayu, *tuah ayam dapat dilihat di taji, tuah burung dapat dilihat di sisik, tuah manusia siapa tahu?* Kalau ada orang

yang tidak tahu, janganlah menghina dan mencaci anak yatim piatu yang miskin. Nabi Muhammad S.A.W. pernah menjadi gembala kambing.

Budak Ghaffar memungut kayu getah, di Dunlop Estate, pernah dikejar dan dihalau oleh 'Mat Saleh' yang menjadi pegawai di situ. Hari ini Ghaffar adalah orang yang bukan umat bangsa Inggeris yang pertama menjadi salah seorang dari Pengarah Syarikat getah dan mempunyai ladang getah yang terbesar di dunia. Inilah contoh nasib pemimpin yang boleh diteladani. Bukan itu saja hari ini budak pemungut bola tennis sudah jadi Presiden Pertama Persatuan Tennis Asia. Dengar khabar ada juga beberapa orang pemimpin atau tokoh politik yang cemburu dengan kejayaan Ghaffar.

Raffles dan Christopher Columbus adalah adventurer; mereka yang telah meluaskan Empire Inggeris tapi tetap dicemburui dan menjadi bahan fitnah dan sasaran pemimpin Inggeris yang lain. Iri hati, dengki, cemburu dan khianat adalah amalan manusia yang rendah hati dan rendah budi.

Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab penulis untuk menunjukkan kepada masyarakat, manusia yang boleh dijadikan contoh. Kalau Raffles, St. Francis Light dapat mencatatkan sejarah di negara kita, hari ini Ghaffar berjaya meneroka dan mencipta nama di Britain. Inilah satu-satunya anak Melaka yang telah mengamalkan amanat Hang Tuah.

Tidak Melayu hilang di dunia, tapi apakah Melaka bangga mempunyai seorang putra seperti Ghaffar? Kalau mereka bangga Ghaffar telah mengharumkan nama Melaka apakah penghargaan mereka pada Ghaffar?

Apakah Melaka menunggu Negeri Sembilan dulu yang memberi penghargaan kepada Ghaffar kerana Ghaffar dilahirkan di Kuala Pilah.

Ghaffar sudah mencipta nama di bidang politik. Ghaffar sudah menjadi seorang anak Melayu yang terkenal di dunia kerana Politik dan Perniagaan, sebab itu saya kata dia layak digelar "*Tun Ghaffar*" adakah kerajaan mempunyai rancangan menjadikan dia 'Gabenor' Melaka kemudian baru jadikan dia Tun Ghaffar?

Itulah yang dibuktikan oleh Ghaffar. Bukan dengan jadi menteri saja baru boleh berbakti kepada bangsa dan negara.

Saya anggap Ghaffar sebagai pemimpin yang paling bertuah dalam UMNO. Dialah Naib Presiden yang paling lama dalam UMNO. Saya anggap dia sebagai hero politik UMNO. Osman Saat hanya dapat mempertahankan politik di peringkat negeri sahaja, tetapi Ghaffar di peringkat nasional. Dan dia masih belum menerima sebarang gelaran bintang. Ini pun satu pengajaran kepada pemimpin-pemimpin muda. Baru setahun jagung berpolitik, baru menjadi menteri sudah jadi Datuk. Belajarlah dari Encik Ghaffar. Saya harap Anwar Ibrahim tidak cepat sangat jadi Datuk. Cepat jadi Datuk cepat tua, cepat tua cepat pula pencen.

Buat kesilapan itu adat jadi manusia. Yang penting selepas buat kesilapan kita insaf dan bertaubat. Hati mesti selalu baik, nescaya mendapat berkat dari Tuhan.

Di Melaka waktu Adib jadi Ketua Menteri telah terjadi satu penipuan yang paling dahsyat. Beberapa orang pemimpin UMNO Melaka antaranya bekas anggota Geng II tubuh sebuah syarikat dua ringgit, ambil tanah jual pada Ko-op Bersatu dengan nilai 18 juta ringgit. Kesilapan ini tentulah terlalu besar untuk dibandingkan dengan kesilapan Ghaffar atau Datuk Setia Ghani Ali yang semasa jadi Ketua Menteri Melaka. Ini kes terang, dan jelas menipu UMNO dan rakyat. Tapi orang UMNO tidak marah pemimpinnya tipu Melayu dan rakyat.

Jadi, memandang kepada sifat dan sikap Ghaffar seperti yang saya sebutkan di atas, dan banyak lagi kebaikannya yang saya tidak sebut di sini, hari ini saya angkat tangan pada Cikgu Ghaffar Baba. You buatlah apa you punya suka. Kalau UMNO tidak marah, rakyat tidak marah.

Amacam? Tentu layak kalau saya panggil dia Tun Ghaffar Baba kan? Encik Ghaffar tak mahu terima tak apa. Ini bukan pemberian rasmi. Ini cuma penghormatan dari seorang penulis nyamuk, dalam buku saya pula. Siapa hendak komen apa-apa dia punya pasallah.

Dan sementara itu, Datuk Musa yang mendapat kritikan pedas dalam buku ini saya sarankan patutlah belajar dari Ghaffar. Kritik saya pada Ghaffar dulu lebih teruk lagi. Tapi terbukti dia tahan diuji.

BIARKAN MELAYU KAYA

DULU kalau disebut jutawan semua orang teringatkan orang Cina dan orang Arab sahaja. Merekalah yang menjalankan perniagaan yang besar-besar. Tapi sekarang sudah berubah. Terdapat ratusan jutawan Melayu sekarang. Orang Melayu sudah ramai yang berjaya menjalankan perniagaan dan perusahaan secara besar-besaran. Mereka bukan lagi setakat mampu buka kedai runcit dan jual apam balik. Apa yang orang lain boleh buat orang Melayu pun boleh buat.

Ada orang kata, Peristiwa 13 Mei 1969 telah mencetuskan revolusi ekonomi di kalangan orang Melayu. Saya bukan pengkaji sejarah ekonomi. Yang jelasnya, selepas Peristiwa 13 Mei itu kerajaan

kita telah membuat dan melaksanakan berbagai-bagai dasar untuk membentuk dan memberi sebanyak-banyak peluang supaya orang Melayu boleh kaya. Syukur Alhamdulillah! Usaha-usaha kerajaan itu telah menunjukkan beberapa kejayaan. Tapi . . . ada juga tapinya.

Perangai orang Melayu. Jadi orang miskin, susah. Bila ada yang jadi kaya, yang kaya berperangai tak betul, yang miskin sakit hati dan iri hati. Sebab itu slogan Mahathir Bersih-Cekap-Amanah jadi cukup penting.

Pasal "cekap" semua orang mahu cekap. Bila semua orang mahu jadi cekap, semua orang kena bertanding – secara terang-terang atau sembunyi-sembunyi, secara sedar atau tak sedar. Dalam bertanding itulah banyak orang tersasul dan langsung jadi sesat, jadi "tidak bersih" dan "tidak amanah". Bila sebuah masyarakat atau negara ramai orang-orangnya tidak bersih dan tidak amanah, walaupun ramai yang cekap, alamat akan lingkuplah negara itu. 'Mafia' di Amerika, ialah kumpulan yang cukup terkenal cekapnya, dan cukup terkenal juga tidak bersih dan tidak amanahnya. Porak peranda jadinya manusia-manusia rakyat Amerika, walaupun kononnya mereka maju dan negara Amerika itu negara yang terkuat di dunia. Kita tak mahu Malaysia jadi macam Amerika, dan kita tak mahu ada 'Mafia' dalam negara kita. Kerajaan Mahathir mempunyai tanggungjawab yang besar untuk melahirkan rakyat yang bersih dan amanah.

Sekiranya Mahathir berjaya membentuk rakyat

Malaysia menjadi rakyat yang bersih dan amanah di samping cekap, Mahathir ialah pemimpin dunia hari ini yang paling agung. Waktu itu parti PAS tak ada jalan lain selain daripada bubar dan ramai-ramai jadi ahli UMNO. Buat apa lagi Parti PAS? Kalau rakyat Malaysia sudah jadi umat yang bersih, amanah dan cekap, apa lagi yang PAS nak perjuangkan? Saya fikir itulah tugas yang paling besar bagi seorang pemimpin. Bagus dan beraninya Mahathir ini dia sendiri yang mengambil dan meletakkan tugas itu ke atas bahu dan kepalanya. Dia yang mencipta slogan. BCA ialah konsep dan dasar sebuah kerajaan.

Akan berjayakah Mahathir mencapai tujuan dan matlamat tersebut? Membentuk satu bangsa yang kuat, bermaruah, bersih, cekap dan amanah. Kalau dia seorang tentu dia tak boleh buat apa-apa. Kerana tujuan dan matlamat dia baik, cara dan gaya dia juga kita harap baik, patutlah kita bantu dia. Membantu kerja-kerja di jalan Allah bukannya salah satu daripada kewajipan orang Islam? Dia nak tubuhkan Universiti Islam dan Bank Islam. Bukankah itu kerja-kerja di jalan Allah. Kenapa ada orang sengaja mahu timbulkan salah faham?

Penubuhan Bank Islam di negara kita adalah satu usaha yang besar dan penting untuk membentuk masyarakat BCA. Kemudian dalam masa yang sama Mahathir bercakap mengenai Persyarikatan Malaysia atau Malaysia Incorporated. Jelas arah dan caranya, kalaulah orang kita mahu faham dulu sebelum mahu hentam. Hari ini lain corak politiknya

dengan zaman dulu. Kegiatan perdagangan sudah jadi satu macam kuasa yang hebat, sudah jadi satu arus kehidupan yang tak boleh dibendung lagi. Ia mesti diterima. Ia mesti dikawal. Ia mesti diserapkan, supaya selaras dan harmoni dengan tujuan politik dan agama. Kalau tidak, hancur semuanya.

Orang Melayu sudah ramai berjaya jadi jutawan. Bagus. Bukan senang nak jadi jutawan, susah. Dan bila jadi jutawan pun bukan senang nak hidup, apa lagi nak jadi bersih dan amanah. Kita bukan tak pernah baca kisah Howard Hugh, Paul Getty dan sebagainya. Dan kita tentu tak mahu jutawan kita macam Syed Kekik, Ghaffar Baba, Tan Sri Ibrahim, Haji Sahrani dan lain-lain itu jadi macam Howard Hugh atau Paul Getty.

Untuk jadi kaya kita mesti berjaya atau menang dalam terlalu banyak pertandingan dan peperangan kepintaran dan ramalan. Kata orang dunia perniagaan adalah satu medan perang. Dalam medan perang orang membunuh, sebab kalau dia tidak membunuh dia akan dibunuh. Inilah masalahnya. Masalah ini kalau tidak dikawal akan merosakkan dan menghalang tujuan dan matlamat kita untuk membentuk rakyat BCA. Jadi? Macam mana nak buat.

Jadi orang kaya bukan satu kesalahan. Tak salah. Memang ada orang yang kata salah. Kata mereka orang kaya jahat dan sebagainya. Itu tak betul. Siapa yang tak mahu jadi kaya? Kalau semua orang kita miskin apa jadinya kita? Kena jadi hamba oranglah jawabnya. Dan bangsa kita akan terus hidup atas belas ihsan bangsa lain. Sebab itu

kaya itu perlu. Lagi ramai orang kita jadi jutawan lagi bagus. Lagi ramai orang Islam jadi orang-orang yang terkaya di dunia lagi bagus. Baru Amerika dan Israel tidak boleh bermain-mainkan bangsa-bangsa dan negara-negara lain di dunia, termasuk bangsa dan negara kita.

Orang Arab memang banyak yang kaya. Negara Arab ialah negara yang paling kaya. Kalau begitu kenapa kita yang miskin ini pun perlu kutip derma bantu Arab Palestin? Seluruh derma yang boleh kita kutip di sini dengan mudah sahaja satu orang kaya Arab boleh derma lebih banyak dari itu, kalau dia mahu. Berapa banyak jutawan dan billionaire Arab yang hidup berpoya-poya habiskan duit di-serata dunia tidak pedulikan nasib bangsanya. Kaya macam itu memang jahat. Bangsa sendiri pun tidak boleh menumpang. Baik orang Yahudi pula dalam hal ini. Ini yang kita tidak mahu. Kita tak mahu orang Melayu jadi macam orang Arab yang berhati Yahudi. Memalukan Islam. Orang Melayu mesti jadi kaya, kuat, amanah dan tebus semula maruah Islam. Mesti ikut contoh Nabi. Nabi kita pun dulunya berniaga sebelum jadi Nabi. Sudah jadi Nabi tidak berniaga lagi. Sebab itu Mahathir tidak kasi Menteri berniaga, dia hendak ikut contoh Nabi.

Semua harta kekayaan adalah hak Allah Ta'ala. Orang yang Allah pilih untuk diberikan harta kekayaan bermakna dia mesti tunaikan kewajibannya terhadap Allah. Dia mesti belanjakan wang dan harta kekayaannya mengikut jalan Allah. Baru dia akan selamat. Kalau tidak dia akan jadi macam karun atau firaun.

...Negara memberikan bermacam-macam peluang hingga dia jadi kaya. Apabila kaya berilah sumbangan kepada negara. Jangan jadi orang kaya bakhil atau kedekut, nanti disumpah orang sepanjang jalan. Paling mudah untuk buat baik dengan orang ramai, orang kayalah. Hati mahu baik 'brader'. Jangan makan seorang. Kita ini manusia, jangan pula lupa. Tuhan kasih kepada semua hambaNya. Sekali direntapNya harta kekayaan awak, masa itu baru awak nak pandang manusia lain. Ini sudah banyak terjadi. Harta kekayaan itu suatu amanah dari Allah. Peliharalah amanah itu dengan baik.

...Adanya ramai orang kaya yang tidak amanah telah menyebabkan ramai pula orang yang iri hati dan dengki. Ramai yang terbuka mata mahu jadi kaya sama. Mahu jadi kaya memang bagus. Yang tak bagusnya pegawai-pegawai kerajaan yang tahu dia tak boleh jadi kaya dengan gaji bulanan sahaja, nak berhenti kerja dengan kerajaan untuk buat bisnes takut, dia pun cuba pergunakan sedikit sebanyak masa yang ada pada dia untuk kepentingan dirinya. Dia tidak lagi menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan bersih dan amanah. Siapa yang boleh dan mahu tolong dia, dia bantu, siapa yang tak boleh dan tak mahu tolong dia, dia tak layan.

Mahathir nampak penyakit ini. Di peringkat atas dia arahkan supaya menteri dan EXCO kerajaan jangan berniaga. Jangan campur-adukkan kerja mentadbir kerajaan dengan kerja berniaga sendiri. Celaru jadinya buat kerja campur-aduk begitu. Celaru satu pasal, pergunakan kuasa untuk kepen-

tingan perniagaan satu pasal lagi. Menteri dan EXCO diberi gaji yang lumayan dan mencukupi. Bandingkanlah dengan kebanyakan orang kampung yang miskin yang harus mereka pimpin itu. Tapi kalau tak puashati juga dengan gaji dan elaun itu, berhenti. Mahathir tak marah, kita pun tak marah. Ramai orang lain boleh ganti. Lagipun pemimpin jenis ini memang tidak layak jadi pemimpin. Dia bukan nak jadi pemimpin yang harus memimpin rakyat, tapi dia nak jadi orang kaya yang mewah menikmati hasil jerih payah rakyat miskin yang dipimpinnya. Ini bukan pemimpin namanya. Ini oportunis yang jahat.

Jadi menteri tak boleh tamak. Langsung tak boleh tamak. Menteri yang tamak teruk akibatnya kepada rakyat. Kalau boleh tamak dia sorang-sorang tak apa, tapi tak boleh. Sebab dia menteri atau EXCO penyakit tamak itu berjangkit dan merebak; macam bahaya wabak dadah juga. Bila menteri atau EXCO ambil kesempatan berniaga, maknanya dia menyekat atau mengambil peluang-peluang orang lain. Jadi menteri atau EXCO sudahlah. Peluang berniaga kasi canlah pada orang lain. Semua orang nak senang, brader! Bukan kita seorang saja. Bila orang suruh kita jadi menteri atau EXCO, kita jadi menteri atau EXCO sudahlah! Lagipun sebenarnya bukan orang yang suruh, awak sendiri yang nak jadi. Kalau awak nak jadi peniaga, awak letak jawatan menteri atau EXCO. Baru adil. Baru awak tahu macam mana susahnya peniaga-peniaga lain. Kata pemimpin! Pimpinlah rakyat, jangan rampas peluang

rakyat. Perangai macam ini serupa dengan perangai orang yang makan harta anak yatim dan selalunya orang tua-tua yang suka buat kerja tidak betul ini orang tua yang suka berselindung di sebalik agama. Orang begini bukan saja merosakkan diri tapi cuba merosakkan agama mereka.

Kalau menteri dan EXCO serta pegawai-pegawai tinggi kerajaan pun nak sibuk berniaga juga, siapa yang nak tadbir kerajaan supaya bersih, cekap dan amanah? Kita sendiri tak amanah, macam mana nak bentuk orang lain jadi amanah. Steadylah.

Ini Dewan Perniagaan Melayu pun saya tengok tak berapa betul juga. Ditubuhkan Dewan Perniagaan Melayu untuk bantu peniaga-peniaga Melayu, bukan untuk bantu ahli-ahli jawatankuasanya saja. Cari peluang, kumpul peluang, bagi-bagi sama-sama ahli jawatankuasa. Peniaga-peniaga lain yang jadi ahli biasa apa hal? Berniaga memang banyak 'competition.' Tak boleh lari dari 'competition'. Tapi bukan itu caranya untuk menang 'competition'. Itu sudah tidak adil, tidak bersih dan tidak amanah. Ada peluang bagilah sama-sama dengan ahli, bukan dengan ahli jawatankuasa saja.

Penyakit macam ini semualah yang menyebabkan dengki, irihati dan sabotaj menjadi-jadi. Kepimpinan melalui teladan, kalau pemimpinnya kecing berdiri, orang ramai kecing merata-ratalah. Habislah busuk hancing semua masyarakat kita. Salahnya bukan salah siapa, salah pemimpin.

Ada orang kata memang perangai orang Melayu suka irihati dan dengki. Begitu punya busukkah pe-

rangai orang Melayu? Jangan cari pasal. Itu namanya menjatuhkan maruah bangsa Melayu. Tuhan tak kan sengaja jadikan bangsa Melayu suatu bangsa pendengki dan irihati. Kalau pemimpin yang buat salah, janganlah cuba cuci tangan dengan menyalahkan rakyat jelata sahaja. Jadi pemimpin kerjanya bukan untuk menyalahkan rakyat, tapi untuk memperbaiki kehidupan rakyat, untuk mengembalikan hak kepada yang berhak dan merampas hak daripada yang tidak berhak untuk dikembalikan kepada yang berhak.

Memang ramai orang kita yang tak senang hati tengok orang lain senang. Satu sebabnya kerana memang hatinya tidak bersih. Dalam diri manusia memang ada sifat dengki dan irihati. Bukan dalam diri manusia Melayu saja, dalam diri semua manusia. Ini menjadi kewajipan tiap-tiap orang untuk mengatasinya. Sebab itu pepatah kita kata: Ikut hati mati, ikut rasa binasa. Dan sebab itu manusia disuruh beragama. Amalan agama boleh melatih manusia membersihkan hati. Nabi pernah berkata yang bermaksud: Peperangan yang paling besar ialah peperangan dalam diri sendiri. Perang melawan nafsu.

Sebab yang kedua, yang lebih penting dalam konteks pembicaraan ini, ialah kerana pimpinan yang tidak bersih-cekap-amanah dan kerana perangai kebanyakan orang-orang kaya yang hilang rasa kemanusiaan dan silaturrahim disebabkan hati dan kepala terlalu asyik fikir nak buat duit lebih banyak dan lebih banyak lagi dan tidak ada lain daripada

itu. Orang kaya macam itu sudah jadi hamba duit. Keseronokan mereka bukannya untuk menggunakan duit yang mereka ada tapi yang mereka seronok ialah kerja mengumpul duit itu. Apa nak buat dengan duit banyak itu soal kemudian, yang kadangkadangkang mereka tak sempat nak soal pun sebab terlalu banyak soal macam mana nak kumpul duit lebih banyak lagi. Lebih banyak itu bukan ada hadnya pula. Tak habis-habis. Satu kerja yang tak ada sudahnya. Jadi, macam mana nak buat kerja lain? Orang kaya macam inilah yang kita mahu wujudkan dalam negara kita?

Jawapannya cukup tegas: **Bukan macam itu.** Orang kaya macam itu kita mesti hapuskan. Orang kaya macam itu samalah keadaannya dengan penagih dadah. Mula-mulanya dia seronok, lepas itu dia teruk, dia terperangkap dan tidak boleh keluar lagi dari perangkap itu. Kita mesti tolong dia. Kita tak boleh harapkan apa-apa sumbangan dari dia lagi, kita yang mesti tolong dia. Kalau dia tidak akan merosakkan seluruh sistem kehidupan kita.

Sistem kehidupan di seluruh dunia sekarang amat besar dipengaruhi oleh peniaga-peniaga kaya di dunia. Sebab itu mereka harus kita awasi. Kedudukan dan kepentingan mereka serupalah dengan pemimpin-pemimpin besar politik. Kuasa berada di tangan mereka. Mereka memang kita perlukan, tetapi kita harus sentiasa sedar bahawa mereka itu sentiasa berada di pinggir jurang bahaya yang dahsyat. Kita mesti awasi mereka.

Kita perlu jadi kaya. Lagi ramai orang Melayu

kaya lagi bagus. Tetapi kita mesti awas supaya mereka boleh menguntungkan negara, parti dan bangsa kita. Mereka mesti membantu cita-cita dan aspirasi nasional. Kerana mereka membina kekayaan dengan menggunakan sumber-sumber kepunyaan kita bersama dan melalui peluang-peluang yang diberikan oleh kerajaan. Kekayaan mereka mesti dimanfaatkan semula kepada bangsa dan negara.

Saya ingin kemukakan satu contoh. Saya kebetulan terlibat sedikit sebanyak dengan kegiatan kebudayaan yang dianjurkan oleh badan-badan budaya kita, termasuk GAPENA dan Teater Elit. Saya tahu betapa susahnyanya menjalankan kegiatan-kegiatan tersebut. Masalah utamanya ialah tidak ada duit. Kegiatan kebudayaan bukanlah kegiatan yang menguntungkan dari segi kewangan, tapi amat menguntungkan dari segi perkembangan dan kemajuan kejiwaan dan identiti bangsa kita sebagai bangsa yang merdeka dan bermaruah. Sayangnya tidak banyak orang yang sedar, atau banyak orang yang sedar tetapi sengaja tidak mahu terlibat apalagi membantu, kerana ia tidak mendatangkan keuntungan kewangan.

Kegiatan kebudayaan penting dilihat dari berbagai-bagai aspek dan sudut. Dalam hal inilah peranan orang-orang kaya kita cukup penting. Saya pernah mencuba berjumpa beberapa orang kaya kita untuk mendapatkan sokongan mereka bagi menjayakan beberapa kegiatan kebudayaan. Apa yang saya dapati amat menyedihkan sekali. Saya tahu mereka orang kaya dan kebetulan mereka itu sahabat-saha-

bat saya pula. Saya tahu kalau mereka memberi sumbangan pun ia tak akan menjejaskan kewangan mereka, kerana memang mereka ini selalu membelanjakan wang mereka untuk banyak perkara-perkara lain yang juga tidak menguntungkan kewangan kepada mereka. Tetapi untuk kebudayaan mereka cukup kedekut. Nak dapat sumbangan seribu ringgit pun masya Allah. Dalam hal ini saya amat senang dengan dua tiga orang jutawan kita yang sedar dan dengan senang hati memberi sumbangan. Tetapi bilangan mereka amat sedikit.

Kepada saya ada baiknya lebih ramai orang Melayu yang jadi kaya kerana biarpun kita tidak dapat rasa nikmat dari kekayaan mereka, kita senang melihat mereka kaya. Mereka saudara kita. Kita tumpang bangga.

Kalau saja mereka juga mempunyai kesedaran betapa merbahayanya mereka seorang saja yang kaya, sedangkan yang lainnya miskin. Kalau terjadi sesuatu pada mereka siapa yang mahu membantu.

Mengubah tabiat ini adalah tanggungjawab bersama yang mesti dipikul oleh setiap orang Islam kerana ini adalah fardhu kifayah. Kalau ini dapat kita betulkan kita bukan saja dapat mencapai dasar ekonomi 30/70 boleh jadi kita boleh dapat hingga 50/50 sebelum 1990. Insya Allah.



TAN SRI TIANG SERI

KALAU tidak kerana Baginda Sultan, Tan Sri Osman Saat belum tentu boleh jatuh dari tempat duduknya yang sudah mempunyai akar tunjang yang begitu teguh. Pokok tua yang tegap, besar dan rendang sangat disayangi oleh ramai orang terutama ahli UMNO dan para pegawai kerajaan yang tumpang berteduh dan makan buah-buahan-nya. Banyak baiknya Pak Seman ini, kalau tidak masakan boleh jadi Menteri Besar di bawah empat Perdana Menteri.

Osman Saat mula menjadi ahli UMNO pada 11 Mei 1946, menjadi Wakil Rakyat dari tahun 1954 hingga 1982. Pada tahun 1974, setelah 20 tahun berturut-turut jadi Yang Berhormat, dia minta berhenti dari menjadi Menteri Besar tapi Allahyarham Tun Razak mahu dia meneruskan tugasnya sebagai Menteri Besar.



Tan Sri Osman Saat

Masa Hussein Onn jadi Perdana Menteri, dalam pilihanraya 1978 Osman Saat pernah minta berhenti tapi Hussein Onn mahu dia terus jadi Menteri Besar.

Tahun 1982 dia hendak berhenti lagi. Kata Mahathir, berhentilah. Sultan Mahmud sudah pun memberi arahan suruh kosongkan pejabat. Rakyat pun ramai yang mahu dia berhenti.

Setelah 14 tahun jadi Menteri Besar, 28 tahun sebagai Wakil Rakyat, dia sudah jadi seperti seorang gergasi. Selain dari Tun Mustapha, dialah Menteri Besar yang terkaya di Malaysia. Rakyat tidak senang dengan kekayaannya. Orang politik lain cemburu, mahu jadi kaya macam dia juga. Inilah antara sebab dia mula bosan jadi Menteri Besar. Kalau dia tidak jadi Menteri besar pun dia memang kaya dan sudah kaya pun.

Kekayaan, pangkat, kuasa dan darjat tidak boleh dicari oleh manusia. Ini semua pemberian Allah. Ramai ahli UMNO, para Yang Berhormat, terutama EXCO kerajaan yang mahu jadi Menteri Besar. Tapi jangankan hendak jadi Menteri Besar, yang terus kehilangan kerusi Yang Berhormat pun ada.

Peristiwa arahan Sultan Johor supaya Tan Sri mengosongkan pejabatnya adalah peristiwa yang memulakan jatuhnya seorang Menteri Besar. Ekoran dari peristiwa itu pergolakan politik Johor jadi tambah meruncing dan ia menjadi isu besar akhbar-akhbar tempatan. Orang-orang UMNO, juga pegawai kerajaan yang pernah menumpang tuah Pak Seman, jadi serba tidak kena.

Rauf yang dulunya Datuk, sekarang Datuknya sudah kena rampas, mula menggelabah. Tan Sri sudah tidak jadi Menteri Besar, Setiausaha Peribadi yang dulu bukan main eksyen pandang manusia yang tidak boleh beri dia apa-apa keuntungan, yang datang hendak jumpa Tan Sri, dia pandang macam beruk tengok orang. Kalau hidup makan gaji, tumpang tuah Menteri, janganlah berlagak lebih Menteri dari Menteri. Inilah jadinya.

Dulu saya pernah kata pada dia: Hidup ini bukan lama sangat, kalau hendak selamat: beringat. Awak tidak tahu siapa sebenarnya yang datang jumpa awak. Awak tidak tahu apa kuasa yang ada pada manusia tersebut. Awak fikir awak yang berkuasa. Kalau awak tidak lepaskan orang tersebut tentu dia tidak dapat jumpa Menteri. Awak tidak tahu hubungan manusia tersebut dengan Menteri, hubungan manusia tersebut dengan Allah s.w.t.

Nah, sekarang apa jadi? Saya masih menulis juga lagi, dan janji saya pada awak saya tunaikan. Saya tulis cerita awak dalam buku ini, biar cerita awak dan cerita Budak Yusuf bekas Setiausaha Datuk Rais Yatim itu jadi contoh pada Setiausaha-Setiausaha yang lain. Apa yang awak buat pada orang kampung, ahli UMNO dan manusia yang lain itu, Tuhan tidak suka. Saya fikir Pak Seman pun kurang senang dengan perangai awak.

Langkah Baginda Sultan mengambil semula pejabat Menteri Besar yang pernah menjadi pejabat Sultan di masa pemerintahan Almarhum Sultan Ibrahim (nenda Baginda) adalah wajar, kata setengah pihak, sekiranya betul pejabat itu menjadi hak kepunyaan Baginda.

Pejabat Kerajaan kepunyaan rakyat. Sekarang pejabat itu tidak digunakan oleh Sultan. Ia dibiarkan kosong begitu saja. Sultan boleh buat apa yang dia suka. Siapa boleh tegur? Dia Raja Johor. Tapi ramai juga member yang tidak seronok Sultan buat perangai macam itu.

Bila seseorang Sultan, menurut kebiasaan negeri-negeri di Malaysia, tidak mempercayai seorang Menteri Besar yang mentadbirkan negeri di bawah naungannya, itu adalah alamat awal Menteri Besar itu tidak akan panjang usia pemerintahannya. Paling lama hanya buat sementara waktu sehingga seorang Menteri Besar baru yang sealiran dengan Sultan tersebut dilantik.

Perbuatan yang luar biasa macam ini, menghalau Menteri dari pejabat kerajaan kerana hendak duduk sama sepejabat dengan Menteri, kerana kononnya Almarhun nenda Baginda pernah berpejabat di situ, membuat rakyat rasa keciwa. Rakyat sekarang semua sudah pandai cakap: Dulu lain, sekarang lain.

Rakyat suka Sultan jadi Imam di masjid, baca khutbah macam yang Baginda pernah buat semasa mula menjadi Sultan dulu. Baginda pernah mengingatkan rakyat dalam khutbah baginda di Masjid Jami' Sultan Abu Bakar Johor Baharu pada 15 Mei 1981, yang kebetulan saya hadir di situ. Beginilah antara lain bunyi khutbah baginda:

Saudara-saudara sekalian,

Kita suka mengingatkan kembali kata-kata Saiyidina Abu Bakar Al-Siddiq ketika

berucap selepas dilantik menjadi Khalifah yang pertama. Katanya:

Saudara-saudara sekalian. Aku dilantik menjadi pemimpin kamu, sedangkan aku bukanlah orang yang paling baik di antara kamu. Maka sekiranya kamu dapati aku berada di atas kebenaran, maka sokonglah aku. Dan sekiranya kamu dapati aku tak betul, maka betulkanlah aku.

Taatlah kamu kepadaku selagi aku taatkan Allah dalam menjalankan tugas-tugas-ku kepada kamu. Maka sekiranya aku derhaka kepada Allah maka janganlah kamu taatkan daku.

Sebenarnya orang yang paling kuat pada pandanganmu ialah orang-orang lemah yang dirampas haknya, sehingga aku dapat mengembalikan hak-hak itu kepadanya. Dan orang yang paling lemah pada pandanganmu ialah orang-orang yang kuat yang mengambil hak orang lain, sehingga aku dapat mengambil hak-hak itu daripadanya.

Saudara-saudara sekalian.

Kita mahukan rakyat kita sekalian memberikan nasihat dan buah fikiran sekiranya didapati apa-apa yang kita jalankan itu bertelingkahan dengan hukum-hukum Allah dan RasulNya serta adat istiadat Melayu, kerana keteguhan, keamanan dan kemak-

muran negeri ini hanya dapat dicapai dengan semangat persaudaraan, muhibah, bersatu padu, muafakat dan rasa tanggungjawab setiap anak negeri ini melaksanakan tanggungjawab masing-masing, biar di mana saja, dengan ikhlas, amanah, jujur zahir dan batin.

Ini sumpah dan janji seorang Sultan, Ulil-Amri, di dalam rumah Allah di hadapan ratusan rakyat di atas mimbar. Dan adalah tanggungjawab setiap orang Islam mengingatkan saudaranya seandainya saudaranya tersilap. Saya mempunyai hak untuk mengkritik pemerintah, kerana Islam menggalakkan kritikan membina, apabila pemerintah melakukan kesalahan. Saya akan gagal dalam kewajipan saya sebagai seorang Islam jikalau saya tidak menegur pemerintah kerana kesilapannya.

Bila Sultan menghalau seorang Menteri Besar yang dipilih oleh rakyat, yang membuat kerjanya dengan betul mentadbir negeri dan membawa kekuatan kepada parti dan kerajaan keluar dari bilik yang sudah didudukinya selama 14 tahun, tentulah perbuatan Sultan itu memalukan Menteri Besar dan rakyat.

Bagaimana kalau Tan Sri Osman Saat ikutkan hati marahnya dan menentang Sultan? Bukan tidak pernah terjadi rakyat menderhaka kepada Raja kerana mengikutkan hati. Pepatah Melayu: ikutkan hati mati, ikutkan nafsu lesu, ikutkan rasa binasa. Tentu Johor akan menjadi huru-hara. Tapi kerana taat setia orang Melayu kepada Raja masih menebal

di jiwa, masih patuh pada pesan Laksamana Hang Tuah "Pantang Pahlawan Menderhaka", kerana ada orang keliling Pak Seman berjuiwa kambing, tidak berani bercakap pada Tuanku, "Ini macam kerja tidak betul" maka tercatatlah sejarah di negeri Johor, Sultan yang sepatutnya duduk dalam Istana merebut kerusi di pejabat Menteri Besar. Sultan sudah melakukan sesuatu yang tidak sepatutnya dilakukan oleh Baginda. Ada orang kata ini semua silap para penasihatnya; kalau tidak masakan Tuanku mahu berbuat begitu.

Tuanku Sultan pun manusia biasa macam kita juga. Bumi mana yang tidak ditimpa dek hujan, lautan mana yang tidak bergelora. Anak cucu Adam mana yang tidak membuat silap dan salah?

Nasib baik marah Ketua Perhubungan UMNO Johor yang mempunyai ahli seramai 200,000 itu tidak merebak kepada ahli parti. Kalau tidak tentu susah Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri hendak menyelesaikan masalah sebesar ini. *Alhamdulillah*, segala-galanya sudah selesai.

Jasa Pak Seman pada UMNO Johor sangat besar. Dulu ahli UMNO Johor cuma 20,000 orang. Pak Seman adalah pemimpin UMNO yang telah menambahkan ahli sebanyak 10 kali ganda. Begitu punya kuat pengaruh Osman Saat, dia masih juga mengalah. Dia tahu tidak guna menentang. Waktu ketika nasib sedang malang, buat apa pun semua rugi, ada saja yang tidak betul. Baik bertenang, kerana air yang surut satu hari nanti akan pasang juga, bila sampai waktunya. Lagi pun Pak Seman tahu Mahathir dan Musa bukan suka sangat dengan dia. Sebab

itu mereka suruh dia letakkan jawatan Ketua Perhubungan UMNO Johor, dan akhir sekali Musa suruh dia bersara dari jadi Timbalan Ketua Perhubungan. Kononnya Mahathir yang suruh. Jawab Pak Seman: Suruh saja dia berhenti dari UMNO, itukan lebih baik lagi. Lebih baik Pak Seman bawa diri dan bersembunyi diam-diam, kalau hendak hidup senang.

Cerita Tan Sri Osman Saat ini bukanlah cerita antara Menteri Besar dengan Sultan sahaja. Ini cerita antara Raja dengan rakyat. Ada rakyat yang hairan Rajanya yang berkhotbah di sana sini suruh rakyat sembahyang, suruh rakyat taat pada agama, boleh membuat kerja yang tidak sepatutnya dibuat oleh seorang Raja yang pandai berkhotbah.

Berkata benarlah kamu sekalipun pahit. Dan berkata benarlah kamu walau terhadap dirimu sendiri. *Hadith Nabi*

Adakah kamu menyuruh manusia berbuat baik, sedangkan kamu lupakan diri kamu sendiri? *Firman Tuhan.*

Kalau Sultan boleh halau Menteri Besar yang dipilih oleh rakyat dari pejabat kerajaan kepunyaan rakyat, itu bererti Sultan sudah tidak menghormati hak rakyat dalam sebuah negara demokrasi. Bagaimana pula kalau nanti rakyat tidak menghormati Sultan mereka?

Tapi ada rakyat yang angkat topi sama Tuanku. Kata mereka Daulat Sultan Mahmud saja yang boleh mengalahkan ilmu dan kekuasaan yang ada pada "Godfather UMNO Johor." Lain dari Tuanku Sultan Mahmud janganlah cuba-cuba main-main

dengan Pak Seman. Sampai hari ini pun Pak Seman masih handal. Cuma dia buat perangai seperti harimau yang menyembunyikan kuku. Kalau kita tengok muka Tan Sri Osman Saat macam muka "Harimau". Mengikut kajian firasat dia memang handal orangnya.

Apa boleh buat! Dalam keadaan begini orang yang begitu punya baik dengan Pak Seman, yang dulu macam adik beradik, macam saudara, sekarang sudah jadi macam "*pokok keledek*". sembunyi diri! Apa tidaknya, sudah berisi sudah kenyang, takut nanti kena curi. Yang macam 'saudara' sudah berubah jadi macam 'kura-kura'. Bukan kaki tangan saja disembunyi, kepala pun tidak nampak. Dasar "*hendak hidup*"! Inilah cara hidup "*baik-baik orang politik*". Ada muslihat, baik; kalau tidak boleh menguntungkan lagi, serupalah macam peribahasa "*kenal-kenal cina: Lu sapu gua sapu*".

Kawan dan pengikut sudah mula cari lain tauke. Semua hendak selamatkan diri. Kalau ada pun yang berani, boleh kira dengan jari. Lagipun mereka bukan boleh buat apa, negeri ada undang-undang dan Perlembagaan. Inilah dia yang dinamakan hukum Karma.

Dalam keadaan begini, barulah Pak Seman tahu, yang mana satu pengikut yang jujur dan yang mana satu *political opportunist* dan siapa "musuh yang bersembunyi dalam selimut". Rupanya ada "*pisau blade dalam sapu tangan*," seperti kata pepatah orang tua-tua dulu. Di perkampungan politik susah hendak cari orang yang jujur, ikhlas bersih

dan amanah. Yang cekap ramai, yang ligat putar alam pun ramai. Masing-masing hendak hidup. "Penipuan tidak timbul, yang penting siapa yang lebih pintar?"

Cerita Menteri Besar tak suka Sultan dan Sultan tak suka Menteri Besar ini satu cerita benar. Tentu ada sebab kenapa Sultan tidak suka Menteri dan kenapa Menteri tidak suka Sultan. Gajah sama gajah bergaduh, pelanduk bodoh mati tersepit. Kalau pelanduk pandai dia tidaklah duduk didalam gelanggang gajah sama gajah yang sedang bergaduh.

Waktu dan ketika inilah bintang Musa yang sedang terang menjadi lebih bersinar. Setiausahaanya orang Segamat itu pun dijadikan Menteri Besar Johor yang pertama bukan orang Muar. Kalau tidak jangan mimpi orang yang bukan orang Muar boleh jadi Menteri Besar atau orang kanan politik. Sebelum ini, mengikut istilah Razak, "Muar mafia" menguasai politik Johor. Orang Muar kebanyakannya pandai belaka. Para intelektual dan Pegawai Tinggi Kerajaan serta ahli-ahli politik kebanyakannya berasal dari Muar. Muar adalah satu daerah yang melahirkan 'Brain' dari Johor.

Rakyat tidak berdiam diri. Rakyat bercakap dan berbisik-bisik di kampung-kampung dan di kedai-kedai kopi. Tapi siapa yang berani nasihatkan Baginda yang sedang murka? Tiada siapa yang berani tegur melainkan Yang Teramat Mulia Tunku. Rakyat Johor khasnya dan Malaysia amnya ucapkan terima kasih pada Tuanku. TUNKU "THE PRINCE, "THE FREEDOM FIGHTER".

Bacalah tulisan-tulisan Tunku dalam kolumnya di suratkhbar *The Star* atau *Watan*, antaranya pada keluaran 5 Oktober dan 19 Oktober 1981 (*Star*) atau 9 Oktober dan 23 Oktober 1981 (*Watan*) Cuma Tunku yang berani beri amaran macam itu pada Sultan. Orang lain dah kelam kabut, dah menggelabah.

Inilah karisma Tunku. Karisma seorang bapa, seorang ayahanda. Kedudukan hak-hak keistimewaan dan kedaulatan Raja-raja boleh tergugat kalau mereka masih mahu bermain kuasa seperti zaman dulu-dulu. Tunku beri nasihat pada Tengku. Bukti Tunku yang berjiwa rakyat. Jadi, dia memberi nasihat: *"Before such a thing happens I would advise the rulers to call a conference immediately and discuss the situation and give advice to the rulers concerned on what should be done to resolve the dispute . . ."*

Ini negara demokrasi, kata Tunku. Yang berkuasa dan yang memerintah ialah rakyat. Zaman Sultan memerintah dan berkuasa mutlak sudah lama berakhir. *"The powers of the Sultan are limited and their rule in the legislature of each state is infinitesimal or symbolic."* Sultan-Sultan memang mempunyai hak dan keistimewaan tertentu, *"but the power to rule this country resets solely and entirely with the people, whose representatives are elected to Parliament and State Assemblies."*

Pertama, kata Tunku: *"This came about when the present Sultan was appointed successor to the throne of Johore in place of the Tengku Mahkota without the knowledge of the Menteri Besar. This, no doubt was wrong because the Menteri Besar,*

being the executive head of the state has the right to know of a change in the order of succession, although the law of the state gives the Sultan the absolute power to appoint his successor. Ever since then, relations between the ruler and the Menteri Besar could be said to have deteriorated."

Sultan ada kuasa mutlak untuk melantik penggantinya. Menteri Besar ada hak untuk mengetahui. Tetapi Sultan telah melantik penggantinya di luar pengetahuan Menteri Besar. Salah Sultan atau salah Menteri Besar di sini? Saya tak mau jawab. Ada cerita lain lagi di sekitar itu. Biarlah kedua mereka yang menjawab.

Tengku Mahmud bukan sebarang Sultan. Dia seorang Sultan yang 'ternama'. Mana ada anak raja lain dalam negeri ini yang berani buat apa yang dia sudah buat semasa dia jadi Tengku Mahkota dulu. Kalau dia tidak suka orang yang membuat salah, dia sepak, dia tidak peduli. Dia anak raja Johor. Siapa di antara anak Johor yang tak kenal Tengku Mahmud yang dulunya jadi Raja Muda Johor. Saya berani tulis ini kerana saya tahu ada dua tiga orang kawan saya yang pernah kena sepak dengan dia.

Tengku Mahmud Iskandar, Sultan yang ingin menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Ketua Agama Islam di samping menjadi khalifah bersembahyang, berkutbah, dia juga mahu jadi hero.

Kalau dulu dia boleh sepak orang sekiranya difikirkannya orang itu salah, atau dia tidak suka kerana tidak tahu adab sopan, apakah tidak mungkin satu hari nanti Datuk Ajib Ahmad Menteri Besar sekarang pun akan disepak dan ditamparnya? Itu saja yang saya bimbangkan.

Apakah tidak mungkin satu hari nanti Ajib juga akan dihalaunya, kalau Ajib tidak taat pada perintah Sultan? Sedangkan Tan Sri yang begitu kuat kedudukan, begitu pintar, berisi luar dalam, teguh dan kukuh macam gunung tak ada orang boleh goncang kedudukannya, dia boleh halau dari pejabat kerajaan; inikan pula Ajib yang belum ramai penyokong atau hulubalang. Ini menjadi satu tanda tanya yang bermain di kepala mereka yang tahu politik Johor.

Sekarang ini pula Ajib sudah Sultan bawa naik kapal terbang melawat kawasan. Orang tengah sayang semua elok belaka.

Bagaimana kalau satu hari nanti Datuk Musa terjadi Perdana Menteri. Sultan suka semua anak Johor taat pada Baginda. Ingat! Datuk Musa, peribahasa Melayu: "Kerja Raja dijunjung kerja sendiri dikelek," kerja rakyat apa jadi? Apakah tidak mungkin Musa akan dihalau dan dibuang negeri, seperti yang pernah berlaku pada zaman Almarhum Sultan Ibrahim dulu? Semasa arwah Datuk Onn jadi Menteri Besar Johor, di zaman Sultan Ibrahim dulu, Menteri Besar yang menderhaka kena buang negeri. Apakah tidak mungkin sejarah berulang kembali?

Apakah peristiwa Tan Sri ini berhubung juga dengan kenyataan: "Munculnya Mahathir sebagai tokoh utama tanahair, telah membawa pertanda kehancuran dan berakhirnya zaman perjuangan politik generasi tua UMNO"?

Sejauh mana benarnya kenyataan itu terserahlah pada para penganalisa politik untuk membuktikannya. Yang jelas bila Mahathir muncul, satu demi satu pejuang politik tanahair dari generasi tua mulai tenggelam. Mahathir boleh dihadiahkan pingat yang setingginya oleh orang muda dalam UMNO yang mahukan seluruh pucuk pimpinan diambil-alih oleh orang-orang muda yang ideologi mereka pada satu ketika dulu dianggap ideologi kiri.

Osman Saat yang dianggap sebagai gergasi dalam UMNO itu pun turut tenggelam di zaman Mahathir, tanpa menghancurkan UMNO Johor, tanpa menimbulkan sebarang kucar-kacir, dan Osman Saat sendiri telah memberikan sokongan kepada Mahathir. Ini satu kebolehan Mahathir yang luar biasa dipandang dari kacamata manusia biasa.

Tun Hussein Onn berjaya menjatuhkan Harun, tapi gagal menghapuskan pengaruhnya. Harun jadi tambah kuat bila dikurung dalam penjara. Harimau yang telah luka itu jadi tambah garang dan ganas dan telah menimbulkan suasana kucar-kacir dalam UMNO. Akibatnya Hussein Onn sendiri menjadi korban. Allah tidak membebaskan seseorang melainkan apa yang disanggupinya. Berani buat berani tanggung. Hussein Onn telah dilatih sebagai seorang tentera, dan taktik tentera ialah berperang "*Kill or be killed.*"

Apa perasaan Tan Sri Osman Saat dan para pengikutnya melihat negeri Johor diambil oleh golongan muda yang belum tentu lebih baik daripadanya? Osman Saat tenang, sentiasa bersikap tunggu dan

lihat. Orang tua veteran politik ini tidak mudah melatah, kerana dia tahu Mahathir tidak membunuhnya. Sesudah menerima kekalahan dalam pemilihan Majlis Kerja Tertinggi 1981, Mahathir lantik dia menjadi salah seorang ahli Majlis Tertinggi. Mahathir ahli politik yang bijak. Dia mahukan kerjasama Osman Saat di Johor. Membunuh Osman Saat bererti memamatkan UMNO Johor.

Saya tidak terkilan Osman Saat jatuh dari kerusinya, kerana setiap yang naik ke atas mesti turun. Cara dia dijatuhkan pun saya tidak hairan, kerana ini permainan politik. Di perkampungan politik macam-macam boleh jadi. Tipu menipu, jatuh menjatuhkan, fitnah memfitnah dan tikam menikam dari belakang, kawan main kawan, menjadi perkara biasa. Yang saya rasa sedih ialah bila Osman Saat jatuh dari kerusi, Sultan Mahmud rampas balik bintang kebesaran yang telah dianugerahkan oleh Almarhum Sultan Ismail yang membawa gelaran Datuk kepada Pak Seman.

Kasih Pak Seman! Nasib baik masih ada Tan Sri padanya. Kalau tidak, alangkah susahnyanya rakyat yang sudah bertahun-tahun panggil dia 'Datuk' tiba-tiba nak panggil dia Pak Seman; walaupun panggilan 'Pak Seman' itu lebih berharga, kerana orang tertentu dan istimewa padanya saja yang boleh panggil dia Pak Seman.

Bukan saya seorang yang merasakan apa yang Sultan buat pada orang tua Pak Seman itu tidak patut, ramai rakyat Johor yang turut bersedih, ter-

utama ahli UMNO yang tahu jasa Pak Seman. Ini contoh dan teladan kepada orang yang beriman. Pangkat, gelaran dan kekayaan cuma pinjaman. Bila Tuhan hendak ambil balik sekelip mata boleh hilang. Cintailah apa saja di dalam dunia, anak isteri, kekasih, pangkat, darjat dan kekayaan, satu hari pasti kamu akan terpisah dengan apa saja yang kamu cintai, melainkan cinta kasihmu pada Allah Yang Maha Esa. Sekali engkau cintai Aku seribu kali Aku mencintaimu, kata Tuhan.

Inilah cara Allah menguji kita semua. Janganlah hendaknya kita jadi manusia yang hidup sentiasa dalam kerugian, kerana firman Tuhan: "Demi masa dan waktu, manusia sentiasa berada di dalam kerugian, melainkan mereka yang beriman."

Perbuatan meragut bintang di dada orang ini bukan saja memalukan seorang Bekas Menteri, melukakan hati seorang hamba Allah, tapi memalukan Sultan sendiri. Cerita Sultan ambil balik bintang ini macam cerita budak-budak. Kalau ikut cerita orang tua-tua dulu, barang yang sudah diberi kalau diambil balik buruk siku. Lagipun yang beri bintang dulu bukan Sultan Mahmud, tapi Almarhum ayahandanya.

Semoga ada pembesar negeri Johor yang berani menasihati Sultan mengenai perkara dan masalah bintang kebesaran negeri Johor, yang nilainya nampaknya sudah mulai mengecil.

Datuk Harun sudah masuk penjara kerana kes rasuah, Sultan Selangor tidak tarik balik bintang Selangor. Begitu juga dengan Mokhtar Hashim, mahkamah sudah menjatuhkan hukuman gantung kerana kesalahan membunuh, Yang Dipertua Negeri

Sembilan tidak ambil balik bintang darinya.

Cuma Sultan saya saja bila marahkan pembesarnya tarik balik Datuk-Datuk kurniaan Almarhum ayahandanya. Berdosa orang yang menjatuhkan air muka orang. Dan kerana perbuatan Sultan yang begitu, timbullah simpati rakyat kepada Bekas Menteri Besarnya. Kita orang Islam kalau marah orang pun, tidak patut sampai begitu sekali. Sultan ada hak marahkan rakyatnya yang bersalah, macam bapa marahkan anak. Tapi bukan begini caranya. Lagipun Sultan adalah lambang Islam dalam negeri. Nabi kita suruh kita berbanyak sabar dan sentiasa memberi maaf.

Antara sebab jatuhnya seorang Menteri Besar ini dimulakan oleh Razak Ahmad, orang kuat P.S.R.M., musuh besar Osman Saat, "hero rakyat marhaen Johor." Bertahun lamanya Razak mengugut dan mencabar Menteri Besar. Razak pernah disimpan dalam lokap. Anak muda dari parti "Tanduk Seladang" ini macam seladang juga semangatnya, degil dan tidak makan saman.

Hendak dijadikan sebab, jatuhnya Menteri Besar ialah kerana tanah. Allahyarham Haji Hassan Yunus bekas Menteri Besar dulu pun jatuh kerana sebab tanah juga. Arwah Haji Hassan seorang ulamak kaum muda kelulusan Azhar, Menteri Besar pertama yang dipilih oleh rakyat, tapi kini sejarahnya telah dilupakan begitu saja, macam batu jatuh ke dalam air. Ramai rakyat Johor hari ini yang tidak tahu siapa Haji Hassan Yunus.



Encik Rahim Bakar

Razak seorang sosialis yang dikatakan kawan baik Sultan Mahmud; kawan baik Musa Hitam juga. Kata orang, kalau Razak masuk UMNO sudah tentu dia boleh jadi Menteri Besar. Dulu dia pernah bekerja di bawah Musa. Sampai hari ini pun dia masih berbaik dengan Musa.

Siapa tahu nanti Mahathir dan Musa boleh bawa Razak masuk UMNO. Sultan sukakan Razak. Razak seorang sosialis yang budiman, penuh sopan santun dan adab bahasa dan boleh diterima oleh pihak istana. Rakyat Johor ramai yang sayangkan Razak. Tentulah dia boleh menjadi Menteri Besar Johor yang ideal. Sekarang ini pun dia sudah berbaik semula dengan Pak Seman yang secara kebetulan saudaranya sendiri.

Kalau Anwar Ibrahim yang dulunya menghentam UMNO boleh jadi menteri, jadi Ketua Pemuda, dan Rahim Bakar bekas Menteri Besar Pahang yang berjiwa sosialis boleh diterima oleh UMNO; tidak mustahil Razak diresapkan ke dalam UMNO. UMNO hari ini pun sudah membuka pintunya kepada ramai orang kiri, orang yang terang-terang berjiwa sosialis, yang bergerak dalam parti yang dulunya menentang kerajaan. Ideologi UMNO berubah mengikut musim dan waktu.

Cerita jatuhnya seorang gergasi UMNO ini juga berkaitan dengan tulisan pena seorang wartawan. "Pena itu lebih tajam dari pedang." Dan pena Adam Hamid mengandungi racun. Dulu dia tidak putus-putus menghentam Osman Saat, hingga dia pernah ditukar kerja dan dihalau keluar dari

negeri Johor. Kini dia menjadi Setiausaha Politik Datuk Ajib. Datuk Musa memang pandai; kalau dia tidak beri Adam Hamid kedudukan yang istimewa, Adam Hamid nanti lanyak Ajib macam mana dia lanyak Pak Seman dulu. Beginilah lakunan manusia di dalam perkampungan politik. Orang yang cerdik pandai jangan biar mereka lapar. Huru hara pemerintahan dibuatnya. Dan orang yang bodoh jangan biarkan mereka terlalu kenyang, negeri pun akan jadi huru hara juga.



Bismillahirrahmannirrahim.

WASIAT, RASULULULLAH S.A.W. KEPADA SAIDINA ALI BIN ABI TALIB KARAMALLAHU WAJHAH.

Ya Ali, "aku berwasiat kepadamu dengan satu wasiat maka jagalah baik-baik kerana selama engkau memelihara wasiat ini nescaya engkau akan tetap berada dalam kebaikan."

Ya Ali, "bagi orang mukmin itu ada tiga tanda yang menjadi sifat khusus, melakukan salat berpuasa dan berzakat."

Dan bagi orang munafik ada tiga pula tandanya pura-pura sayang bila berhadapan, bergunjing, bila di belakang dan gembira bila orang lain mendapat musibat.

Bagi orang zalim pula ada tiga sifat khasnya, menggagahi orang bawahnya dengan kekerasan, dan melahirkan kezaliman dengan terang-terang.

Bagi orang riak ada pula tiga tandanya rajin bila ia berada di hadapan mata orang ramai, malas bila sendirian dan ingin dipuji untuk semua perkara.

Bagi orang munafik ada tiga alamat, bohong bila ia bicara mungkir bila ia berjanji dan khianat bila dipercayai.

Ya Ali bagi orang pemalas ada tiga tanda, menunda-nunda waktu sampai sia-sia, menyatakan kesempatan sampai luput dan melalaikan sampai berdosa.

APA NAK JADI, JADILAH

(I)

SATU hari, di Kota Kinabalu, saya berjumpa seorang Datuk pemimpin USNO tak perlu saya sebut namanya, datang menemui saya. Dia mendapat tahu saya akan menerbitkan buku mengenai Sabah. Saya tahu kenapa dia datang. Tujuannya ialah hendak mengesahkan yang Harris akan jatuh, Berjaya akan gagal dan USNO akan kembali memerintah. Ramai sangat pemimpin USNO yang mahu Harris jatuh tapi takut terlibat hendak menjatuhkan Harris. Ini semua pemimpin jenis jiwa 'mentimun'.

"Saya dengar Syed bilang Harris akan jatuh?" Tanya beliau untuk menguatkan semangatnya. Beliau nampak ada hajat mahu terus berjuang. Kalau boleh mahu mati dalam USNO, tapi dalam keadaan selamat.

"Hendak bukti macam mana lagi. Sudah terang tidak perlu bersuluh. Orang buta pun tahu undang-undang alam — *"Law of Nature, what goes up must come down."*

"Harris begini punya kuat macam mana boleh jatuh? Kita punya cakap susah mahu percaya." Dia cuba menguji keyakinannya melalui saya. Saya tahu.

"Brader, Shah Iran sama Harris siapa kuat?" Datuk ini sesekali saya panggil dia 'Brader'.

"Jangan samakan Shah Iran sama Harris. Shah Iran raja, Harris menteri."

“Mana lebih tinggi raja sama Menteri?”

“Tentulah tinggi raja.”

“Jadi kalau raja, yang bukan sebarang raja pula, raja segala raja yang disokong oleh C.I.A. Amerika dan kuasa Barat yang lain itu boleh jatuh, inikan pula seorang Ketua Menteri macam Harris. Apa pendapat Brader?”

Melihat dia terdiam saya pun meneruskan: “Brader saya cerita pasal Shah Iran ini saya pergi sendiri ke kuburnya di Cairo. Dia dikebumikan di sebelah kubur King Farouk, yang juga digulingkan. Nasib baik menumpang dalam masjid seorang Wali Allah termasyhur, apa jadi! Siapa agaknya yang akan menziarahi kubur mereka?”

Kemudian saya cerita sedikit pasal Tun Mustapha. Dulu siapa pun tidak terfikir Tun boleh jatuh. Begitu juga Presiden Sukarno yang sepatutnya menjadi presiden seumur hidup. Kemudian saya singgung dia sikit. “Kalau Datuk sendiri tahu Tun akan jatuh USNO akan jadi begini, dulu lagi Datuk sudah buat persiapan, kan?”

Dia diam tidak menjawab. Saya nampak dia tersinggung dengan cakap saya, kerana dia fikir dia orang politik, bekas menteri dan seorang Datuk pula, tentu dia tahu segala-galanya. Pemimpin Sabah tidak banyak sedikit mesti nampak egonya. Inilah yang terjadi pada manusia yang merasakan dirinya lebih daripada orang lain.

“Bagaimana Syed boleh tahu ini semua?, tahu Harris akan jatuh?”

"Saya membaca, melihat, mendengar, menyelidik, berfikir, dan saya yakin dan percaya Allah mengajar manusia apa yang mereka tidak tahu."

"Begitulah yang mesti dilakukan oleh seorang peramal politik. Baca buku, baca suratkhobar, bergaul dan mendengar hujah dan cakap dari segenap golongan dan lapisan. Datuk ada baca buku politik?"

"Buku pasal USNO saya baca juga sikit."

"Pasal Berjaya dan lain parti, bagaimana?"

"Cerita pasal Berjaya saya tidak suka baca. Politik Malaysia Barat, kadang-kadang baca juga." Dia menjawab dengan selamba.

"Ada bergaul dengan orang Berjaya?"

"Dia musuh kita mana boleh berkawan?"

"Musuh dari segi ideologi saja. Kawan tetap kawan Datuk. Lagipun mereka tetap juga saudara kita"

"Bagaimana bah! Jahat punya orang boleh jadi saudara? Dia orang kasi jahanam, kasi susah sama kita, kita mahu bikin kawan sama mereka?"

"Datuk jangan salah faham. Yang kasi jahanam orang USNO bukan orang Berjaya."

"Habis siapa?"

"Orang USNO sendiri, bah."

"Kita cakap baik-baik sedikit, bah." Datuk ini tidak dapat menahan marahnya. Dia nampaknya tidak dapat mengawal perasaan. Dia menyambung

lagi. "Kita sudah lama tidak datang Sabah. Kita tidak tahu. Setengah mati ini Harris dan orang Berjaya bikin sama USNO."

"Saya tahu Datuk. Sebab itu sekarang saya datang sendiri untuk mempastikannya. Saya mahu tengok dengan mata sendiri. Saya percaya cakap Datuk. Tapi Datuk kena dengar cakap saya baik-baik. Kalau Datuk tidak mahu percaya itu Datuk punya pasal."

"OK bah, saya dengar."

"Apa orang USNO buat masa mereka memerintah dulu? Datuk ingat?"

"Itu lama punya cerita, tidak mahu cerita lagi bah!"

"Datuk! Tidak ada dulu tidak ada sekarang. Sebelum berjalan ke depan, tengok dulu kebelakang."

"Itu saya tahu, bah" Tengok Datuk ini punya ego, belum kita habis cerita dia sudah tahu.

"Datuk satu orang tahu. Orang lain tahu tak?"

"Mana saya tahu?"

"Kalau Datuk tidak tahu dengarlah cakap orang. Kelahiran Berjaya adalah disebabkan kesilapan para pemimpin USNO. Benar apa tidak? Kalau pemimpin USNO dulu tidak lupa daratan tentu ini semua tidak boleh terjadi".

Dia tidak menjawab.

“Datuk izinkan saya buka rahsia bagaimana Harris boleh jadi Ketua Menteri. Kemudian saya akan ceritakan macam mana dia boleh jatuh dan Tun boleh menggantikannya. Tapi jangan ganggu sampai saya habis bercerita. Janji!”

“Ya, saya janji.”

“OK. Sekarang saya akan tuliskan, Datuk baca. Kalau tidak betul lain kali jangan beli lagi buku saya.”

“Kita mahu tulis dalam buku dulu?”

“Kalau saya bercerita di sini dengan Datuk seorang diri, cerita kejatuhan Harris tidak terdatat dalam sejarah,” Setelah meninggalkannya aku menulis hujahku dari segi Qada dan Qadar tentang tuah nasib Pemimpin Melayu.

(II)

Tidak siapa yang terfikir melihat dari kekuasaan kekayaan dan pemujaan dari rakyat serta sokongan dari Pusat Tun boleh jatuh sampai begini sekali melainkan mereka yang mengetahui.

Siapa juga tidak terfikir yang Datuk Harun dulunya Menteri Besar, lepas itu jadi Ketua Pemuda UMNO yang paling popular dan paling ramai pengikut, boleh tertangkap dan masuk jail.

Bila dia sudah kena jail, siapa pun tidak terfikir Banduan bekas menteri yang tertangkap kerana rasuah boleh berkuasa semula, melainkan mereka yang percaya pada Qada' dan Qadar.

Dan siapa boleh terfikir yang orang muda yang handsome, baik dengan orang bila jumpa, boleh kena tangkap, di hukum gantung kerana kesalahan membunuh

Tapi ada orang yang tahu, nasib Datuk Harun, tanya Datuk Harun ada Ahli Nujum terkenal dan dianggap keramat di India bilang, dia mesti masuk jail, tapi dia akan keluar lepas itu dan akan jadi Perdana Menteri Malaysia.

Banyak benda yang ribuan manusia tidak tahu, tapi ada orang yang tahu kerana Allah maha mengetahui.

Naiknya manusia kerana sebab, dan jatuhnya manusia pun kerana sebab, ada manusia dilahirkan bertuah. Macam mana dia jatuh pun ada saja cara dia boleh naik semula. Itulah perkara yang pernah terjadi pada Datuk Harun dan Tun. Ini yang dikatakan "Roda hidup" "*The wheel of life*".

(III)

Kesabaran dan kekuatan manusia ada batasnya. Saya tidak perlu dedahkan segala kejahatan dan kesilapan Harris Salleh. Segalanya telahpun dilakukan oleh penulis-penulis upahan orang tertentu USNO. Saya juga tidak akan sembunyi-kan segala kejahatan dan kesilapan Tun Mustapha semuanya telah dibongkar dan didedahkan oleh penulis upahan Berjaya dan penulis cari makan dalam USNO sendiri. Perkara memburuk-burukkan para pemimpin ini berlaku kerana mereka

sama mereka berfikir, dengan memburukkan orang lain mereka boleh naik atau rakyat akan menimbangkan siapa yang lebih jahat dan sesudah itu rakyat terpaksa memilih. *"The best among the worst"*

Nampaknya puaslah hati kedua belah pihak. Memburukkan antara satu sama lain. Siapa yang untung dan siapa yang rugi? Pemimpin yang diburukkan semuanya Melayu belaka. Bagaimana ini semua boleh terjadi. Jawabnya senang saja:

Perang sesama pemimpin di Sabah menunjukkan pada rakyat yang para pemimpin tidak boleh menyeleweng dan menipu rakyat, inilah pembalasan keatas pemimpin yang cuba melupakan tanggungjawab kepada rakyat. Pemimpin yang telah membahagikan harta negeri sesama sendiri, mahu kuasa untuk terus kaya lagi. Akhirnya siapa yang rugi. Kalau saja pemimpin beringat kesabaran manusia itu ada batasnya, perkara ini tidak berlarutan.

Ketika USNO berkuasa dulu para pemimpin USNO fikir mereka boleh buat apa saja. Perkara macam ini dibuat juga oleh pemimpin Berjaya mereka fikir, pembunuh akan dapat sembunyikan tangannya dan pencuri akan dapat sembunyikan barang curiannya, tidak ada siapa yang tahu. Ini semua adalah satu ingatan kepada para pemimpin supaya jangan mengulangi perbuatan yang menyeleweng dan pecah amanah.

'Tuhan tidak mencampuri urusan manusia di dunia.' Pilihlah, mahu syurga atau neraka? Perpecahan akan berlaku sekiranya para pemimpin memerintah dengan cara kuku besi. Sebaik-baik hidup adalah hidup cara yang sederhana.

Saya tidak tahu memburukkan Harris atau memuji Tun. Saya akan tulis apa yang benar, apa yang saya lihat dan dengar, dan saya menyerahkan pada para pembaca untuk menghakimkannya.

(IV)

Tun Mustapha mula menghadapi kehancuran politiknya bila dia tidak dapat sokongan dari kerajaan pusat, disamping sebab-sebab yang lain antaranya.

Sebab ini yang dibesar-besarkan oleh orang ramai, dan bila orang ramai tahu keranaan pusat tidak lagi memberi sokongan kepadanya? Dan Tun tidak ada kuasa macam dulu lagi kawan-kawannya pun mula menikam beliau dari belakang, Tun jatuh kerana tidak mahu tunduk bila politiknya dilanda oleh ribut kencang. Peribahasa Cina. *"Pohon besar yang tidak mahu tunduk bila dilanda ribut gila akan binasa kerana keangkuhan dan kesombongannya."*

Allah melihat apa yang anda buat. Dengan perantaraan pena, Allah menunjuk kebesaran dan kekuasaannya. Allah mengajar manusia melalui

pena dengan kekuasaan yang diletakkan dimata pena mereka yang lumpuh boleh berjalan kembali, yang buta dapat melihat, yang lemah kembali kuat.

Pemimpin yang beragama takut pada pena, kerana mereka tahu, manusia yang membaca dengan nama Tuhannya yang menjadikan sekalian alam, tahu Allah melihat apa yang kita buat.

Selain dari sokongan dari pusat. Pena-pena yang lebih berkuasa dari pedang yang telah mencorek robek menghancurkan pakaian indah yang telah membaluti tubuh Tun selama ini. *"The pen is mightier than the sword."*

Keburukkan, kelemahan dan kesilapan Tun yang selama ini ditutupi dengan rapi oleh akhbar yang dikuasainya, telah terdedah, dan bila seorang pemimpin sudah ditelanjangkan dikhalayak ramai, hilanglah darjat dan pangkat, gugurlah segala kebesaran kerana makin ramai orang yang kasih memuji dan memuja kita, seramai itu juga orang yang menaruh benci dan dendam pada kita ada manusia suka mengambil kesempatan memijak orang yang sudah berada dibawah.

Sukarno tidak takut pada meriam, pada muncung senapang kerana peluru meriam, peluru senapang dan bom tangan gagal meragut nyawanya. Senjata berdentum tidak mungkin boleh menurunkan bapak presiden dari tahta, tapi pena yang lembut dan halus menggugat dan menggigit kebebasan tokoh pemimpin.

Kalau tidak kerana kebesaran akhbar kalau tidak kerana buku yang ditulis khas untuk menghancurkan Tun, pemimpin yang berjiwa waja ini tidak menerima nasib seburuk ini. Inilah peranan pena.

Sekarang kerajaan akan berikan kebebasan untuk menerbitkan surat khabar kepada USNO. Lihat sajalah apa akan terjadi pada Harris.

Pena yang menaikan Harris dan pena juga yang akan menjatuhkannya. Pena yang macam mana? *Ada manusia yang menulis untuk kepuasan dirinya. Ada manusia yang menulis untuk tuannya? Ada manusia yang menulis untuk alam.* Harris akan binasa kerana kalam Allah, kerana bila Allah berkata "*Kunfayakun*". Binasa engkau. Manusia yang kejam dan zalim nescaya dia akan binasa.



MASA HARRIS SUDAH TIBA

WAKTU saya sedang minum dengan seorang kawan di Coffee House South East Asia Hotel, seorang pemimpin USNO datang kepada saya lalu bertanya :

“ Buat apa sekarang Syed ?”

“ Tidak ada apa-apa; ‘ relex ’ ”

“ Boleh tulis satu buku untuk saya ?”

“ Buku apa ?”

“ Buku politik bah ! Kita kan pandai tulis buku politik”

“ Pandai tu tidak, tapi bolehlah”

“ Kita tulis satu buku, kasi hentam ini Harris bah dia tidak guna, tidak bagus punya Ketua Menteri, orang Islam Sabah benci sama dia. “ Dia melepaskan geram dan bercakap ikut cara Sabah.

“ Kenapa tidak cari orang lain ? Penulis upahan di Sabah kan ramai ?”

“ Orang tidak berani bah !”

“ Mana boleh, ramai orang sudah tulis buku pasal Sabah, yang hentam sama Harris pun ada”

“ Yang tulis buku ramai, tapi mereka tidak pandai kasi Harris jatuh bah”

“ Jadi Tuan Haji fikir saya boleh kasi Harris jatuh?”

“ Kalau kita mahu hentam sama ini Harris, tentu dia boleh jatuh, kita boleh bikin Nujum, bilang dia punya nasib tidak baik ! Apa yang kita tulis orang percaya bah, kita ada itu ‘golden touch’ !” Aku tersenyum, ya ! “ Golden Touch” ‘Nujum’; kerana terpengaruh dan seronok dengan Tuan Haji ini punya angkat, nanti aku boleh kena saman malu dengan Harris, baru padan muka sendiri.

“ Kalau Harris jatuh, saya apa dapat?”

“ Saya kasi kita, duit bah”

“ Banyak mana ?”

“ Sepuluh ribu, dua puluh ribu ringgit”

Saya diam tidak jawab, dia berfikir seketika, kemudian dia meninggikan lagi harga.

“ 30,000 apa macam ?” Dia mencuba.

“ Mana cukup setakat dua tiga puluh ribu.”

Kita ingat senang kasi jatuh sama pemimpin ?, wang tiga puluh ribu senang cari senang habis, lepas itu saya hendak buat apa ? Aku mahu tahu sejauh mana dia perlukan aku, aku pula yang mencuba harga diriku dipasaran ‘Commercil’. Untuk pengetahuan penulis yang berminat tulis buku politik cari makan paling kecil wang tunai \$50,000 dan lain kemudahan untuk satu buku.

“ Kasi hentam sama Harris dulu bah, dia jatuh, USNO perentah, kita boleh dapat kayu balak, kita pun tahu USNO sekarang miskin” Orang ini nampaknya ber-

minat hendak jadi Ketua Menteri atau agen orang yang ingin mengambil kuasa dari Harris.

Saya senyum melihat telatah Tuan Haji, orang lama dalam USNO ini, dia ingat senang hendak jatuhkan seorang pemimpin macam Harris Salleh. Dia belum tahu Harris punya handal, Harris tahu 'law' lebih baik dari lawyer yang baru. Dia ingat kerana ramalan saya selalu tepat, saya boleh tipu semua orang dengan ramalan saya itupun secara kebetulan saja. Bila saya kata menang, orang itu menang, dan kalau saya kata kalah orang itu kalah, itu tidak bererti saya pandai, dan bukan tujuan saya menulis untuk menjatuhkan sesiapa. Saya menulis yang benar. Dan dia fikir semua penulis boleh diupah untuk menggerhanakan politik orang. Berapa lama penulis yang boleh cari makan merosakkan hidup pemimpin? Tahukan dia risiko yang diambil oleh seorang penulis? Lagipun Harris bukan sebarang orang, dia pernah heret penulis ke Mahkamah, dia tuntutan saman malu, penulis dan pencetak dihukum denda ratusan ribu, fikirkanlah ini semua sebelum menulis untuk politik cari makan. Penulisan adalah satu seni. Satu bakat. Untuk mencapai darjat yang tinggi penulis tidak patut menjadikan dirinya alat. Penulis mesti menyuarakan suara Tuhan. Bukan suara Tuan-tuan yang memberi "Upahan".

Kalau Harris jatuh sekarang, mana ada pemimpin Melayu dalam Berjaya yang akan jadi Ketua Menteri Sabah? Apa akan jadi pada rakyat Bumiputra Sabah? Orang politik fikir penulis tidak ada "Conscious". Tanggungjawab penulis terhadap bangsa dan negara lebih berat dari tanggungjawab seorang menteri. Sebagai se-

orang penulis yang komited kepada Perjuangan Nasionalisma, kita kesal, kita sedih melihat perpecahan yang sedang berlaku didalam Berjaya dan USNO. Pemimpin bumiputra bergaduh sesama sendiri. Sudah cukup dengan penyelewengan yang dilakukan oleh para pemimpin apakah penulis pun mahu turut sama? Saya rasa kesal dengan sikap pemimpin yang mahu jadikan penulis sebagai *hired killer*. Kerana penulis yang cari makan dengan membunuh dan menggerhanakan politik seorang pemimpin tanpa memikirkan tugas terhadap Agama, bangsa dan negara akan merana dan tersiksa hidup di hari tua.

Mengikut pendapat saya tak payah dihentam, Harris akan jatuh. Dia sudah sampai dikemuncak kebencian manusia. Dia bukan saja dibenci oleh rakyat Sabah, tapi dia sudah mula bergaduh dengan orang dalam parti sendiri. Bukankah ini alamat yang dia akan jatuh. Yahya Ismail sudah ramalkan perkara ini sebelum saya. Kalau saya tidak ramalkan Harris akan berhenti, dia tetap akan diberhentikan juga. Apalah gunanya kita menjatuhkan orang yang sudah hendak jatuh. Buah yang sudah masak akan gugur dengan sendirinya. Kalau kerap sangat saya menggerhanakan politik pemimpin, saya akan dilebel sebagai penulis upahan *Hired killer*. Cukuplah apa yang sudah terjadi pada Haji Suhaimi dan Tengku Razaleigh Hamzah. Kali ini kalau Harris dan Musa hendak jatuh biar mereka turun dengan sendirinya, bukan kerana pena saya. Pemimpin jatuh kerana kesilapan dan dosanya sendiri. Dan pemimpin naik kerana kebijaksanaan dan membetulkan kesilapannya sendiri.

Orang yang naik dengan cara tidak betul tidak akan dapat duduk diatas dengan selamat. Dia akan gelisah kepanasan. Makin hari makin banyak kesilapan dan

kesalahan yang akan dilakukan. Dan dia akan mula hilang kepercayaan terhadap kawan-kawannya. Bila dia sudah mula tidak percaya pada orang disekelilingnya, alamat zaman dikemuncaknya akan berakhir. Ini yang sedang berlaku pada Harris. Tidak lama lagi dia akan terjun bersama partinya. Bukan kerana ramalan dan penulisan saya, tapi masanya untuk jatuh sudah tiba. Secara kebetulan saya tahu dan saya menulis apa yang benar dan berterus terang dan orang ramai percaya apa yang saya tulis.

DE

Dulu kita hidup...
seorang yang...
hati berbunga...
cukup kaya...
yang ingin...
pergi ke...
Mungkin...
dari orang...
Tapi dia...
Menteri...
wanita...
Kajang...
itu pergi...
kelas...
Tony...
Kerajaan...
Itulah...
tongkat...

DULU LAIN SEKARANG LAIN

DULU, bila disebut saja orang Sabah, tentulah dia seorang yang kaya, seorang yang bijak dan murah hati, berbelanja sesuka hati. Dulu, siapa yang mahu cepat kaya, orang menyuruhnya ke Sabah. Siapa yang ingin hendak cari derma dan pertolongan, pergi saja ke Sabah. Kalau tidak dapat jumpa Tun Mustapha pun tidak apa, jumpa saja salah seorang dari orang kanannya, pasti tidak hampa.

Tan Sri Datuk Ibrahim Fikri, (Arwah) bekas Menteri Besar Trengganu, tidak dapat bantuan kewangan dari Pusat untuk meneruskan Rancangan Kelapa Sawit yang memerlukan wang berjuta ringgit, pergi jumpa Tun Mustapha. Tun tolong dengan ikhlas. Sampai hari ini ladang kelapa sawit di Sungai Tong Trengganu adalah jasa Tun pada rakyat dan kerajaan Negeri Trengganu.

Dulu, kalau pemimpin UMNO mahukan pertolongan, baik di musim pilihanraya atau di hari-hari

biasa, siapa lagi kalau bukan Tun yang dicarinya. Di musim pilihanraya, Tun datang sendiri bawa *briefcase* berisi wang berjuta-juta untuk membantu UMNO. Adakah sesiapa yang dapat menafikan ini?

Dulu, orang Semenanjung yang mahu berniaga, jumpa saja Menteri atau orang Sabah, tetap dapat modal (kalau tidak banyak, sedikit). Saya ingat ketika itu saya tinggal di Hilton Hotel Kuala Lumpur bersama Datuk Dzul. Ketika itu dia masih anak emas Tun Mustapha. Jins Shamsuddin, Jaffar Abdullah, Abdullah Hussein mahu jumpa Tun, hendak minta bantuan membuat filem. Cerita ini berlaku di awal tahun tujuh puluhan. Sayalah menjadi koordinatornya, menemukan Jins dan Datuk Dzul. Coffee House Hilton tempat pertemuan pertama mereka. Lepas itu saya dengar Jins dibawa oleh Tun ke Mekah, untuk buat filem. Seterusnya apa yang terjadi sesudah itu saya tidak tahu. Kemudian saya dapat tahu Jins berkenalan dengan Datuk Bakar Titingan (Arwah). Perfima yang diusahakan oleh Jins berjaya mengeluarkan filem. Abdullah Hussein, Jaffar Abdullah entah ke mana saya pun tidak tahu. Ada dua tiga lagi syarikat perfileman yang dibiayai oleh orang Sabah. Ada yang berjaya, ada yang lingkup macam itu saja.

Jasa orang Sabah, terutama para pemimpin USNO, kepada dan orang-orang perseorangan di Semenanjung memang banyak. Saya tahu beberapa orang ahli perniagaan yang sudah jadi jutawan dengan pertolongan Tun dan lain-lain pemimpin USNO.

“Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung daik bercabang tiga,

Hancur badan dikandung tanah,
Budi yang baik dikenang juga.

Dulu, kalau Tun datang ke Kuala Lumpur, ramailah pembesar-pembesar, Datuk-datuk dan V.I.P. yang menyambutnya di Subang. Begitu juga dengan menteri-menteri yang lain. Sambutan dan layanan yang istimewa diberikan. Rokok Tun dipasangkan, pintu kereta Tun dibukakan, kerusi Tun ditarik, bila dia hendak duduk. Kini bila Tun sudah jatuh terduduk di atas lantai, Tun bukan lagi Ketua Menteri Sabah, Tun kehilangan kuasa politik, Tun sudah tidak se kaya dulu lagi; Tun tidak disenangi oleh Pemimpin Pusat, satu demi satu orang melarikan diri.

Hari ini susah hendak jumpa kawan-kawan lama Tun yang juga bekas pemimpin, orang kerajaan dan ahli perniagaan yang mahu sambut dan iringi Tun ke lapangan terbang. Hendak jumpa Tun pun takut. Inilah "Coffee shop friend" namanya.

Dulu, bila Tun ada di Kuala Lumpur, ada saja pemimpin yang mahu mengundang dia ke jamuan makan atau datang makan bersama Tun. Tun bergaul mesra dengan Sultan dan Raja. Mereka sayang dan hormatkan Tun kerana Tun seorang pemimpin yang kaya dan pemurah. Mana ada ketua Menteri atau Menteri Besar yang dapat berkawan dan menasihati raja-raja macam Tun?

Gambaran ini semua umpama satu cerita. Cerita indah bagaikan mimpi. Saya biasa menghadiri majlis besar-besaran yang diberikan oleh Tun. Dan biasa juga duduk makan semeja sebelah Tun. Kini sesekali saya masih juga diundang oleh Tun di kediamannya. Kadang-kadang kami makan tengahari berdua saja.

Kadang-kadang ada lima enam orang. Tun macam itu juga. 'Singa' duduk atas rumput, atas tikar atau permaidani, sama saja. Gayanya masih tetap macam raja juga. Bagaimana perasaan orang lain kalau sudah biasa duduk tinggi di atas kemudian tiba-tiba terjatuh begitu? Inilah contoh manusia yang beriman, manusia yang taqwa. Dia masih mengerjakan sembahyang, berzikir dan wirid macam waktu dia senang dulu. Dia tidak resah gelisah kehilangan kuasa.

Waktu dijemput makan tengahari bersama pemimpin USNO, Salim Bacuk, Ahmad Beledrum, Pendekar dan beberapa orang lain, sedang kami menghadapi hidangan, saya bercerita padanya tentang hajat saya mahu menulis mengenai politik Sabah. Dia dengan tenang mengingatkan saya:

"Tuan Syed, you mesti jaga-jaga bila menulis politik Sabah."

"Kenapa Tun?"

"Ini Harris lain orangnya."

"Tun takut sama Harris?"

"Siapa bilang saya takut. Saya cuma kasi ingat sama Tuan Syed, kerana saya tidak mahu Tuan Syed jadi susah kerana kami." Budi bahasa tidak boleh dijual beli. Tun tinggi hemahnya.

"Tun, boleh izinkan saya bercakap sikit?"

"Cakap apa saja, tak apa." Dia pandai bergurau sambil bercerita. "His senses of humor is good."

"Kalau tanya, boleh?"

“Penulis boleh tanya apa yang you sukak.”

“Betul ke Tun berani memimpin USNO?”

“Habis, selama ini apa yang you tengok saya buat?”

“Tun, tahukah Tun perandai pengantin perempuan?”. Sedang dia berfikir mahu menjawab, saya meneruskan: “Diam pengantin perempuan bererti setuju. Saya nampak apa yang Harris buat sama USNO dan rakyat Sabah, Tun diam. Apakah itu bererti yang Tun setuju?”

Muka Tun jadi merah padam. Saya tahu dia memang sensitif orangnya. Dia pantang dicabar. Bila dia marah, lain sekali rupanya. Tapi saya tahu dia dapat mengawal marahnya. Saya saja hendak mengujinya. Semua orang berhenti makan, sekejap memandangi Tun, sekejap melihat saya.

“Saya diam bukan bererti saya setuju, tapi saya sedang merancang dan menunggu waktu. Harta saya di Sabah yang saya mahu jual, dia tahan, kerana dia tahu bila saya dapat itu duit dari penjualan harta, itulah yang akan saya gunakan untuk perjuangan. Dia takut.”

“Tun, ada orang bagi tahu saya Tun ini macam Omar Mokhtar *The Lion of the Desert.* Saya rasa ada benarnya dari segi semangat dan kepahlawanan. Tapi saya nampak Tun macam lemah saja, macam mana USNO akan berkuasa semula?”

“Tuan Syed, saya bukan lemah, tapi kita perlu bantuan dari Pusat dan sekarang kita kekurangan wang. Ahli parti harap dari saya seorang saja. Dan saya sudah bilang, Harris sekat penjualan harta saya.

Saya sudah tua, saya tidak boleh buat kerja dengan terburu-buru. Kalau saya tidak sayangkan USNO saya tidak akan balik ke Sabah. Saya boleh duduk di England atau di mana-mana di luar negeri. Tapi saya tidak mahu mati di luar negeri. Saya mahu mati di bumi Sabah, berjuang bersama rakyat Sabah."

Pemimpin yang sebenarnya mesti mati di medan perjuangan, bukan di atas katil, mati sakit. Tan Sri Syed Jaffar Albar dan Tan Sri Syed Nasir mati di dalam perjuangan. Mereka dikebumikan di Makam Pahlawan. Semuga bila Tun mati nanti, beliau juga dikebumikan di Makam Pahlawan.

"Tun adalah Pahlawan Sabah. Tun adalah Omar Mokhtar, 'Lion of the Desert'. Dan saya rasa rakyat Sabah tidak rela melihat pemimpin yang menjadi pujaan jutaan manusia mati sebagai seorang pengantin perempuan. Tun, saya cuma ada ini 'pen'. Kalau betullah dikatakan pena itu lebih bisa dari pedang, saya akan berjuang bersama Tun untuk menegakkan maruah bangsa dan agama yang sudah tercemar."

Siapa pun tidak bercakap apa-apa. Memang begitulah keadaan bila mereka bersama Tun. Kehadiran Tun menutup mulut pengikutnya. Dulu, dalam Dewan Negeri kalau ada Tun, sebatang pin jatuh boleh terdengar. Karektor Tun sungguh mengagumkan.

Perangai Tun lebih kurang macam Tunku, lepas pukul dua Tun akan naik ke bilik tidurnya berihat. Sebelum dia naik dia bersalaman. Kebanyakan pengikutnya mencium tangan Tun. Mereka mengcap Tun sebagai seorang bapa dan seorang guru yang keramat.

Lepas makan, saya dihantar oleh Datuk Salam, adik Tun, ke hotel saya. Dalam perjalanan Datuk Salam, ucap tahniah.

"Kita betul berani. Orang lain mana berani cakap begitu sama Tun."

"Datuk, saya sudah kenal Tun hampir sepuluh tahun. Masa dia jadi Ketua Menteri Sabah dulu, saya tulis buku hadiahkan pada dia. Saya tidak terima sepuluh sen pun darinya. Saya ke Sabah berkawan dengan Tun dan para pemimpin Sabah, bukan hendak cari duit atau hendak minta kayu balak. Saya bukan jenis manusia bawa tempurung 'bercat'. Saya berkawan ikhlas. Saya tulis buku ini pun ikhlas, bukan kerana mengharapkan upah. Saya bukan penulis upahan. Kalau kebetulan Tun atau Datuk mahu beli buku saya, Alhamdulillah."

Datuk Salam tidak bercakap banyak. Mungkin dia baru tersedar, tidak semua orang Semenanjung berkawan dengan orang Sabah kerana duit. Dan saya sekarang berkawan dengan Datuk Salam bila dia sudah dijatuhkan bengkrap. Dan Tun hari ini tidak sekaya dulu lagi. Kalau hendak naik, dari sinilah kita cuba nasib kita. Dia cuba kepimpinannya, saya cuba nasib saya dengan pena saya. Kalau diizinkan Allah Tun naik semula. Segala puji bagi Allah dan selawat ke atas Junjungan Nabi Muhammad. Kalau dia tidak berjaya, itu menunjukkan yang saya tidak berkuasa. Saya cuma seorang hamba Allah. Allah yang maha kuasa.

TUNKU, TUN MUSTAPHA DAN MAHATHIR

MENGLISLAMKAN orang-orang Kafir di Sabah bukanlah satu jasa yang meminta pembalasan. Membawa manusia ke jalan Allah adalah satu kewajipan setiap orang Muslim. Membawa hampir 100,000 orang menganut agama Islam adalah satu usaha yang luar biasa yang patut mendapat sanjungan dan kepujian, kerana boleh dikira dengan jari pemimpin Islam di seluruh dunia yang sanggup berbuat demikian.

Pernah tersebar ke Dunia Antarabangsa berita mengenai Tun Mustapha sebagai salah seorang dari sepuluh orang yang terkaya di dunia. Benar atau tidak berita itu, ia adalah berita antarabangsa yang memang mempunyai dasar dan alasan. Ramai orang Melayu yang turut berbangga dengan berita itu. Dan ini adalah satu 'contribution' Tun pada



Tun Datu Haji Mustapha

bangsanya. Tun bukan saja telah menaikkan image Melayu, tetapi sekaligus telah memberi semangat dan membuka mata orang Melayu yang lain supaya turut mahu jadi kaya macam Tun.

Apa yang diperjuangkan oleh Mahathir hari ini supaya orang Melayu menjadi bangsa yang bermaruah dan dihormati oleh bangsa-bangsa lain di dunia telah pun dilakukan dan dibuktikan oleh Tun Mustapha. Hanya cara mereka sahaja yang berbeza. Tun dapat duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan pemimpin-pemimpin dunia, kerana dia tahu menggunakan wang dan pengaruh yang ada padanya.

Dengan adanya orang Melayu yang berjaya menjadi salah seorang yang namanya disebut sebagai antara orang yang terkaya di dunia, dengan sendirinya bangsa Melayu dapat berbangga. Kita bukan lagi bangsa seperti yang pernah disebut dalam buku Inggeris yang diajar kepada kita: *'Malay people live in atap house'*. Tun Mustapha ada banglow di London, ada restoran. Ada banglow di Australia, ada kapal terbang. Inilah orang Melayu. Sama kaya dengan orang-orang terkaya di dunia. Dan hari ini Ghaffar Baba seorang saja orang Melayu yang sudah jadi Pengarah Dunlop Holding. Satu kebanggaan kepada orang Melayu. Inilah orang yang kejayaannya patut dijadikan contoh kepada orang Melayu yang kecil jiwanya.

Kalau tidak ada orang Melayu yang berani ber-

belanja seperti orang-orang kaya lain di dunia, siapa yang akan tahu orang Melayu ini kaya? Hingga hari ini dunia akan terus berfikir bangsa Melayu miskin dan masih tinggal atas pokok kayu, atau satu bangsa yang *'primitif'*. Dunia akan terus menganggap yang kaya dalam negeri ini hanya orang-orang 'Cina'. Ekonomi dalam tangan mereka; akibatnya orang tak mahu berniaga dengan orang Melayu. Dunia memandang Melayu satu bangsa yang pandai menumpang harta benda dan kepandaian orang dalam negeri sendiri.

Kita perlu lebih ramai lagi orang Melayu yang berperangai luar biasa dan berkebolehan luar biasa. Tradisi merendah diri dan takut-takut dengan bangsa-bangsa asing yang maju mesti dipecahkan. Kita mahu pemimpin dan orang kaya Melayu menggegarkan dan menggugat dunia dengan kepintaran, keberanian dan keistimewaan yang ada pada mereka. Bukankah bangsa Melayu suatu bangsa yang *adventurers*?

Selepas Tun dihebohkan sebagai pemimpin yang kaya raya barulah orang Melayu dan pemimpin Melayu yang lain mula iri hati dan dengki. Mereka bercadang untuk menjatuhkan dia. Mereka mengatakan, dia menghabiskan wang rakyat dan mereka mula merancang untuk menjahanamkan dia. Tapi kalau kaum imigran berbelanja besar, memunggang kekayaan keluar dari negeri ini, pemimpin bukan Melayu korupsi, menyeleweng, mengambil kesempatan memperkayakan diri dan kaum keluarga mereka, tidak mengapa. Orang

Melayu diam. Tidak pula ada orang yang mahu buat heboh-heboh. Orang asing punggah harta kekayaan keluar dari negeri kita, orang Melayu dapat apa? Pemimpin Melayu diam tidak buat apa.

Tapi baru saja Mahathir mahu membuat sebuah kediaman untuk seorang Perdana Menteri ada pemimpin Melayu yang cemburu dan iri hati, ada pemimpin UMNO yang menjadikan perkara ini sebagai satu isu politik untuk menikam Mahathir.

Malaysia adalah sebuah Negara yang kaya, patutkah Perdana Menteriya duduk dalam sebuah rumah yang tidak sempurna? Kita tidak mahu mengekalkan Identity "*Malay People live in the atap house*". Cuba kita tengok rumah rakyat Malaysia di Bukit Kenny, Bukit Bangsar dan kawasan perumahan mahal. Mahukah kita seorang Perdana Menteri yang hidup dalam sebuah rumah yang sama macam rakyat?

"In order to grow big, you must think Big"
Harimau kalau disimpan dalam reban diberi makan rumput, beri nasi sejuk. Macam mana dia hendak mengaum? Macam mana orang nak takut pada Harimau yang duduk dalam kandang kambing?

Cuba kita tengok tempat kediaman Wakil Diplomat Asing di Kuala Lumpur, bagaimana? Pertama Kedutaan British di Bukit Korcosa. Patutkah rumah Perdana Menteri lebih rendah lebih kecil dari rumah kedutaan Bekas Penjajah? Kalau kita boleh hadiahkan sebuah bangunan sebegitu baik dan besar untuk kedutaan Bekas

Penjajah yang telah mengaut harta kekayaan dari bumi kita, kenapa tidak kita buat sebuah rumah yang layak untuk seorang Perdana Menteri? Ini adalah maruah negara dan bangsa kita. Lagipun rumah itu bukan untuk Mahathir; untuk kediaman Perdana Menteri. Mahathir pun bukan hendak duduk di situ sampai 100 tahun.

Dulu masa Tunku buat Stadium Merdeka rakyat bising, membazir. Tunku buat 'Highway' ke Kelang, rakyat tanya untuk landasan kapal terbang ke? Datuk Senu buat Angkasapuri. Tun Sardon buat Lapangan Terbang Senai Johor, orang kritik dan kutuk mereka. Kalau mereka tidak buat ini semua dulu, mampukah Kerajaan membuatnya sekarang? Dan kalau kediaman Perdana Menteri tidak dibuat sekarang tunggu tahun depan tentu lebih mahal lagi belanjanya.

Pemimpin hendak duduk dalam rumah yang bagus, saya suka, pemimpin yang pandai berbelanja dan pandai mencari kekayaan untuk negara saya lebih suka, hidup mesti berani menghadapi kenyataan. Orang yang duduk dalam bangsal, macam mana hendak berjiwa besar, jangan kata hendak mempelawa kawan datang ke rumah sendiri, hendak duduk pun sempit.

Orang Melayu harus melihat Tun Mustapha sebagai seorang "*Nation Builder*" yang berjasa besar dalam revolusi sikap dan mental Bangsa Melayu. Di samping ramai yang tidak sukakan

dia, ramai pula yang melihatnya sebagai contoh dan menjadikannya perangsang supaya orang Melayu bercita-cita besar. Mahathir melakukan sesuatu idea dengan 'Slogan' Tun melakukannya dengan perbuatan. Tun telah membuka jalan dan mata orang Melayu supaya jangan takut hidup dalam kebesaran dan kekayaan. Negeri kita kaya, Tun hidup seperti orang kaya. Dia membagikan kekayaan pada pengikutnya. Kalau mereka tidak pandai menjaganya, kenapa dia pulak yang mesti disalahkan? hina besi kerana karat, hina manusia kerana miskin. Apa yang hendak kita banggakan kalau semua pemimpin kita miskin? Hidup dalam pondok burok naik basikal cabuk.

Secara kebetulan Tun seorang yang kaya dan dia juga mempunyai semangat kepimpinan politik yang sangat-sangat diperlukan di Sabah waktu itu. Bukan salah dia, apabila dia kaya dan hidup secara orang kaya. Kerana Perdana Menteri kita ketika itu yang teramat mulia Tunku Abdul Rahman Al Haj Putra raja. Tunku pun hidup macam orang kaya, joli, main kuda, berpesta. Kalau sudah gurunya kencing berdiri anak muridnya apatah lagi? Cuba kita ingatkan kembali perangai menteri zaman Tunku jadi Perdana Menteri "*Like father like son.*"

Zaman sekarang zaman Mahathir, kepimpinan dan cara hidup, mesti mengikut gaya Mahathir. Nampaknya cara Mahathir diterima oleh kebanyakan rakyat Malaysia, kerana itulah cara dan gaya

yang paling sesuai dengan keadaan Malaysia sekarang. Malaysia sedang menuju ke zaman 'sosialis', Malaysia sekarang sedang menghadapi zaman meleset, manusia juga terus membangun. Pemimpin harus memilih antara menjadi Menteri atau menjadi peniaga yang kaya. Menteri harus memberikan perhatian yang penuh kepada kepimpinan politik. Kerana rakyat sekarang sudah cerdik dan sudah mula cerewet. *Sekarang zaman ikan kecil makan ikan besar. Bukan lagi ikan besar boleh makan ikan kecil sesuka hati mereka.*

Dan bila Tun kembali memimpin politik di Sabah dia mesti mengubah cara dan gayanya. Dia tidak boleh lagi hidup dengan gaya orang kaya-kaya didunia yang boleh berbelanja sesuka hati. Inilah perubahan yang harus diterima oleh Tun. Seperti kata Mahathir sewaktu dia mula-mula menduduki kerusi Perdana Menteri dulu "Perubahan gaya". Tun tidak perlu mengubah prinsip perjuangannya. Yang perlu diubah hanyalah gaya hidup dan gaya kepimpinannya.

Berkahwin banyak dan berpoya dengan perempuan cantik bukan menjadi kesukaan Tun Mustapha seorang saja. Itu adalah kesukaan hampir semua lelaki, lebih-lebih lagi lelaki yang kaya dan masyhur. Siapa kata pemimpin Malaysia yang lain tidak buat apa yang Tun Mustapha buat? Cuma mungkin mereka bersembunyi, takut bini.

Islam tidak larang lelaki beristeri lebih dari satu pada satu ketika. Apa salahnya pemimpin



Y.B. Puan Rahmah Othman

berkahwin lebih dari satu kalau mereka mampu. Cuma wanita UMNO yang tidak suka. Tapi kita tidak mesti takut pada wanita UMNO. Allah dan rasul sudah memberi kebenaran. Kenapa perlu minta kebenaran dari wanita lagi? Takutkan Tuhan atau takutkan wanita? menyintai wanita-wanita cantik bukanlah satu dosa, dan Puan Rahmah Osman Timbalan Menteri Penerangan telah pun menggalakkan lelaki yang mampu supaya beristeri lebih dari satu. Nampaknya Rahmah Osman suka dimadu, baguslah begitu.

Masalah pertama Tun ialah, selama ini semua orang dengar saja cakap dia, "Yes Tun", "Baik Tun". Tun perlukan seorang yang bila Tun bercakap dengan orang tersebut Tun yang bilang 'Yes'. Tun mesti yakin dan percaya pada penasihatnya. Penasihatnya mesti mempunyai sesuatu yang Tun tidak ada. Penasihatnya tidak hairan dengan kekayaan dan kebesarannya. Samada Tun dengar dan ikut nasihat orang itu atau Tun pakai akal Tun sendiri. Dan orang itu meninggalkannya dan perkara macam ini boleh terjadi kalau saja Tun mahu.

Tunku Abd. Rahman mengakui nasihatnya didengar tapi tidak dipakai oleh Tun. Kalau ikan 'jaws' boleh dijinakkan oleh manusia, mustahil manusia tidak boleh mengajar manusia. Kalau kita hendak mengajar manusia. Kalau kita hendak mengajar binatang kita mesti berfikir macam binatang. Begitu juga kalau kita mahu mengajar

manusia Kalau kita kenal diri kita, kita boleh mengenal Tuhan. Kalau kita tahu siapa kita, asal usul kita nescaya kita akan mengenal manusia disekeliling kita. InsyaAllah berkat syafaat Rasulullah kita boleh menjadi guru yang 'Murshid'.

Sekeras-keras besi boleh lembik, dipicit dengan jari kalau kita tahu asal usulnya. Sebab itu saya tidak hairan dengan manusia "*It takes a diamond to cut a diamond*". Tun perlukan seorang penasih, seorang "*Koordinator*" yang boleh mengajar dan menasihatnya dengan jujur, yang tidak ada '*personal interest*'

Harun menang dalam M.K.T. kerana secara tidak sedar orang UMNO tahu hubungan Harun dengan Mahathir. Walaupun ketika itu Harun masih dalam penjara, Mahathir cuma seorang Timbalan Perdana Menteri. Kerana "*Connection Harun*" orang tahu Mahathir seorang Nasionalis. Kalau dia naik dia mesti kasi Harun peluang dan kepercayaan itu membuat orang tidak takur memberi sokongan kepada Harun.

Perhimpunan agung 1981 orang tahu Mahathir mahukan Musa tapi seperti yang berlaku pada Harun orang berbisik sesama sendiri tapi saya tidak suka berbisik, saya suka menjerit 'kuat-kuat' supaya orang tahu Mahathir mahukan Musa "*so when you speak aloud they believe you.*" Manusia suka ada seorang yang bertaraf 'Authority' mengiakan dan mengesahkan apa yang mereka fikir betul.

Begitulah halnya dengan Anwar. Mahathir merestui Anwar. Kerana Anwar seorang nasionalis yang berjiwa Islam. Sudah menjadi kebiasaan, orang yang 'Boss' suka, pasti menang.

Tun Mustapha seorang Nasionalis yang berjiwa Islam, ada persamaan antara Tun Mustapha dan Mahathir. Tengok Mahathir buat rumah lebih tinggi dari tempat kediaman "British High Comission" — dan lihat bagaimana Mahathir jadikan Pejabat Perdana Menteri dengan pagar disekeliling. Tun sudah buat itu semua dizaman Tunku. Sepatutnya Tun jadi Ketua Menteri dizaman Mahathir. *"Two head is better then one"*.

"Put two and two together. There is something in common between the two of them". Itulah silapnya, orang mengaji tapi tidak mengkaji, orang melihat tapi tidak menyiasat. Tidakkah ada persamaan antara Tun dan Tunku. Tun dan Tun Razak (Arwah) dan Tun dan Mahathir. Tun nampaknya adalah seorang pemimpin yang dapat hidup dalam semua zaman. Kalau dia mahu.

Kalau saja Tun mahu bergabung dengan Datuk Harun dengan Tengku Razaleigh Hamzah dan Ghaffar Baba, tentunya dengan sendirinya Harris akan gugur. Tidak mustahil. Mereka boleh jadi satu 'force'. Problemnya cuma siapakah yang akan menjadi kordinator untuk menyatu padukan mereka?

"Politic is the game of the possible". Kerana selama ini Musa macam tidak mahu tahu pasal

Tun tidak berani 'komited' menyokong perjuangan USNO. Sekarang ini bukan musim politik atas pagar, walaupun orang ramai tahu Musa bersimpati dan menyokong USNO secara senyap-senyap mungkin untuk menyelamatkan diri. Siapa yang berani bersatu dengan Tun menghidupkan USNO. Orang itu akan menjadi hero. Siapa berani jadi Hero? mesti sanggup mati dalam arena.

Harris sekarang cuma macam 'paper tiger' macam Suhaimi masa lawan Anwar. Orang yang memberi sokongan padanya adalah kerana mereka sudah lama dengannya atau mereka takur kalau dia menang apa jadi pada mereka yang tidak menyokong. Saya sokong USNO, kerana saya tahu USNO akan menang macam percayanya saya pada matahari yang akan terbit esok.

BE

TUN YANG SAYA KENAL

TERLEBIH dahulu saya mengucapkan syukur kehadiran Allah kerana memberikan saya pengetahuan ilmu firasat. Dengan perantaraan firasat kita dapat mengenal dan memahami perwatakan orang yang kita pandang. Bak kata pepatah: "Sekilas ikan di air, kita kenal jantan betinanya."

Sambil bercakap saya cuba firasatkan muka orang yang bernama Tun Mustapha. "Mata adalah cermin hati manusia". Mata Tun jelas menunjukkan perwatakannya sebagai seorang lelaki cerdas. Keberanian dan sifat keras hati serta ketegasan yang ada padanya agak luar biasa. Dia mempunyai sepasang mata yang dikatakan jenis Mata Jerung, "*Shark's Eye*". Matanya meruncing. Renungannya tepat dan tajam. Orang begini kalau sudah melangkah pantang berundur. Kalau dia baik dengan kita, jangankan harta bendanya, nyawanya sekalipun sanggup disabung kerana kawan. *A good friend but a bad enemy*. Datuk Harun Idris mempunyai mata yang ada persamaan dengan Tun Mustapha.

Hendak tahu baiknya Tun tanyalah Tunku, Perdana Menteri pertama, Datuk Harun dan lain-lain pemimpin UMNO golongan lama. Masa Tunku dalam kegentingan Tunlah orang yang telah menolongnya.

Tun Mustapha bila difirasatkan, air mukanya yang garang dan serius menampakkan wajah orang yang luas pengalaman, telah biasa menempuh penderitaan, a *hard face*, di samping memberi gambaran wajah seorang pemimpin yang matang. Tun mempunyai Sixth Sense dan *Psychic Power*, dapat mengenal dan membaca manusia. Bentuk muka dan gambaran orang yang mempunyai nilai-nilai hidup yang tinggi, bermaruah dan berdisiplin. Senang sekali kalau cakupnya diikuti saja, dari mendengar dan mengikut cakap orang. Sikap suka memerintah ada dalam jiwanya.

Tun suka pergi pada kawan dan sahabat yang baik minta pendapat dan nasihat. Tapi dalam membuat satu-satu keputusan dia cuma pakai pendapatnya saja. Orangnya tinggi hati. Ada suatu daya tarik 'magnetik' dalam dirinya. Satu keperibadian yang sukar ditemui di kalangan pemimpin Malaysia yang sezaman dengannya. Dia mampu menguasai rakyatnya dengan emosi.

Walaupun rendah tubuh badannya, tapi ternyata tegap dan mampat, dia kelihatan handsome, berdaya menarik tumpuan rakyat dan berjaya menggenggam rakyat secara 'magnetik'.

Mulutnya comel, bibirnya nipis, garis bibirnya lurus, orangnya tegas, berpendirian dan berdisiplin. Tapi bukan dari jenis manusia yang bersifat pemurah

dengan semua orang. Dia memberi kepada orang yang dia suka. Pemurah kepada semua orang bukan sifat semula jadi Tun. Dia membahagikan sebahagian dari harta Allah untuk ibadatnya kepada Allah.

Sifat beraninya yang luar biasa susah hendak jumpa pada pemimpin kita di Malaysia. Tun berani dan pendendam dari sejak dia kecil lagi. Dia tidak peduli apa yang ada depan mata, kalau dia sudah marah dia mesti lepaskan marahnya. Bacalah sejarahnya melawan orang putih di zaman penjajah. Akalnya pintar dan tajam. Kuat kemahuan. Bukan jenis pemimpin yang boleh dipengaruhi dan termakan cakap orang. Dia suka dengar cakap dia sendiri saja. Kalau dia sudah kata hitam, tidak siapa boleh mengubahnya. Dahinya luas, keningnya rapat pada mata. Orangnyanya berpandangan luas, banyak akal, berilmu dan beramal dan cepat mesra, tidak memilih kawan. Dia boleh berkawan dengan siapa saja dan Tun sayangkan kawan-kawannya.

Tulang pipinya jelas dan meninggi – *prominent cheek bones*. Orangnyanya cukup cekal, degil, suka memerintah. Kurang senang kalau cakupnya dibantah. Susah hendak mengaku kalah. '*A born fighter, born leader in a his own way*'. Dia cekal dan tawakal. Berani, tahunya hendak menang saja. Sifatnya yang begitu optimis membuat dia selalu dapat apa yang dia mahu.

Di sebalik wajahnya yang tenang dan matanya yang tajam bercahaya, ada sesuatu yang menarik mengenai personalitinya. Rambutnya disikat kemas licin berminyak dan cukup rapi seperti juga pakaian yang sentiasa kemas teratur. *He is one of the*

best dressed politician in the country. Susunan katanya teliti, teratur dan hati-hati bila bercakap. Sebab itulah dia mempunyai ramai *girl-friend* macam Sukarno.

Kebesaran dan kekayaannya tidak menimbulkan sifat bongkak dan sombong yang dibuat-buat. Dia mempunyai karektor orang yang suka berada di atas. Tidak canggung menghadapi tokoh dari negara-negara besar. Mahunya dia diberi hormat. Tidak seperti kebanyakan Ketua Menteri dan Menteri Besar yang lain, dia akan membuat sesiapa yang bercakap dengannya terasa yang dia ada sesuatu kelebihan dan keistimewaan. Itulah Tun Mustapha yang tidak mempunyai rasa rendah diri. Kalau tidak masakan orang ramai boleh kagum dan menghormatinya. Musuhnya pun takut dan segan padanya.

Dari segi pakaian dan personaliti dia menyerupai Allahyarham Tun Dr. Ismail. Satu personaliti yang dikagumi dan dihormati, satu personaliti yang mempunyai identiti dan karektor yang tersendiri.

Karektor seperti Tun sukar hendak dicari ganti. Dia sudah menjadi lagenda. Dan dia akan kembali berkuasa di Sabah, dan sejarahnya akan terus hidup di hati rakyat Sabah hingga seribu tahun lagi. Macam hidupnya semangat Almarhum Sukarno di Indonesia. Ada satu macam persamaan antara dia dan pemimpin besar Indonesia itu. Mereka bijak berpidato, mampu menggunakan kekuatan emosional di kalangan rakyat dan mempunyai jiwa revolusi yang membina. Ingin meneruskan revolusi tanpa henti-henti. Dan rakyat akan mengikut jiwa revolusi itu sesudah mendengar pidatonya.

Ada masa kita boleh lihat Tun macam mahu hidup seribu tahun, dan di waktu 'Malam Pengislaman' yang dilakukan di rumahnya, kita rasa ibadat Tun macam dia mahu mati esok. Cinta sungguh dia pada Tuhan Allah S.W.T., Nabi Muhammad dan agama Islam, sama berat dengan cintanya kepada keseronokan dan bidadari di dunia.

Bukan mudah hendak berkenalan dengan Tun Mustapha. Orang di sekelilingnya sentiasa mengawasinya dengan rapi; menyekat menahan sesiapa saja yang cuba hendak berbual-bual dengannya dengan bermacam cara. Termasuklah antaranya Dzulkeflee sendiri. Dzul kurang senang kiranya ada orang yang cuba mendampingi Tun. Kalau boleh biar semua orang mesti melaluinya dulu sebelum berjumpa Tun. Tapi saya ada cara saya yang tersendiri. Saya adalah bekas seorang *Star Salesman*. Saya tidak tunggu diperkenalkan diri saya. Dan Tun nampaknya senang dengan *approach* saya, dan mulai dari Jun tahun 1972 kami jadi kawan.

Perbuatan orang keliling Tun yang tidak memberi orang ramai menemui Tun kiranya mereka ada perkara penting untuk disampaikan membuat Tun terpisah dengan maklumat dan berita benar, berita yang mesti didengar oleh pemimpin tentang kelohan dan penderitaan rakyat.

Orang di keliling pembesar selalunya bersifat cemburu, iri hati takut mereka kehilangan keistimewaan atau sesuatu seandainya pemimpin mereka dapat dihubungi terus tanpa berunding dengan mereka terlebih dahulu. Mereka salah-gunakan kepercayaan pemimpin.

Dalam buku *Memoir Tun Datu Mustapha, Merdeka Melalui Malaysia* (1981) yang disusun oleh Subky Latif, Tunku Abd. Rahman menulis "Pendahuluan". Sambil mengutip kata-kata Tun dalam buku tersebut sendiri Tunku telah menyebut persamaan yang terdapat pada datuk neneknya dengan datuk nenek Tun. Kata Tunku:

Mengikutnya, "Datuk saya sebelah ibu, Maharaja Untung Haji Abdul Rahim, yang membuat perjanjian dengan British telah memberi konsesi Bagaimanapun, Mat Salleh, datuk saudara sebelah ayah saya, dan gerombolannya telah melancarkan serangan mengejut ke atas British yang pada masa itu sedang sibuk membuka Kudat . . ." dan ia menyebut saya sebagai berkata, " . . . Jikalau datuk saya telah melepaskan Pulau Pinang dan Seberang Prai kepada British, sekarang biarlah saya, seorang cucu, menebus bukan hanya Pulau Pinang dan Seberang Prai tetapi seluruh Malaya daripada British". Sesungguhnya orang yang menyewakan Pulau Pinang dan Seberang Prai kepada British ialah ayah kepada moyang saya.

Beliau adalah orang yang pertama menyerahkan sebuah daerah Malaya kepada British dengan sewaan terus menerus sebanyak \$10,000. Tidak syak itu adalah satu perkara kebetulan sahaja yang anih yang saya telah pilih sebagai satu hal untuk menebus kembali kesalahan yang dilakukan oleh datuk-moyang kita dan untuk membebaskan Malaya yang lain daripada pemerintahan British.

Tunku dan Tun mempunyai sejarah mengenai datuk nenek mereka, dan kerana mereka menulis kisah datuk nenek mereka, saya pun ingin juga menceritakan tentang datuk nenek saya.

Saya tidak takut dan tidak berdebar-debar berhadapan dengan pemimpin yang kaya dan masyhur macam Tun, kerana datuk saya Almarhum Datuk Syed Hasan Ahmad Alattas adalah seorang yang masyhur. Seorang yang menjadi lagenda di Pahang dan di Johor. Almarhum Habib Hasan Alattas adalah orang yang tekaya di Johor dan di Pahang pada zamannya. Dia meninggalkan dua buah sekolah, tiga buah masjid dan berjuta-juta ringgit dari hartanya sebagai wakaf hingga ke hari ini.

Saya sudah diajar oleh datuk nenek saya supaya berjiwa besar, supaya memandang semua manusia itu sama saja. Kita tidak boleh menyembah dan memuja manusia. Tun Mustapha juga seorang yang tidak suka manusia menyembah manusia, kerana perbuatan itu bertentangan dengan prinsip yang dianutinya berdasarkan ajaran Islam. Mereka jadi berkuasa begitu kerana Allah menghendaknya. Tidak ada apa yang hendak dihairankan. Saya ada sesuatu yang dia tidak ada. Saya percaya dia juga memerlukan saya, kerana adat manusia saling memerlukan. Alangkah baiknya kalau semua manusia berfikir begini.

Saya adalah seorang "Syed" keturunan Saiyidina Ali bin Abi Talib Karramallahuwajha, kaum Bani Hashim. Ali bin Abi Talib pedang Allah, sahabat dan juga sepupu Rasulullah. Darah Saiyidina

Hussein, anak Saiyidatina Fatimah Al Zahraa' mengalir dalam tubuh saya. Saya dilahirkan dengan tugas dan tanggungjawab untuk memberi kesedaran kepada manusia tentang kebesaran Allah. Dan jangan manusia sembah melainkan Allah. Allah adalah raja sebenar bagi manusia. Manusia semuanya sama disisi Allah, melainkan orang yang lebih taat dan lebih ibadat yang lebih rapat kepada Allah. Dan orang yang kasihkan Rasulullah, Nabi Muhammad dan zuriatnya akan mendapat tempat di akhirat di samping Rasulullah.

Datuk nenek saya adalah pemimpin besar dunia Islam. Masyhur, keramat dan kewalian mereka terkenal hingga ke hari ini. Di mana juga mereka berada mereka adalah orang yang berani berjuang menegakkan Islam, memberikan kesedaran kepada umat manusia tentang kebesaran Allah dan agama Islam. Kenapa saya mesti berasa rendah diri dengan memuja kebesaran pemimpin yang perjuangannya bukan 100 peratus kerana Allah, manusia yang lebih berat kepada kepentingan dunia dari akhirat? Selagi dia belum bertaraf Wali Allah, dia saya anggap sama macam saya. Semua milik manusia hanya dipinjamkan oleh Allah. Dan Allah saja yang maha kuasa. Tun cuma seorang yang menjalankan perintah, bukan orang yang berkuasa. Dan Tun tahu akan hal ini. Dia seorang yang tahu akan kebesaran Allah, dan dia sentiasa minta ampun dan maaf akan segala silap salahnya dan dosanya. Dan dia mahu terus berjuang untuk agama dan bangsa. Dan kalau Tun benar-benar berjuang kerana agama dan bangsa, saya sanggup berjuang bersama dengan Tun.



GERHANA DATUK DZUL

BARU-BARU ini saya bersua Datuk Dzulkeflie A Hamid di South East Asia Hotel di Chow Kit Road. Seperti biasa dia dengan caranya, ramah mesra. Dia mengajak saya minum. Saya setuju, kerana saya sudah lama tidak berjumpa dengannya. Saya dengar dia pun sudah beberapa kali mencari saya.

Pada mulanya ada juga niat di hati saya mahu memberikan sedikit publisiti, kerana ketika ini dia perlukan publisiti yang baik. Nasib Dzul sudahlah jatuh, ditimpa tangga pula. Baru-baru ini dia didakwa di mahkamah atas kes rasuah. Sayang seorang pemimpin yang berjiwa nasional, pemimpin muda yang gigih berani, boleh terjadi begini. Tapi bila saya perhatikan gelagat dan telatahnya, saya fikir semula, biarlah dia macam itu saja hingga bintangnya terang kembali. Dzul tahu saya masih berminat hendak menulis mengenai politik Sabah, dan dia fikir buku fasal Sabah tidak akan sempurna tanpa cerita mengenai Datuk Dzul.



S.H. ALATTAS sedang menerangkan sesuatu kepada Datuk Dzul, Anwar Ibrahim di jamuan makan malam. Seminar "SANYA" Tanjung Aru, Kota Kinabalu, 1972. Datuk Sakaran Bin Dandai, mendengar tanpa memandang. Kedua-dua gambar ini dipetik dari Buku "Temanku Pemimpin-Pemimpin". Cetakan Pertama Jun 1972.



Pengarang, Datuk Dzul di tengah A.K. Aluddin, bekas Setiausaha Agung Pemuda USNO, Bertanding calon bebas di Kimanis lawan Karim Ghani, A.K. Aluddin menang. Berjaya Untung. Dasar Politik berniaga

Katanya pada saya di awal perbualan, "You kalau mahu tulis pasal Sabah, jumpa saya, tidak perlu jumpa orang lain. Saya boleh kasi tahu you semua pasal Sabah." Ini bukan cakap seorang pemimpin yang matang dan bijaksana. "Aduh angkuhnya, pandainya," bisik hati kecil saya.

"Macam ini punya orang hendak jadi Ketua Menteri Sabah, *tunggu dulu, bah!*" Saya berfikir sendirian. "O.K. Datuk! Senang nanti saya jumpa you. Saya sudah lama kenal you, dan saya tidak lupa sama you.

Dalam buku saya, saya mesti tulis pasal you." Apa lagi hendak cakap dengan orang macam ini. Semua benda dia tahu. Seolah-olah kalau tidak berjumpa dia, kita tidak boleh tulis pasal Sabah. Saya baru balik dari Sabah, dan di Chow Kit ini hampir setiap hari kita boleh jumpa orang USNO.

Cukuplah sampai di sini tentang Dzul. Tulis banyak sangat pasal Dzul dia melenting pulak. Datuk ini bukan boleh buat main-main. Dia pendendam orangnya. Satu hari nanti siapa tahu dia jadi Ketua Menteri Sabah? Tetap dia akan haramkan kaki Syed yang bertuah ini dari masuk Sabah, macam Rahman Yaakob haramkan saya masuk Sarawak. Dzul ini bukan boleh buat main dengan dia. Dia pemanas orangnya. Dia mahu kalau boleh semua orang ikut telunjuknya. Cakapnya tidak boleh dibantah, kerana pada pendapatnya dia tahu segalanya. Dialah orang politik yang paling pandai dan paling handal di Sabah. Lebih handal dan terror dari Tun Mustapha, kerana dia ada pelajaran. Tapi dia lupa dalam USNO hari ini hampir semua anak mudanya ada pelajaran.

Di awal tahun 70an dulu, setiap kali Dzul ada di Kuala Lumpur, saya sentiasa ada di sampingnya, pergi makan, minum, pergi menari, dan Dzul seorang yang suka berkawan. Dia berkawan dengan semua orang, tidak memilih, cepat mesra.

Dialah Menteri yang pertama saya perkenalkan melalui buku politik jenis pengembaraan saya, **Temanku Pemimpin-pemimpin**, 1972. Dan sejak terbitnya buku itu Dzul jadi popular, kerana dia sudah digilapkan cukup-cukup.

Dzul adalah Menteri yang termuda dan terpelajar ketika itu, tapi dia juga yang paling tidak disenangi oleh pemimpin tua dalam USNO, kerana sikap dan perangainya. Kerana melibatkan diri dengannya, tidak pasal-pasal saya dibenci oleh mereka yang memusuhinya, kerana kata mereka Dzul tidak patut menerima publisiti sebesar itu. Apa boleh buat, ketika itu saya cuma kenal dengan Dzul, dan kebetulan ketika itu dia adalah anak emas Tun, macam Datuk Abdullah Ahmad anak emas Tun Razak. Selalunya "anak emas" pemimpin besar kurang disenangi, kerana sifat dan sikap mereka yang kadangkala keterlaluan menggunakan kedudukan dan pengaruh, membuat orang lain merasa keciwa dan iri hati.

Semasa di Kuala Lumpur saya perkenalkan dia dengan kawan saya, orang surat khabar; dan kerana bintangnya sedang terang, kedudukan sedang baik, duit pun banyak, orang senang dengannya. Saya lihat potensi yang ada pada Dzul, kalau dia boleh kurangkan sedikit sikap agresif, sikap yang dia lebih tahu dan lebih pandai dari orang lain,

dia punya harapan besar untuk menjadi Ketua Menteri Sabah sejak dari dulu lagi.

Bila Dzul jadi Timbalan Menteri Pertahanan dia mula berubah laku. Dengan saya dia tidak begitu mendampingi lagi. Sekarang Dzul bukan lagi seorang Menteri, bukan lagi seorang Yang Berhormat. Sepatutnya dia masih seorang Menteri, setidaknya pun seorang Wakil Rakyat. Dia rajin, setia pada perjuangan, yakin pada diri, berani, degil, jiwanya sentiasa suka pada revolusi, cuma sedikit pendendam dan susah hendak memaafkan orang. Kalau dia boleh berubah bila bintangnya terang nanti, dia akan menjadi seorang Ketua Menteri yang baik, selepas Tun Mustapha kembali berkuasa. Kalau Dzul mahu jadi Ketua Menteri sesudah USNO memerintah kembali, dia mesti bantu Tun sepenuhnya, kerana selagi dia menentang Tun, selama itu dia susah hendak jadi Ketua Menteri. *Ahli USNO yang cuba menjatuhkan Tun sama seperti mematikan USNO*, sama ada kita mahu mengakuinya atau tidak *'Tun adalah USNO dan USNO adalah Tun'*. Ini satu perkara yang tidak boleh dinafikan.

Sejarah telah membuktikan bila pucuk pimpinan USNO menolak Tun di pilihan Raya tahun 1980. USNO menghadapi kekalahan. Kenapa kita mesti cuba menjatuhkan seseorang yang tegaknya macam tiang seri dalam sebuah rumah?

Dzul dan golongan muda tidak perlu terburu-buru. Hak dia tidak akan jadi hak orang lain, bersabarlah, kalau kita jatuhkan Ketua kita dengan cara paksa, kita juga akan menghadapi nasib yang sama satu hari nanti. Setakat ini memang tidak ada pe-

mimpin muda dalam USNO yang macam Dzul, tapi ini tidak bererti yang Dzul "*Indespensible*". Yang patah akan tumbuh yang hilang akan berganti.

Begitu juga halnya dengan Tun. Kita semua tahu Tun tidak akan menongkat langit. Dia sudah tua. Dia pasti akan bersara dari politik. Berilah dia peluang meninggalkan kita semua dengan baik. Jangan kita memusuhi orang tua yang telah menaikan nama Sabah supaya terkenal di seluruh dunia.

Apa yang terjadi kepada Tun Fuad dan rakan-rakan mereka? apa yang sedang terjadi, dan yang akan terjadi kepada Harris dan rakan-rakan mereka? Dan apa pula yang sedang terjadi pada Dzul yang cuba menentang Tun? Jawablah sendiri. Cuma yang saya tahu pengikut Tun macam pengikut Datuk Harun Idris mereka berani mati kerana Tun.

Dzul tidak mempunyai kekuatan batin seperti yang ada pada Tun. Dzul tidak mempunyai kekaayaan seperti Tun. Dzul tidak ada "*Connection*" seperti Tun. Kesilapan yang paling besar dilakukan oleh Dzul ialah cuba merendahkan kewibawaan Tun. Dari segi pelajaran '*kualiti*' yang diperlukan oleh seorang pemimpin bukan ijazah yang berjela-jela. Tapi pengikut yang sejiwa dan taat setia. Kelulusan tidak menjamin kepintaran dan kecerdasan otak, kelulusan cuma setakat untuk mencari pekerjaan. Sejarah telah menunjukkan pengalaman lebih penting dari kelulusan. Berapa ramai pemimpin yang berkelulusan tapi gagal kerana terlalu banyak teori dan kurang praktik. Apa yang berlaku dalam

USNO, juga sedang berlaku dalam UMNO. Kalau boleh golongan muda yang berkelulusan mahu mengambil alih Parti dari mereka yang menjadi pengasasnya.

USNO akan berjaya memerintah Sabah dengan adanya kerjasama dari semua pihak. Masing-masing mesti sanggup melupakan perkara yang lampau, "buang yang keruh ambil yang jernih" rakyat Bumiputra dan USNO beruntung kerana kini sudah ramai bijak pandai di dalamnya, tetapi kalau USNO diambil alih oleh keseluruhan anak muda yang berdarah panas, apa akan terjadi pada Sabah? Tengok apa yang telah terjadi pada Melaka bila pemimpin seperti Adib Adam diturunkan dari atas? Lebih banyak buruk dari baiknya. Tengok apa yang terjadi di Negeri Sembilan bila orang muda seperti Rais Yatim jadi Menteri Besarnya.

Memang banyak perubahan dan kemajuan yang dibawanya, tapi pemimpin muda maklum sajalah. Mokhtar Hashim misalnya terlibat dengan pembunuhan politik. Tentu kita tidak mahu peristiwa berdarah yang berlaku di Gemencheh berlaku di Sabah. Orang tua, macam Tun, biarpun tidak berpelajaran, mereka lebih berpengalaman, lebih hati-hati, lebih sabar.

Pucuk pimpinan UMNO patut membuat kajian yang teliti apa yang telah berlaku di Melaka dan Negeri Sembilan, hasil dari dua pemimpin muda jadi Ketua Negeri? Sebelum melantik seorang Ketua Menteri yang muda di Sabah, kita mesti timbang dengan baik dan hati-hati takut keluar dari mulut harimau masuk mulut buaya.

Kita juga tidak mahu Tun buka parti lain seperti Datuk Asri. Orang Islam mesti bersatu. "Bersatu teguh, bercerai roboh". Tun sudah tua, tapi Tun seperti juga Datuk Harun Idris dalam UMNO, hidup mati Tun mesti dengan USNO. Kita mahu meletakkan nasib bumiputra Sabah di tangan para pemimpin USNO yang sudah sedar dan insaf, yang ingin menjadikan cita-cita dan mimpi Mahathir menjadi satu kenyataan. Pemimpin yang datangnya dari rakyat, mesti hidup bersama rakyat macam juga rakyat. Bukan macam Merak Kayangan. Zaman pemimpin USNO hendak jadi tauke kayu balak macam dulu, sudah tidak boleh lagi, kerana dulu lain, sekarang lain. Sekarang kalau mahu berniaga jangan jadi menteri.

Saya sayangkan Datuk Dzul. Dia seorang pemimpin yang telah banyak berkorban dan sanggup menderita kerana USNO. Pemimpin USNO yang macam Datuk Dzul boleh dikira dengan jari. Saya sayangkan USNO. Saya sanggup hilang kawan dari berpaling tadah dalam perjuangan dan ini juga adalah amalan Dzul. Tidak ada siapa yang berani menentang Tun, masa Tun mahu bawa Sabah keluar dari Malaysia melainkan Dzul, dan Dzul telah menyelamatkan suasana.

Kerana ingin menyelamatkan USNO, dia telah menyakitkan dan melukakan hati Tun dan dia jadi tidak popular, dia digelar sebagai anak yang tidak mengenang jasa, anak yang menderhaka. Tapi kalau Dzul berjuang kerana Allah dia tidak perlu takut dan gentar tentang apa yang telah berlaku, kerana bila timbul kebenaran, yang batil akan gugur dengan sendirinya.

Satu hakikat yang tidak dapat dinafikan oleh semua pihak sekiranya bukan kerana usaha gigih Tan Sri Said Keruak, Datuk Dzul pemimpin lama yang taat setia pada Tun dan USNO serta kader-kader baru USNO, kita tidak tahu apa akan terjadi kepada parti yang sedang tenat ini. Kerana kegigihan dan semangat perjuangan mereka USNO terus hidup hingga ke hari ini. Dan kalau golongan lama dan baru ini dapat berjalan seimbang bahu dengan semangat "Hati kuman sama dicecah, hati gajah sama dilapah" USNO akan berada di kemuncak kejayaan.

Walaupun Dzul seorang yang keras kepala, agresif tapi dia seorang yang taat kepada perjuangan. Tidak mudah mengalah. Tidak gentar menghadapi cabaran dan tentangan. Ini patut menjadi contoh pada anak muda yang lain.

Apakah Sabah tidak mampu melahirkan seorang lagi Pemimpin seperti Dzul? 'Mustahil!' "Kerana yang patah akan tumbuh, dan yang hilang akan berganti."

Dzul sepatutnya menumpukan sepenuh masa menguatkan USNO di bawah pimpinan Tun. Bukan cuba menubuhkan satu lagi parti dalam parti. Kita tidak mahu USNO terbahagi dua. Satu golongan tidak terpelajar, dan satu golongan muda yang tidak ada semangat perjuangan, pengalaman dan kekuatan batin mengambil alih USNO dan menghapuskan golongan tua. Biarlah proses ini dilakukan dengan cara yang baik.

Perpecahan dalam USNO begitu ketara sekali. Kalau kita baca dari buku-buku yang ditulis oleh penulis yang ditugaskan khas untuk menaikkan imej pemimpin tertentu, masing-masing menulis untuk mereka yang tertentu saja. Jadi semacam ada pihak yang mahu melupakan perjuangan dan pengorbanan orang lain. Setiap anggota parti sama pentingnya. Inilah yang terjadi bila masing-masing mahu menunjukkan ego mereka. Mereka sajalah yang baik, yang berjasa, yang bekerja keras untuk parti, tanpa mereka tidak ada USNO. Kononnya! "Ikan sekolam, kalau hanyir satu, hanyirlah semua. Kenapa orang tertentu saja mesti mendapat kepujian. Orang Sabah hari ini tidak seperti orang Sabah dulu. Kesedaran rakyat berpolitik sudah mula matang terutama sesudah kekalahan USNO dalam pilihanraya yang lalu. Kaum bumiputra Sabah sudah belajar mengenal pemimpin dan kepimpinan. Kesedaran ini juga timbul disebabkan jumlah buku politik yang diterbitkan. Pergaduhan dan perbalahan antara dua parti, antara pemimpin sama pemimpin dalam satu parti telah membuat rakyat celik mata. Mereka nampak dengan jelas segala pekung, kurap dan kejahatan pemimpin-pemimpin yang didedahkan oleh pemimpin sendiri. Disebabkan belum ada yang lebih baik yang dapat mengganti tempat mereka. Maka mereka terpaksa sayang dan taat juga kepada pemimpin lama mereka.

Di sebalik kesusahan ada kesenangan. Di dalam kesusahan adalah kesenangan.

Al Quran



MAHATHIR PENGECUT

Kenapa (Arwah) Tun Razak dulu memberikan begitu banyak kuasa pada Tun Mustapha? Kenapa? Dia tidak tahukah bahayanya kuasa yang terlalu banyak? "Power Corrupts". Ini adalah satu pengajaran jangan berikan kuasa yang terlalu besar kepada Menteri-Menteri Besar, dan Ketua-Ketua Menteri, terutama di Sabah dan Sarawak, kerana kita terpisah bukan saja dengan perantaraan laut. Cara berfikir dan Politik Sabah Sarawak tidak seperti Semenanjung. Dan sekarang apakah Mahathir dapat bersabar lebih lama lagi dengan perbuatan Harris yang sudah seperti cacing naik ke mata?

Kelakuan Harris Salleh akhir-akhir ini bukan saja mencabar kewibawaan dan ketegasan seorang Perdana Menteri tapi memalukan Dr. Mahathir sebagai seorang Pemimpin yang tegas dan dihormati bukan saja oleh anggota kabinetnya tetapi hampir seluruh rakyat.

Dulu Harris telah dipanggil oleh Perdana Menteri Tun Razak. Apakah tidak mungkin Tun Mustapha akan dipanggil untuk berbincang bagaimana hendak mengambil Sabah balik dari tangan Harris? Atau perkara lain sudahpun dilakukan senyap-senyap tanpa pengetahuan umum.

Sokongan dari kerajaan pusat menjadi faktor utama, membuatkan Harris jadi kuat, itu dulu, dulu lain, sekarang ramai yang tahu kini Harris sedang menghadapi bahaya kehancuran kuasa politiknya. Antara satu sebab orang ramai berpendapat kerajaan pusat yang dipimpin oleh Mahathir tidak sepatutnya memberikan sokongan lagi kepada Harris kerana dia telah beberapa kali melanggar keputusan yang telah ditetapkan oleh Pusat terutama mengenai Calun-Calun Bebas di dalam pilihan raya. Rakyat tidak mahu Perdana Menteri mereka dipanggil seorang Pemimpin yang 'Pengecut'.

Mahathir macam tidak tahu Berjaya adalah sebuah parti yang lemah, parti yang tidak dapat diisi dengan sesuatu aspirasi rakyat Sabah yang konkrit, Berjaya lahir dari atas, sesuatu yang berlawanan dengan hakikat sebuah parti yang popular, yang mesti datangnya dari rakyat sendiri.

Berjaya lahir semasa Mahathir belum jadi Perdana Menteri. Kita semua tahu Mahathir adalah seorang Perdana Menteri yang suka berunding dan bersedia mendengar dan menerima keputusan rakyat. Keputusan rakyat memilih kerajaan. Kerajaan menetapkan, Calun Bebas tidak boleh diterima untuk diserapkan ke dalam mana-mana parti politik. Hingga hari ini Mahathir belum pun mengambil apa tindakan ke atas mereka yang melanggar peraturan, kenapa?

Penganalisa Politik dan Pengkaji Sejarah tahu Berjaya ditubuhkan dalam keadaan yang kelam kabut dan menggelabah. Tapi kalau Harris tidak berbuat begitu tidak desak Tun mungkin Berjaya tidak terbentuk, dan apa akan terjadi pada mereka yang menentang Tun Mustapha? sekiranya Harris gagal dalam pilihan raya yang pertama?

Mereka takut Tun Razak sayangkan Tun Mustapha dan kasihkan USNO. Mereka takut kalau Tun Razak dan Barisan Nasional menerima semula USNO ke dalam kelompoknya. Dalam keadaan bimbang dan takut, Harris terus juga memerintah Sabah. Yang menjadi soal sekarang, "Sampai bila Harris mesti dibiarkan memerintah Sabah dalam keadaan takut dan bimbang?"

Kalau bukan Harris yang berani menentang dan lawan Tun Mustapha, Berjaya tidak akan sekuat ini. Harris berani berbuat demikian kerana dia kaya, dia cerdik dan dia tahu segala kelemahan Tun. Tapi apa akan jadi pada Berjaya seandainya sesuatu terjadi pada Harris? Kalau Pemimpin yang bukan Islam yang jadi Ketua Menteri?

Sejarah telah membuktikan ada pemimpin Berjaya, yang menjadi Alat Kristian. Hari ini kerana Harris dan lain pemimpin Islam yang memegang terajunya orang Islam terpaksa mengalah, sampai berapa lama?

Permusuhan antara USNO dan Berjaya. Macam peperangan Irak, dengan Iran. macam perang di Vietnam. Pemimpin Pusat mesti mencari jalan menyelesaikan masalah ini.

Tun Razak mahukan Berjaya wujud sebagai parti yang menghalang Tun Mustapha sahaja, kekuasaan politik Sabah, mesti berada di tangan USNO. Berjaya

menjadi pembangkang yang dinaungi oleh Pusat. Rancangan begini memanglah anih, tetapi perlu diadakan ketika itu untuk menentang seorang pemimpin yang anih seperti Tun Mustapha. Itulah "idea" yang diberikan pada Tun Razak. Tun Razak tahu cara-cara kuku besi Tun Mustapha menumpaskan parti-parti lawan. Tapi parti lawan yang datangnya dari pusat dan menggunakan orang-orang dari UMNO, menjadikan Tun Mustapha lemah. Beliau tidak boleh berbuat apa-apa. Segarang-garang hari-mau mesti takut juga dengan kayu tas: Itulah satu caranya melemahkan Tun Mustapha.

Harris adalah anak murid Tun Mustapha. Kalau Mahathir gagal mengajar Harris, nanti Tun yang akan mengajarnya, kerana kesabaran manusia ada batasnya. Tentunya cara Mahathir mengajar Harris tidak akan sama dengan cara Tun Razak. Kerana Mahathir lebih cekap, bersih dan bijak dari Tun Razak. Tahu-tahu Harris akan terjat sja. *"Mahathir will give Harris so much rope for him to tie himself"* itu kata pemerhati politik. Harris akan menjerat dirinya dengan tali yang diberikan oleh Mahathir. Mahathir tahu Harris pemimpin yang tidak ada *"grass root Support"*.

Mahathir bukan tidak 'hot' dengan perbuatan Harris mencabar dia sebagai seorang Perdana Menteri. Mahathir tahu ada pemimpin dari Sabah dan Sarawak yang mengatakan Mahathir cuma Perdana Menteri Malaysia Barat. Mahathir *"pengecut"*. Takut dengan kekayaan dan kuasa Rahman Yaakob. Harris mencabar Mahathir dengan perbuatannya yang tidak bersih dan tidak Amanah, dan perbuatan Harris sungguh memalukan Mahathir? Kenapa Mahathir diam juga? Mahathir pengecut?

Pemuda UMNO pun pengecut juga, apa jadi dengan Anwar Ibrahim pemimpin dan pembela Islam yang diagung-agungkan oleh pengikutnya? Pemuda UMNO patut desak kerajaan supaya, menghalang parti dalam Barisan Nasional yang melanggar syarat yang telah ditetapkan di masa pilihanraya. Mahathir tidak berdaya melawan gergasi ini seorang diri melainkan ada kerjasama dari orang dalam parti yang mahukan perubahan, bukan dari cakap orang politik kedai kopi dan tepi jalan. Zaman Tun Razak jadi Perdana Menteri dulu orang UMNO berdiri dibelakang Tun Razak mereka memberikan kerjasama untuk menubuhkan Berjaya. Kenapa sekarang mereka tidak tentang Harris yang terang memalukan Mahathir? Agaknya pemimpin UMNO hari ini tidak sayangkan Mahathir macam mereka sayang (Arwah) Tun Razak, atau mereka takut Harris tarik balik kayu balak yang telah dikurniakan pada mereka? Harris kaya dia boleh beli orang UMNO dengan duit. Ini tidak benar, segelintir ahli UMNO saja yang boleh dibeli dengan duit tidak semua.

Ada orang kata Mahathir tidak mahu terburu-buru, tidak mahu buat macam (Arwah) Tun Razak dan Tun Hussein Onn dulu. Mahathir mahu mandat dari orang USNO, mahu mandat dari rakyat Sabah, baru Mahathir mahu bertindak.

Mahathir mahu bertanya dulu apakah pemimpin USNO sudah bersiap sedia untuk mengambil alih kerajaan dari Harris Salleh? Adakah pemimpin USNO hari ini akan menjadi lebih baik dari pemimpin Berjaya? Mahathir tidak mahu seperti kata pepatah, menyerahkan kuasa pada USNO seperti membiarkan tupai memperbaiki labu. Mahathir tidak mahu rak-

yat terlepas dari mulut harimau, masuk balik ke-
mulut buaya.

Dulu Berjaya ditubuhkan kerana pemimpin
USNO menyeleweng, Berjaya adalah bayang-bayang
mendiang UPKO. Kini, di bawah Harris, ia adalah
bayang-bayang Tun Mustapha. Pimpinan Harris ke-
tika ini adalah mirip pimpinan Tun Mustapha mala-
han lebih dahsyat lagi.

Alhamdulillah ! Tun sudah insaf, Tun Mustapha
sedar walaupun *sudah terantuk baru hendak tengga-
dah*. Tidak mengapa, itu memang tabiat manusia.
Cuma sudah insaf, sudah sedar, bahawa perjuangan
mereka untuk memperbaiki hidup rakyat, bukan ke-
rana untuk merampas kembali kekayaan yang diram-
pas oleh kerajaan Berjaya.

Saya tahu ramai pemimpin USNO yang masih
mahu joli semula. Kalau mereka berkuasa, mahu
balas dendam, mereka sudah lama menderita. Sudah
banyak harta habis dirampas oleh pemimpin Berjaya.
Dan kalau mereka menang nanti, mereka akan
rampas balik semula harta pemimpin Berjaya pula.
Nanti Sabah akan jadi satu negeri, yang mana pemim-
pin sama pemimpin bergaduh, berebut kuasa, berebut
kekayaan, rakyat terus juga menderita. Kalau inilah
yang dikehendaki oleh pemimpin USNO. Harapan
mereka bertentangan dengan cita-cita dan mimpi
Mahathir untuk rakyat. Pemimpin yang memikirkan
"Self interest". Lebih baik bersara saja. Kalau tidak
nanti Mahathir akan membuktikan pada mereka
yang dia tidak "pengecut" seperti yang difikirkan
oleh mereka.



UMNO BERSUBAHAT

BARU-BARU ini sedang saya duduk berbual-bual dengan Ustaz Jamaluddin bekas seorang Pegawai di Ibu Pejabat UMNO, di Coffee House, South East Asia Hotel, Chow Kit Road, Karim Ghani datang. Saya memperkenalkan dia pada Ustaz Jamaluddin, dan ajak dia minum sama. Jam ketika itu menunjukkan pukul 12.30 malam. Dalam bulan puasa saya suka berbual-bual dengan kawan-kawan hingga larut malam lepas itu terus bersahur sekali.

Anak muda yang tidak berparti ini seperti biasa bila berjumpa saya atau mungkin berjumpa pemimpin UMNO, dia akan mengadu nasib bumi-putra Sabah. Nasib USNO dan masa depan rakyat Sabah. Dia mahu UMNO membuka cawangannya di Sabah. Memang ramai pemimpin USNO yang mahukan UMNO bertapak di Sabah, tapi sekarang bukan dulu. Dulu masa mereka berkuasa jangan mimpi UMNO mencampuri urusan dalam negeri. Tapi dulu lain sekarang lain.

Biar bagaimanapun sebagai seorang rakyat yang bertanggungjawab yang merasakan Malaysia ini kita yang punya, kita berminat mendengar cerita politik yang melibatkan bangsa dan negara kita. Kita tidak boleh menutup mata dan telinga mengenai masalah Sabah.

Nasib kaum bumiputra dan orang USNO semacam tidak mendapat perhatian dari pemimpin UMNO. UMNO tidak mahu tahu politik yang di luar partinya, tapi peliknya nasib P.L.O., nasib orang Islam di Irak dan di Iran, mereka sibuk ambil tahu.

UMNO mengaku partinya adalah Parti Islam yang terbesar di Malaysia. Pemimpin UMNO disana sini bercakap pasal Islam.

Kalau pemimpin UMNO dan orang Melayu Semenanjung, sanggup mengumpul wang untuk membantu P.L.O., kalau Pemuda UMNO berani menentang Russia, kerana sikap angkuh dan sombong Dutanya, kalau pemimpin UMNO berani mengutuk Yahudi kerana perbuatan mereka terhadap orang Islam di Timur Tengah. Kenapa mereka tidak mahu terlibat dengan nasib orang Islam di Sabah?

Tahukah mereka apa yang Harris Salleh buat pada saudara-saudara mereka di Sabah? Kenapa Pemuda UMNO berpeluk tubuh berdiam diri? Kenapa para pemimpin UMNO tidak ambil berat?

Penindasan dan penyiksaan yang dilakukan oleh Harris sama kejam dengan penindasan yang dilakukan oleh Yahudi. Kenapa pemimpin UMNO

diam? Perbuatan Harris Salleh dengan terang dan jelas menunjukkan Harris bukan pemimpin Islam. Orang Islam kasihkan saudara mereka. Orang Islam sentiasa menyambungkan silaturrahim antara saudara mereka.

Harris tidak mendapat mandat dari orang Islam. Harris bertanding dan menang di tempat majoriti penduduknya bukan Islam. Orang Islam Sabah tidak mahukan Harris sebagai pemimpin mereka. Harris mewakili kaum yang bukan Islam. Dan selagi dia memimpin, perasaan benci dan marahnya kepada orang Islam membara di dada. Dia malu pada pemimpin kaum lain yang mendapat sokongan bulat dari kaum yang seagama dengan mereka. Begitu juga Mohd Nor Mansur, beliau tidak mendapat sokongan dari orang Islam.

Ketua Menterinya Melayu, Menteri Kewangannya Melayu, Menteri Kebajikannya Melayu. Kenapa mereka biarkan orang Islam menderita dalam kesusahan dan dalam kemiskinan? Kenapa mesti mereka sekat kemajuan Islam. Inilah satu perkara yang susah kita hendak percaya.

Mereka sekat, mereka putuskan rezeki orang Islam, mereka berlaku zalim, kepada orang Islam yang menyokong USNO. Mereka ada sebab mengapa mereka berbuat begitu.

Pertama kerana orang Islam tidak memberi sokongan kepada mereka kerana USNO menjadi parti pembangkang dan kata mereka dengan adanya kerjasama dari pemimpin USNO, Berjaya akan

berjaya memerintah Sabah dengan adil dan saksama. Dan dengan menekan, memujuk akhirnya mereka berjaya membeli pemimpin USNO yang murtad.

Nah! sekarang bekas Presiden USNO, Tan Sri Said Keruak, Timbalan Presidennya Datuk Ghani Gilong, Naib Presidennya, Ketua Pemuda dan Ketua Wanita pemimpin-pemimpin serta wakil-wakil rakyat dari USNO yang lain semua sudah berada di dalam Berjaya. Orang-orang Islam masih juga terus disiksa dan dianiyai. Masalah bumiputra Sabah masih tidak juga selesai.

Kalau perkara ini tidak dibetulkan dari sekarang, mungkin satu hari nanti di Sabah akan berlaku peristiwa berdarah seperti 13 Mei. Bezanya di Sabah, pergaduhan itu nanti adalah antara kaum bumi sesama sendiri.

Kesabaran manusia ada batasnya. Kalau sudah melebihi batas kesabaran cacing pun akan bertindak.

Orang Islam di Sabah yang berjuang bermati-matian untuk kemerdekaan Sabah. Gadai harta benda. Kalau bukan orang Islam yang bersatu dengan Malaysia tentu Sabah tidak merdeka. Orang bukan Islam tidak mahu Sabah merdeka dalam Malaysia, tapi siapa yang mendapat segala kemudahan dan keuntungan dari nikmat kemerdekaan itu yang diperjuangkan oleh orang Islam?

Berjaya bergaduh sama USNO orang Melayu yang rugi. Pemimpin Berjaya bergaduh sama

sendiri orang Melayu juga rugi, tengok apa jadi pada Khalik Zaman dan Pengiran Othman Rauf? Dulu keduanya orang kuat Berjaya, hari ini sudah diketepikan. Othman Rauf mahu buka parti lagi.

Orang USNO bergaduh sesama sendiri, orang Melayu juga yang rugi. Pemimpin Melayu sayangkan diri mereka saja, tidak sayangkan bangsa mereka. Tengok contoh pemimpin Kadazan, Datuk James Ongkili, dia jagakeselamatan/kepentingan kaumnya. Orang Cina sama Cina bergaduh dalam politik untuk kepentingan Cina, dalam Dewan Perniagaan mereka berbaik dan berjuang untuk kaum mereka. Orang Melayu sama Melayu bergaduh kerana kepentingan peribadi. Dalam Dewan Perniagaan yang berkuasa mencari untung sendiri orang Melayu lain biarlah mati. Bergaduhlah Melayu sama Melayu, Cina dan Kadazan bersatu pungut dan ambil semua kekayaan. Kalau para pemimpin Melayu ingat mereka Islam dan orang Islam mesti kasih dan maafkan saudara mereka, mereka tidak akan bergaduh sesama sendiri.

Bukan susah sangat hendak selamatkan USNO. Saya yang bukan pemimpin ini tahu apa harus dibuat. Yang penting, kita mesti tahu dan ingat. Dalam tubuh kita ada seketul darah yang dinamakan hati. Kalau hati kita baik, semuanya nanti akan jadi baik. Bersihkan hati dulu. Ingatlah setiap pemimpin Islam mesti berhati Islam. Orang Islam hidup sederhana. Sifat dan sikap orang Islam boleh bertolak ansur, pemurah

dan pengasih Kalau ini semua ada pada pemimpin kita, kalau mereka sentiasa insaf dan sedia mengakui segala kelemahan dan kesilapan, sedia meminta maaf dan memberi maaf mahu bertaubat dan berani membetulkan serta memperbaiki kesilapan diri sendiri semuanya akan jadi baik.

Terbentuknya Berjaya adalah dengan kerjasama pemimpin UMNO. Pemimpin UMNO lah yang akan menghadapi Allah Subhanahuwataala. Kalau tidak kerana sokongan bantuan dari mereka Berjaya tidak akan hidup subur seperti hari ini. UMNO tidak patut baling batu sembunyi tangan. Pemimpin UMNO mesti mengambil balik kuasa dari Berjaya dan serahkan semula kuasa tersebut pada USNO

Soal terhutang budi pada Berjaya tidak timbul. Berjaya gagal untuk menunaikan janji. Kita semua tahu ada diantara mereka sudah mendapat keuntungan dari hasil membantu Harris menjayakan Berjaya. Itu rezeki mereka. Harris pun tidak boleh tuntutan semula. Apalah salah buang kawan dengan Harris dan pemimpin Berjaya yang anti Islam? Hilang kawan dengan orang Berjaya tidak rugi, mereka bukan baik sangat, bukan betul sangat. Politik mereka politik 'periuk nasi', kenapa kerana mereka UMNO mesti menerima dosa yang mereka lakukan terhadap USNO dan orang Islam. Pemimpin UMNO tidak sepatutnya bersubahat dengan pemimpin parti yang menganiayai orang Islam yang tidak berdosa.



APA ADA PADA NAMA?

NAMA memainkan peranan yang penting tanpa disedari oleh manusia. Ada nama pemimpin tertentu boleh dikenali tanpa digabungkan dengan nama ayahnya, kerana anak tersebut yang menjadikan namanya terkenal dan mashyur. Para nabi dan rasul terkenal dengan namanya begitu saja tanpa nama ayahanda mereka. Contohnya Nabi Isa, Nabi Musa dan Junjungan Nabi Muhammad S.A.W.

Mahathir, tanpa menyebut nama ayahnya, tanpa disebut titlanya, orang tahu dia Perdana Menteri Malaysia. Cuma ada satu saja Mahathir. Orang tahu siapa Mahathir. Nama Mahathir membawa tuah kepada badannya. Nama itu begitu gagah dan lain dari yang lain. Tiada siapa yang boleh iri hati kerana dia lain dari yang lain. *"It is his right to be uncommon"*.

Begitulah halnya dengan Anwar, Tidak payah sebut Anwar Ibrahim. Bilang saja Anwar bila bercakap pasal politik Malaysia, tentulah ianya bekas pemimpin ABIM yang akan menjadi mahsyur seluruh dunia macam Anwar Sadat itu. Cuma ada satu Anwar di Malaysia yang wajahnya, ketokohan dan kegigihannya membuat namanya bertiti di bibir kawan dan lawan. Tulisan ini bukan bertujuan untuk mengecilkan nama ayahanda pemimpin yang saya perkatakan. Cuma sekadar mengingatkan betapa pentingnya nama.

Satu lagi contoh nama tersendiri tanpa nama ayah ialah Tamrin. Tamrin tidak perlu guna nama bapanya. Tamrin ada identiti yang tersendiri dan dia ada kekuatan sebagai individu. Tamrin boleh tahan lama dalam politik kerana kekayaan 'connection' dan namanya yang unik, yang ganjil. Secara kebetulan cuma ada satu Tamrin dalam pemuda UMNO atau dalam pemimpin UMNO sendiri. Mazlan satu nama yang biasa kita dengar. Tapi dalam Pemuda cuma ada dua Mazlan saja. Kedua-duanya popular dan kerana persamaan nama ini mungkin menimbulkan kekeliruan semasa mengundi.

Mazlan Harun kata dia kalah kerana orang tersilap antara namanya dengan Mazlan Idris. Mungkin perkara ini benar. Tapi kerana nasib Mazlan Idris lebih baik dari nasib Mazlan Harun, Mazlan K L. (Kuala Lipis) yang menang. Kenaikan secara mendadak, biar pun dia tidak memegang apa-apa jawatan dalam Kerajaan. Inilah nasib namanya.

... Tidak bererti bila nasib bapa kita baik nasib kita mesti baik juga. ... Bukan tidak ramai orang yang menumpang tuah nama bapa. Najib, hari ini tidak payah sebut nama Tun Razak orang tahu dia Menteri Besar yang termuda di Malaysia, dan sekarang dia sudah mempunyai identiti yang tersendiri. Ajib Ahmad, Menteri Besar Johor, mempunyai nama yang membawa 'luck' kepadanya, dan kerana 'luck' yang ada padanya dalam keadaan yang macam mana sekalipun InsyaAllah Ajib akan berjaya juga di Johor akhirnya.

... Tapi bila sebut nama Rahim, kita mesti gabungkan dua nama, baru orang tahu Rahim yang mana satu yang kita maksudkan. Rahim Bakar atau Rahim Tamby Chik. Macam juga nama Abdullah Ahmad, orang akan tertanya-tanya Dolah Ahmad yang mana satu? Kerana kedua-duanya adalah dianggap oleh orang sebagai Anak Emas Perdana Menteri. Mesti sebut Datuk Dolah Ahmad Badawi, Anak Emas Mahathir. Kalau tidak orang sangka Dolah Ahmad Komunis. Macam juga Musa. Kalau tidak sebut nama Musa Anak Pak Hitam, nanti orang akan menyangka Musa Komunis, sebab kemasyhuran Musa Ahmad bekas komunis.

... Antara nama yang cuma disebut pangkalnya saja ialah Megat. Megat bukan nama tubuh badan. Megat adalah gelaran. Siapa tidak tahu Megat. Padahal entah beribu orang nama Megat di Malaysia. Tapi bila disebut Megat dalam politik tentunya Megat Joned Mahathir. ... Ini semua nasib orang. Tapi ingat Megat, jangan pakai nama

'M.M.', Megat Mahathir, nanti ramai yang cemburu dan sakit hati. Kekalkan nama Megat Joned yang telah membawa tuah. Kalau pakai 'M.M.' nanti dicari oleh "Malaikat Maut". Politik UMNO ini kadang-kadang bukan betul sangat. Siapa yang cuba merapatkan diri dengan Perdana Menteri akan kena lanyak.

Nama-nama anak muda yang akan naik dan tinggal dalam ingatan orang pada tahun ini ialah Ramli Ngah Talib dan Radzi Sheikh Ahmad, dua R, yang bintang mereka sudah mulai terang dan bersinar. Pemimpin-pemimpin muda yang ada harapan menjadi pemimpin yang mempunyai identiti ketokohan tersendiri.

Dan bila Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri pertama, sudah tidak ada lagi, nama Tengku Razaleigh Hamzah akan bermain di kepala pengikutnya. Nama yang sedap dan senang disebut" 'Ku Li', anak Raja yang sudah sanggup jadi kuli rakyat kerana tugas dan tanggungjawab. Bukankah semua Wakil Rakyat dan kakitangan kerajaan adalah Hamba Rakyat, atau kuli rakyat? Tapi Tengku Razaleigh Hamzah saja anak raja yang memakai nama Kuli. Tidak akan hilang bisa ular yang menyusur akar.

Apa ada pada nama? Panggillah Bunga Ros dengan apa nama sekalipun namun baunya tidak akan hilang. Orang yang tahu tetap akan mengenali Ros dari baunya dan duri pada tangkainya.

Apakah manusia menjadi penting kerana nama yang diberikan padanya? Atau nama itu menjadi

penting kerana tuah badan si empunya nama?
Atau kerana bakti serta jasa perjuangannya?



ANAK PAK SHEIKH

KALAU kita selalu ke Parlimen dengan tujuan untuk mengkaji perangai dan tingkah laku ahli-ahlinya, kita akan dapati banyak cerita yang menarik dan menggelikan hati mengenai manusia yang dinamakan Ahli Parlimen. Seronok tengok telatah mereka, baik dari segi pakaian mahupun pergaulan dan perbualan.

Menteri dan Ahli Parlimen kebanyakan suka pakai kot dan tie - lounge suit. Baju Melayu dipakai seminggu sekali, pada hari Jumaat; itupun tidak semua menteri. Sesekali mereka yang balik dari sembahyang Jumaat tidak sempat bersalin dan terus ke sidang Parlimen saja yang berbuat begitu.

Yang memakai baju Melayu setiap kali ke-Parlimen cuma Radzi, anak Pak Sheikh saja. Pakai-



Y.B. Encik Radzi Tan Sri Sheikh Ahmad

annya sudah jadi satu macam 'trade mark', Kenapa, saya tidak tahu. Dan saya pun tidak mahu bertanya. Patutlah kalau dia menjadi anak Perlis yang pertama jadi menteri. Dia mempunyai identiti yang tersendiri. Selain dari kelulusan dan latarbelakang, dia mempunyai pengalaman bekerja dan hubungan politik yang baik. Dari segi pakaian saja kita dapat membaca tabiatnya yang constant. Radzi terkenal kerana sikap dan perangainya yang berdisiplin. Dia mengamalkan sesuatu dengan penuh yakin pada amalannya. Inilah untungnya pemuda yang mempunyai latihan tentera semasa di bangku sekolah dulu.

Intuisi saya mengatakan anak Perlis ini akan dilantik sebagai Timbalan Menteri. Saya fikir tentulah Timbalan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, atau Timbalan Menteri Pertahanan, dalam rombakan Kabinet yang baru lalu. Sebabnya saya meneka dan mengharapkan begitu ialah kerana Kementerian Kebudayaan perlukan seorang menteri yang boleh dijadikan teladan. 'Alah bisa tegal biasa'. Selain dari sejarah latarbelakang dan jasa ayahandanya, dia ada title raja bola, dia seorang olahragawan. Dia juga pencinta seni dan budaya. Dia menghargai pakaian bangsanya semasa berada di dalam dewan yang dimuliakan, setiap waktu, tidak sekadar hendak menunjukkan akulah Melayu.

Benih yang baik tercampak ke laut menjadi pulau. Begitu sekali hormat dan percayanya orang Melayu tentang keturunan seseorang. Keturunan yang baik sangat perlu. Di mana pun dia pergi

dia jadi orang besar dan orang boleh menumpang
tuah dan nasibnya.

Radzi dilahirkan di Kangar, Perlis, pada tahun
1942. Masa dalam tingkatan dua dia dipilih masuk
Maktab Tentera di Port Dickson. Dia boleh ber-
bangga kerana dialah anak Perlis yang pertama
dapat masuk ke maktab tersebut.

Arwah Tun Razak menolong dia mendapatkan
tempat di Middle Temple, Inn of Court, London.
Dia pernah bertugas di Kuala Lumpur, Kelantan,
Selangor dan di mana dia berada dia meninggalkan
nama yang baik. Kawan kasihkannya kerana sifat
dan sikapnya yang mudah berkawan dan tidak suka
meninggi diri. Sepatutnya dia menjadi ahli UMNO
di Kangar. Sebaliknya dia menjadi ahli UMNO di-
Kelang. Kalau bintang sudah hendak terang ter-
campak di tempat orang pun terang juga. Sebaik
saja diterima menjadi ahli, dia terus dijemput
menghadiri mesyuarat pada keesokannya. Dan di-
situlah bermulanya titik sejarah politik Radzi yang
telah dilantik dengan sebulat suara jadi Ketua
Pemuda UMNO Cawangan Kampung Jawa, Kelang.
Ini perkara biasa. Manusia tidak naik dalam kam-
pung lamannya. Sebab itu Islam menggalakkan
hijrah.

Radzi masuk UMNO Kelang atas nasihat Tun
Razak. Arwah Tun Razak adalah kawan baik Pak
Sheikh. Sebab itu Tun mahu Radzi jadi Ahli
UMNO. Tentu Tun nampak masa depan yang
cerah bagi anak Perlis yang mempunyai bakat ke-
pimpinan yang terpendam itu.

Anak bekas Menteri Besar Perlis sepatutnya mesti jadi ahli UMNO Perlis. Itu kata kita. Tapi UMNO Kangar menolak permohonannya. Tentu ada orang takut nanti Radzi akan mewarisi kerusi ayahnya. Ayahnya yang ketika itu menjadi Duta Besar Arab Saudi, tidak boleh berbuat apa.

Radzi yang pernah menjadi Yang DiPertua Mahkamah Kelang, Timbalan Pendakwa Raya Selangor, meletakkan jawatan yang satu hari boleh menjadikan dirinya "Tuan Hakim", kerana mahu jadi orang politik. Di bandar "gagak" Kelang itulah anak Perlis ini mencuba nasib membuka firmannya sendiri. Kerana tekun dan rajin dia telah mencipta nama sebagai peguam yang paling berani menghadiri sebarang kes di mahkamah.



Y.B. YANG HITAM MANIS

SEBELUM rombakan Kabinet, semasa kami sedang minum di kantin Parlimen, seorang Ahli Parlimen bertanya pada saya.

'Habib, siapa you fikir akan naik? Dan siapa Menteri yang akan gugur?'

"Kalau you bertanya pendapat saya yang ikhlas, antara Timbalan Menteri yang akan naik menjadi menteri penuh cuma dua orang saja, dan dua orang Setiausaha Parlimen akan naik jadi Timbalan Menteri."

'Siapa dia?'

"Siapa lagi, kalau bukan Anwar? "

' Itu semua orang sudah tahu '.

"Ialah! Bila Anwar sudah menang Ketua Pemuda dan duduk pula dibawah naungan Perdana Menteri, tentulah orang ramai **confident** dia akan naik.

Dulu siapa berani teka begitu?"

"Selain dari Anwar, siapa?"

Cara dia bertanya itu saya dapat membaca maksud yang sebenarnya. Kalau boleh biarlah saya katakan dia akan dilantik menjadi menteri, kerana saya sudah pun menulis profail nya, tapi saya masih belum menerbitkannya, sebab belum kena pada waktunya. Orang yang bintangnya belum cukup terang kalau kita gilap juga, kita angkat juga, kita naikkan juga, bila dia dijatuhkan atau terjatuh susah hendak naik semula. Tapi Alhamdulillah dia percaya pada ramalan saya dan dia penyabar orangnya

"Shahrir Samad?" Dia bertanya.

"Ya, Shahrir Samad, kerana Dr. Mahathir kena jaga hati orang Johor. Nasib Shahrir memang baik. Selain dari dia seorang 'genius' dan mempunyai gaya politiknya yang tersendiri, dia juga adalah anak muda yang ada 'connection'.

"Kenapa cakap pasal jaga hati orang Johor?"

"Kerana Mohamad Rahmat, Datuk Jalal, Ikhwan Nasir sudah 'out'. Siapa akan ganti, kalau tidak Shahrir? Shahrir seorang saja pemimpin pelapis yang dapat menyaingi Datuk Musa, dalam banyak bidang bukan saja di dalam negara, tapi juga di peringkat antarabangsa. Cara hidupnya macam orang sosialis. Dia berani dan tegas. Johor yang telah menempuh gelombang politik seperti Shahrir".

"Yang lagi dua siapa dia?"

"Radzi Sheikh Ahmad dan Kadir Sheikh Fadzir.

Kedua-duanya sudah saya pelajari sejarah hidup mereka dan mereka mempunyai potensi untuk jadi menteri dan pemimpin yang mempunyai masa depan."

Y.B. tersebut macam tidak berapa suka saya memberi 'kredit pada Kadir, entah kenapa. Yang dapat saya teka, dia ini orang kuat Datuk Harun. Shahrir dan Kadir ada sejarah mereka sendiri dalam politik Datuk Harun.

Selain dari kelulusan, Kadir mempunyai pengalaman yang luas dalam arena politik. Dia mempunyai cara yang tersendiri. Agak susah orang hendak memahami politik Kadir. Peliknya Kadir ini hari-hari pakai 'bow', dan dia akan senyum dengan sesiapa saja. Dia peramah orangnya. Bila dia senyum dia nampak manis, kerana giginya putih berseri. Mengikut kata beberapa kawan saya, kalau Kadir Sheikh Fadzir ini cerah sikit saja, sudah lama dia jadi menteri penuh. Walaupun negeri kita tidak mengamalkan 'colour bar', orang Melayu mahukan pemimpin Melayu mempunyai kulit berwarna sawo matang atau kuning langsung, walaupun asal usul mereka bukan dari bumi ini.

Mahathir sendiri pernah difitnah macam-macam berkaitan dengan keturunannya. Orang Melayu mahukan Melayu sejati yang jadi Perdana Menteri, pada hal mereka tahu Tengku berdarah Siam, Hussien Onn berdarah Turki, Arwah Tun Razak dari Seberang. Inilah keistimewaan Malaysia.

Kadir Sheikh Fadzir tidak perlu bimbang. Bila bintang sudah terang, anak nelayan dari kaum Melanau boleh jadi Ketua Menteri Yang Dipertuan Negeri Sarawak. Anak keturunan Pakistan yang dibawa dari Singapura boleh jadi Ketua Menteri Sabah. Kalau sudah suratan taqdir apa pun boleh jadi.

Dalam hidup, kalau hendak naik, tersendiri – 'originality'. Tengok contoh orang yang pernah duduk diatas yang kemasyhurannya kekal hingga hari ini. (Arwah) Tun Dr. Ismail, personalitinya, keberaniannya, sampai hari ini diingat orang. Kalau kita mahu diingat orang, kita mesti jadikan diri, dan cara hidup kita tersendiri. Bukan mudah membentuk 'karektor'. Karektor adalah amalan yang dilakukan setiap hari hingga menjadi sehati dan dianggap sebagai tabiat atau cara hidup. Apakah anda mempunyai karektor yang tersendiri, yang unik?





Y.A.B. Ramli Ngah Talib

M.B. PANDAI MENYANYI

DALAM masa rakyat sedang memuja dan mengengnang Allahyarham Seniman Agung P. Ramlee, tiba-tiba Ramli Ngah Talib dilantik menjadi Menteri Besar Perak yang ketujuh. Ini satu pertanda baik dari segi nasib. Nombor 7 adalah nombor yang banyak kaitan dengan Islam dan Alam. 7 hari dalam satu minggu, 7 petala langit, 7 petala bumi, syurga dan neraka yang tujuh, dan orang Islam yang tahu rahsia ayat tujuh dengan sendirinya meletakkan dirinya di tingkat yang tinggi. Orang membuat sumpahan juga menyebut sumpah 7 keturunan, seperti sejarah Mahsuri di Langkawi dan peristiwa Raja Mangkat Dijulang

Secara kebetulan tahun ini, seorang Ramli sahaja yang dilantik menjadi Menteri Besar, dan hari perlantikannya pun jatuh pada 1.3.83, hari yang baik mengikut kiraan perangkaan, iaitu jatuh pada nombor 7.

Tuah nasib Ramli Ngah Talib sungguh luar biasa. Dia akan membawa satu perubahan besar di Perak. Dalam keadaan macam mana sekalipun dia akan menang akhirnya, kalau dia tenang dan sabar. Jangan banyak tunduk. Tapi ingat, kalau terpaksa tanduk, tanduklah, tapi jangan banyak mengalah dan bertolak-ansur.

Orang-orang politik Melaka merungut dan mengeluh kesal bila Adib Adam jadi Ketua Menteri Melaka. Ramai yang tidak puas hati bila Ajib Ahmad jadi Menteri Besar Johor. Timbul berbagai kekecohan kerana iri hati dan dengki. Tapi bila Ramli dilantik jadi Menteri Besar Perak, tidak kedengaran rungutan atau sungutan rakyat Perak, pada hal ramai Y.B. politik yang mahukan jawatan tersebut. Ada juga yang pernah dijanjikan dan disebut. Tapi mereka menerima perlantikan Ramli dengan baik. Hati perut manusia siapa yang tahu. Secara kebetulan pula Ramli merupakan Menteri Besar Perak yang pertama mempunyai kelulusan tinggi. Ramli seorang peguam. Lelaki yang sudah berumur 42 tahun adalah seorang lelaki yang sudah cukup dewasa. Sudah matang berfikir, tidak menggelabah dalam keadaan cemas. Saya ucapkan tahniah pada Mahathir kerana memilih orang yang sudah cukup dewasa untuk jadi Menteri Besar.

Bukan mudah untuk menjadi seorang pemimpin yang harus dicontohi dan dihormati oleh rakyat. Tetapi Ramli ada kualiti-kualiti yang tidak terdapat pada pemimpin lain di Perak. Seorang yang sederhana sikapnya. Tidak ego, pandai merendah diri, boleh menyesuaikan diri dengan segenap lapisan masyarakat. Boleh pula menyanyi. Sesuailah dengan rajanya yang berminat dengan seni muzik.

Pertama kali saya mendengar Ramli menyanyi ialah di kediaman Datuk Rahim Tamby Chik, di jamuan Makan Malam untuk para Menteri Besar dan Ketua Menteri. Dia menyanyi dengan baik. Tidak ramai Menteri Besar yang pandai menyanyi.

Dia beruntung kerana mempunyai setiausaha-setiausaha yang walaupun muda, tidak berlagak macam Menteri. Kebetulan kami semua tinggal di hotel yang sama semasa mesyuarat Menteri Besar yang diadakan di Melaka. Saya percaya dengan adanya team yang baik, Ramli akan lebih berjaya dalam usahanya.

Pada siangnya beliau bermain bola sepak bagi pasukan Menteri Besar melawan pasukan Ketua Menteri Melaka. Dia juga adalah seorang olahragawan. Seorang pemimpin yang meminati seni dan ada pelajaran. Kalau saja dia ada penasihat yang baik, nasibnya tentu akan jadi lebih baik. Itulah tuah nasib pemimpin. Personaliti, kualiti, kewibawaan dan hobi Ramli tampak pada kita, sejajar dengan apa yang disukai oleh Sultan sendiri. Minat sukan yang ada pada Sultan ada juga pada Ramli. Sultan yang amat menyenangi muzik, lagu dan seni tentunya akan senang dengan Ramli yang juga meminati seni. Jangan sampai ahli EXCO dan ahli politik Perak semua jadi ahli pancaragam sudahlah

Tugas dan tanggungjawab Menteri Besar lebih besar dari Sultan. Sultan cuma sebagai Ketua Agama saja. Sesekali bolehlah Ramli minta Tuanku berkhotbah macam Sultan Johor. Mereka berdua pun sudah jadi Hero dalam menyambut puasa dan raya. Bila lagi hendak gunakan kesempatan suruh Tuanku betulkan yang lain juga selain dari masalah anak bulan? Menteri Besar yang ada luck macam Ramli tentu suaranya akan didengar oleh baginda Sultan. Orang yang ada luck selalunya cakupnya masin.

Pendeknya kehadiran Ramli menterajui Perak sesuai sekali dengan Sultannya. Kerana itulah kita harapkan beliau dapat menasihati Sultan dan memperbetulkan negeri, bagi kepentingan rakyat keseluruhannya. Pasti nanti rakyat dan pemimpin akan lebih sayang dan kasih pada Ramli. Dan beliau akan dijangka diberi peluang ke Federal sesudah dua penggal jadi Menteri Besar.

Mahathir sukakannya. Musa juga nampaknya senang dengan Ramli. Begitu juga Datuk Harun dan Ku Li. Ramli mempunyai masa depan politik yang cerah. Kalau dia terpilih sebagai Menteri Pusat, dapat dibariskan sejajar dengan Anwar dan Abdullah Ahmad Badawi. Tugasnya sebagai Menteri Besar Perak adalah sebagai "training ground" untuk masa depan politiknya.



Limah, minta dengan Kabinet, nak jadi Menteri.
"Allah tidak mengampun urusan manusia"

Yang sudah konfiden nak jadi menteri pun
ada. Dan terbahak-bahak di sana-sana. Itu tidak
jadi ada yang menaruh. Kalau bersebelahan
apa juga tapi ada yang sampai tidak boleh
cukup bila digumamkan. Akibatnya
sandra kan?

Megara janda adalah konsep yang baik. Kalau
orang kata dia akan menjadi menteri baru. Itu
sekarang-kini. Kalau dia

ROMBAKAN KABINET

BILA rombakan Kabinet diumumkan oleh Maha-
thir, ramai peramal yang *frust*. Mereka "*take
things for granted*", kerana mereka tidak sukakan
orang tertentu dengan sebab yang tertentu, mereka
membuat 'spekulasi', agar ramalan mereka dapat
mempengaruhi Mahathir. Mahathir bukan jenis
orang yang boleh dipengaruhi oleh orang tertentu.
Dia buat sesuatu kerana dia tahu apa yang dibuat
dan dia bertanggungjawab atas keputusannya.
Mahathir bukan boleh dipujuk atau digertak, apa
lagi kalau kita cuba hendak jual koyok padanya.
Mahathir tidak suka dengan ramalan dan peramal.
Doktor, mana nak percaya tukang ramal dan
Bomoh?

Cerita di sebalik rombakan kabinet membuat
orang yang tahu ketawa terbahak-bahak kerana
kena tipu dengan bomoh palsu. Ada yang pergi

Umrah, minta dengan Ka'abah, nak jadi Menteri.
"Allah tidak mencampuri urusan manusia . . ."

Yang sudah konfident nak jadi menteri pun ada. Dan tersebarlah cerita di sana sini. Bila tidak jadi, ada yang menangis. Kalau bersedih saja tak apa juga, tapi ada yang sampai tidak boleh bercakap, bila pengumuman dibuat. Akhirnya malu sendiri, kan?

Megat Joned adalah contoh yang baik. Semua orang kata dia akan menjadi menteri penuh atau sekurang-kurangnya Timbalan Menteri, kerana dia berada di bawah dagu Perdana Menteri. Tapi dia macam itu juga. Dia tidak pun sibuk sana sini, dan dia telah menunjukkan kepimpinan melalui teladan. Tidak ambil kesempatan dan menyusahkan orang.

Ramai Wakil Rakyat yang sudah mandi bunga berasap kemenyan yang diberi bomoh. Mereka fikir setiap buah yang sudah masak itu mesti gugur. Jering mana pandai gugur dari tangkainya. Kalau cepat sangat nak naik pangkat, nak jadi menteri dengan harapan biar orang lain jatuh, itulah jadinya.

Rombakan Kabinet kali ini menunjukkan Mahathir telah banyak belajar tentang pemimpin yang perlu duduk dalam Kabinetnya. Kabinet Mahathir mesti melambangkan Kerajaan Mahathir dan bukan lagi kerajaan Mahathir-Musa, dan semua orang dalam kabinetnya adalah orang Mahathir dan setiap anggota mempunyai "collective responsibility".

INDEKS

A

- | | |
|--------------------------------------|--|
| Abdul Ajib Ahmad (Datuk) | 61, 209, 210, 217, 286, 300. |
| Abdul Kadir Sheikh Fadzir | 295, 296, 297. |
| Abdul Rahman Yaacob (Datuk Patinggi) | 275. |
| Abdul Razak (Tun, Almarhum) | 71, 72, 73, 74, 75, 80, 85, 90, 112, 122, 179, 197, 207, 252, 265, 273, 274, 275, 276, 286, 292, 296, 240. |
| Abdul Sallam (Datuk) | 286. |
| Abdullah Ahmad (Datuk) | 66, 82, 149, 160, 168, 286, 302. |
| Abdullah Ahmad Badawi (Datuk) | 235. |
| Abdullah Hussein | 92, 93, 94. |
| Abdullah Ismail | 235. |
| Abu Bakar Titingan (Datuk, Almarhum) | 216, 217. |
| Adam Hamid | 184, 268, 300. |
| Adib Adam (Mohd, Datuk Sri) | 23. |
| Adnan Kasoogi | 237. |
| Ahmad Beldrum | 24. |
| Alexander Solyintazen | 24. |
| Alex Josey | 24. |
| Anwar Ibrahim | 66, 81, 82, 85, 87, 89, 130, 149, 156, 157, 158, 159, 160, 161, 162, 166, 167, 168, 169, 183, 216, 252, 253, 263, 276, 285, 294, 295, 302. |
| Asri (Mohd, Haji, Datuk) | 269. |
| Aziz Antara (Datuk) | 117. |
| Azman Attar | 116. |
| A. K. Alihuddin | 263. |
| Aziz Ishak | 76. |

Botak Chin 173.

C

Christopher Columbus 182.

D

Dinsman 27,
 Dzul kiflee Hamjd (Datuk) 235, 258, 262, 263,
 264, 265, 266, 267,
 269, 270.

F

Fadhil Noor 66,
 Fahmi Ibrahim (Mohd) 161.
 Francis Light 182.
 Fuad (Tun, Almarhum) 267.

G

Gautama Buddha 104.
 Ghaffar Baba 80, 93, 157, 170, 171,
 172, 173, 174, 175,
 176, 177, 178, 179,
 180, 181, 182, 183,
 184, 188, 243, 252,
 31, 133.
 Ghandi 79, 184, 281.
 Ghani Ali (Datuk Setia) 281.
 Ghani Gilong (Datuk) 122.
 Ghazali Shafei (Mohd., Tan Sri)

H

Hadi (Ustaz) 149.
 Hang Tuah 182.
 Hang Tuah Arshad 159.

Halim Mahmud	117,
Harris Salleh (Mohd., Tan Sri)	219, 220, 223, 224, 226, 228, 229, 230, 231, 232, 234, 235, 237, 238, 253, 272, 273, 274, 276, 277, 279, 280, 283, 24.
Harold Robin	16, 80, 82, 84, 85, 86, 87, 88, 89, 90, 91, 92, 93, 94, 95, 96, 122, 133, 137, 157, 158, 173, 175, 211, 213, 223, 224, 251, 252, 254, 255, 269, 296, 302.
Harun Idris (Haji, Datuk)	116.
Harun Perancis	22, 23, 30.
Hasmah Mohd. Ali (Datin, Sri Dr.)	214.
Hassan Yunus (Haji, Datuk, Almarhum)	23.
Hefner	23.
Henry Ford	188.
Howard Hughes	66, 71, 74, 79, 85, 106, 112, 177, 199, 211, 235, 276, 296.
Hussein Onn (Tun)	

I

Ibrahim Ali	160.
Ibrahim Fikri (Datuk, Tan Sri, Almarhum)	234.
Ibrahim (Tan Sri)	188.
Ikhwan Nasir	102, 295.
Ismail (Tun, Dr., Almarhum)	52, 73, 75, 257, 297

J

Jaffa HS	27.
Jaafar Abdullah	235.
Jalal (Datuk)	101, 295.

Jamaluddin (Ustaz)	278.
James Ongkili (Datuk)	282.
Jins Shamsuddin	235.

K

Karim Ghani	25, 263, 278.
Kasim Ahmadi	66,
Khalik Zaman (Datuk)	26, 282.
Khalil Jibrani	26.
Khomeini (Ayatullah)	149.
King Farouk	220.

L

Lal Bahadur Shastri	31.
Lee Kuan Yew	57, 59, 60.

M

Mahathir Mohammed (Dr. Datuk, Sri)	11, 17, 20, 21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 34, 35, 41, 46, 47, 52, 55, 56, 57, 63, 65, 66, 67, 68, 69, 70, 71, 72, 73, 74, 75, 77, 78, 79, 80, 81, 82, 85, 88, 89, 90, 91, 93, 95, 96, 97, 100, 101, 111, 112, 113, 114, 118, 121, 122, 127, 128, 129, 132, 133, 136, 138, 144, 148, 149, 150, 151, 157, 160, 161, 163, 166, 167, 168, 175, 176, 178, 179, 180, 186, 187, 189, 191, 200, 204, 205, 210, 211, 212, 243, 245, 246.
------------------------------------	--

	247, 248, 251, 252, 272, 273, 275, 276, 277, 284, 286, 287, 295, 300, 302, 303, 304.
Maria Musa (Datin)	42.
Mat Salleh	259.
Mazlan Harun	161, 285.
Mazlan Idris (Mohd., Haji)	285.
Megat Joned	106, 118, 160, 286, 304.
Melan Abdullah (Datuk)	117.
Mohd. Nasir (Haji, Datuk)	158.
Mohd. Noor Azam	27.
Mohd. Noor Mansur (Haji, Datuk)	280.
Mohd. Rahmat (Datuk)	102, 295.
Mokhtar (Wan, Datuk)	66.
Mokhtar Hashim (Datuk)	213, 263.
Mughtar Lubis	24.
Musa Ahmad	286.
Musa Hitam (Datuk)	11, 12, 52, 53, 55, 56, 66, 74, 77, 82, 85, 95, 97, 100, 101, 102, 103, 105, 106, 107, 108, 109, 111, 112, 114, 115, 116, 117, 118, 119, 120, 121, 122, 124, 125, 157, 168, 184, 204, 210, 216, 232, 253, 286, 295, 302, 304.
Mustapha (Haji, Datu, Tun)	137, 199, 220, 224, 226, 234, 235, 236, 237, 238, 239, 240, 242, 243, 246, 248, 254, 255, 257, 258, 259, 264, 266, 272, 274, 275, 277, 295.

	N	
Nabi Muhammad (S.A.W.)		16, 69, 70, 140, 141, 146, 147, 153, 154, 156, 167, 168, 169, 182, 189, 193, 203, 205, 215, 218, 240, 284.
Nabi Isa Alaihissallam		240, 258, 261, 284.
Nabi Musa Alaihissallam		284.
Nabi Noh Alaihissallam		69.
Najib Tun Razak (Datuk)		286.
	O	
Omar Mokhtar		235, 236, 238, 239.
Onn Jaafar (Datuk, Almarhum)		54, 75, 210.
Osman Abdullah		158.
Osman Saat (Tan Sri)		61, 137, 197, 198, 199, 200, 203, 204, 205, 206, 211, 212, 213, 214, 216.
Osman Zainuddin		14.
Othman Rauf (Pangeran, Datuk)		200, 282.
	P	
Paul Getty		188.
Pendekar		239.
	R	
Radzi Sheikh Ahmad		169, 287, 289, 291, 292, 293, 295.
Rahim Bakar		66, 80, 215, 286.
Rahim Tamby Chik (Datuk)		66, 286, 301.
Rahmah Osman		249, 250.
Rais Yatim (Datuk)		66, 118, 163, 168, 176, 200, 268.

Raja Jepun	52.
Ramli Ngah Talib	287, 299, 300, 301, 302.
Ramlee (P., Seniman Agung)	299.
Razak Ahmad	66, 208, 215, 217.
Robin Hood	153.

S

Saidina Ali bin Abi Talib	219, 260.
Saidina Abu Bakar Al Siddiq	201.
Saidatina Fatimah Al Zahra	261.
Saidina Hussein	261.
Shahrani (Haji, Shahpadu)	22, 188.
Shah Iran	219, 220.
Said Keruak (Tan Sri)	270, 281.
Sakaran Dandai (Datuk)	263.
Salim Bachuk	237.
Sanusi Joned (Datuk)	66, 106, 118, 168.
Sardon Jubir (Tun)	80, 246.
Senu Abdul Rahman (Datuk)	246.
S. H. Alattas (Syed Hussein Al Attas)	66, 237, 263.
Shahrir Samad (Datuk)	66, 295, 296.
Sharifah Dora	66.
Sheikh Mohsein (Datuk)	53.
Stamford Raffles	182.
Subky Latif	151, 259.
Suhaimi (Haji, Datuk)	85, 87, 158, 159, 160, 161, 164, 165, 175, 232, 253.
Sukarno (Almarhum)	68, 177, 220, 257
Sulaiman Palestin	74, 75, 76, 88, 132,
Sutung Umar RS	27.
Sultan Abu Bakar (Almarhum) Johor	201.
Sultan Abu Bakar (Almarhum) Pahang	52.
Sultan Ahmad Shah	
(DYMM Yang DiPertuan Agong)	52.

Sultan Ibrahim (Almarhum)	200, 210.
Sultan Ismail (Almarhum)	212.
Sultan Mahmud (Tuanku, Sultan Johor)	49, 199, 205, 208, 209, 212, 213, 216, 302, 203.
Sultan Uhl - Amri	
Syed Hassan Ahmad Alattas (Datuk, Almarhum)	260
Syed Hussein Ali	25.
Syed Jaafar Albar (Tan Sri, Almarhum)	236, 239.
Syed Kechik (Datuk)	188.
Syed Nasir (Tan Sri, Almarhum)	236, 239.

T

Tamrin Ghaffar	160, 161, 176, 285.
Tengku Ahmad Rithauddin	93.
Tengku Razaleigh Hamzah (Ku Li)	12, 42, 54, 55, 56, 57, 88, 74, 77, 82, 85, 89, 97, 102, 103, 104, 105, 106, 107, 108, 109, 110, 116, 119, 120, 128, 175, 213, 232, 252, 287, 302.
Tengku Yem	53.
Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj	25, 53, 54, 71, 75, 81, 92, 112, 127, 133, 136, 179, 208, 239, 247, 250, 255, 259, 287, 296.

U

Untung Abdul Rahim (Haji, Maharaja)	259.
Usman Awang	27, 259.
Yahya Ismail	233.
Yasser Arafat	42.
Yusuf	200.
Yang DiPertua Negeri Sembilan	214.
Zabidi (Haji)	156.